

FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
Faculty of Islamic Studies

E-PROSIDING

KOLOKIUUM ANTARABANGA RISALAH ISLAM

2025

Memperkasa Dakwah Rentas Budaya
Mengukuh Ukhwah Sejagat

Disunting oleh:

Syairah Said | Muhammad Mustaqim Amran | Zulkefli Aini | Hasanah Abd Khafidz

Dengan Kerjasama



Universitas Ibn Khaldun, Bogor Indonesia

**E-PROSIDING
KOLOKIU ANTARABANGSA
RISALAH ISLAM
(2025)**


**TEMA: MEMPERKASA DAKWAH RENTAS BUDAYA MENGUKUH UKHWAH
SEJAGAT**

TARIKH: 18 JUN 2025

**TEMPAT:
PUSAT KAJIAN DAKWAH DAN KEPIMPINAN FAKULTI PENGAJIAN ISLAM,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**DISUNTING OLEH:
SYAIRAH SAID
MUHAMMAD MUSTAQIM AMRAN
ZULKEFLI BIN AINI
HASANAH ABD KHAFIDZ**

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada PUSAT KAJIAN DAKWAH DAN KEPIMPINAN, FAKULTI PENGAJIAN ISLAM, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.

Terbitan Pertama 2025

Hak Cipta Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Diterbitkan di Malaysia oleh:
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Malaysia.

E-Prosiding Kolokium Antarabangsa
Risalah Islam (2025)
Syairah binti said
Muhammad Mustaqim bin Amran
Zulkefli BinAini
Hasanah binti Abd Khafidz

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	5
PRINSIP TADBIR URUS INSTITUSI ZAKAT DAN BAITULMAL MENURUT AL-MAWARDI DAN APLIKASI DI MALAYSIA.....	6
ANALISIS KONTEN DAKWAH DIGITAL DAI MUDA INDONESIA: STRATEGI HABIB JA'FAR DALAM MENGUKUHKAN TOLERANSI ANTARA UMAT BERAGAMA	20
KESIMPULAN DAN IMPLIKASI	33
RUJUKAN	34
KEPIMPINAN DALAM PENGURUSAN IBADAH HAJI: ANALISIS PEMIKIRAN AL-MAWARDI DAN IMPLEMENTASI KONTEMPORARI DI MALAYSIA	35
PELANTIKAN PEMIMPIN DALAM KONTEKS PEMIKIRAN AL-MAWARDI: KAJIAN PERBANDINGAN DENGAN PROSES PILIHAN RAYA DI MALAYSIA	74
KAJIAN KONVERGENSI MEDIA: ANALISIS FUNDRAISING WAKAF	88
INDONESIA MALAYSIA MELALUI SOSIAL MEDIA	88
KONSEP DAN CABARAN PERLAKSAAAN HISBAH DI MALAYSIA: TINJAUAN BEDASARKAN KARYA IMAM AL-MAWARDI.....	101
ANALISIS WACANA KRITIS KERUSAKAN LINGKUNGAN DALAM PERSPEKTIF ISLAM DI MEDIA MONGABAY INDONESIA	113
HUBUNGAN GAYA ASUHAN DAN TAHAP EMOSI DALAM KALANGAN REMAJA DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA LIMBANG, SARAWAK.....	124
IHSAN SEBAGAI PEMANGKIN DALAM MEMBINA KEHARMONIAN MASYARAKAT DI KELANTAN.....	134
KOMPETENSI AKHLAK MENURUT TEORI ANDRAGOGI: SUATU PENDEKATAN PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP PEMBENTUKAN SAHSIAH DEWASA	141
PENEROKAAN PENDEKATAN PSIKOLOGI TARGHIB DAN TARHIB DALAM DAKWAH TERHADAP NON-MUSLIM.....	148
HUBUNGAN PENDEKATAN SELF HEALING DENGAN STRATEGI DAYA TINDAK DALAM KALANGAN MAHASISWA UNIVERSITI ISLAM SELANGOR	159
PEMERKASAAN KEMAHIRAN TEKNOLOGI DIGITAL WANITA MUSLIMAH DALAM PERSEKITARAN KERJA DARI RUMAH	168
PENERAPAN ADAB DALAM MENYAMPAIKAN DAKWAH KEPADA NON-MUSLIM	179
TANGGUNGJAWAB HUFFAZ: SATU KAJIAN DI PUSAT PENGAJIAN	190
SOROTAN KARYA SISTEMATIK SOKONGAN SOSIAL ATAS TALIAN BAGI WARGA EMAS: INISIATIF GLOBAL UNTUK MALAYSIA	195

KATA PENGANTAR

Bismillahirrahmanirrahim.

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah SWT atas limpahan rahmat dan petunjuk-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW ahli keluarga, para Sahabat, dan seluruh umat Baginda hingga ke akhir zaman. Dengan penuh kesyukuran, kami membentangkan E-Prosiding Kolokium Antarabangsa (2025).

E-prosiding ini menghimpunkan pelbagai hasil kajian yang membincangkan isu-isu berkaitan dakwah dan kepimpinan ia merupakan dua aspek penting dalam membina masyarakat Islam yang progresif dan berdaya saing. Antara topik yang diketengahkan termasuklah memperkasa dakwah rentas budaya mengukuh ukhwah sejagat.

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penulis atas sumbangan berharga mereka, serta para penilai yang telah memberikan pandangan membina bagi meningkatkan kualiti penerbitan ini. Tidak dilupakan juga semua pihak yang telah terlibat dalam penganjuran Kolokium Antarabangsa (2025). Semoga segala usaha ini dikira sebagai amal soleh dan diterima oleh Allah SWT.

Akhir kata, kami memohon maaf atas sebarang kekurangan dalam penyediaan e-prosiding ini. Diharapkan ia dapat menjadi sumber rujukan yang bermanfaat dan menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang dakwah dan kepimpinan.

Syairah binti said

Muhammad Mustaqim bin Amran

Zulkifli BinAini

Hasanah binti Abd Khafidz

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,

Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia

PRINSIP TADBIR URUS INSTITUSI ZAKAT DAN BAITULMAL MENURUT AL-MAWARDI DAN APLIKASI DI MALAYSIA

Yusof Hilmi bin Bakru Rozi
 Novaadila binti Erizal
 Hasanah binti Abd Khafidz
 Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Institusi zakat dan baitulmal memainkan peranan penting dalam mencapai keadilan sosial dan keseimbangan ekonomi dalam masyarakat Islam. Kajian ini menganalisis prinsip tadbir urus institusi zakat dan baitulmal berdasarkan pemikiran Imam al-Mawardi dalam *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, serta menilai aplikasinya dalam konteks pengurusan zakat di Malaysia. Imam al-Mawardi telah hidup pada zaman kejatuhan kerajaan Islam disebabkan oleh kerakusan para pemimpin dalam mengekalkan jawatan mereka sebagai pemimpin negara. Beliau telah melihat pelbagai korupsi dan perpecahan dalam kalangan umat Islam di negara-negara lain seperti Mesir, Iraq dan Andalusia. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap dokumen rasmi serta literatur klasik dan kontemporari, kajian ini meneliti empat prinsip utama al-Mawardi: keadilan (*al-‘Adl*), amanah (*al-Amanah*), ketelusan (*al-Syaffafiyyah*), dan kecekapan (*al-Kifayah*). Seterusnya, kajian diteruskan dengan mengkaji pelaksanaan prinsip tersebut di Malaysia. Persoalan yang timbul bagi kajian ini ialah apakah prinsip tadbir urus menurut al-Mawardi relevan untuk tadbir urus institusi zakat dan baitulmal, yang kedua ialah bagaimanakah prinsip-prinsip tersebut dilaksanakan di institusi baitulmal di Malaysia, dan yang terakhir sekali ialah apakah implikasi praktikal daripada pelaksanaan prinsip ini terhadap sistem pengurusan zakat dan baitulmal masa kini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua prinsip yang telah dinyatakan oleh Imam al-Mawardi memainkan peranan yang signifikan dalam membantu memberi kelancaran dalam pengurusan baitulmal. Walau bagaimanapun, Malaysia masih menghadapi masalah dan cabaran yang perlu ditangani dan diselesaikan seperti ketidakseragaman dasar antara negeri dan ketidakcekapan pengurusan. Kajian ini mencadangkan integrasi teknologi digital, standardisasi nasional dan pengukuhan sistem audit untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat dan keberkesanan agihan zakat.

Kata kunci: *al-Mawardi, Baitulmal, keadilan sosial, keadilan, amanah, ketelusan, tadbir urus zakat.*

ABSTRACT

Zakat and baitulmal institutions play a crucial role in achieving social justice and economic balance within Muslim societies. This study analyses the governance principles of zakat and baitulmal institutions based on the classical thought of Imam al-Mawardi as outlined in his seminal work *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, and evaluates their applicability in the context of zakat management in Malaysia. Imam al-Mawardi lived during a period marked by the decline of Islamic governance, where the greed of political leaders to retain power had led to widespread corruption and fragmentation among Muslims in various regions, such as Egypt, Iraq, and Andalusia. Using a qualitative approach through content analysis of official documents as well as classical and contemporary literature, this study examines four key principles highlighted by al-Mawardi: justice (*al-‘Adl*), trustworthiness (*al-Amanah*), transparency (*al-Syaffafiyyah*), and efficiency (*al-Kifayah*). Subsequently, the study investigates how these principles are implemented within the Malaysian context. This research is guided by three main questions: First, are al-Mawardi’s principles of governance relevant for zakat and baitulmal institutions? Second, how are these principles applied within Malaysia’s baitulmal system? And third, what are the practical implications of applying these principles for the current governance system of zakat and baitulmal? The findings show that all the principles articulated by Imam al-Mawardi play a significant role in facilitating the effective management of baitulmal. Nevertheless, Malaysia still faces several challenges that must be addressed, including policy inconsistencies between states and inefficiencies in administrative practices. This study proposes digital

technology integration, national standardisation, and the strengthening of audit mechanisms as strategic measures to enhance public trust and improve the effectiveness of zakat distribution.

Keywords: *al-Māwardī, Baitulmal, social justice, justice, trustworthiness, transparency, zakat governance.*

PENGENALAN

Institusi zakat dan baitulmal bukan sekadar warisan sistem kewangan Islam yang diwarisi sejak zaman Nabi SAW, tetapi juga merupakan simbol keprihatinan Islam terhadap keadilan sosial, keseimbangan ekonomi dan kebajikan masyarakat (Nasution & Razali 2021). Kedua-dua institusi ini mencerminkan keunggulan prinsip *ta'awun* (saling membantu) dan *mas'uliyah ijtima'iyah* (tanggungjawab sosial) yang menjadi tunjang dalam struktur ekonomi Islam. Dalam Surah al-Tawbah ayat 103, Allah SWT berfirman:

Maksudnya: *Ambillah zakat daripada harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka.*

Di Malaysia, pengurusan zakat dan baitulmal telah melalui proses institusionalisasi yang ketara sejak beberapa dekad lalu, dengan penubuhan pusat zakat negeri di bawah seliaan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Perkembangan ini selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dan kuasa syariah yang diperuntukkan kepada negeri-negeri di bawah Jadual Kesembilan, Senarai II Perlembagaan Persekutuan.

Pengiktirafan Malaysia sebagai Setiausaha Agung World Zakat and Waqf Forum (WZWF) bagi tempoh 2023-2026 merupakan indikator jelas terhadap kemajuan signifikan negara dalam pengurusan zakat dan wakaf di peringkat antarabangsa. Pencapaian ini turut ditegaskan oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam Majlis Peluncuran Bulan Wakaf Kebangsaan 2025, yang menyatakan bahawa “Pengiktirafan tersebut mencerminkan keyakinan dunia Islam terhadap keupayaan strategik Malaysia dalam mentadbir zakat dan wakaf secara berintegriti dan profesional” (Anwar Ibrahim 2025).

Dalam lanskap dunia yang sedang berubah pantas akibat globalisasi dan revolusi teknologi, institusi zakat dan baitulmal berdepan dengan cabaran yang lebih kompleks dan mendalam. Keduanya bukan sahaja perlu memenuhi tuntutan keberkesanan operasi dan kecekapan teknikal, tetapi juga dituntut untuk mengekalkan integriti spiritual dan etika pengurusan Islam. Justeru, tadbir urus yang baik tidak boleh dilihat semata-mata dari sudut sistem, struktur atau teknologi, tetapi perlu disokong oleh kerangka nilai yang teguh dan berpaksikan kepada *maqasid al-shari'ah*. Antara maqasid utama tersebut ialah *hifz al-mal* (pemeliharaan harta), yang bukan sahaja merujuk kepada perlindungan fizikal terhadap harta, tetapi juga pengurusan beretika, telus, dan adil terhadap dana awam umat Islam.

Di sinilah muncul keperluan untuk kembali meneliti dan mengangkat khazanah pemikiran Islam klasik yang telah lama membincangkan tadbir urus dalam bentuk yang menyeluruh dan strategik. Pemikiran Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad ibn Habib al-Mawardi (364-450H/974-1058M) menawarkan suatu kerangka yang bukan sekadar teori, tetapi juga amat praktikal. Sebagai seorang fuqaha, qadi, penasihat kerajaan dan pemikir politik Islam yang dihormati, Imam al-Mawardi telah menyusun prinsip-prinsip asas pentadbiran dan pengurusan negara Islam dalam karya-karyanya yang menjadi rujukan penting sepanjang zaman. Antara karyanya yang paling berpengaruh ialah *al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayah al-Diniyyah*, di mana beliau menghuraikan konsep tadbir urus dalam negara Islam termasuk pengurusan institusi kewangan awam seperti zakat dan baitulmal.

Imam al-Mawardi hidup pada masa dunia Islam pada ketika itu berpecah belah dan saling bermusuhan antara satu sama lain. Di Mesir yang dikuasai oleh Fatimiyah, di Andalusia yang dikuasai oleh Bani Umayyah dan di Irak yang dikuasai oleh Bani Abbasiyah. Beliau hidup di zaman ketiga dan keempat daripada dinasti Abbasiyah dimana beliau menyaksikan kejatuhan negara Islam disebabkan oleh kewibawaan Khalifah yang semakin merosot. Pada saat itu, kekuasaan dinasti Abbasiyah telah di dominasi oleh dinasti Buwaihi yang beraliran fahaman Syiah dan kemudiannya berubah kepada dinasti Seljuk yang beraliran sunni. (Masse & Kara 2024)

Asas kepimpinan yang dinyatakan oleh Imam al-Mawardi yang terserlah dalam karya-karyanya menunjukkan pendekatan yang bersifat *tawhidi* dan *maqasidik*; di mana syariah, etika dan sistem pengurusan diadun dalam satu kerangka bersepadu. Beliau bukan sahaja membincangkan aspek teknikal seperti struktur jabatan, pelantikan amil dan sistem audit baitulmal, tetapi turut menggariskan keperluan integriti moral, keadilan sosial dan akauntabiliti sebagai prinsip pengurusan yang tidak boleh dikompromi. Inilah yang menjadikan pandangannya bukan sekadar relevan untuk zamannya, tetapi berpotensi besar untuk diaplikasikan semula dalam sistem pengurusan kontemporari yang kini sedang mencari semula arah nilai dan etika.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis prinsip tadbir urus al-Mawardi dalam konteks tadbir urus institusi zakat dan baitulmal, serta menilai aplikasinya dalam pengurusan institusi-institusi tersebut pada masa kini. Analisis ini bukan sahaja diharap dapat menyumbang kepada pembangunan model tadbir urus Islam yang lebih berintegriti dan efisien, tetapi juga dapat membantu membina semula naratif pengurusan Islam yang berpaksikan kepada ilmu, nilai dan kesejahteraan ummah.

PERNYATAAN MASALAH

Institusi zakat dan baitulmal di Malaysia memainkan peranan yang amat penting dalam ekosistem sosioekonomi umat Islam. Dengan kutipan zakat yang mencecah RM2.91 bilion menurut Portal Pengurusan Maklumat Zakat dan Baitulmal Malaysia (2025) pada tahun 2024, harapan terhadap keberkesanan dan kecekapan pengurusan semakin tinggi. Namun, meskipun prestasi kutipan menunjukkan angka yang memberangsangkan, cabaran dalam aspek tadbir urus kekal signifikan dan sering menjadi sorotan dalam kalangan pengkaji serta pemegang taruh.

Namun dalam menghadapi realiti semasa yang sarat dengan pelbagai tekanan dan tuntutan baharu, institusi zakat dan baitulmal sentiasa dituntut ke arah pemantapan sistem tadbir urus yang lebih lestari dan progresif. Perkembangan teknologi maklumat serta persepsi masyarakat terhadap keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan memerlukan pendekatan pengurusan yang lebih strategik, adaptif dan bertunjangan nilai. Sebagai contoh, keperluan untuk memperkemas proses pemprofilan asnaf, mewujudkan sistem data bersepadu, mempercepat saluran bantuan, serta meningkatkan akses dan kefahaman masyarakat terhadap peranan institusi ini, masih menjadi antara isu yang sering dibincangkan dalam kalangan pengamal dan penyelidik (Nor et al. 2024).

Kajian-kajian lepas juga menunjukkan bahawa struktur organisasi dan sistem tadbir urus institusi zakat dan baitulmal yang tidak seragam antara negeri-negeri, mencetuskan cabaran dalam penyelarasan dasar dan pelaksanaan program yang konsisten (Ab Rahman et al. 2024). Perbezaan takrifan asnaf, dan pendekatan agihan mencerminkan keperluan terhadap satu kerangka strategik yang dapat menjadi panduan holistik; bukan untuk menyeragamkan secara mutlak, tetapi bagi memastikan amalan terbaik dapat dikongsi, disesuaikan dan diarusperdanakan.

Tambahan pula, adaptasi terhadap tadbir urus moden seperti pengurusan risiko, audit prestasi, pengukuran impak sosial, dan penggunaan teknologi digital masih belum sepenuhnya terintegrasi dalam sistem pengurusan zakat dan baitulmal. Hal ini mewujudkan ruang besar untuk pemikiran semula terhadap pendekatan sedia ada, terutamanya dalam memastikan institusi-institusi ini kekal relevan dan diyakini oleh masyarakat, khususnya generasi muda yang lebih celik maklumat dan kritikal terhadap isu integriti dan ketelusan (Manan et al. 2021).

Dalam konteks ini, khazanah pemikiran Islam klasik sebenarnya menawarkan sumber rujukan yang masih signifikan. Pemikiran Imam al-Mawardi menerusi karyanya *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* misalnya, menampilkan satu kerangka tadbir urus yang menjunjung tinggi prinsip kebertanggungjawaban (*mas'uliyah*), ketelusan, keadilan, dan keberkesanan pengurusan harta awam. Prinsip-prinsip seperti keperluan pemimpin atau pentadbir memiliki amanah dan kelayakan yang tinggi, kewajipan syura dalam membuat keputusan, kejelasan bidang kuasa dan tanggungjawab, serta penekanan terhadap kepentingan awam (*maslahah*) menawarkan asas yang kukuh untuk dirumuskan semula dalam bentuk aplikasi kontemporari.

Namun demikian, penerokaan terhadap pelaksanaan pemikiran al-Mawardi dalam konteks institusi zakat dan baitulmal masih terbatas dalam kesusasteraan semasa. Sebahagian besar kajian lebih menumpukan kepada aspek fiqh atau hukum zakat, tanpa menyentuh secara tuntas tentang kerangka pengurusan strategik yang boleh diadaptasi daripada pandangan tokoh seperti Imam al-Mawardi. Dalam suasana cabaran kontemporari yang memerlukan keseimbangan antara prinsip syariah dan pendekatan profesional moden, usaha menyatukan kedua-dua dimensi ini menjadi suatu yang perlu dipertimbangkan.

Justeru itu, kajian ini akan meneliti tiga persoalan khusus:

- a) Apakah prinsip tadbir urus menurut al-Mawardi relevan untuk tadbir urus institusi zakat dan baitulmal?
- b) Bagaimanakah prinsip-prinsip tersebut dilaksanakan di Institusi baitulmal di Malaysia
- c) Apakah implikasi praktikal daripada pelaksanaan prinsip ini terhadap sistem pengurusan zakat dan baitulmal masa kini?

KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini mengkaji literatur berkaitan tadbir urus dan pengurusan strategik institusi zakat dan baitulmal, dengan memberi penekanan kepada kerangka pemikiran klasik Imam al-Mawardi. Kajian ini juga menilai pelaksanaan amalan pengurusan di institusi zakat Malaysia serta mengenal pasti jurang penyelidikan dalam bidang ini. Fokus diberikan kepada prinsip pentadbiran Islam, prestasi institusi semasa, inovasi pengurusan, serta persepsi masyarakat terhadap ketelusan dan keberkesanan sistem zakat.

Kerangka Teori dan Prinsip Tadbir Urus menurut al-Mawardi

Imam Al-Mawardi, dalam karya utamanya *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*, mengemukakan satu kerangka pemikiran yang menyeluruh mengenai tadbir urus negara dan institusi kewangan awam. Kerangka ini dibina atas asas epistemologi Islam yang menggabungkan wahyu, akal, dan pengalaman empirik. Prinsip-prinsip yang digariskan relevan dalam menyokong keperluan sistem tadbir urus moden berlandaskan nilai Islam. Dalam konteks pengurusan zakat dan baitulmal, empat prinsip utama dapat dikenalpasti:

a) Keadilan dan Kesejahteraan Sosial (*al-'Adl & al-Tanmiya al-Ijtima'iyya*)

Zakat bukan sekadar bentuk bantuan kewangan tetapi juga instrumen pemeraksanaan ekonomi bagi golongan asnaf. Keadilan distributif menuntut agar zakat diagihkan berdasarkan keperluan sebenar penerima, tanpa diskriminasi (Jajang et al. 2023). Selain itu, kesejahteraan sosial melalui zakat juga merangkumi inisiatif pembangunan ekonomi yang membolehkan penerima zakat berdikari dan keluar daripada kemiskinan (Alias & Osman 2022).

Dalam konteks Malaysia, pelbagai program pemeraksanaan ekonomi telah diperkenalkan oleh institusi zakat negeri, seperti bantuan modal perniagaan dan latihan kemahiran bagi membolehkan penerima zakat meningkatkan taraf hidup mereka. Kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini sejajar dengan maqasid syariah, khususnya dalam aspek *hifz al-mal* (pemeliharaan harta) dan *hifz al-nafs* (pemeliharaan nyawa) (sman et al. 2023).

b) Amanah dan Kebolehpercayaan (*al-Amanah & al-Mas'uliyah*)

Al-Mawardi menekankan bahawa pengurus zakat mestilah memiliki integriti moral yang tinggi serta bertanggungjawab dalam mengurus dana awam (al-Mawardi 1996). Amanah dalam konteks ini melibatkan tadbir urus yang telus dan berakauntabiliti, menjauhkan diri daripada amalan rasuah serta penyalahgunaan dana asnaf.

Di Malaysia, mekanisme pemantauan terhadap amil dan pentadbir zakat semakin diperketatkan bagi memastikan dana digunakan untuk tujuan yang sah serta mengelakkan ketidakpatuhan syariah (Zainie et al. 2022). Kajian oleh Hashim et al. (2024) menunjukkan bahawa institusi zakat yang mempunyai sistem pemantauan yang kukuh lebih berjaya dalam meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem zakat.

c) Ketelusan dan Pemantauan (*al-Syaffafiyyah & al-Riqabah*)

Ketelusan merupakan komponen utama dalam memastikan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat. Menurut al-Mawardi, sistem pentadbiran zakat perlu mempunyai laporan kewangan yang terbuka kepada umum serta sistem kawalan dalaman dan luaran yang ketat (al-Mawardi 1996).

Pelaksanaan audit zakat di Malaysia termasuk audit syariah dan audit bebas, bertujuan meningkatkan akauntabiliti serta mengelakkan penyelewengan. Kajian oleh Sawmar dan Mohammed (2021) menunjukkan bahawa ketelusan dalam pengurusan zakat mempunyai hubungan langsung dengan tahap pematuhan pembayar zakat, di mana institusi yang lebih telus cenderung menerima lebih banyak kutipan zakat.

d) Kecekapan dan Sistemik (*al-Kifayah al-Idariyyah*)

Kecekapan dalam pengurusan zakat bukan sekadar memastikan kutipan dan agihan dilakukan secara efisien, tetapi juga memanfaatkan teknologi dan strategi birokrasi yang sistemik. Al-Mawardi menyarankan struktur pentadbiran yang jelas serta pemilihan pegawai yang berkecayaan untuk mengurus dana awam.

Institusi zakat di Malaysia telah memperkenalkan pelbagai inovasi seperti pembayaran zakat secara digital dan sistem pengagihan automatik bagi meningkatkan keberkesanan operasi. Kajian oleh Ali et al. (2024) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam pengurusan zakat dapat meningkatkan kecekapan serta mengurangkan risiko ketirisan dana.

Amalan Institusi Zakat dan Baitulmal di Malaysia

Pengurusan zakat di Malaysia telah mengalami banyak proses institusionalisasi semenjak pengkorporatan sebahagiannya bermula pada tahun 1991, membawa kepada peningkatan

profesionalisme serta sistem pengurusan yang lebih sistematik. Salah satu inisiatif penting ialah pengenalan *Sistem Pengurusan Kualiti Islamik MS1900* pada tahun 2005 oleh SIRIM, yang bertujuan meningkatkan keberkesanan institusi berasaskan nilai Islam (SIRIM 2005).

Institusi seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Pusat Zakat Melaka (PZM) menunjukkan pelbagai inisiatif dalam memperkukuh tadbir urus serta meningkatkan kecekapan operasi. PZM, sebagai contoh, telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti Islamik MS1900 yang menekankan nilai syariah dalam pengurusan (PZM 2025). Pelaksanaan audit pelbagai lapis termasuk audit syariah, audit dalaman, dan audit bebas menunjukkan komitmen terhadap akauntabiliti.

Walau bagaimanapun, isu ketidakseragaman antara negeri dalam pelaksanaan dasar seperti definisi asnaf dan mekanisme agihan masih menjadi cabaran utama yang menghalang standardisasi nasional (Salleh et al. 2023). Implikasi daripada jurang dasar ini memberi kesan kepada tahap kepercayaan masyarakat serta persepsi umum terhadap ketelusan institusi zakat.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis kandungan terhadap dokumen rasmi institusi zakat, rujukan klasik *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*, serta kajian literatur kontemporari yang berkaitan dengan pengurusan zakat dan baitulmal. Metodologi ini bertujuan untuk menilai keberkesanan sistem tadbir urus zakat di Malaysia berdasarkan kerangka strategik yang digariskan oleh al-Mawardi, sekaligus mengenal pasti cabaran dan ruang penambahbaikan dalam sistem semasa.

Pendekatan analisis kandungan digunakan bagi menilai data daripada dokumen rasmi seperti laporan tahunan institusi zakat, plan strategik, serta dasar-dasar yang digariskan oleh badan pengelola zakat di Malaysia, termasuk JAWHAR dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Kajian ini turut merujuk kepada teks klasik al-Mawardi sebagai asas untuk memahami prinsip-prinsip tadbir urus Islam yang relevan dengan konteks moden.

Kerangka teori kajian ini berpaksikan kepada pemikiran al-Mawardi yang menekankan aspek keadilan, amanah, ketelusan dan kecekapan dalam pengurusan dana awam. Selain itu, pendekatan maqasid syariah turut digunakan sebagai asas analisis, khususnya dalam menilai bagaimana pemeliharaan harta (*hifz al-mal*), kesejahteraan sosial (*hifz al-nafs*), dan keadilan distributif dapat diterapkan dalam sistem zakat dan baitulmal semasa.

Data kajian diperoleh daripada sumber sekunder yang sahih, termasuk dokumen rasmi institusi zakat seperti Lembaga Zakat Selangor (LZS), Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP), dan Pusat Zakat Melaka (PZM). Artikel jurnal yang membincangkan aspek pengurusan zakat, tadbir urus Islam dan analisis impak sosial juga dikaji bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang perkembangan institusi zakat di Malaysia.

Analisis kandungan dilakukan secara sistematik dengan membandingkan prinsip tadbir urus yang digariskan oleh al-Mawardi dengan amalan institusi zakat Malaysia. Kajian ini menilai aspek kutipan, pengagihan, pemantauan, serta teknologi yang digunakan dalam pengurusan zakat dan baitulmal, bagi mengenal pasti keberkesanan serta cabaran yang dihadapi oleh institusi tersebut.

Kajian ini menilai pelaksanaan tadbir urus zakat dan baitulmal di Malaysia dengan merujuk kepada prinsip yang digariskan oleh al-Mawardi, iaitu keadilan (*al-‘Adl*), amanah (*al-*

Amānah), ketelusan (*al-Syaffāfiyyah*), dan kecekapan (*al-Kifāyah*). Analisis ini dilakukan dengan mempertimbangkan aspek inovasi digital, pemantapan struktur organisasi, cabaran dalam pelaksanaan dasar, serta peluang transformasi institusi zakat.

Keadilan dan Kesejahteraan Sosial (*al-'Adl & al-Tanmiya al-Ijtima'iyya*)

a) Prinsip Keadilan dalam Kerangka al-Mawardi

Keadilan (*al-'Adl*) merupakan prinsip utama dalam pemikiran al-Mawardi yang menekankan keseimbangan dalam pengurusan harta awam, termasuk zakat dan baitulmal. Beliau menegaskan bahawa keadilan bukan sekadar memastikan hak diberikan kepada yang berhak tetapi juga memastikan sistem pengurusan zakat berfungsi secara distributif, inklusif, dan bebas daripada diskriminasi (al-Mawardi 1996).

Dalam konteks zakat, keadilan bermaksud:

1. Agihan zakat berdasarkan keperluan sebenar asnaf, bukan sekadar mengikut kategori yang rigid.
2. Keseragaman dalam pentadbiran zakat antara negeri, bagi mengelakkan ketidakseimbangan dalam bantuan.
3. Keberkesanan sistem pemantauan, bagi memastikan zakat benar-benar sampai kepada golongan yang memerlukan.

Kajian oleh Paizin (2022) mengenai desentralisasi pengurusan zakat di Malaysia menunjukkan bahawa negeri-negeri yang mempunyai sistem pengurusan zakat yang lebih maju, seperti Selangor, Wilayah Persekutuan, dan Johor, berjaya meningkatkan kutipan zakat serta memperluaskan program pembangunan asnaf. Sebaliknya, ada negeri-negeri yang masih bergantung kepada pendekatan tradisional lebih cenderung kepada bantuan *one-off* tanpa strategi pemeraksanaan jangka panjang.

b) Aplikasi Keadilan dalam Pengurusan Zakat di Malaysia

Di Malaysia, sistem zakat berlandaskan kategori 8 asnaf yang digariskan dalam al-Qur'an. Namun, kajian menunjukkan bahawa terdapat ketidakseimbangan dalam penentuan status asnaf antara negeri-negeri serta modus operandi pengagihan zakat (Salleh et al. 2023). Sebagai contoh, negeri Selangor dan Kedah mempunyai kriteria berbeza bagi fakir miskin, dan prosedur permohonan yang berbeza antara negeri, menyebabkan asnaf di satu negeri mungkin menerima bantuan lebih mudah atau pengurusan lebih efisien berbanding di negeri lain.

Kajian oleh (Meerangani et al. 2021) menunjukkan bahawa pendekatan maqāsid syariah dalam pentadbiran zakat dapat membantu memastikan keadilan dalam pengagihan zakat dengan mengambil kira faktor ekonomi setempat dan keperluan sebenar penerima zakat.

Penggunaan teknologi dalam pemprofilan asnaf semakin berkembang di Malaysia, dengan beberapa institusi zakat telah mula mengadaptasi pendekatan *Big Data Analytics* dan Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence - AI*) untuk mengenal pasti penerima zakat yang benar-benar layak. Sebagai contoh, PPZ-MAIWP telah menggunakan sistem *AI-Based Profiling* bagi mengenal pasti keperluan asnaf berdasarkan status ekonomi semasa, yang membantu mempercepatkan kelulusan permohonan zakat dan mengurangkan kesilapan dalam penentuan kelayakan penerima bantuan (Nor et al. 2024).

Namun, kajian oleh Hashim et al. (2024) menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam zakat masih belum sepenuhnya diadaptasi oleh semua negeri di Malaysia. Antara cabaran utama yang dikenalpasti ialah:

1. Jurang digital di kawasan luar bandar: Masih terdapat kesukaran dalam akses teknologi bagi komuniti luar bandar, menyebabkan sebahagian asnaf menghadapi cabaran dalam permohonan zakat secara digital.
2. Ketidakseimbangan kapasiti teknologi antara negeri: Institusi zakat yang lebih maju seperti PPZ-MAIWP dan LZS mempunyai sistem pemprofilan yang canggih, tetapi sesetengah negeri lain seperti Kelantan dan Terengganu masih bergantung kepada kaedah tradisional dalam mengenal pasti penerima zakat.

Pendekatan lebih menyeluruh perlu dibuat dengan memastikan integrasi teknologi merentas semua negeri bagi meningkatkan ketepatan dalam pemprofilan asnaf serta meminimumkan ketidakseimbangan dalam agihan zakat.

c) Implikasi Praktikal terhadap Sistem Pengurusan Zakat

Ketidakseimbangan dalam kecekapan pengurusan zakat antara negeri-negeri memberi kesan kepada kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat serta keberkesanan sistem zakat dalam mengangkat taraf hidup asnaf. Kajian oleh Azhar et al. (2023) menunjukkan bahawa negeri yang mempunyai sistem zakat yang lebih telus dan berstruktur berjaya meningkatkan kutipan zakat serta memperluaskan program pembangunan asnaf.

Untuk memastikan keadilan dalam pengurusan zakat, beberapa langkah perlu diambil:

1. Standardisasi dasar zakat di peringkat nasional bagi memastikan keseragaman dalam definisi asnaf dan mekanisme agihan zakat.
2. Integrasi teknologi digital dalam semua negeri bagi meningkatkan kecekapan pemantauan kutipan dan agihan zakat.
3. Pelaksanaan audit syariah yang lebih ketat bagi memastikan ketelusan dalam pengurusan dana zakat.
4. Peningkatan program pembangunan ekonomi asnaf bagi memastikan zakat berfungsi sebagai instrumen pemerikasaan sosial dan bukan sekadar bantuan sementara.

Kajian ini menunjukkan bahawa prinsip keadilan dalam pengurusan zakat bukan sekadar memastikan bantuan diberikan kepada yang berhak tetapi juga memastikan sistem zakat berfungsi secara distributif, inklusif, dan berkesan dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Amanah dan Kebolehpercayaan (*al-Amanah & al-Mas'uliyah*)

a) Prinsip Amanah dalam Kerangka al-Mawardi

Amanah (*al-Amānah*) merupakan prinsip utama dalam pemikiran al-Mawardi yang menekankan kejujuran, akauntabiliti, dan ketelusan dalam pengurusan harta awam. Beliau menegaskan bahawa pentadbir zakat bukan sahaja perlu amanah tetapi juga bertanggungjawab secara menyeluruh terhadap dana umat.

Dalam konteks zakat, amanah bermaksud:

1. Pengurusan dana zakat yang telus dan bebas daripada penyelewengan.
2. Kecekapan dalam pentadbiran zakat, termasuk pemantauan terhadap kutipan dan agihan.
3. Kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat, yang bergantung kepada ketelusan dan integriti pentadbir zakat.

Kajian oleh Risky dan Tania (2024) menunjukkan bahawa kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat bergantung kepada sejauh mana pentadbir zakat mengamalkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana.

b) Pelaksanaan prinsip Amanah dalam Pengurusan Zakat di Malaysia

Kajian oleh Anuar et al. (2023) menunjukkan bahawa institusi zakat yang mengamalkan ketelusan dalam pelaporan kewangan dan pemantauan dalaman berjaya meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem zakat. Sebagai contoh:

1. Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah melaksanakan sistem audit syariah yang ketat bagi memastikan ketelusan dalam pengurusan dana zakat.
2. PPZ-MAIWP telah memperkenalkan laporan tahunan yang boleh diakses oleh masyarakat bagi meningkatkan akauntabiliti institusi zakat.

Namun, masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaan audit kewangan yang konsisten antara negeri-negeri, menyebabkan risiko ketirisan dan salah guna dana zakat meningkat.

Kajian oleh Tajuddin dan Takril (2023) menunjukkan bahawa kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat bergantung kepada sejauh mana pentadbir zakat mengamalkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan dana. Kajian ini mendapati bahawa:

1. Institusi zakat yang mempunyai sistem pelaporan terbuka lebih dipercayai oleh masyarakat.
2. Kurangnya ketelusan dalam pengurusan zakat boleh menyebabkan masyarakat memilih untuk menyalurkan zakat secara langsung kepada individu atau NGO.

Untuk memastikan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat, beberapa langkah perlu diambil:

1. Standardisasi pelaporan kewangan di peringkat nasional bagi memastikan keseragaman dalam pelaporan kutipan dan agihan zakat.
2. Integrasi teknologi digital dalam semua negeri bagi meningkatkan kecekapan pemantauan kutipan dan agihan zakat.
3. Pelaksanaan audit syariah yang lebih ketat bagi memastikan ketelusan dalam pengurusan dana zakat.

c) Implikasi Praktikal terhadap Sistem Pengurusan Zakat

Kajian oleh (Sawmar & Mohammed 2021) mendapati bahawa penggunaan *Blockchain* dalam sistem zakat boleh meningkatkan ketelusan kutipan dan agihan zakat dengan mengurangkan manipulasi maklumat serta membolehkan audit yang lebih cepat dan efisien.

Selain itu, Ramli et al. (2011) turut menyokong bahawa penggunaan teknologi kewangan Islam (*Islamic FinTech*) dalam sistem zakat dapat membantu meningkatkan ketelusan serta mempercepatkan proses pemprosesan bantuan zakat. Justeru, prinsip amanah (*al-Amānah*) dalam pengurusan zakat menuntut agar sistem zakat berfungsi secara telus, akauntabiliti, dan bebas daripada penyelewengan. Kajian ini mendapati bahawa meskipun Malaysia telah mengadaptasi sistem zakat yang berstruktur, masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaan audit kewangan serta ketidakseimbangan dalam ketelusan antara negeri-negeri.

Dengan mengutamakan maqāsid syariah serta inovasi teknologi, institusi zakat dapat berkembang ke arah sistem yang lebih berkesan, telus, dan diyakini oleh masyarakat.

Ketelusan dan Pemantauan (*al-Syaffa'fiyyah* & *al-Riqabah*)

a) Prinsip Ketelusan dalam Kerangka al-Mawardi

Ketelusan (*al-Syaffa'fiyyah*) merupakan elemen penting dalam pemikiran al-Mawardi yang menekankan keperluan laporan kewangan yang terbuka, sistem pengawasan yang ketat, serta mekanisme pemantauan yang memastikan dana zakat digunakan dengan cara yang paling berkesan (al-Mawardi 1996).

Dalam konteks zakat, ketelusan bermaksud:

1. Pelaporan kewangan yang jelas dan boleh diakses oleh masyarakat.
2. Sistem pemantauan yang memastikan dana zakat tidak disalahgunakan.
3. Kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat melalui keterbukaan dalam pengurusan dana.

Kajian oleh Risky dan Tania (2024) menunjukkan bahawa institusi zakat yang mengamalkan ketelusan dalam pelaporan kewangan dan pemantauan dalaman berjaya meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap sistem zakat.

b) Aplikasi Ketelusan dalam Pengurusan Zakat di Malaysia

Di Malaysia, isu ketelusan dalam pengurusan zakat merupakan antara penentu utama kepada legitimasi institusi zakat di mata masyarakat. Kajian oleh Sawmar dan Mohammed (2021) menyatakan bahawa persepsi terhadap kecekapan dan ketelusan institusi zakat secara langsung mempengaruhi keputusan pembayar zakat sama ada untuk menunaikan zakat melalui institusi rasmi atau saluran alternatif seperti pemberian terus kepada penerima atau melalui badan bukan kerajaan (NGO).

Beberapa cabaran yang dikenal pasti termasuk:

1. Kurangnya keterbukaan dalam laporan agihan zakat, terutama pada peringkat negeri yang belum mengintegrasikan sistem pelaporan secara menyeluruh;
2. Ketiadaan standardisasi laporan kewangan antara institusi zakat negeri, menjadikan perbandingan dan penilaian prestasi agak sukar dilakukan oleh orang awam.

Namun begitu, terdapat juga inisiatif progresif yang patut dicontohi. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Selangor (LZS) secara konsisten menerbitkan laporan tahunan yang boleh diakses melalui laman web mereka. Selain itu, Pusat Pungutan Zakat-MAIWP (PPZ-MAIWP) memperkenalkan kemas kini agihan zakat secara mingguan melalui media sosial serta memanfaatkan teknologi *blockchain* dalam percubaan sistem jejak agihan zakat.

Untuk meningkatkan lagi tahap ketelusan dan keyakinan masyarakat, integrasi teknologi digital perlu diperluas ke semua negeri. Beberapa cadangan praktikal termasuk:

1. Penggunaan sistem dashboard awam yang menunjukkan status kutipan dan agihan secara langsung (real-time) mengikut kategori asnaf dan daerah;
2. Audit terbuka secara berkala yang dilaporkan kepada khalayak dengan bahasa yang mudah difahami serta disertai dengan naratif impak sosial;
3. Platform media sosial rasmi yang aktif, bukan sekadar menyatakan jumlah kutipan, tetapi juga menjawab persoalan agihan serta pertanyaan masyarakat secara interaktif dan sopan.

Langkah-langkah ini selaras dengan tuntutan Imam al-Mawardi agar pemimpin dan pentadbir melaksanakan tanggungjawab mereka secara terbuka, jujur, dan boleh disemak oleh

masyarakat. Justeru, ketelusan bukan hanya alat pengurusan moden, tetapi manifestasi nilai Islam dalam pentadbiran awam yang menjunjung prinsip keadilan dan amanah.

Kecekapan dan Sistematis (*al-Kifayah al-Idariyyah*)

a) Prinsip Kecekapan dalam Kerangka al-Mawardi

Kecekapan (*al-Kifāyah*) dalam pengurusan zakat merujuk kepada keupayaan institusi zakat untuk menguruskan kutipan dan agihan dana secara sistematis, profesional, dan berkesan. Al-Mawardi menekankan bahawa pentadbiran zakat harus mempunyai struktur organisasi yang jelas, mekanisme pemantauan yang ketat, serta penggunaan teknologi dan strategi yang meningkatkan keberkesanan pengurusan harta awam.

Dalam konteks zakat, kecekapan bermaksud:

1. Penggunaan teknologi dalam kutipan dan agihan zakat bagi memastikan kelancaran operasi.
2. Kecekapan dalam mengenal pasti penerima zakat melalui sistem pemprofilan yang tepat.
3. Keberkesanan dalam pemantauan impak sosial zakat, bukan sekadar kutipan dan agihan tetapi juga kesan jangka panjang terhadap penerima.

b) Kajian oleh Yaakob dan Mahyideen (2024) menunjukkan bahawa institusi zakat yang mengadaptasi teknologi dan strategi pengurusan moden berjaya meningkatkan keberkesanan sistem zakat serta memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat. **Pelaksanaan prinsip Kecekapan dalam Pengurusan Zakat di Malaysia**

Menurut Maisyarah dan Hamzah (2024) menunjukkan bahawa ketidakcekapan dalam agihan zakat boleh menyebabkan lebihan dana yang tidak diagihkan serta kegagalan institusi zakat dalam memenuhi keperluan semua golongan asnaf. Sebagai contoh:


1. Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah memperkenalkan sistem e-Zakat yang membolehkan kutipan dan agihan dilakukan secara digital, meningkatkan kecekapan operasi serta mengurangkan kesilapan manusia.
2. PPZ-MAIWP telah mengadaptasi sistem pemantauan kutipan dan agihan zakat secara real-time bagi memastikan ketelusan dan kecekapan dalam pengurusan dana zakat.

Namun, kajian menunjukkan bahawa masih terdapat negeri yang masih kurang cekap dalam pengurusan zakat, menyebabkan kelewatan dalam pemprosesan bantuan serta ketidakcekapan dalam mengenal pasti penerima zakat.

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dilaporkan mempunyai skor terbaik dalam kecekapan agihan kewangan, menunjukkan bahawa sistem zakat mereka lebih sistematis dan berkesan. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pula mempunyai skor terbaik dalam kecekapan agihan bukan kewangan, menunjukkan bahawa mereka lebih menumpukan kepada bantuan berbentuk pembangunan sosial.

c) Implikasi Praktikal terhadap Sistem Pengurusan Zakat

Kajian menunjukkan bahawa ketidakseimbangan dalam kecekapan pengurusan zakat antara negeri-negeri memberi kesan kepada kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat serta keberkesanan sistem zakat dalam mengangkat taraf hidup asnaf. Kajian oleh Efficiency and Governance of Zakat Institutions in Malaysia menunjukkan bahawa negeri yang mempunyai



sistem zakat yang lebih telus dan berstruktur berjaya meningkatkan kutipan zakat serta memperluaskan program pembangunan asnaf.

Untuk memastikan kecekapan dalam pengurusan zakat, beberapa langkah perlu diambil:

1. Standardisasi sistem pengurusan zakat di peringkat nasional bagi memastikan keseragaman dalam kutipan dan agihan zakat.
2. Integrasi teknologi digital dalam semua negeri bagi meningkatkan kecekapan pemantauan kutipan dan agihan zakat.
3. Pelaksanaan audit syariah yang lebih ketat bagi memastikan ketelusan dalam pengurusan dana zakat.
4. Peningkatan program pembangunan ekonomi asnaf bagi memastikan zakat berfungsi sebagai instrumen pemerikasaan sosial dan bukan sekadar bantuan sementara.

Prinsip kecekapan (*al-Kifāyah*) dalam pengurusan zakat menuntut agar sistem zakat berfungsi secara sistematik, profesional, dan berkesan. Kajian ini mendapati bahawa meskipun Malaysia telah mengadaptasi sistem zakat yang berstruktur, masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaan sistem digital serta ketidakseimbangan dalam kecekapan antara negeri-negeri. Dengan pendekatan maqāsid syariah serta inovasi teknologi, institusi zakat dapat berkembang ke arah sistem yang lebih berkesan, telus, dan diyakini oleh masyarakat.

KESIMPULAN

Kajian ini telah meneliti prinsip asas dalam tadbir urus institusi zakat dan baitulmal di Malaysia melalui empat prinsip yang telah dinyatakan oleh Imam al-Mawardi di dalam kitabnya *al-Ahkam Sultaniyah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa institusi zakat dan baitulmal memiliki kekuatan yang signifikan seperti struktur pentadbiran yang tersusun dan kemajuan dalam teknologi digital untuk kutipan serta pengagihan zakat. Namun begitu, kelemahan utama yang dikesan adalah kekurangan sistem penilaian impak sosial dan spiritual secara holistik serta jurang dalam kompetensi pengurusan strategik yang menghambat pencapaian matlamat pembangunan asnaf secara menyeluruh.

Peluang yang terbuka luas menerusi perkembangan teknologi kewangan Islam dan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak memberi potensi untuk memperkukuh keberkesanan dan ketelusan pengurusan zakat. Ancaman seperti persepsi negatif masyarakat dan ketidaksinambungan dasar antara negeri memerlukan penanganan segera melalui reformasi tadbir urus dan komunikasi strategik yang lebih efektif.

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa Institusi zakat perlu bergerak ke arah transformasi pengurusan yang lebih berkesan dengan mengintegrasikan teknologi dan pengukuran impak berdasarkan prinsip *hifz al-nafs*, *hifz al-mal*, dan *hifz al-'aql*. Pendekatan strategik ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pengagihan, tetapi juga memperkukuh kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat sebagai agen perubahan sosial dan ekonomi Islam.

Oleh itu, cadangan reformasi yang meliputi pembangunan kapasiti pengurusan, pengukuran maqasid secara sistematik, serta penambahbaikan kerjasama institusi adalah kritikal untuk memastikan zakat dan baitulmal kekal relevan dan berdaya maju dalam konteks cabaran global dan nasional yang sentiasa berubah.

RUJUKAN

- Azman Ab Rahman, Ammar Badruddin Romli, Muhammad Faiz Abd Shakor, Mohd Noor Daud & Azme Matali. 2024. Amalan Wakalah Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Practise of The Wakalah In Zakat Management at Malaysia Higher Education Institutions. *Journal of Fatwa Management and Research* 29(3): 80-89.
- Abu Al-Hasan Al-Mawardi. 1996. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al- Wilayat al-Dinniyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Syukriah Ali, Hasmah Laili Jamalurus, Hasni Abd Rahim & Nur Syazana Mohd Nasir. 2024. Bibliometric Analysis of Zakat Literature: Exploring Research Trends and Factors Influencing Zakat Payment. *Journal of Islamic Finance* 13(2): 1-21.
- Haji Mohammad Haji Alias & Mohd Farihal Osman. 2022. Keberdayaan Baitulmal Dalam Menangani Permasalahan Sosioekonomi Ummah. *Paper Presentasi pada Seminar Konvensyen Baitulmal Kebangsaan*, hlm.
- Fatimah Sakeenah Anuar, Norhayati Mohd Alwi & Noraini Mohd Ariffin. 2023. Financial management practices and performance of zakat institutions in Malaysia. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management* 9(1): 1-26.
- Zubir Azhar, Muhammad Kamil Kader Mydin & Anwar Allah Pitchay. 2023. Zakat distribution priorities in Malaysia: An analytic hierarchy process analysis. *Asian Journal of Business and Accounting*: 69-87.
- Nazrudin Hashim, A Bhari, I Ahmad, Maz Yaakob, Mf Mohamed Yusof, Mi Sulaiman & D Sunardi. 2024. Governance of Zakat Distribution in Malaysian Public Higher Education Institution. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 14(8):
- Anwar Ibrahim. 2025. Teks Ucapan Yab Perdana Menteri: Majlis Peluncuran Bulan Wakaf Kebangsaan Tahun 2025.
- Ainul Fatha Isman, Abdurrahman Mansyur & Ali Wardani. 2023. Realizing the SDGs through Zakat: The Maqāsid al-Syari'ah Perspective at Zakat Institutions in Indonesia. *Muslim Business and Economics Review* 2(1): 143-170.
- Herawan Jajang, Janwari Yadi & Ridwan Ahmad Hasan. 2023. Contributions and Sources of State Finance Perspective of Imam Abu Hasan Al-Mawardi. *al-Afkar, Journal For Islamic Studies* 6(3): 454-468.
- Anisa Maisyarah & Muhammad Zilal Hamzah. 2024. Zakat Distribution Management: A Systematic Literature Review. *Suhuf* 36(1): 95-108.
- Farah Nadirah Abdul Manan, Nurul Shahariza Abu Hassan, Siti Hafsha Albasri & Mohd Nasri Ab Ghani. 2021. Pendigitalan Operasi Kutipan dan Agihan Zakat dalam Mencapai Matlamat Pembangunan Mampan. *Jurnal Dunia Pengurusan* 3(1): 87-95.
- Rahman Ambo Masse & Muslimin Kara. 2024. Konsep Ekonomi Islam Versi Al-Mawardi dan Al-Ghazali. *Jurnal PenKoMi: Kajian Pendidikan dan Ekonomi* 7(2): 380-388.
- Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Taufik Md Sharipp, Muhammad Ikhlas Rosele, Mohammad Fahmi Abdul Hamid & Abdul Qayuum Abdul Razak. 2021. Digitalisasi sistem pengurusan zakat di Malaysia: Potensi dan cabaran. *Journal of Business Innovation* 6(1): 36.

- Muhammad Syafril Nasution & Ramadhan Razali. 2021. Zakat dan keadilan sosial: Analisis terhadap kitab Al-Amwal karangan Abu Ubaid. *At-Tijarah* 3(1): 13-24.
- Shifa Mohd Nor, Salmy Edawati Yaacob, Aisyah Abdul Rahman & Hafizah Zainal. 2024. Digitizing Zakat Distribution in Malaysia: A Case Study on Application Process at Kedah State Zakat Board. *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam* 8(3): 1901-1927.
- Muhsin Nor Paizin. 2022. Decentralization in Malaysia's Zakat Management Organizations: A Comparison of Some States' Zakat Collection Achievements. *International Journal of Zakat* 7(1): 33-46.
- Jabatan Wakaf Zakat & Haji Portal Pengurusan Maklumat Zakat Dan Baitulmal Malaysia, Jawhar 2025. Statistik Kutipan Zakat Seluruh Malaysia. 2024. https://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_statistik_stat.php.
- Pusat Zakat Melaka Pzm. 2025. Website "izakat", available at <http://www.izakat.com>. [18 May 2025].
- Raudha Md Ramli, Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Farra Munna Harun. 2011. Understanding asnaf attitude: Malaysia's experience in quest for an effective zakat distribution programme. *International Zakat Conference: Sustainable Zakat Development in the Poverty Alleviation and Improvement of Welfare of the Ummah*, hlm.
- Hanapi Tri Risky & Atika Lusi Tania. 2024. The Influence of Accountability and Transparency of Zakat Management on Muzakki's Interest in Paying Zakat. *Indonesian Financial Accounting Journal (IFAC)* 1(02): 1-14.
- Mohd Fairuz Md Salleh, Norida Basnan, Azlina Ahmad, Azizah Harun, Hairunnizam Wahid & Ainol Basirah Abdul Wahab. 2023. Amalan Pengiktirafan Hasil Oleh Institusi Wakaf, Zakat, Dan Baitulmal Di Malaysia. *IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management* 8(1): 1-22.
- Abdulsalam Ahmed Sawmar & Mustafa Omar Mohammed. 2021. Enhancing zakat compliance through good governance: a conceptual framework. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 13(1): 136-154.
- Standard of Industrial Research Institute of Malaysia Limited Sirim. 2005. *MS1900 Requirements, Standard of Industrial Research Institute of Malaysia Limited SIRIM*.
- Teh Suhaila Tajuddin & Nur Fikhriah Takril. 2023. Trust In Zakat Authorities And Zakat Compliance: A Conceptual Analysis:(Kepercayaan Kepada Pihak Berkuasa Zakat Dan Pematuhan Zakat: Analisis Konseptual). *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar)*: 115-128.
- Hafisah Yaakob & Jamilah Mohd Mahyideen. 2024. Efficiency and Accountability in Zakat Institutions: A Conceptual Paper on Addressing Poverty and Fostering Sustainable Development. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 14(10): 725-733.
- Ah Nur Zainie, Rosman Hasyimah & Ibrahim Shamsinar. 2022. Mekanisma Pemantauan: Memperkukuhkan Pengurusan Agihan Zakat Wakalah Oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). *International Journal of Business and Economy* 4(1): 177-184.

ANALISIS KONTEN DAKWAH DIGITAL DAI MUDA INDONESIA: STRATEGI HABIB JA'FAR DALAM MENGUKUHKAN TOLERANSI ANTARA UMAT BERAGAMA

Content Analysis of Digital Preaching by Young Preachers in Indonesia: Habib Ja'far's
Strategy in Strengthening Interfaith Tolerance

Siti Fatimah

ABSTRAK

Excellence in Hajj management requires leadership rooted in holistic Islamic values that encompass spiritual, administrative, and welfare dimensions. This study aims to analyse the concept of leadership in Hajj management based on the thought of Imam al-Mawardi as presented in his seminal work al-Ahkam al-Sultaniyyah, and to assess its relevance in the contemporary context of Hajj administration in Malaysia by the Lembaga Tabung Haji (TH). This research adopts a descriptive qualitative approach through content analysis and case study methodology. The conceptual framework is grounded in fiqh siyasah, maqasid al-shariah, and the Malaysian Hajj Administration Model as the contemporary case reference. The findings reveal that al-Mawardi's leadership principles—such as religious guidance, pilgrim protection, conflict resolution, and sermon delivery—remain relevant within TH's system. The study also identifies the need for stronger integration between classical Islamic jurisprudence and contemporary management to enhance the overall effectiveness of Hajj governance. In conclusion, while al-Mawardi's leadership model remains applicable within TH, improvements are necessary in areas such as sermon implementation, welfare of vulnerable pilgrims, and strengthening fiqh siyasah training among Hajj personnel to ensure a more comprehensive Islamic governance framework.

Keywords: *Islamic Leadership, Fiqh Siyasah, al-Mawardi, Hajj Management, Tabung Haji Malaysia*

PENDAHULUAN

Ibadah merupakan antara elemen utama dalam kehidupan muslim dan menjadi tujuan utama penciptaan manusia seperti yang ditegaskan dalam al-Quran dan al-Sunnah. Salah satu ibadah yang penting dalam Islam ialah ibadah haji (Ifitah Jafar, 2020). Ibadah haji, sebagai rukun Islam kelima, merupakan ibadah berskala global yang dilaksanakan setiap tahun, menghimpunkan umat Islam dari seluruh pelosok dunia. Perintah menunaikan ibadah haji ini adalah sekali seumur hidup bagi setiap umat Islam bagi yang berkemampuan. Keagungan ibadah ini menuntut kepada pengurusan yang cekap, sistematik dan berpaksikan syariah. Di Malaysia, tanggungjawab ini digalas oleh Lembaga Tabung Haji (TH), sebuah institusi unggul yang telah membangunkan sistem pengurusan haji secara menyeluruh merangkumi aspek simpanan, bimbingan, kebajikan, logistik dan keselamatan. Kejayaan pelaksanaan ibadah haji secara tersusun ini sudah tentu bergantung kepada kepimpinan yang berwibawa, berintegriti dan memahami tuntutan syariah dalam mengurus lautan jemaah dengan pelbagai latar belakang secara efisien dan beretika.

Kepimpinan dalam konteks ibadah haji bukan sahaja melibatkan pentadbiran teknikal semata-mata, tetapi juga merangkumi amanah syarie dalam menjaga kemaslahatan umat. Imam al-Mawardi (meninggal dunia pada tahun 450H/1058M), seorang tokoh ulama mazhab syafi'i pada era kerajaan Abbasiyah dalam karya agungnya *al-Ahkam al-Sultaniyyah* atau *The Ordinances of Government* telah membincangkan prinsip-prinsip asas tadbir urus Islam melalui kerangka fiqh siyasah. Beliau menegaskan bahawa *al-imamah* adalah fardu kifayah dan kepimpinan pelaksanaan ibadah haji adalah antara tanggungjawab utama bagi seorang pemimpin. Prinsip-prinsip seperti pelantikan wakil haji, penyampaian khutbah, penyelesaian pertikaian dan pengawasan perjalanan ibadah merupakan antara garis panduan utama yang dibincangkan dalam karya ini. Beliau menghuraikan peranan dan tanggungjawab pemerintah tertinggi (imam/ khalifah), institusi kehakiman, pentadbiran wilayah, pengurusan kewangan serta secara khususnya, fungsi dan etika pemimpin dalam menguruskan ibadah haji (*amir al-haji*). Beliau menekankan ciri-ciri kepimpinan yang adil, berilmu dan menjaga *maslahah* rakyat, sekali gus menjadi rujukan penting dalam memahami struktur politik Islam klasik yang terus relevan dalam konteks pengurusan dan kepimpinan semasa, termasuk dalam bidang ibadah seperti haji (al-Mawardi, Abu al-Hasan, 1996). Dalam bab sepuluh *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah*, al-Mawardi telah membahaskan mengenai urusan haji iaitu di bawah tajuk *Fi al-Wilayah 'ala al-Hajj*. Ia merangkumi perbincangan mengenai tanggungjawab pemimpin sebagai pemudah cara urusan haji dan juga mengenai ibadat haji itu sendiri.

Pengurusan ibadah haji juga bukanlah suatu perkara yang mudah. Setiap aspek dalam pelaksanaan ibadah ini perlu diberi perhatian dengan teliti berpandukan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Keunikan dan ketelitian pelaksanaan ibadah haji menuntut kepada satu sistem pengurusan yang cekap dan berkesan, khususnya dari segi kepemimpinan yang mampu merancang, menyelaras, melaksana dan memantau seluruh proses pelaksanaan ibadah tersebut. Kepimpinan dalam pengurusan haji merujuk kepada kebolehan dan keupayaan pemimpin atau pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam menguruskan semua aspek berkaitan ibadah haji termasuk bimbingan ibadah, logistik, kesihatan, keselamatan, kebajikan jemaah serta hubungan diplomatik antara negara dengan matlamat memastikan pelaksanaan ibadah tersebut berjalan lancar, berkesan dan selaras dengan kehendak syariah. Berdasarkan konteks tersebut, pemimpin bukan sahaja perlu mempunyai kecekapan pentadbiran dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan malah perlu menghayati nilai-nilai Islam seperti amanah, integriti, sabar dan hikmah dalam menangani pelbagai cabaran yang timbul sepanjang musim haji. Amanah kepimpinan ini ditadbir urus oleh TH, sebuah institusi yang menguruskan

wang simpanan umat Islam serta perjalanan jemaah haji Malaysia bermula dari tanah air sehingga selesai dan sempurna segala urusan yang berkaitan dengan ibadah tersebut. Salah satu aspek penting yang menjadi tanggungjawab TH ialah bimbingan ibadah untuk jemaah haji kerana aspek ini adalah nadi kepada perjalanan suci tersebut (Hasanulddin M., et. al., 2020).

Justeru, kajian ini akan menganalisis sistem pengurusan TH sebagai model pentadbiran kontemporari yang menterjemahkan gagasan klasik kepimpinan Islam (*amir al-hajj*) ke dalam bentuk moden yang berteraskan maqasid al-syariah. Penilaian terhadap elemen seperti *hifz al-din*, *hifz al-nafs* dan *hifz al-mal* membuktikan keserasian antara prinsip tradisional dan keperluan pengurusan semasa. Namun, cabaran semasa seperti birokrasi, teknologi dan hubungan antarabangsa turut menuntut adaptasi strategik agar prinsip fiqh siyasa dapat terus relevan dan diterapkan secara holistik dalam pengurusan ibadah haji kontemporari.

TINJAUAN LITERATUR

(i) Kepimpinan dan Tanggungjawab dalam Islam


Konsep kepimpinan dalam Islam merupakan satu tanggungjawab besar yang diamanahkan oleh Allah SWT kepada manusia sebagai mana ditegaskan dalam Surah al-Baqarah ayat 30 yang menyebut tentang pelantikan manusia sebagai khalifah di muka bumi sebagai mana bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat; ‘Sesungguhnya, Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.’ Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): ‘Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?’ Tuhan berfirman: ‘Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.’ (Surah al-Baqarah, 30).

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), kepimpinan ditakrifkan sebagai kebolehan, kebijaksanaan atau kekuatan yang ada pada seseorang dalam memimpin. Menurut Imam al-Mawardi, kepimpinan (*al-Imāmah*) merupakan satu kewajipan fardu kifayah seumpama jihad dan seseorang pemimpin mestilah melaksanakan tugasnya bagi memastikan pelaksanaan dasar-dasar negara dan kepentingan agama Islam secara adil dan berkesan selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah Sad ayat 26 yang bermaksud:

“Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikanmu khalifah di bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepadamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah akan beroleh azab yang berat pada hari hitungan amal disebabkan mereka melupakan (jalan Allah) itu” (Surah Sad, 26)

Imam al-Mawardi menyenaraikan tanggungjawab utama seorang pemimpin termasuk bidang ketenteraan, kehakiman, pentadbiran awam dan kewangan negara. Semua bidang ini perlu dijalankan berdasarkan prinsip keadilan, amanah dan kebijaksanaan demi membangunkan agama, negara dan masyarakat Islam dengan mampan (al-Mawardi, Abu al-Hasan, 1996). Kepimpinan dalam Islam dianggap sebagai satu amanah yang mesti dipikul dengan penuh integriti dan keadilan. Para pemimpin bertanggungjawab terhadap segala tindakan dan keputusan mereka di sisi Allah SWT selain perlu menegakkan keadilan dan etika dalam pentadbiran semasa (Bourne, D. & Alanazi, M. 2025). Kepimpinan Islam



mengintegrasikan akidah dan nilai agama dalam tadbir urus serta menekankan keperibadian yang mulia. Pemimpin perlu memiliki sifat seperti berkemampuan, empati, akhlak terpuji dan tawakal kepada Allah SWT (Mujani, W. K., et. al., 2012). Para pemimpin dalam Islam diharapkan memiliki asas kerohanian yang kukuh, sentiasa teguh dalam keimanan dan mengamalkan ajaran Nabi Muhammad SAW. Hal ini merangkumi sifat-sifat seperti berakhlak mulia, berilmu serta teguh dalam prinsip moral dan nilai keagamaan (Ibrahim, A., et. al., 2025).


Pemimpin Islam bertanggungjawab membimbing masyarakat ke arah kebaikan serta menyumbang kepada kesejahteraan sosial. Mereka perlu mengurus tadbir urus dengan bijaksana serta memelihara amanah yang diberikan dengan mengelakkan penyelewengan dan melaksanakan tanggungjawab secara konsisten (Mohamed, H. a. B., et. al., 2021). Kepimpinan dalam Islam turut merangkumi usaha ke arah pembangunan etika dan kelestarian, khususnya dalam kalangan pemimpin muda. Fokus kepemimpinan ini adalah untuk menangani dilema etika, mengimbangi tanggungjawab peribadi dan masyarakat serta membina daya tahan dalam menghadapi cabaran (Ibrahim, A., et. al., 2025). Ketekalan dan kelangsungan kepemimpinan akan mampu dicapai bersandarkan prinsip keesaan Allah SWT yang sering dikaitkan dengan konsep kepemimpinan tauhidik. Model ini menekankan tadbir urus beretika, kepercayaan awam dan keterangkuman, selaras dengan nilai-nilai Islam seperti keadilan, kebebasan dan kesederhanaan (Ruhullah, M. E. & Ushama, T., 2024).

Oleh yang demikian, kepimpinan Islam merupakan satu kerangka menyeluruh yang menggabungkan elemen spiritual, etika dan praktikal dalam membimbing pemimpin melaksanakan tanggungjawab mereka. Dengan berpegang kepada prinsip-prinsip ini, pemimpin dapat memastikan bahawa kepimpinan yang dilaksanakan selaras dengan amanah Allah SWT serta mampu membentuk masyarakat yang adil dan harmoni (Elkaleh, E. S., 2023). Perkara ini lebih terserlah apabila diaplikasikan dalam konteks pengurusan ibadah haji yang merupakan antara amanah kepimpinan paling utama dalam Islam. Hal ini seperti mana yang ditekankan oleh Imam al-Mawardi dalam *al-Ahkam al-Sultaniyah*, beliau menggariskan tanggungjawab pemerintah dalam memastikan kelancaran ibadah haji merangkumi pelantikan amir haji, penyampaian khutbah, kawalan keselamatan jemaah, penyelesaian bagi sebarang pertikaian sekali gus menjadikan pengurusan haji sebagai lambang kecekapan dan integriti dalam tadbir urus Islam (Tumanian, T., 2016).

Kesimpulannya, konsep kepimpinan dalam Islam menuntut keselarasan antara tanggungjawab duniawi dan pertanggungjawaban ukhrawi, berteraskan prinsip amanah, keadilan dan integriti. Imam al-Mawardi menegaskan bahawa kepimpinan bukan sekadar peranan pentadbiran, tetapi suatu kewajipan syarak yang memerlukan keteguhan akidah, kebijaksanaan dan keupayaan memelihara maslahat umat. Prinsip ini turut diperkukuh oleh al-Quran dan Hadis yang menggariskan panduan kerohanian dan etika tinggi untuk para pemimpin. Oleh itu, pemimpin Islam perlu sentiasa beriltizam terhadap nilai-nilai tauhidik dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, khususnya dalam aspek penting seperti pengurusan ibadah haji yang memerlukan perancangan strategik dan pengurusan bersepadu demi kesejahteraan umat Islam sejagat.

(ii) Pengurusan Haji Sebagai Amanah Kepimpinan

Pengurusan ibadah haji merupakan antara aspek penting dalam tadbir urus Islam yang melibatkan kepentingan awam dan pelaksanaan rukun Islam kelima. Menurut Imam al-Mawardi dalam *al-Ahkam al-Sultaniyah*, pemimpin berkewajipan memastikan kelancaran




pelaksanaan ibadah haji dengan melantik wakil rasmi, menyampaikan khutbah, mengatur perjalanan jemaah, menjaga keselamatan dan menyelesaikan pertikaian. Tanggungjawab ini bukan sahaja bersifat pentadbiran tetapi juga merupakan amanah syarak yang mesti dilaksanakan dengan penuh integriti dan keadilan (Tumanian, T., 2016). Dalam konteks semasa, pengurusan ibadah haji merujuk kepada pelbagai aspek yang terlibat dalam menguruskan perjalanan dan pengalaman jemaah haji dari seluruh dunia ke Mekah, Arab Saudi. Beberapa komponen utama yang perlu diuruskan meliputi pengurusan berkaitan jemaah dalam aspek logistik, kebajikan, kesihatan, keselamatan, pengalaman dan pengurusan kewangan haji (Owaidah, A., et. al., 2019) dalam aspek simpanan, perancangan kos, pelaburan, pengurusan perbelanjaan, takaful haji, wasiat, hibah, percukaian, zakat dan sebagainya. Semua aspek ini perlu diurus tadbir dengan efisien dan patuh syariah.

Sebagai contoh, komponen pengurusan jemaah di bawah aspek pengurusan jemaah yang ramai. Setiap tahun jutaan jemaah berkumpul di Mekah menyebabkan kesesakan yang boleh membawa kepada insiden seperti rempuhan, kecederaan dan kematian. Bagi musim haji 1445H/ 2024, menurut data dan statistik haji (HAFIS) rasmi yang dikeluarkan oleh TH melaporkan seramai 33,300 jemaah haji dari Malaysia telah menunaikan ibadah tersebut (<https://www.tabunghaji.gov.my/ms/haji/maklumat-am/data-statistik-haji-hafis>). Setiap tahun, secara purata lebih daripada dua setengah juta umat Islam akan berhimpun bagi menyempurnakan ibadah ini yang merupakan suatu perhimpunan manusia paling padat di dunia. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, pengurusan haji telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan dari segi infrastruktur yang berjaya mengurangkan kesesakan semasa pelaksanaan ibadah tertentu (Abi Sen, A. A., et. al., 2021). Penggunaan teknologi seperti aplikasi media sosial, kamera CCTV, analisis langsung orang ramai dan simulasi model orang ramai telah dicadangkan dan digunakan untuk mengurangkan risiko dan meningkatkan keberkesanan pengurusan jemaah haji yang ramai setiap tahun (Owaidah, A., et. al., 2019).

Pengurusan ibadah haji adalah satu tugas yang kompleks dan memerlukan kerjasama antara pelbagai pihak serta penggunaan teknologi dan inovasi untuk memastikan keselamatan dan keselesaan jemaah. Walaupun terdapat banyak cabaran, usaha berterusan untuk memperbaiki pengurusan ini adalah penting bagi memastikan pengalaman haji yang selamat dan bermakna bagi semua jemaah. Hal ini telah dijelaskan secara terperinci melalui lima tanggungjawab utama pemimpin ibadah haji yang digariskan oleh al-Mawardi. Pertama, tanggungjawab melantik *Amir al-Hajj*. Beliau menekankan kepentingan melantik seorang pemimpin yang berkelayakan dikenali sebagai *Amir al-Hajj* untuk menyelia pelaksanaan ibadah haji. Pemimpin ini bertanggungjawab memastikan kelancaran pelaksanaan rukun haji serta menangani sebarang isu yang timbul sepanjang ibadah tersebut berlangsung (Palizban, M. 2019). Kedua, tanggungjawab menyampaikan khutbah. *Amir al-Hajj* turut dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan khutbah kepada para jemaah bagi membimbing dan memberi kefahaman tentang kepentingan rohani serta tatacara pelaksanaan ibadah haji yang betul. Hal ini penting bagi memelihara kesucian dan nilai spiritual ibadah haji yang dilaksanakan (Alzeer, A. H. & Abuzinadah, J., 2024).

Ketiga, tanggungjawab memastikan keselamatan dan perlindungan jemaah. Menjamin keselamatan dan perlindungan jemaah haji merupakan satu tanggungjawab yang amat penting. Al-Mawardi amat menekankan mengenai keperluan memperkemas aspek pengurusan serta perlindungan orang ramai agar lebih berkesan dan selamat daripada sebarang ancaman. Pelaksanaan prinsip ini pada masa kini dapat dilihat melalui penggunaan teknologi moden dan infrastruktur canggih dalam mengawal pergerakan jemaah serta mencegah insiden yang tidak diingini (Yaagoubi, R., et. al., 2023). Keempat, tanggungjawab dalam menyelesaikan pertikaian




yang berlaku dalam kalangan jemaah. Imam al-Mawardi turut menekankan kepentingan menyelesaikan pertikaian dalam kalangan jemaah haji secara efisien dan berlandaskan syarak bagi mengekalkan keharmonian dan ketertiban sepanjang ibadah haji. Hal ini termasuklah penyediaan mekanisme penyelesaian konflik serta memastikan keadilan dilaksanakan dengan segera dan saksama (Fourati, J., Issaoui, B. & Zidi, K. 2017). Kelima, tanggungjawab pengurusan dan penyelarasan yang berkesan. Pengurusan keseluruhan ibadah haji memerlukan perancangan rapi dan penyelarasan yang berkesan antara pelbagai pihak berkepentingan termasuk pihak berkuasa kerajaan, pemimpin agama dan agensi swasta (Niu, S. & Xu, M. 2019). Langkah ini penting bagi memastikan semua aspek logistik seperti pengangkutan, penginapan dan penjagaan kesihatan diurus secara sistematik dan teratur.

Secara keseluruhannya, pengurusan ibadah haji merupakan suatu amanah besar dalam kerangka kepimpinan Islam yang memerlukan komitmen tinggi, kecekapan tadbir urus serta pematuhan kepada prinsip syariah. Gagasan Imam al-Mawardi dalam *al-Ahkam al-Sultaniyah* menegaskan lima tanggungjawab utama dalam kepimpinan haji, iaitu pelantikan Amir al-Hajj, penyampaian khutbah, perlindungan jemaah, penyelesaian pertikaian, dan pengurusan menyeluruh yang sistematik. Prinsip-prinsip ini jelas malah kekal relevan dan terus diimplementasikan dalam konteks pengurusan haji kontemporari termasuk di Malaysia, khususnya menerusi TH. Kejayaan pengurusan ini bukan hanya bergantung kepada perancangan logistik dan teknologi semata-mata, malah turut ditentukan oleh integriti kepimpinan serta keselarasan antara fiqh siyasah, maqasid al-syariah dan realiti semasa. Oleh itu, kepimpinan dalam pengurusan haji sewajarnya terus diperkasakan melalui inovasi, latihan berasaskan prinsip Islam dan kolaborasi pelbagai pihak demi menjamin keselamatan, keselesaan dan keberkatan ibadah para jemaah.

(iii) TH sebagai Model Kepimpinan dalam Pengurusan Ibadah Haji Kontemporari

Di Malaysia, amanah kepimpinan dalam pengurusan ibadah haji dilaksanakan oleh TH. TH merupakan sebuah institusi Islam yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535), berperanan sebagai badan berkanun yang menguruskan simpanan, pelaburan dan pengurusan ibadah haji secara sistematik dan patuh syariah. Berbekalkan visi sebagai tonggak kejayaan ekonomi ummah dan pengurusan haji terbilang, TH melaksanakan misinya melalui pemerkasaan ekonomi, pelaburan strategik, perkhidmatan cekap serta urus tadbir haji yang menyeluruh. Nilai-nilai teras TH yang merangkumi komitmen, profesionalisme, kerjasama, keterbukaan terhadap perubahan serta keprihatinan menjadi asas kepada Piagam Pelanggan yang memberi jaminan perkhidmatan kepada bakal jemaah. Sejarah penubuhannya bermula dengan cadangan Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz pada tahun 1959 yang kemudiannya direalisasikan menerusi Perbadanan Wang Simpanan Bakal-Bakal Haji (PWSBH) pada tahun 1963. Penggabungan PWSBH dengan Pejabat Urusan Hal Ehwal Haji pada tahun 1969 melahirkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), yang dikenali sebagai Tabung Haji pada hari ini. Seiring dengan perkembangan zaman, TH telah menyediakan pelbagai kemudahan seperti pengurusan visa, pengangkutan, penginapan, kesihatan dan bimbingan ibadah untuk menjamin kelangsungan haji yang mabrur bagi jutaan umat Islam Malaysia (<https://www.tabunghaji.gov.my/ms/tentang-kami-0>).

Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) merupakan perundangan utama yang mengawal penubuhan, struktur, fungsi dan kuasa TH sebagai sebuah badan berkanun. Akta ini memberikan kuasa kepada TH untuk mengurus simpanan orang Islam bagi tujuan menunaikan ibadah haji, melaksanakan perkhidmatan berkaitan haji serta menjalankan aktiviti pelaburan dan perniagaan yang mematuhi prinsip syariah. Melalui akta ini, TH diberi tanggungjawab




sebagai institusi kewangan Islam yang menggabungkan pengurusan ekonomi ummah dengan kebijakan jemaah haji secara holistik dan berintegriti. Akta ini turut menetapkan piawaian tadbir urus, kawalan kewangan, pelantikan ahli lembaga serta peruntukan mengenai pelaporan dan pengauditan, menjadikan TH sebagai model pengurusan Islam yang profesional dan sah di sisi undang-undang (https://cms-th.s3.amazonaws.com/24032017_Akta+TH+1995-BM++Sumber+Bahagian+Perundangan+TH.PDF) sekaligus memastikan setiap keputusan strategik dan operasi dijalankan secara telus, berakuntabiliti dan selaras dengan nilai-nilai kepimpinan Islam. Kini, TH telah menerima pelbagai pengiktirafan dan penganugerahan atas kecemerlangan tadbir urus yang telah dilaksanakan sehingga wajar malah dijadikan model kepimpinan profesional dalam pengurusan ibadah haji kontemporari di mata dunia.

Sejak tahun 2020 hingga 2025, TH telah menerima pelbagai pengiktirafan dan anugerah yang membuktikan keunggulan dan profesionalisme kepimpinannya dalam pengurusan ibadah haji. Antaranya termasuklah *Malaysia Technology Excellence Award* pada tahun 2021 dan 2023 bagi kategori Perkhidmatan Dalam Talian melalui inovasi platform digital THiJARI yang mempermudah urusan penyimpanan dan pengurusan haji secara efisien (<https://www.sinarharian.com.my/article/148158/berita/nasional/tabung-haji-menang-anugerah-kecemerlangan-teknologi-malaysia-2021>). Terbaharu, pada tahun 2025, TH turut menerima Anugerah Inspirasi Hijrah sempena *Takaful Star Awards* sebagai pengiktirafan terhadap sumbangannya dalam industri takaful. Paling membanggakan, TH telah dianugerahkan pengiktirafan tertinggi di peringkat antarabangsa melalui Anugerah Diamond (*Labaytum Diamond Award*) oleh Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi pada musim haji 1446H/ 2025M sebagai institusi bukan Arab pertama yang mencapai prestasi cemerlang melebihi 95 peratus dalam pengurusan jemaah haji. Pengiktirafan ini bukan sahaja mengangkat nama TH di peringkat antarabangsa, malah mengesahkan kepimpinan TH sebagai model unggul dalam pengurusan haji kontemporari yang bersepadu antara nilai Islam, inovasi teknologi dan tadbir urus profesional (<https://www.tabunghaji.gov.my/ms/berita/isn-06092025-1200/tabung-haji-raih-anugerah-tertinggi-labaytum-diamond-award-bagi-pengurusan>).

(iv) Fiqh Siyash dan Maqasid al-Syariah dalam Pengurusan TH

Peranan dan pencapaian cemerlang TH sebagai model kepimpinan dalam pengurusan ibadah haji kontemporari ini dapat dianalisis dan dibuktikan melalui perspektif fiqh siyash dan maqasid al-syariah. Empat aspek utama yang menunjukkan peranan dan pencapaian TH; Pertama, Pengurusan Kualiti (*Quality Management Practices - QMP*). TH telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam pengurusan kualiti, yang mana ia memainkan peranan penting dalam memastikan perkhidmatan haji yang berkualiti tinggi kepada jemaah haji Malaysia. Kajian menunjukkan bahawa QMP yang diterapkan oleh TH mempunyai kesan signifikan terhadap kepuasan pelanggan (*Customer Satisfaction - CS*) dan tingkah laku komunikasi (CB) jemaah haji dengan 75% (*Communication Behaviour - CB*) dipengaruhi oleh CS dan QMP (Ahmad, M. F., et. al., 2014). Hasil kajian ini bermakna, semakin tinggi tahap kepuasan jemaah terhadap pengurusan kualiti yang disediakan, semakin positif interaksi dan komunikasi sesama jemaah, petugas dan pihak pengurusan. Implikasinya, pendekatan TH dalam meningkatkan mutu perkhidmatan tidak hanya menjamin kelancaran urusan haji, tetapi turut memupuk suasana harmoni, empati dan kerjasama dalam kalangan jemaah haji yang menjadikan aspek ini sebagai salah satu cerminan kejayaan model kepimpinan Islam yang holistik selari dengan kehendak dan keperluan yang ditekankan dalam fiqh siyash dan maqasid al-syariah.




Kedua; TH secara konsisten melaksanakan amanah kepemimpinan berdasarkan prinsip *hifz al-din* (penjagaan agama) melalui bimbingan ibadah haji, *hifz al-Nafs* (penjagaan nyawa) melalui jaminan keselamatan dan kesihatan jemaah serta *hifz al-mal* (penjagaan harta) melalui pengurusan simpanan dan pelaburan yang patuh syariah. Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) memberi kerangka undang-undang yang kukuh untuk memelihara prinsip-prinsip ini, sekaligus menyokong amalan tadbir urus yang telus dan profesional selaras dengan tuntutan syariah dan kepemimpinan Islam. Melalui pendekatan siyasah syar'iyah, TH telah membuktikan keupayaannya mentadbir urusan haji dengan efisien berpaksikan integriti, maslahat umat dan tanggungjawab terhadap Allah SWT (Ahmad, M. F., et. al., 2014).

Ketiga; hasil analisis terhadap kepemimpinan dalam TH menunjukkan bahawa tingkah laku etika yang tinggi dalam kalangan pemimpin memainkan peranan penting dalam membentuk prestasi organisasi yang mampan. Kepimpinan beretika ini bukan sahaja memastikan pematuhan terhadap prinsip moral dan syariah, malah turut menyumbang kepada pembentukan budaya kerja yang positif, amanah dan telus. Kajian mendapati bahawa pemimpin yang mengamalkan nilai-nilai seperti keadilan, integriti, dan kerendahan hati mampu mempengaruhi pekerja dan anggota organisasi untuk bertindak secara profesional, jujur dan berorientasikan perkhidmatan (*Ibid.*). Model kepemimpinan Islam yang diamalkan oleh TH ini selaras dengan maqasid al-syariah, khususnya dalam menjaga agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), dan harta (*hifz al-mal*), sekali gus menjadikan TH sebagai sebuah institusi yang bukan sahaja cekap dari sudut pengurusan, malah membawa kesan spiritual dan sosial yang luas kepada masyarakat Islam. Pendekatan ini mengukuhkan lagi hakikat bahawa TH sebagai model kepemimpinan kontemporari yang mengintegrasikan etika, syariah dan tadbir urus strategik secara harmoni.

Keempat; hasil analisis menunjukkan bahawa pengurusan dana haji oleh TH mencerminkan tahap profesionalisme dan kebertanggungjawaban tinggi dalam melindungi kepentingan jemaah haji. Dengan menguruskan dana yang besar, TH bukan sahaja bertindak sebagai pemegang amanah terhadap simpanan jutaan pendeposit, tetapi turut memastikan bahawa pelaburan yang dilakukan adalah patuh syariah, berimpak tinggi dan memberi pulangan yang mampan. Kajian oleh Ahmad, M. F., et. al. (2014) mendapati bahawa pelaburan strategik TH dalam bidang infrastruktur dan perkhidmatan haji telah meningkatkan keberkesanan operasi dan kualiti pengalaman jemaah. Tambahan pula, sistem pengumpulan maklum balas secara berstruktur membolehkan TH mengenal pasti kelemahan dan keperluan jemaah secara tepat, yang kemudiannya diterjemahkan kepada inovasi perkhidmatan dan penambahbaikan berterusan. Hal ini membuktikan bahawa TH bukan sekadar institusi kewangan Islam, tetapi juga merupakan entiti dinamik yang mengamalkan prinsip *continuous improvement* berteraskan maqasid al-syariah dan tadbir urus korporat yang efisien (*Ibid.*).

Secara keseluruhannya, TH telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pengurusan ibadah haji melalui penerapan amalan pengurusan berkualiti, jaminan kesihatan dan keselamatan, kepemimpinan beretika dan pengurusan dana yang teliti. Kesemua aspek ini adalah selaras dengan prinsip fiqh siyasah dan maqasid al-syariah yang menekankan keadilan, kesejahteraan dan integriti dalam pengurusan ibadah haji. Namun, dalam mengemudi kepemimpinan pengurusan haji, TH turut berhadapan dengan pelbagai cabaran kontemporari yang menuntut adaptasi berterusan. Antaranya termasuklah keperluan integrasi teknologi secara menyeluruh, pengurusan risiko berkaitan keselamatan jemaah dalam suasana global yang mencabar, isu logistik yang kompleks serta pemerksaan golongan rentan seperti warga emas, wanita dan Orang Kelainan Upaya (OKU) (Yamin, M., Al-Ahmadi, H. M. & Muhammad, A. A. 2016). Dalam kerangka fiqh siyasah, cabaran ini menuntut kecekapan kepemimpinan untuk




bertindak secara bijaksana dan strategik, manakala dari sudut maqasid al-syariah, ia menuntut pemeliharaan *maslahah* awam dengan mengutamakan kesejahteraan dan kemudahan jemaah. Justeru, model kepimpinan TH bukan sahaja perlu kekal berasaskan prinsip Islam tetapi juga responsif terhadap perubahan zaman, supaya pengurusan haji terus relevan, lestari dan mendatangkan manfaat besar kepada umat Islam di Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhannya, tinjauan literatur ini menunjukkan bahawa prinsip-prinsip kepimpinan dalam pengurusan haji yang digariskan oleh Imam al-Mawardi masih mempunyai nilai signifikan dalam konteks semasa, khususnya apabila diimplementasikan oleh TH. Walau bagaimanapun, empat persoalan kajian telah digariskan untuk dijawab melalui objektif kajian ini melalui pengintegrasian antara fiqh siyasah klasik dengan sistem pentadbiran moden yang menekankan maqasid al-syariah untuk memenuhi tuntutan ibadah haji umat Islam hari ini. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis konsep kepimpinan dalam ibadah haji menurut Imam al-Mawardi; menilai sistem pengurusan haji Malaysia dari perspektif fiqh siyasah; membandingkan prinsip klasik dengan pelaksanaan kontemporari dan mengemukakan cadangan penambahbaikan berdasarkan kerangka maqasid al-syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kepustakaan bersifat deskriptif - analitik yang memfokuskan kepada analisis kandungan secara tematik dan kajian kes melalui perbandingan normatif. Data primer diperoleh daripada kitab *al-Ahkam al-Sultaniyah* karya Imam al-Mawardi, khususnya bahagian berkaitan kepimpinan dalam pengurusan ibadah haji yang telah diterjemahkan manakala data sekunder melibatkan dokumen rasmi TH termasuklah akta, garis panduan operasi, laporan tahunan dan kajian akademik terdahulu. Kaedah analisis kandungan secara tematik digunakan untuk mengenal pasti prinsip-prinsip kepimpinan dalam pengurusan ibadah haji menurut al-Mawardi yang kemudiannya yang dipadankan dengan amalan pengurusan ibadah haji kontemporari yang dilaksanakan oleh TH melalui pendekatan kajian kes melalui perbandingan normatif. Penilaian keberkesanan sistem pengurusan haji semasa turut disandarkan kepada kerangka *maqasid al-syariah* sebagai instrumen analitik. Rajah 1 menggambarkan kerangka konsep kajian ini.




Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan analisis kandungan dan perbandingan normatif antara model kepimpinan pengurusan ibadah haji menurut Imam al-Mawardi dan pelaksanaan kontemporari oleh TH. Perbincangan ini secara langsung menjawab kesemua objektif kajian yang telah ditetapkan. Dengan menggunakan pendekatan berasaskan fiqh siyasah dan maqasid al-syariah, dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua model mempunyai matlamat yang sama iaitu menjamin kemaslahatan jemaah dan kesempurnaan ibadah walaupun berbeza dari segi struktur, pendekatan dan pelaksanaannya. Maka, perbandingan ini bukan sekadar menonjolkan perbezaan bentuk, tetapi menilai tahap keberkesanan penerapan prinsip-prinsip kepimpinan Islam dalam konteks masa kini.

(i) Konsep Kepimpinan dalam Ibadah Haji menurut Imam Al-Mawardi

Kajian ini mendapati bahawa Imam al-Mawardi dalam Kitab *al-Ahkam al-Sultaniyah* membahagikan kepimpinan pengurusan ibadah haji kepada dua aspek utama iaitu aspek pentadbiran dan logistik serta aspek pelaksanaan ibadah secara langsung. Dari sudut deskriptif, kepimpinan pentadbiran merangkumi tanggungjawab mengatur pergerakan jemaah, menjamin keselamatan, penyelesaian pertikaian, pemilihan laluan terbaik, pengurusan masa dan perlindungan dari ancaman luar. Seseorang *Amir al-Hajj* perlu mempunyai ciri-ciri ditaati, dihormati, bijaksana, berani serta memiliki kefahaman hukum syarak bagi menjamin keberkesanan tugasnya. Terdapat sekurang-kurangnya sebelas kewajipan yang digariskan oleh al-Mawardi termasuk menyusun saf perjalanan, membantu jemaah lemah, menyediakan air dan rumput, mengelak laluan berbahaya dan menegakkan keadilan dalam konflik.



Dari sudut analitik, pendekatan al-Mawardi menekankan aspek kecekapan operasi berasaskan *maslahah* iaitu mengutamakan kesejahteraan umum dan kelangsungan ibadah haji. Beliau turut memperincikan pengurusan waktu wukuf di Arafah, syarat-syarat khutbah haji yang perlu disampaikan oleh imam dan tatacara perjalanan berdasarkan sunnah. Kuasa seorang *Amir al-Hajj* juga tertakluk kepada tempoh tertentu dari 7 hingga 13 Zulhijjah dengan pelbagai tanggungjawab ritual seperti khutbah di Arafah, solat berjemaah, lontaran jamrah dan ziarah ke Madinah. Kuasa tersebut tidak bersifat mutlak, tetapi tunduk kepada hukum-hakam syarak dan batasan wilayah kuasa.


Kepimpinan haji menurut al-Mawardi juga memperlihatkan satu model pentadbiran ibadah yang berintegrasi antara syariah dan logistik, menunjukkan bahawa pemimpin ibadah haji bukan sekadar seorang pemimpin ritual, tetapi juga seorang pemimpin strategik, teknokrat dan berautoriti dalam mengurus manusia, masa, ruang dan krisis. Pandangan ini menepati kerangka *fiqh siyasah* yang memerlukan kebijaksanaan dalam menerapkan hukum syarak dalam konteks realiti pentadbiran negara atau ummah. Justeru, model kepemimpinan haji yang digariskan oleh al-Mawardi memberi asas penting dalam penilaian terhadap amalan pengurusan haji kontemporari seperti yang dilaksanakan oleh TH di Malaysia, yang turut menekankan prinsip maqasid al-syariah dan tadbir urus berkesan.

Selain daripada peranan logistik dan pengawasan ibadah, Imam al-Mawardi turut menekankan bahawa kepemimpinan ibadah haji tidak terlepas daripada aspek ketelusan dalam penyampaian hukum dan bimbingan spiritual kepada jemaah. Hal ini dibuktikan melalui penetapan tanggungjawab menyampaikan khutbah Arafah oleh imam yang dilantik. Pelantikan tersebut bukan sahaja perlu menjelaskan hukum-hakam berkaitan ibadah haji, malah turut menyentuh isu-isu sosial, keadilan dan nasihat agama. Inilah cerminan sifat kepemimpinan *ta'limi* (pembimbing) yang bukan sekadar bersifat pentadbiran, tetapi turut mendidik dan membentuk kesedaran rohani ummah. Dalam konteks ini, khutbah bukan hanya ibadah simbolik, tetapi platform pendidikan awam (*tazkirah ijtimaiyyah*) yang berfungsi sebagai penyatu ummah dan alat penyampaian dasar Islam secara langsung. Pemimpin haji menurut beliau lagi perlu memiliki kefasihan dalam menyampaikan mesej yang benar, tidak menyimpang dari nas al-Quran dan sunnah serta mengelak ucapan yang bersifat remeh atau bidaah selaras dengan kualiti yang menuntut gabungan ilmu, adab dan karisma dakwah.

Di samping itu, Imam al-Mawardi dengan jelas turut mengaitkan fungsi kepemimpinan haji sebagai wakil kuasa pemerintahan Islam, yang tidak hanya bertanggungjawab di padang pasir tetapi mencerminkan autoriti syariah di luar sempadan politik biasa. Hal ini terbukti melalui penegasan beliau tentang kuasa *Amir al-Hajj* dalam pelaksanaan hukuman hudud atau ta'zir jika berlaku kesalahan sepanjang perjalanan haji, menandakan keperluan adanya struktur kehakiman bergerak (*mobile justice*) dalam misi keagamaan ini. Kenyataan ini memperkukuh tanggapan bahawa perjalanan haji bukan sekadar ritual ke Mekah, tetapi ekspedisi spiritual-politik yang membawa imej pemerintahan Islam. Maka, kuasa ini perlu dijalankan dengan penuh amanah, hikmah dan ihsan, sejajar dengan prinsip *siyasah syar'iyah* yang mendahulukan *maslahah* ummah, mencegah fitnah dan mengekalkan kestabilan sosial. Prinsip-prinsip ini bukan sahaja relevan dalam kerangka klasik, bahkan menjadi inspirasi penting kepada model pengurusan ibadah haji moden seperti yang diamalkan oleh TH kerana turut berhadapan dengan cabaran kerumitan logistik, kepelbagaian latar belakang jemaah serta tuntutan ketelusan dalam tadbir urus global masa kini.

Kesimpulannya, konsep kepemimpinan dalam pengurusan ibadah haji menurut Imam al-Mawardi memperlihatkan satu kerangka pengurusan yang menyeluruh, merangkumi aspek fizikal, rohani dan politik. Model yang diketengahkan oleh beliau bukan sahaja menekankan kecekapan logistik dan pelaksanaan ibadah secara tersusun, tetapi juga menegaskan keperluan kepemimpinan berasaskan ilmu, integriti dan hikmah dalam menjamin kemaslahatan umat sepanjang pelaksanaan ibadah haji. Kualiti seperti keadilan, keberanian, kefahaman syarak serta keupayaan menyampaikan khutbah dan menyelesaikan konflik menjadikan kepemimpinan haji sebagai satu institusi yang berautoriti dan strategik dalam konteks siyasah Islamiyah. Ketegasan beliau terhadap tanggungjawab *Amir al-Hajj* dalam pelaksanaan undang-undang syariah turut membuktikan bahawa ibadah haji tidak boleh dipisahkan daripada prinsip pentadbiran negara yang adil dan berintegriti.


Dengan itu, pemikiran al-Mawardi menjadi asas penting dalam menilai keberkesanan model kepemimpinan ibadah haji kontemporari seperti TH. Institusi tersebut bukan sahaja melaksanakan tanggungjawab secara profesional dan patuh syariah, tetapi turut mengintegrasikan *pendekatan maqasid al-syariah* dan *fiqh siyasah* dalam memastikan pengurusan ibadah haji kekal relevan, mampan dan berkesan dalam era globalisasi. Rajah 2 menjelaskan kerangka konsep model kepemimpinan dalam pengurusan ibadah haji menurut Imam al-Mawardi bersandarkan hujah beliau melalui *Kitab al-Ahkam al-Sultaniyah*.



Rajah 2: Kerangka Konsep Model Kepimpinan dalam Pengurusan Ibadah Haji Menurut Imam al-Mawardi melalui *Kitab Al-Ahkam Al-Sultaniyah*, 1996

(ii) Sistem Pengurusan Ibadah Haji Malaysia dari Perspektif Fiqh Siyasah

Dalam konteks Malaysia, berdasarkan maklumat yang dijelaskan oleh TH melalui laman web <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/haji/maklumat-am/pengurusan-haji>, pengurusan haji yang dilaksanakan oleh TH merupakan satu proses yang berterusan sepanjang tahun dan



dilaksanakan secara sistematik demi memastikan kelancaran operasi ibadah haji bagi jemaah Malaysia. TH menyediakan perkhidmatan menyeluruh bermula daripada proses simpanan awal, bimbingan ibadah, pemeriksaan kesihatan, pengurusan visa dan pasport sehingga kepada kepulangan jemaah ke tanah air selepas menyempurnakan ibadah. Secara keseluruhannya, pengurusan haji di Malaysia melibatkan 20 aktiviti utama yang merentasi dua fasa perkhidmatan iaitu semasa di tanah air dan ketika berada di tanah suci.

Antara proses utama yang perlu dilaksanakan ialah penghantaran Surat Jadual Penerbangan (SJP), pengumpulan dan pengesahan pasport antarabangsa serta pendaftaran biometrik melalui aplikasi *Saudi Visa Bio*. Seterusnya, bakal haji diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan yang menyeluruh termasuk ujian fizikal, ujian darah dan suntikan *Vaksin Meningococcal Quadrivalent ACYW-135*. Pemeriksaan kesihatan ini adalah penting bagi mengenal pasti tahap kesihatan dan penyakit sedia ada yang mungkin dihadapi selain daripada memastikan persediaan fizikal dan kesihatan jemaah dalam keadaan terbaik untuk menunaikan haji. Semua proses ini diselia dan dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui sistem MyVAS, manakala senarai pusat vaksinasi dan tempat pemeriksaan kesihatan disediakan bagi setiap negeri.


Dalam hal pembatalan atau penundaan pemergian haji, TH menetapkan garis panduan dan kadar denda tertentu bergantung pada tahap proses yang telah disempurnakan. Denda ini terbahagi kepada tiga kategori: 5% daripada amaun bayaran haji dikenakan jika pembatalan dibuat selepas bayaran haji didebitkan; 20% jika selepas jadual penerbangan dikeluarkan; dan 40% jika selepas visa haji diperuntukkan. Langkah-langkah ini bertujuan memastikan pengurusan sumber dan kos pentadbiran haji dilakukan secara efisien serta menggalakkan komitmen jemaah terhadap pelaksanaan ibadah yang telah dirancang. Sistem ini mencerminkan profesionalisme, kecekapan serta ketelusan tadbir urus TH dalam mengurus jutaan jemaah haji pada setiap musim.

Dari perspektif fiqh siyasah, sistem pengurusan ibadah haji yang dilaksanakan oleh TH mencerminkan satu bentuk tadbir urus Islam yang menepati prinsip kepentingan umum (*maslahah 'ammah*) dan pentadbiran berteraskan syariah (*siyasah syar'iyah*). Pelaksanaan tanggungjawab secara berstruktur oleh TH bermula daripada pengumpulan simpanan, penyusunan perjalanan, penjagaan kesihatan jemaah hingga kepada pemantauan di Tanah Suci adalah suatu bentuk perlaksanaan kuasa pentadbiran yang diiktiraf dalam Islam selagi ia dilakukan bagi memelihara lima prinsip maqasid al-syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Dalam konteks ini, pelaksanaan sistem pemeriksaan kesihatan wajib, penjadualan penerbangan serta pemantauan pergerakan jemaah haji melalui aplikasi rasmi dan kerjasama dengan agensi antarabangsa seperti Arab Saudi menunjukkan kesungguhan TH melaksanakan amanah negara selaras dengan konsep *wilayah al-tafwid* iaitu autoriti tadbir urus yang diberikan pemerintah kepada institusi tertentu untuk melaksanakan *maslahah* rakyat.

Selain itu, tindakan TH mengenakan penalti terhadap pembatalan atau penundaan haji juga dapat dianalisis melalui kerangka *ta'ziri* dalam fiqh siyasah iaitu bentuk pencegahan dan kawalan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa demi menjaga kelancaran pentadbiran dan mengelakkan kemudaratan kolektif. Hal ini disebabkan oleh sebarang kelewatan, pembatalan atau ketidakhadiran yang tidak dimaklumkan secara rasmi boleh menjejaskan aspek logistik, kos operasi dan peluang jemaah lain. Justeru, denda yang dikenakan bukanlah bersifat menghukum, tetapi bertujuan menggalakkan disiplin dan tanggungjawab sosial dalam konteks ibadah berskala besar. Tindakan ini menepati prinsip siyasah Islam yang membenarkan pemerintah menggubal peraturan pentadbiran dalam perkara muamalat yang tidak dijelaskan

secara spesifik dalam nas selagi mana perkara tersebut mendatangkan *masalah* dan tidak bercanggah dengan syariah.

Maka, sistem pengurusan haji oleh TH bukan sahaja berfungsi sebagai entiti logistik atau kewangan, tetapi turut menjelmakan ciri-ciri pemerintahan Islam yang berpaksikan hikmah, keadilan dan kecekapan, sebagaimana yang digariskan dalam fiqh siyasah oleh para ulama' seperti Imam al-Mawardi dan Ibn Taymiyah (Tumanian, T., 2016). Rajah 2 menerangkan tentang kerangka konsep model kepimpinan dalam pengurusan ibadah haji kontemporari yang dilaksanakan oleh TH.



Rajah 3: Kerangka Konsep Model Kepimpinan dalam Pengurusan Ibadah Haji Kontemporari, Implementasi oleh Lembaga Tabung Haji Malaysia (TH), 2025

Sumber: <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/haji/maklumat-am/pengurusan-haji>

(iii) Perbandingan Model Kepimpinan dalam Pengurusan Ibadah Haji Klasik dengan Pelaksanaan Kontemporari

Salah satu pendekatan penting dalam menilai keberkesanan tadbir urus haji ialah dengan membuat perbandingan antara prinsip klasik kepimpinan ibadah haji yang dirumuskan oleh Imam al-Mawardi dalam karya *al-Ahkam al-Sultaniyyah* dengan model pelaksanaan kontemporari oleh TH. Al-Mawardi menekankan bahawa pelaksanaan ibadah haji bukan sahaja memerlukan pengurusan logistik dan bimbingan spiritual, tetapi ibadah ini menuntut kepimpinan yang berautoriti, ditaati dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan serta kesempurnaan ibadah jemaah. Pandangan ini sangat relevan dalam kerangka fiqh siyasah, yang mengiktiraf kuasa pemerintah atau wakilnya untuk mentadbir urusan awam demi *masalah* ummah.

Dalam konteks Malaysia, TH telah mengambil pendekatan sistematik dengan memformalisasikan pelbagai aspek yang disentuh oleh al-Mawardi, termasuk pelantikan pemimpin haji atau juga disebut sebagai Ketua Rombongan Haji, penyampaian khutbah,

penyelesaian pertikaian dan pengurusan keselamatan. Namun, dalam realiti moden yang berhadapan dengan tuntutan birokrasi dan kepelbagaian peraturan antarabangsa, peranan *Amir al-Hajj* telah dibahagikan kepada beberapa sektor dan jabatan khusus di bawah TH. Jabatan-jabatan ini dikelaskan kepada lima sektor utama iaitu Operasi, Pelaburan, Haji, Teknologi Maklumat dan Digital serta Sokongan Kumpulan (<https://www.tabunghaji.gov.my/ms/korporat/struktur-organisasi/carta-organisasi>).

Keberkesanan tadbir urus ini turut didokong oleh perundangan sedia ada iaitu Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) serta pengiktirafan kualiti antarabangsa seperti pensijilan MS ISO.

Perbandingan ini menunjukkan bahawa meskipun kerangka klasik al-Mawardi lebih ringkas dan berasaskan sistem khalifah, prinsip asas seperti keadilan, kecekapan, tanggungjawab dan bimbingan kekal relevan sehingga kini. Malah, pelaksanaan oleh TH telah memperluas peranan tersebut melalui integrasi teknologi, standard pengurusan moden dan penyelarasan dengan pihak berkuasa Arab Saudi serta KKM. Aspek-aspek seperti vaksinasi, sistem pengesanan digital (THiJARI) dan bimbingan berjadual merupakan inovasi kontemporari yang menyokong prinsip-prinsip maqasid al-syariah dalam menjaga agama, nyawa dan harta.


Oleh itu, perbandingan ini tidak bertujuan meletakkan satu model lebih baik daripada yang lain, tetapi untuk menilai bagaimana prinsip-prinsip fiqh siyasah yang diutarakan oleh tokoh ulama' klasik seperti al-Mawardi dapat dijelmakan dan dipraktikkan dalam konteks semasa secara profesional, sistematik dan berteraskan maqasid al-syariah. Jadual 1 berikut merumuskan perbandingan antara kepimpinan pengurusan ibadah haji menurut al-Mawardi dan pelaksanaan oleh TH dalam 11 aspek utama yang berkaitan secara langsung dengan fungsi pentadbiran dan keagamaan.

Jadual 1: Perbandingan Kepimpinan dalam Pengurusan Ibadah Haji Imam al-Mawardi dengan Pelaksanaan Tabung Haji Malaysia

Bil.	Imam al-Mawardi (<i>Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah</i>)	Aspek Kepimpinan	Lembaga Tabung Haji Malaysia (TH)
1	Pemimpin wajib melantik <i>Amir al-Hajj</i> yang berwibawa untuk mengurus ibadah haji.	Pelantikan <i>Amir al-Hajj</i>	Melantik Ketua Rombongan Haji dan pegawai-pegawai pengurusan yang berperanan sebagai Amir al-Hajj moden.
2	Amir al-Hajj bertanggungjawab menyampaikan khutbah kepada jemaah bagi memperkukuh kefahaman agama.	Penyampaian Khutbah Haji	Bimbingan ibadah dan penyampaian tazkirah serta khutbah dilaksanakan secara berjadual oleh pegawai agama.
3	Pemerintah perlu memastikan keselamatan dan kesejahteraan jemaah sepanjang perjalanan haji.	Keselamatan dan Perlindungan Jemaah	Penggunaan teknologi keselamatan, kawalan kesihatan, serta kerjasama dengan pihak keselamatan Arab Saudi.

Bil.	Imam al-Mawardi (Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah)	Aspek Kepimpinan	Lembaga Tabung Haji Malaysia (TH)
4	Disyariatkan pemimpin menyelesaikan pertikaian secara adil untuk mengekalkan keharmonian.	Penyelesaian Pertikaian	Menyediakan mekanisme aduan, pemantauan dan penyelesaian pertikaian melalui saluran rasmi dan kaunseling.
5	Perlu ada penyelarasan pergerakan jemaah, penyediaan kenderaan, laluan dan penginapan.	Pengurusan dan Penyelarasan Logistik	Melibatkan 20 aliran aktiviti operasi haji merangkumi logistik, makanan, tempat tinggal dan pergerakan.
6	Tidak diperincikan secara mendalam tetapi keperluan tadbir urus dana haji secara amanah disebut.	Pengurusan Kewangan & Simpanan Haji	Mengurus dana melalui sistem simpanan syariah, pelaburan patuh syariah, dan pemantauan risiko kewangan – Akta 535.
7	Tiada sebutan khusus tetapi ditekankan amanah dan kecekapan pentadbiran dalam semua aspek.	Pengurusan Berkualiti dan Piawaian MS ISO	TH diperakui dengan pensijilan MS ISO untuk pengurusan berkualiti termasuk perkhidmatan pelanggan dan tadbir urus.
8	Hanya boleh menjatuhkan ta'zir atau hudud jika berkaitan ibadah haji dan ada kuasa	Pelaksanaan Hukuman Syariah	Tidak berkuasa menjatuhkan hukuman; bergantung pada perundangan Malaysia & Arab Saudi
9	Tidak disebut secara langsung	Kemudahan Kesihatan dan Vaksinasi	Pemeriksaan kesihatan, vaksinasi dan rekod digital diselaras bersama KKM
10	Tidak disebut secara langsung	Infrastruktur dan Teknologi	Gunakan sistem digital (THiJARI), sistem pengesanan dan teknologi pintar dalam kawalan
11	Syarat pemimpin haji: ditaati, bijaksana, dihormati dan mampu memimpin	Tadbir Urus dan Profesionalisme	Amalan profesional dan berakauntabiliti berdasarkan Akta TH 1995 dan pengiktirafan antarabangsa

Namun begitu, terdapat beberapa perbezaan ketara antara model kepimpinan haji menurut al-Mawardi dan pelaksanaan kontemporari oleh TH. Al-Mawardi menggariskan 10 fungsi utama pemimpin ibadah haji termasuk khutbah, kawalan perjalanan, bimbingan manasik, penyelesaian pertikaian dan perlindungan jemaah. Konsep ini menekankan



kepimpinan yang bersifat patuh syariah, responsif terhadap keperluan masyarakat dan berorientasikan *maslahah* awam. Beliau menekankan keperluan seorang pemimpin utama yang menggalas kesemua tanggungjawab spiritual dan pentadbiran ini secara serentak melalui pelantikan *Amir al-Hajj* yang faqih dan adil. Sebaliknya, TH mengagihkan tanggungjawab tersebut kepada pelbagai jabatan dan petugas berdasarkan struktur pengurusan moden.

Selain itu, khutbah haji menurut al-Mawardi dilaksanakan secara bersiri di lokasi-lokasi tertentu seperti Arafah, Mina dan Muzdalifah dengan kandungan yang memfokuskan unsur *tarbawi* (pendidikan rohani) dan *fiqhiyah* (hukum-hakam syarak). Khutbah ini bukan sahaja bertujuan memberi panduan praktikal kepada jemaah tetapi juga berfungsi sebagai medan penyatuan ummah melalui penyampaian nasihat agama, peneguhan akidah dan peringatan terhadap adab-adab dalam ibadah haji. Melalui model ini, khutbah menjadi instrumen penting untuk memperkukuh kefahaman dan komitmen terhadap ibadah serta medium penerapan dasar syariah secara langsung dalam konteks ibadah massal.

Implications for Inclusive Message: For the audience with dominant reading, the inclusive da'wah message from UAH will be accepted as the correct guidance. They will see it as a reflection of Islam which is rahmatan lil 'alamin and evidence of the breadth of UAH's knowledge.

Negotiated Reading: Contextualizing Messages in Personal Reality


This reception pattern shows an active and critical audience. They accept the authority and general truth of the UAH message, but they "negotiate" the message by drawing it into the context, problems, and realities of their personal lives. The comment section becomes a mass consultation space.

From General Principles to Personal Cases: This is the most common form of negotiation. When UAH conveys a general theme such as "being devoted to parents", the audience negotiates it with contextual questions: "But how is it, Ustadz...my mother knows the same and only money...". Similarly, when the theme is "disaster", the comment column is filled with specific complaints about death, debt, and gambling addiction, indicating that they accept UAH's concept of patience but need guidance to apply it to their unique problems.

Contemporary Fiqh Clarification Requests: The audience accepts UAH as a reference, but they demand that this authority be applied to modern issues not discussed in the video. Repeated questions about the law of Bitcoin, YouTube AdSense, or the status of zakat for Palestine are a form of negotiation. They are saying, "We believe you, Ustadz, but please explain how this teaching applies to our world today."

Self-Identification and Conditional Commitment: In the video about the obedient servant and the sinner, many audience members identified themselves ("I am still in the second group..."). This is a negotiation in which they accept the UAH classification, but place conditions and expectations on themselves, indicating a commitment that is still in progress.

Implications for Inclusive Messaging: This audience will likely accept the general principles of inclusive preaching. However, they will immediately negotiate it with difficult questions:



"What are the limits of tolerance?", "How can we be inclusive if our group is being attacked?", or "How do we respond to local culture X that some people consider shirk?"

Oppositional Reading: Resistance and Counter-Discourse

This pattern indicates an active rejection of UAH's message, figure, or platform. The comments section becomes a battleground where UAH's authority is directly challenged.

Direct Criticism of Figure and Competence: A small portion of the audience openly rejected UAH's figure, calling his lectures "template and boring" or accusing him of being "bitchy and arrogant." Others criticized UAH for discussing issues outside of pure religion, such as politics. This was a rejection of UAH's personal and scholarly authority.

Political Counter-Discourse: A very common form of resistance is political accusations. UAH is accused of being close to power, of "liking to suck up to oppressive leaders," or of being questioned about its affiliation with certain political figures. This audience reads all UAH messages, including non-political ones, through a political lens and rejects them based on that framework.

Counter Theological and SARA Discourse (Brigading): The strongest resistance comes from accounts that carry different ideologies. Provocative comments such as "Muslims, repent to the Lord Jesus" are a form of oppositional reading from a completely different theological framework. So are comments that systematically attack other groups (for example, the issue of Habib's lineage).

Infrastructural Opposition (Online Gambling Spam): The massive phenomenon of online gambling spam can be interpreted as a unique form of opposition. These bots do not care about content, but their presence effectively damages the discussion ecosystem, drowns out original comments, and creates an environment that is not conducive to the reception of da'wah messages. This is a rejection of the function of the platform itself. Implications for Inclusive Messages: For oppositional audiences, inclusive da'wah messages will be an easy target. This message will be rejected outright and framed as evidence that UAH is "liberal", "not firm", "selling its religion for politics", or "too soft". They will present more literal and exclusive counterarguments to counter the inclusive narrative.


The reception analysis of Ustadz Adi Hidayat's YouTube channel proves that the comment column is not a passive space, but rather a lively digital public sphere. This finding clearly confirms the validity of Stuart Hall's Encoding/Decoding model in the context of contemporary da'wah. The authority of a da'i of UAH's caliber is not absolute in the digital space; it is constantly reinforced, negotiated, and challenged by his heterogeneous audience.

The presence of these three reception patterns shows that every message of da'wah, especially those that are inclusive and moderate, will experience a different process of meaning. The message will become:

An affirmation for a loyal and dominant reading audience base.

A Starting Point for Discussion for a negotiating audience that will demand contextualization and practical relevance.

A Trigger of Conflict for oppositional audiences who will use the message as ammunition to attack the preacher's figure from various angles—whether theological, political, or personal.



Thus, this study concludes that the success of delivering inclusive preaching messages in the digital era does not only depend on the strength of the preacher's arguments, but also on the complex dynamics of audience reception that occur in interactive spaces such as the YouTube comment column.

CONCLUSION

This study concludes that the digital audience's reception of the da'wah message on Ustadz Adi Hidayat's (UAH) YouTube channel is a dynamic, multi-layered, and far from uniform process. The comment column does not function as a passive space to receive information, but rather as an active digital public sphere, where the meaning of the da'wah message is constantly produced, negotiated, and contested by a heterogeneous audience.

Based on the analysis using Stuart Hall's reception theory framework, three main reception patterns were found which describe how inclusive and moderate preaching messages will be interpreted by the audience:

Dominant Reading: Most of the audience showed full acceptance of the scientific authority and personal figure of UAH. For them, the inclusive message was accepted as a valid truth and became evidence of the breadth of knowledge and a reflection of Islam as rahmatan lil 'alamin. This group actively strengthened and spread the narrative built by UAH.

Negotiation Reading: A large audience accepts the general tenets of the UAH message, but actively negotiates it by drawing it into the context of the personal, economic, and social issues they face. The comment section becomes a mass consultation platform, where audiences ask for practical guidance on how to apply the general tenets to their unique and complex situations. This suggests that the inclusive message will be accepted conceptually, but its implementation will be continually questioned and adjusted to the realities of the audience.


Oppositional Reading: There is an audience segment that actively rejects UAH's message and figure through various counter-discourses. This rejection appears in the form of criticism of UAH's competence and attitude, political accusations that consider it partisan, theological attacks from other groups (brigading), to sabotage of digital infrastructure through massive attacks of online gambling spam that damage the discussion ecosystem. For this group, the inclusive preaching message will actually trigger conflict and be considered as evidence of political weakness or compromise.

Ultimately, this study confirms that the "influence" of a preacher in the digital era is not linear. Every message released into the digital public space will be greeted by a complex spectrum of receptions, which shape, change, and even reject the initial meaning of the message.

RESEARCH LIMITATIONS

The researchers realize that this study has several limitations that need to be acknowledged, which can also be gaps for future research:

Limited Generalization: As a qualitative research with a case study method on one YouTube channel, these findings cannot be generalized to represent the entire digital da'wah audience in Indonesia. The reception patterns found are specific to the community and context of the UAH channel.



Online-Offline Persona Gap: This analysis relies entirely on text data in the comments section. There is no guarantee that what someone writes anonymously online fully reflects their attitudes, beliefs, or behaviors in the real world.

Researcher Subjectivity: The process of coding and interpreting qualitative data contains elements of subjectivity from the researcher. Although an attempt has been made to be objective by adhering to a theoretical framework, other researchers may be able to draw slightly different nuances of interpretation from the same data.

Data Scope: This study only analyzes data from the YouTube platform and is limited to a certain time period. Reception and discussion of UAH messages that occur on other platforms (such as TikTok, X/Twitter, or Facebook) that have different audience characteristics and formats are not covered in this study.

SUGGESTION

Based on the findings and limitations above, several directions for further research can be suggested to enrich understanding of the digital da'wah phenomenon:

Quantitative Research (Survey): To complement these qualitative findings, further research can use survey methods to measure how large a proportion (percentage) of the audience falls into the dominant, negotiated, and oppositional reading categories.

In-depth Interview: To bridge the gap between online and offline personas, further studies can conduct in-depth interviews with a sample of audiences who actively comment on UAH channels to explore their motivations, understanding, and implementation of da'wah messages in their real lives.

Comparative Study: Conducting a comparative reception analysis between UAH's da'wah channel and other da'wah channels that have different styles, approaches, or affiliations (for example, traditional da'wah, progressive da'wah, or female da'wah) to see whether the reception patterns are similar or different.

Cross-Platform Analysis: Examining how UAH lecture video clips are recontextualized and responded to on different format platforms such as TikTok or X/Twitter, which may result in unique patterns of interaction and reception.

Longitudinal Studies: Conducting longitudinal research that tracks changes in audience reception of a particular issue (e.g., religious moderation) over a longer period of time to see if attitudes shift as the social and political context changes.

ACKNOWLEDGEMENT

This research would not have been possible without the support of various parties. Therefore, the author would like to express his sincere appreciation and gratitude to the Head of the Islamic Communication and Broadcasting Masters Study Program who has contributed in guiding and directing. This support is very crucial in facilitating each stage of the research until its completion.

CONFLICT OF INTEREST STATEMENT

The author declares that there is no conflict of interest in the publication of this article. The entire process of research, data analysis, and manuscript writing was carried out independently without any influence from any party that could potentially cause bias or hidden interests.

REFERENCES

Aligwe, N. H., Nwafor, K. A., & Alegu, J. C. (2018). Stuart Hall's Encoding-Decoding Model: A Critique. *World Applied Sciences Journal*, XXXVI(9), 1019-1023. doi:10.5829/idosi.wasj.2018.1019.1023

Ardyan, E., Boari, Y., Akhmad, A., Yuliyani, L., Hildawati, H., Suarni, A., & Judijanto, L. (2023). *Metode Penelitian Kualitatif dan Kuantitatif: Pendekatan Metode Kualitatif dan Kuantitatif di Berbagai Bidang*. Jambi: PT. Sonpedia Publishing Indonesia.

Azmin, M. E. (2024). *Pengaruh Menonton Video Dakwah di Channel Youtube Khalid Basalamah Official Terhadap Perilaku Keagamaan Mahasiswa Komunikasi dan Penyiaran Islam UIN Jakarta*. UIN Jakarta, Department of Communication and Islamic Broadcast. Jakarta: UIN Jakarta. Retrieved June 13, 2025, from <https://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/76955/1/MOHAMMAD%20ENDY%20ULUL%20AZMI-FDK.pdf>

Borkovich, D. J. (2022). Digital Ethnography: A Disruptive Qualitative Approach to Inquiry. *The Journal of Computer Information Systems*, XXIII(4), 119-134. doi:doi.org/10.48009/4_iis_2022_111

Carcary, M. (2020). The Research Audit Trail: Methodological Guidance for Application in Practice. *EJBRM: Electronic Journal of Business Research Methods*, XVIII(2), 166-177. doi:https://doi.org/10.34190/JBRM.18.2.008

Fidha, R., Rofi'ah, & Rosidah, N. S. (2024, June). Analisis Pesan Dakwah Ustadz Muhammad Nuzul Dzikri Melalui Media YouTube. *KOLONI: Jurnal Multidisiplin Ilmu*, 3(2), 232-236. Retrieved June 13, 2025, from <https://koloni.or.id/index.php/koloni/article/view/646/597>

Hildawati, H., Suhirman, L., Prisuna, B. F., Husnita, L., Mardikawati, B., Isnaini, S., & Saktisyahputra, S. (2024). *Buku Ajar Metodologi Penelitian Kuantitatif & Aplikasi Pengolahan Analisa Data Statistik*. Jambi: PT. Sonpedia Publishing Indonesia.

Hilmi, M. (2021, February 13). Youtube as Da'wah Media Innovation in Disruption Era. *Muharrrik: Jurnal Dakwah dan Sosial*, IV(1), 21-31. doi:10.37680/muharrrik.v3i02.234

Jannah, S. M. (2021). *Pengaruh Konten Dakwah Channel Youtube Ustadz Abdul Somad Official Terhadap Pemahaman Akidah Islam Remaja di Kecamatan Kota Sumenep*. UIN Surabaya, Department of Communication and Islamic Broadcast. Surabaya: UIN Surabaya. Retrieved June 13, 2025, from http://digilib.uinsa.ac.id/51277/2/Sulis%20Miriatul%20Jannah_B91217096.pdf

Khotimah, N., Supena, I., Amin, N., Putra, P. A., & Setyawan, A. (2024, December). Analysis of Digital Da'wa Ideology on Social Media: A Case Study of Preaching Actors on

Youtube. *Ilmu Dakwah: Academic Journal for Homiletic Studies*, XVIII(2), 283-302. doi:10.15575/idajhs.v18i2.33698

Li, J., Adnan, H. M., & Gong, J. (2023, December 10). Exploring Cultural Meaning Construction in Social Media: An Analysis of Liziqi's YouTube Channel. *Journal of Intercultural Communication*, XXIII(4), 1-12. doi:doi.org/10.36923/jicc.v23i4.237

Lietz, C. A., Langer, C. L., & Furman, R. (n.d.). Establishing Trustworthiness in Qualitative Research in Social Work: Implications from a Study Regarding Spirituality. *Qualitative Social Work*, V(4), 441-458. doi:https://doi.org/10.1177/14733250060702

Mahpur, M. (2017). Memantapkan analisis data kualitatif melalui tahapan koding. *Fakultas Psikologi Universitas Islam Negeri Malang, Malang.*, 1-17.

Mutmainna, N., Masri, A. R., Tike, A., & Akil, M. A. (2024, August 13). YouTube Social Media in the Development of Online Da'wah for the Millennial Generation in Makassar City. *Indonesian Journal of Advanced Research (IJAR)*, III(8), 1265-1274. doi:https://doi.org/10.55927/ijar.v3i8.10531

Nisa, K., Makarim, C., & Ikhtiono, G. (2023, March). Pengaruh Pesan Dakwah pada Channel Youtube Shift Media Terhadap Perilaku Beragama Remaja Muslim Citayam Depok. *KOLONI: Jurnal Multidisiplin Ilmu*, 2(1), 96-102. Retrieved June 13, 2025, from <https://koloni.or.id/index.php/koloni/article/view/400/347>

Nurrohman, A. S., & Mujahidin, A. (2022, February). Strategi Dakwah Digital dalam Meningkatkan Viewers di Channel YouTube Jedan Nulis. *JUSMA: Jurnal Studi Islam dan Masyarakat*, I(1), 20-32. Retrieved June 12, 2025, from <https://download.garuda.kemdikbud.go.id/article.php?article=3241615&title=STRATEGI+D+AKWAH+DIGITAL+DALAM+MENINGKATKAN+VIEWERS+DI+CHANNEL+YOUTUBE+JEDA+NULIS&val=28392>


Paoli, A. D., & D'Auria, V. (2021). Digital Ethnography: A Systematic Literature Review. (P. D. Nicola, Ed.) *ISR: Italian Sociological Review*, XI(4), 243-267. doi:10.13136/ISR.V11I4S.434

Prajanto, M. R., & Kertamukti, R. (2023, June 2). Habib Husein Ja'fars Self Presentation Strategy. *Jurnal Komunikasi Global*, XII(1), 52-58. doi:10.24815/JKG.V12I1.31101

Purnomo, M. H. (2021, June 16). Managing YouTubeChannel as a Virtual Da'wah Movementfor Islamic Moderatism. *Muharrrik: Jurnal Dakwah dan Sosial*, IV(1), 97-109. doi:10.37680/muharrrik.v3i02.772

Ravi, M. (2024). *PENGARUH MEDIA YOUTUBE CERAMAH USTAD ADI HIDAYAT DALAM MENAMBAH KEPERCAYAAN DIRI MAHASISWA ILMU KOMUNIKASI UIN SUSKA RIAU*. UIN Riau, Department of Communication Science. Riau: UIN Riau. Retrieved June 13, 2025, from <https://repository.uin-suska.ac.id/81239/1/SKRIPSI%20FUL%20KECUALI%20BAB%20V%20MUHAMMAD%20RAVI.pdf>

Smith, S. E., Sivertsen, N., Lauren, L., & Bellis, A. D. (2023, July 18). Netnography: A novel methodology for nursing research. *Journal of Advanced Nursing*, LXXIX(11), 4207-4217. doi:10.1111/jan.15798



Sugiono, S., Noerdjanah, N., & Wahyu, A. (2020). Uji validitas dan reliabilitas alat ukur SG posture evaluation. *Jurnal Keterampilan Fisik Vol 5*, 55-61.

Sun, L., Hu, L., & Danhua, Z. (2022, January 29). Programming attitudes predict computational thinking: Analysis of differences in gender and programming experience. (104457, Ed.) *Computers & Education, CLXXXI(27)*. doi:10.1016/j.compedu.2022.104457

Warliah, W., Abdillah, Y. A., & Huda, A. M. (2024, Mei 12). Platform YouTube sebagai Sarana Dakwah Masa Kini: Kontribusi Habib Jafar. *Busyro: Jurnal Dakwah dan Komunikasi Islam, V(2)*, 80-91. doi:10.55352/kpi.v5i2.1541

Yulianto, R. T. (2020). *DAKWAH DIGITAL: STUDI ETNOGRAFI VIRTUAL AKUN INSTAGRAM @EDHNX*. Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Purwokerto, Department of Communication and Islamic Broadcast. Purwokerto: Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Purwokerto. Retrieved June 12, 2025, from https://repository.uinsaizu.ac.id/8062/2/Rifan%20Tri%20Yulianto_Dakwah%20Digital%3B%20Studi%20Etnografi%20Virtual%20Akun%20Instagram%20%40Edhnx.pdf?utm_source=chatgpt.com

PELANTIKAN PEMIMPIN DALAM KONTEKS PEMIKIRAN AL-MAWARDI: KAJIAN PERBANDINGAN DENGAN PROSES PILIHAN RAYA DI MALAYSIA

Muhammad Mustaqim Bin Amran,
Muhammad Asraf Bin Mohd Johar
Zulkefli Bin Aini
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan konsep pelantikan pemimpin menurut pemikiran klasik Imam al-Mawardi dalam karya *al-Ahkam al-Sultaniyyah* serta perbandingannya dengan proses pilihan raya moden di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis literatur dengan fokus terhadap aplikasi teori pelantikan pemimpin berdasarkan prinsip *maqasid al-syariah* dan *siyasah shariyyah*. Al-Mawardi mensyaratkan pelantikan imam atau khalifah hendaklah berdasarkan ciri seperti keadilan, ilmu, keberanian, kebijaksanaan dan nasab Quraisy serta dilantik melalui institusi *ahl al-hall wal- 'aqd* dengan akad bai'ah sebagai kontrak sosial antara pemimpin dan rakyat. Kajian ini menunjukkan bahawa pilihan raya moden di Malaysia boleh dianggap sebagai manifestasi konsep bai'ah jika dihayati sebagai satu amanah dan tanggungjawab bersama. Analisis terhadap Pilihan Raya Umum ke-14 dan ke-15 membuktikan nilai keadilan dan syura masih wujud dalam konteks semasa walaupun terdapat perbezaan dalam mekanisme dan syarat normatif pelantikan. PRU14 memperlihatkan kuasa rakyat menjatuhkan kerajaan melalui undi atas dasar akauntabiliti, manakala PRU15 menampilkan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam membentuk Kerajaan Perpaduan demi kestabilan negara. Kajian ini menyimpulkan bahawa prinsip pelantikan pemimpin menurut al-Mawardi masih relevan sebagai rujukan etika dalam amalan politik demokrasi hari ini dengan syarat penerapannya tidak bercanggah dengan kerangka perlembagaan negara dan berteraskan *maqasid al-syariah* seperti keadilan, kemaslahatan dan kestabilan.

Kata Kunci: Al-Mawardi, Kepimpinan Islam, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Pilihan Raya, Malaysia, *Maqasid al-syariah*; *Siyasah syariyyah*.

ABSTRACT

This article explores the classical Islamic concept of leadership appointment according to Imam al-Mawardi's *al-Ahkam al-Sultaniyyah* and compares it with the modern electoral process in Malaysia. Using a qualitative literature analysis approach, the study focuses on how al-Mawardi's theory can be applied in contemporary Malaysian political context, guided by *maqasid al-shariah* (the objectives of Islamic law) and *siyasah shariyyah* (Islamic political ethics). Al-Mawardi outlines strict criteria for leadership, including justice, knowledge, courage, wisdom and Quraysh lineage, and emphasizes appointment through the institution of *ahl al-hall wal- 'aqd* (consultative body) and the oath of allegiance (*bay 'ah*) as a social contract between ruler and people. The study argues that Malaysia's electoral process, if understood as a form of trust and mutual contract, mirrors the concept of *bay 'ah*. Analysis of Malaysia's 14th and 15th General Elections (GE14 & GE15) highlights values of justice and consultation, with GE14 showing democratic accountability in changing government through public vote, while GE15 reflects royal intervention in forming a unity government for national stability. The article concludes that al-Mawardi's leadership principles remain ethically relevant for guiding modern democratic practices, provided they align with constitutional frameworks and uphold the *maqasid al-shariah*, particularly justice, public welfare and political stability.

Keywords: Al-Mawardi, Islamic Leadership, *al-Ahkam al-Sultaniyyah*, Elections, Malaysia, *Maqasid al-Shariah*, Islamic Political Thought (*Siyasah Shariyyah*).

PENGENALAN

Salah satu hadith yang masyhur menyatakan bahawa bahkan dalam kelompok sekecil tiga orang sekali pun, wajib dilantik seorang ketua. Rasulullah SAW bersabda: “*Tidak halal bagi tiga orang yang berada di tengah padang pasir (musafir) melainkan mereka mesti melantik salah seorang daripada mereka sebagai pemimpin.*” (Riwayat Ahmad, 2/177; Abu Dawud no. 2608). Terjemahannya menekankan bahawa Islam menganggap pelantikan pemimpin sebagai suatu keperluan asas bagi mengelakkan keadaan kucar-kacir. Hadith sahih ini jelas menunjukkan tanggungjawab umat melantik pemimpin kerana jika dalam perjalanan pun disuruh memilih ketua, apatah lagi dalam urusan kenegaraan dan umat keseluruhannya. Persoalan tentang bagaimana pemimpin dilantik dalam Islam telah menjadi topik perdebatan sepanjang sejarah politik Islam, terutamanya selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW. Para sarjana Islam klasik telah mengemukakan pelbagai konsep dan mekanisme pelantikan pemimpin, namun tiada satu kaedah tunggal yang disepakati sebagai yang terbaik untuk semua zaman (Mohamad & Ibrahim, 2018). Di zaman moden, negara-negara seperti Malaysia mengamalkan sistem demokrasi pilihan raya, yang menimbulkan persoalan tentang sejauh mana proses ini selari dengan prinsip-prinsip Islam. Sarjana kontemporari berbeza pandangan mengenai demokrasi, iaitu sebahagian menolak kerana demokrasi meletakkan kedaulatan di tangan rakyat berbanding kedaulatan Allah, manakala ramai pula yang menyokong konsep “*demokrasi Islam*” yang tidak bercanggah dengan syariah (Marling, 2024). Justeru, kajian ini dijalankan untuk membandingkan pemikiran politik Imam al-Mawardi seorang tokoh fiqh siyasah abad ke-10 yang berpengaruh mengenai pelantikan pemimpin dengan amalan pilihan raya di Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi moden yang bermajoriti Muslim.

Imam al-Mawardi (wafat 1058M) terkenal melalui karyanya *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*, yang menghuraikan teori pemerintahan dan kepemimpinan dalam Islam. Idea-idea beliau tentang ciri-ciri pemimpin, syarat pelantikan imam (ketua negara) dan tanggungjawab pemerintah dianggap rujukan penting dalam fiqh siyasah (perundangan politik Islam) (Nabilah et al., 2024). Relevannya, beberapa kajian mutakhir mendapati bahawa pemikiran al-Mawardi mempunyai pengaruh besar dan masih relevan dalam konteks politik Islam semasa (Putra et al., 2023). Walau bagaimanapun, perbandingan langsung antara konsep al-Mawardi dengan sistem demokrasi moden jarang dibuat. Malaysia sebagai sebuah negara Islam demokratik menawarkan konteks kajian yang menarik iaitu di satu pihak, proses pemilihan pemimpin dilaksanakan melalui pilihan raya yang melibatkan rakyat secara langsung dan di pihak lain, wacana Islam di Malaysia semakin menekankan *maqasid al-syariah* (tujuan-tujuan syariah) seperti keadilan, kebajikan dan *maslahah* (kepentingan umum) sebagai asas tadbir urus negara (Abdullah, 2022).

Objektif kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana prinsip-prinsip pelantikan pemimpin menurut al-Mawardi selaras atau bercanggah dengan amalan demokrasi pilihan raya di Malaysia. Kajian ini penting kerana dapat memberikan perspektif ilmiah sama ada proses demokrasi moden memenuhi tuntutan syariah dari sudut kepemimpinan, serta bagaimana prinsip Islam seperti *shura* (musyawarah) dan *maqasid al-syariah* dapat diintegrasikan dalam sistem politik semasa. Dengan mengaitkan teori klasik dan amalan kontemporari, kajian ini

diharap dapat menyumbang kepada perbincangan berterusan tentang harmonisasi antara ajaran politik Islam dan demokrasi moden (Mohamad & Ibrahim, 2018; Ema et al., 2024).

TINJAUAN LITERATUR


a) Pelantikan Pemimpin dalam Tradisi Islam

Literatur menunjukkan bahawa sejak zaman Khulafa al-Rashidin terdapat pelbagai cara pemimpin dilantik dalam sejarah Islam, termasuk bai'ah (sumpah setia), syura (musyawarah oleh para *ahl al-hall wa al-'aqd*), penunjukan oleh pemimpin sebelumnya dan warisan kekeluargaan (Mohamad & Ibrahim, 2018). Menurut Mohd Ridzuan Mohamad dan Basri Ibrahim (2018), wujud tujuh bentuk konsep perantikan pemimpin yang diamalkan dalam sejarah politik Islam dan para sarjana terbahagi kepada tiga aliran pemikiran utama mengenainya mengikut konteks zaman. Penting untuk dinyatakan bahawa tiada satu model yang dianggap muktamad. Sebaliknya, soal pelantikan pemimpin dilihat sebagai ruang ijtihad yang boleh berubah mengikut keperluan zaman dan masalah semasa. Ini membuka kemungkinan bahawa sistem yang diamalkan hari ini seperti pilihan raya boleh dianggap salah satu ijtihad kontemporari selagi mana prinsip-prinsip teras Islam terpelihara.

b) Pemikiran al-Mawardi tentang Kepemimpinan

Imam al-Mawardi dalam *Al-Ahkam al-Sultaniyyah* menekankan kepentingan syarat dan kelayakan tertentu bagi seorang pemimpin (imam) dalam Islam. Antara kriteria utama adalah keadilan (al-'adalah), ilmu pengetahuan yang mencukupi dalam agama, kebijaksanaan, keberanian serta kesihatan pancaindera dan fizikal. Al-Mawardi juga menitikberatkan tanggungjawab pemerintah untuk menegakkan *hukm Allah* (undang-undang Allah), menjaga kemaslahatan rakyat, menegakkan keadilan undang-undang dan melantik pegawai-pegawai yang kompeten (Elok et al., 2025). Dalam kerangka al-Mawardi, pelantikan seorang Khalifah atau Imam boleh berlaku melalui dua kaedah utama: (1) penamaan oleh pendahulu. Contohnya perantikan Umar oleh Abu Bakar r.a. atau (2) pemilihan oleh *ahl al-hall wa al-'aqd* (majlis syura orang-orang terpilih) yang mewakili umat (Tahir et al., 2024). Kedua-dua mekanisme ini menunjukkan bahawa al-Mawardi mengakui konsep persetujuan kelompok terpilih sebagai penentu, berbanding pemilihan langsung oleh rakyat umum. Beliau tidak menghuraikan konsep pengundian massa kerana dalam konteks zaman beliau, sistem tersebut tidak wujud. Sebaliknya, legitimasi pemerintah menurut al-Mawardi bertunjangkan persetujuan para ulama' dan pembesar yang memenuhi syarat keilmuan dan keadilan di samping restu umum umat setelah pelantikan dibuat.

Beberapa kajian semasa mendapati idea-idea al-Mawardi ini masih relevan dan digunakan sebagai rujukan teori politik Islam hari ini. Putra *et al.* (2023) contohnya, menganalisis relevansi pemikiran politik al-Mawardi di Indonesia dan mendapati bahawa konsep *ahl al-hall wa al-'aqd* yang diutarakan al-Mawardi mempunyai persamaan dengan institusi moden seperti eksekutif, legislatif dan judisiari yang berfungsi sebagai mekanisme semak imbang dalam kerajaan. Konsep kontrak sosial antara pemerintah dan rakyat juga tersirat dalam pemikiran al-Mawardi iaitu dengan adanya "perjanjian" bahawa pemimpin mesti memerintah berasaskan syariat dan menjaga amanah rakyat, manakala rakyat memberikan




ketaatan selagi mana pemimpin tidak melanggar syariat. Kajian oleh Andi Alya Nabilah *et al.* (2024) pula menekankan bahawa al-Mawardi telah mengintegrasikan prinsip syariah dalam teori kenegaraan Islam, termasuk proses pemilihan pemimpin, kelayakan pemimpin dan hubungan antara pemerintah dan yang diperintah. Kesimpulannya, mereka menggariskan bahawa pemikiran al-Mawardi menawarkan asas kukuh untuk memahami dinamik perhubungan agama dan negara dalam masyarakat Islam dan terus signifikan dalam politik Islam kontemporari.

Namun, para cendekiawan juga mengingatkan bahawa menerapkan konsep klasik secara literal ke dalam konteks moden perlu berhati-hati. Kharisma Elok *et al.* (2025) dalam kajiannya mendapati bahawa prinsip-prinsip asas kepemimpinan al-Mawardi seperti keadilan, kebajikan umum (*maslahah al-'ammah*) dan kedaulatan undang-undang selaras dengan nilai-nilai Pancasila dan demokrasi di Indonesia. Ini menunjukkan nilai teras Islam tentang kepemimpinan tidak bercanggah dengan semangat demokrasi yang menekankan kesejahteraan rakyat dan keadilan sosial. Namun, kajian tersebut turut menegaskan perbezaan utama iaitu mekanisme pemilihan pemimpin, struktur institusi dan proses pemberhentian ketua negara dalam sistem moden jauh berbeza daripada yang digariskan al-Mawardi. Al-Mawardi mengutamakan legitimasi berdasarkan autoriti agama dan kualiti individu pemimpin, manakala sistem demokrasi moden menekankan penyertaan rakyat secara langsung dan institusi yang tersusun dalam menentukan kepemimpinan (Elok *et al.*, 2025).

c) Maqasid al-Syariah dalam Politik dan Demokrasi

Maqasid al-syariah, iaitu objektif tertinggi syariat (seperti pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta) semakin diangkat sebagai kerangka evaluasi dasar dan tadbir urus di negara-negara majoriti Muslim masa kini. Di Malaysia, wacana maqasid berkembang pesat dalam dua dekad kebelakangan ini, khususnya dalam bidang pentadbiran kerajaan dan dasar awam (Abdullah, 2022). Pelancaran Indeks Syariah Malaysia pada tahun 2015, misalnya bertujuan menilai prestasi kerajaan berdasarkan lima maqasid asas melalui lapan bidang tadbir urus termasuk undang-undang, politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Ini menandakan bahawa prinsip *maslahah* dan keadilan yang digariskan syariah dijadikan penanda aras dalam menilai amalan politik semasa. Ahmad Badri Abdullah (2022) mencatat bahawa selepas perubahan kepemimpinan negara pada 2018, pemimpin daripada pelbagai parti di Malaysia tidak kira ideologi secara terbuka menyatakan komitmen menjadikan maqasid al-syariah sebagai asas kepemimpinan dan pentadbiran mereka. Malah, kerajaan Pakatan Harapan (2018–2020) meletakkan maqasid sebagai salah satu tiang seri dasar baharu mereka seiring dengan konsep “*rahmatan lil- 'alamin*” (rahmat sekalian alam) yang diperjuangkan.

Dari sudut teori politik Islam, penerapan maqasid dalam konteks sistem moden membawa implikasi bahawa demokrasi boleh dilihat selari dengan Islam jika ia dijadikan *alat* untuk mencapai objektif syariah. Sebagai contoh, Mohammad Hashim Kamali (2013) berhujah bahawa sistem demokrasi sebenarnya diterima oleh Islam pada prinsipnya kerana demokrasi memperjuangkan hak asasi, keadilan, *rule of law*, kerajaan berakuntabiliti dan kebajikan rakyat serta kesemuanya adalah tuntutan maqasid syariah dan konsep *maslahah* dalam Islam. Walaupun pandangan Kamali itu diutarakan sebelum 2018, ia selaras dengan perkembangan




wacana di Malaysia pasca-2018 tadi. Mariah Darus @ Mat Junus et al. (2024) pula mencadangkan suatu kerangka “*governans etika*” berteraskan maqasid syariah, yang menggabungkan prinsip integriti, kecekapan, keadilan dan kelestarian dalam tadbir urus moden. Menurut mereka, pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pentadbiran, bahkan memastikan pengurusan negara kekal mematuhi nilai moral dan objektif syariah yang universal. Aplikasi prinsip maqasid di Malaysia dilihat dalam pelbagai inisiatif. Contohnya program pembasmian kemiskinan dan pembangunan ekonomi inklusif yang secara jelas memenuhi tujuan menjaga nyawa dan kualiti hidup (hifz al-nafs) serta harta (hifz al-mal) rakyat (Darus @ Mat Junus et al., 2024).

Hasil tinjauan literatur juga mendapati para sarjana semakin cenderung melihat *kompatibiliti* antara nilai-nilai Islam dan amalan demokrasi, khususnya dari segi etika politik dan ciri-ciri kepemimpinan. Kajian Lira Sopi Ema et al. (2024) menunjukkan bahawa untuk membina politik berakhlak dalam sistem demokrasi, konsep-konsep Islam seperti kesetaraan, kebebasan bersuara, keadilan, musyawarah (shura) dan tanggungjawab perlu dijadikan tunjang dalam amalan demokrasi. Mereka menegaskan bahawa etika politik Islam berperanan menjadikan agama sebagai landasan moral, menggalakkan sikap pemimpin yang kritis tetapi berintegriti serta melahirkan pemimpin yang adil, bijaksana, amanah dan berkemampuan iaitu kualiti yang seiras dengan kriteria pemimpin menurut al-Mawardi dan tradisi Islam. Ini mengukuhkan hujah bahawa demokrasi dan Islam bukanlah dua entiti yang sepenuhnya bertentangan, sebaliknya terdapat medan persilangan yang luas dari sudut nilai dan objektif.

Berdasarkan tinjauan literatur, terdapat tiga premis utama yang boleh dirumuskan: Pertama, pelbagai pandangan ulama dan sarjana wujud mengenai hubungan Islam-demokrasi, tetapi arus perdana pemikiran kini cenderung kepada menerima demokrasi yang disesuaikan dengan prinsip syariah (demokrasi berteraskan *shura* dan *maqasid*) (Marling, 2024). Kedua, pemikiran al-Mawardi menawarkan prinsip kepemimpinan yang menitikberatkan keadilan, ilmu dan masalah umat yang mana prinsip-prinsip ini boleh diaplikasikan dalam sistem politik moden untuk memperbaiki kualiti kepemimpinan (contohnya memastikan pemimpin memiliki sifat amanah, berilmu dan adil seperti yang ditekankan al-Mawardi) (Ema et al., 2024). Ketiga, amalan demokrasi di Malaysia dan negara seumpamanya dapat dinilai daripada perspektif Islam melalui kerangka maqasid iaitu sejauh mana ia mencapai tujuan syariah seperti keadilan sosial, kebajikan rakyat dan kestabilan serta menghindari kemudaratan seperti kezaliman dan anarki. Dengan premis-premis ini, kajian beralih kepada metodologi yang digunakan untuk menganalisis perbandingan tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan pendekatan kajian perpustakaan (*library research*) dan analisis perbandingan teks. Sumber primer bagi pemikiran al-Mawardi ialah karya *Al-Ahkam al-Sultaniyyah* dan tulisan beliau yang berkaitan, di samping rujukan sekunder tentang fiqh siyasah oleh sarjana klasik dan kontemporari. Bagi konteks Malaysia, kajian meneliti perundangan dan amalan pilihan raya semasa (termasuk Perlembagaan Persekutuan, undang-undang pilihan raya serta laporan dan data Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia) untuk memahami proses pelantikan pemimpin melalui pilihan raya.



Pendekatan yang diambil adalah dengan menganalisis tema dan prinsip dalam pemikiran al-Mawardi, kemudian membandingkannya dengan prinsip dan prosedur pilihan raya di Malaysia. Ini melibatkan analisis terhadap persamaan (misalnya aspek musyawarah dan perwakilan) dan perbezaan (misalnya kriteria kelayakan pemimpin, sumber legitimasi kuasa dan kaedah pelantikan) antara kedua-dua sistem. Data daripada jurnal-jurnal akademik terkini turut digunakan bagi menyokong analisis seperti pandangan ulama mengenai demokrasi Islam, kajian kes pelantikan pemimpin di negara Muslim dan integrasi nilai Islam dalam tadbir urus moden.

Semasa pelaksanaan kajian, penulis memastikan triangulasi sumber dilakukan iaitu merujuk karya klasik, pandangan sarjana moden serta realiti praktik melalui dokumen perundangan dan laporan semasa. Kaedah analisis adalah deskriptif-analitis, iaitu menghuraikan konsep-konsep utama kemudian menganalisis secara kritis. Pendekatan serupa pernah digunakan oleh Kharisma Elok *et al.* (2025) yang mengkaji relevansi konsep kepemimpinan al-Mawardi terhadap sistem demokrasi Indonesia melalui analisis teks al-Mawardi dan perbandingan dengan sistem pemerintahan kontemporari. Begitu juga, Muhammad Ilham Tahir *et al.* (2024) menggunakan pendekatan normatif perundangan dalam membandingkan pandangan al-Mawardi dengan peraturan pemerintah moden dalam konteks Indonesia. Dengan mengambil inspirasi daripada pendekatan terdahulu ini, kajian terkini diatur dengan langkah-langkah iaitu (1) Mendalami pemikiran al-Mawardi berkaitan pelantikan pemimpin (meliputi syarat imam, proses pelantikan, hak dan tanggungjawab pemimpin), (2) Mendokumentasikan ciri-ciri utama proses pilihan raya di Malaysia (siapa yang melantik, syarat menjadi pemimpin, proses pengundian, peranan institusi seperti SPR, Parlimen, Raja dan sebagainya), (3) Membandingkan kedua-duanya untuk mengenal pasti titik pertemuan dan jurang perbezaan dan (4) Menilai implikasi perbandingan tersebut terhadap *maqasid al-syariah* dan etika politik Islam.

Reliabiliti kajian diperkukuh dengan merujuk pelbagai disiplin ilmu. Selain fiqh dan sains politik, perspektif perundangan dan sejarah turut diambil kira. Sebagai contoh, pandangan Nasirul Haq Marling (2024) tentang pendapat ulama kontemporari mengenai demokrasi Islam dijadikan *benchmark* untuk menilai di manakah posisi idea-idea al-Mawardi dalam perbahasan tersebut iaitu adakah ia cenderung kepada salah satu sisi atau boleh menjadi titik tengah sebagai model “*demokrasi berteraskan syura*”. Data empirikal mengenai amalan pilihan raya di Malaysia (contohnya peratusan keluar mengundi, trend keputusan pilihan raya dan isu-isu seperti politik wang atau konflik kaum) dipertimbangkan secara ringkas jika relevan bagi melihat sejauh mana sistem sedia ada mencapai keadilan dan kestabilan yang diinginkan menurut perspektif Islam. Walaubagaimanapun, kajian ini tidak melakukan tinjauan lapangan atau temubual akan tetapi ia hanya tertumpu kepada analisis dokumen dan teks. Keterbatasan ini diimbangi dengan cadangan kajian lanjutan di bahagian kesimpulan, termasuk keperluan kajian empirikal tentang persepsi masyarakat Muslim Malaysia terhadap kesesuaian sistem pilihan raya dengan ajaran Islam.


DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Persamaan Nilai Antara Pemikiran al-Mawardi dan Demokrasi Malaysia:

Hasil analisis mendapati terdapat beberapa persamaan teras antara prinsip kepemimpinan al-Mawardi dan amalan sistem demokrasi di Malaysia terutamanya dari segi nilai dan tujuan. Pertama, kedua-duanya menjunjung keadilan sebagai asas pemerintahan. Al-Mawardi menganggap keadilan ('adalah) sebagai syarat nombor satu bagi seorang pemimpin. Tanpa keadilan, seorang pemimpin tidak layak memegang amanah umat. Dalam sistem demokrasi Malaysia, konsep negara hukum dan kedaulatan undang-undang amat ditekankan. Perlembagaan Persekutuan meletakkan prinsip keadilan (termasuk kesamarataan hak warganegara) dan *rule of law* sebagai tunjang dan badan kehakiman berfungsi memastikan pemimpin tidak melampaui undang-undang. Ini seiring dengan pandangan Elok *et al.* (2025) bahawa prinsip kekuasaan undang-undang dan kebajikan awam yang ditekankan al-Mawardi selari dengan nilai-nilai demokrasi moden. Malah, pemimpin-pemimpin Malaysia sering menekankan tanggungjawab mereka untuk berlaku adil kepada semua rakyat tanpa mengira kaum atau agama yang mana ia merupakan satu amalan yang selaras dengan tuntutan syariah.

Kedua, kebajikan rakyat dan masalah umum menjadi matlamat bersama. Al-Mawardi berpendapat bahawa pemerintah bertanggungjawab memastikan kesejahteraan umat termasuk menjaga keselamatan, ekonomi dan kebajikan sosial rakyat (Elok *et al.*, 2025). Demokrasi Malaysia, iaitu melalui proses pilihan raya membolehkan rakyat memilih pemimpin berdasarkan tawaran mereka untuk meningkatkan kebajikan masyarakat. Polisi-polisi kerajaan Malaysia seperti Dasar Ekonomi Baru, program pembasmian kemiskinan, pembangunan pendidikan dan kesihatan semuanya bermatlamat meningkatkan kemaslahatan rakyat. Ini tidak jauh berbeza dengan konsep *ri'ayah al-shu'un* (memelihara urusan rakyat) dalam literatur kepemimpinan Islam. Malah, pendekatan maqasid yang diterapkan secara rasmi (contohnya Indeks Syariah Malaysia) menilai pencapaian kerajaan dalam aspek melindungi nyawa, akal, harta dan keturunan rakyat membuktikan bahawa *outcome* yang ingin dicapai oleh kedua-dua sistem adalah serupa iaitu kemakmuran dan keadilan sosial (Abdullah, 2022).

Ketiga, prinsip *musyawarah* dan keterlibatan masyarakat juga wujud dalam kedua-dua tradisi walaupun bentuknya berbeza. Al-Mawardi mengiktiraf institusi *ahl al-hall wa al-'aqd*, yakni kelompok representatif ulama dan pembesar yang mewakili suara umat dalam pelantikan pemimpin dan urusan penting negara (Putra *et al.*, 2023). Ini sebenarnya satu bentuk perwakilan (*representation*) dan *musyawarah* tidak langsung. Dalam demokrasi Malaysia, prinsip keterwakilan dimanifestasikan melalui Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri seperti wakil-wakil rakyat dipilih untuk menyuarakan hasrat rakyat dalam penggubalan undang-undang dan dasar. Walaupun tidak sama dengan konsep *ahl al-hall wa al-'aqd* dari segi kriteria (yang moden dipilih rakyat umum, yang klasik terdiri dari orang berilmu), tujuannya seakan sama iaitu memastikan pemerintahan mengambil kira pandangan yang diperwakilan. Yusuf al-Qaradawi dalam wacananya pernah menyebut bahawa *shura* (musyawarah) dalam Islam boleh diterjemahkan dalam konteks moden sebagai amalan demokrasi selagi ia tidak melanggar




batas syariat kerana semangat keduanya sama iaitu mendapatkan persetujuan dan kerelaan dalam urusan kenegaraan (Marling, 2024). Hakikatnya bahawa parlimen Malaysia mempunyai peranan menyemak dan mengimbang kuasa eksekutif mengingatkan kita kepada konsep semak imbang dalam fiqh politik klasik, contohnya peranan para ulama menasihati atau menegur khalifah demi kemaslahatan ummah. Allah SWT berfirman dalam al-Quranyang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Dan sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*” (Surah an-Nisā’, 4:58). Ayat ini menggabungkan prinsip amanah dan keadilan, dua ciri terpenting yang ditekankan oleh al-Mawardi dalam pelantikan pemimpin. Dalam konteks pilihan raya di Malaysia, ayat ini mengingatkan bahawa memilih pemimpin yang berkelayakan (ahlinya) dan berlaku adil dalam pemerintahan adalah perintah Allah. Ia juga selari dengan konsep *syura* (musyawarah) kerana amanah kepemimpinan harus diberikan kepada calon yang benar-benar layak dan dipercayai oleh rakyat.

Perbezaan Asas dan Cabaran:

Di sebalik persamaan nilai, kajian ini mendapati terdapat perbezaan asas antara pemikiran al-Mawardi dan proses pilihan raya di Malaysia. Perbezaan paling ketara ialah dari segi mekanisme pelantikan pemimpin. Al-Mawardi hidup dalam konteks sistem khilafah di mana pemilihan khalifah bukan melalui undian popular tetapi melalui *musyawarah* terbatas atau penunjukan oleh khalifah sebelumnya (Tahir et al., 2024). Demokrasi Malaysia pula meletakkan kuasa memilih di tangan rakyat jelata iaitu setiap warganegara dewasa melalui undi masing-masing menentukannya. Dari sudut pandang al-Mawardi, idea “setiap individu rakyat memilih pemimpin” adalah asing dan beliau lebih menekankan pemilihan oleh kelompok pakar yang memenuhi syarat (ulama dan cerdik pandai).

Implikasinya, kelayakan kepimpinan menurut al-Mawardi bersifat teosentrik (berpusatkan kriteria agama dan persetujuan golongan berautoriti agama), manakala kelayakan dalam demokrasi bersifat antroposentrik (berpusatkan kehendak majoriti rakyat). Perbezaan ini pernah diulas oleh Tahir et al. (2024) dalam konteks Indonesia iaitu mereka mendapati bahawa keputusan pemerintah Indonesia yang menangguhkan pilihan raya dan melantik penjabat kepala daerah secara terus mempunyai hujah sokongan dari perspektif al-Mawardi (yang membolehkan pelantikan oleh pihak atasan), tetapi bercanggah dengan prinsip demokrasi yang mahukan pelantikan langsung rakyat. Dalam kes Malaysia, walaupun sistemnya demokrasi, akan tetapi terdapat elemen pelantikan yang bukan melalui pilihan raya langsung, contohnya pelantikan senator dan perlantikan Perdana Menteri oleh Yang di-Pertuan Agong berdasarkan majoriti ahli Dewan Rakyat. Ini mungkin dilihat selari dengan konsep pelantikan melalui keputusan *ahl al-hall wa al-‘aqd* kerana YDPA bertindak atas nasihat “majoriti wakil rakyat” (suara perwakilan rakyat) dan bukannya undi terus rakyat dalam memilih Perdana Menteri.

Perbezaan kedua adalah struktur dan pembahagian kuasa. Al-Mawardi menulis pada zaman ketiadaan konsep pembahagian kuasa eksekutif, legislatif dan kehakiman secara terpisah




seperti sekarang. Khalifah memegang kuasa utama, dengan pelantikan wazir dan kadi di bawah hierarkinya. Dalam demokrasi moden Malaysia, pemerintahan terbahagi kepada tiga cabang dengan sempadan jelas iaitu Eksekutif (Perdana Menteri dan kabinet), Legislatif (Parlimen) dan Kehakiman (Mahkamah). Ini membawa kepada situasi di mana pemimpin utama (Perdana Menteri) tidak mempunyai kuasa mutlak iaitu beliau juga boleh disemak oleh Parlimen dan Mahkamah. Dari perspektif fiqh siyasah klasik, konsep ini mendekati idea *syura* kolektif berterusan tetapi tetap berbeza dimensi. Al-Mawardi mengizinkan khalifah melantik *wazir t tafwid* (Menteri) yang berkuasa luas membantu pentadbiran dan *wazir tanfidh* (pelaksana teknikal) serta gabenor wilayah. Namun kesemua mereka tidak boleh mengatasi kuasa khalifah (Tahir et al., 2024). Dalam demokrasi Malaysia, Perdana Menteri dikawal melalui undi di Parlimen dan pilihan raya setiap lima tahun yang memberi maksud rakyat boleh menukar kepimpinan tanpa perlu melalui mekanisme *syura* tertutup. Perbezaan ini mencerminkan perubahan zaman. Isu kecekapan dan pencegahan salah guna kuasa diatasi melalui institusi moden, sedangkan al-Mawardi mengharapkan integriti peribadi pemimpin dan nasihat para ulama sebagai benteng utama.

Ketiga, syarat kelayakan pemimpin berbeza penekanannya. Al-Mawardi tegas menggariskan syarat seperti lelaki, beragama Islam, adil, berilmu (faqih) dan dari kalangan Quraisy (mengikut pendapat sebahagian ulama) sebagai kriteria Imam/Khalifah. Dalam konteks Malaysia, syarat formal untuk menjadi Perdana Menteri hanya memerlukan sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat serta memenuhi kelayakan menjadi ahli Dewan Rakyat (warganegara, tidak bankrap, tidak berjenayah berat, waras dan lain-lain). Tiada peruntukan undang-undang yang memestikan tahap ilmu agama tertentu atau keturunan khusus, walaupun secara realiti hampir pasti Perdana Menteri Malaysia seorang Muslim kerana majoriti penduduk dan peruntukan Perlembagaan menetapkan YDPA (Ketua Negara) mesti Muslim. Ini mencetuskan perbincangan apakah pemimpin yang tidak cukup faqih atau tidak memenuhi kriteria ideal menurut ulama klasik boleh dianggap sah? Dari sudut fiqh, jawapan yang dipegang jumhur ulama semasa seperti fatwa-fatwa yang disebut dalam kajian Marling (2024) adalah bahawa keabsahan pemerintah dalam konteks moden diukur pada kemampuan menegakkan keadilan dan syariat sejauh mungkin dan bukan semata-mata pada ketepatan memenuhi semua syarat klasik (kerana konteks kini berbeza). Oleh itu, walaupun calon wakil rakyat/pemimpin di Malaysia tidak disaring soal keilmuan agama oleh sesuatu majlis *syura* ulama sebelum bertanding, pemimpin yang terpilih masih dinilai oleh masyarakat melalui prestasi dan akhlak mereka yang mana secara tidak langsung memenuhi konsep *ahliyah* (kebolehan/kelayakan) pemimpin.

Dimensi Maqasid dan Implikasi Syariah

Apabila menilai amalan demokrasi pilihan raya di Malaysia melalui lensa maqasid al-syariah, beberapa pemerhatian dapat dibuat. Pertama, proses pilihan raya jika dilaksanakan dengan bersih, bebas dan adil adalah selari dengan maqasid kerana ia menjamin *hifz al-nafs* dan *hifz al- 'aql* iaitu hak setiap individu untuk membuat pilihan tanpa paksaan (menjaga nyawa daripada dizalimi) dan menggunakan akal fikiran dalam menilai calon pemimpin. Pemilihan pemimpin secara aman melalui undi juga memenuhi *hifz al-mal* dan *hifz al-din* dalam erti kata lain mengelakkan pertumpahan darah (harta dan jiwa terpelihara) serta menghindari perebutan




		Konten Media	Konten Visual Ajakan Berwakaf	


Analisis Fundraising Wakaf melalui sosial media di Malaysia

Dalam kegiatan fundraising wakaf, Maahad Tahfiz Al Fateeh Selangor di Malaysia telah mengajak khalayak untuk terlibat dalam program wakaf melalui sosial media. Kajian ini menetapkan 3 indikator utama untuk mengetahui sejauh mana aktifitas fundraising dilakukan melalui media baru. Di antara aktifitas fundraising yang dilakukan tergambar dalam tabel berikut ini:

No	Variabel	Indikator	Sub Indikator	Item
	Analisis Fundraising Wakaf Malaysia	Jaringan Komunikasi	Landing Page Whatsap	
		Teknologi Infomasi	Jaringan Internet	
		Konten Media	Konten Visual Ajakan Berwakaf	

DISKUSI

Hasil analisis menunjukkan bahwa At Tayba Depok dan Al Fateeh Selangor telah sama-sama memanfaatkan konvergensi media dalam strategi fundraising mereka. Integrasi berbagai platform dan format konten memungkinkan mereka untuk menjangkau audiens yang lebih luas dan menyampaikan pesan wakaf secara lebih menarik dan komprehensif. Penggunaan sosial media youtube, facebook dan instagram sebagai saluran utama komunikasi dan promosi, yang didukung oleh platform donasi online untuk transaksi yang aman dan mudah, merupakan langkah yang strategis.



Strategi konten yang berfokus pada narasi inspiratif dan pembangunan kepercayaan, didukung oleh interaksi aktif dengan calon donatur, menunjukkan pemahaman akan pentingnya membangun hubungan baik dalam penggalangan dana sosial. Hal ini sejalan dengan prinsip-prinsip *relationship fundraising* yang menekankan pada pembinaan hubungan jangka panjang dengan para donatur.

Tantangan yang dihadapi, seperti persaingan dan perlunya menjaga kepercayaan, merupakan isu umum dalam fundraising digital. Oleh karena itu, At Tayba Depok dan Al Fateeh perlu terus berinovasi dalam strategi konten, meningkatkan transparansi pengelolaan dana, dan memanfaatkan data analitik untuk mengoptimalkan kampanye mereka.

Peluang yang ada sangat menjanjikan. Meningkatnya kesadaran masyarakat akan pentingnya pendidikan agama, ditambah dengan kemudahan akses internet dan platform digital, menciptakan potensi besar untuk meningkatkan partisipasi wakaf secara online. Konvergensi media memungkinkan At Tayba Depok dan Al Fateeh Selangor untuk memanfaatkan kekuatan sosial media mereka dalam mencapai tujuan penggalangan dana.

Penelitian ini memberikan kontribusi pada pemahaman tentang bagaimana konvergensi media dapat diterapkan secara efektif dalam konteks fundraising wakaf di Indonesia dan Malaysia. Studi kasus fundraising wakaf At Tayba Depok dan Al Fateeh Selangor memberikan contoh praktik baik dalam memanfaatkan teknologi digital untuk tujuan sosial dan keagamaan. Temuan ini dapat menjadi pembelajaran bagi organisasi lain yang bergerak di bidang penggalangan dana sosial untuk mengadopsi strategi yang serupa.

KESIMPULAN

Penelitian ini bertujuan untuk menganalisis strategi fundraising wakaf At Tayba Depok dan Al Fateeh Selangor yang secara aktif mengimplementasikan konvergensi media melalui integrasi berbagai platform sosial media (youtube, facebook dan instagram) dan format konten (teks, gambar, video, live streaming) untuk menjangkau audiens yang lebih luas dan mempermudah proses donasi.

Platform sosial media yang digunakan, berperan penting dalam membangun kesadaran dan keterlibatan calon wakif melalui konten visual dan narasi yang kuat. Sosial media digunakan untuk menyajikan informasi yang lebih mendalam, sementara platform donasi online menyediakan infrastruktur transaksi yang aman dan efisien. Interaksi aktif dengan calon donatur melalui fitur-fitur sosial media juga menjadi elemen penting dalam membangun hubungan dan kepercayaan.

Meskipun terdapat tantangan seperti persaingan di ranah digital dan perlunya menjaga kepercayaan, peluang yang ditawarkan oleh konvergensi media dalam meningkatkan partisipasi wakaf sangat besar. Kesadaran masyarakat akan pentingnya pendidikan agama dan kemudahan berdonasi secara online menjadi faktor pendukung utama.

Secara keseluruhan, strategi fundraising wakaf pembangunan Gedung Pusat Pendidikan Al Quran At Tayba Depok di Indonesia dan pembangunan Pencawang Elektrik Compact Sub TNB Maahad Tahfiz Al Fateeh Selangor di Malaysia menunjukkan adanya pemanfaatan yang maksimal pada konvergensi media. Integrasi berbagai platform dan format konten, didukung oleh narasi yang efektif dan interaksi yang responsif, menjadi kunci dalam upaya penggalangan dana. Penelitian ini menggarisbawahi pentingnya bagi organisasi nirlaba atau lembaga,

khususnya yang bergerak di bidang wakaf dan penggalangan dana sosial, untuk memanfaatkan potensi konvergensi media dalam mencapai tujuan mereka.

Implikasi Penelitian:

Temuan penelitian ini memberikan implikasi praktis bagi pengelola wakaf At Tayba Depok dan Al Fateeh Selangor untuk terus mengoptimalkan strategi fundraising digital mereka dengan memanfaatkan konvergensi media secara lebih kreatif dan efektif. Selain itu, penelitian ini juga memberikan wawasan bagi organisasi atau lembaga lain yang bergerak di bidang penggalangan dana sosial mengenai potensi dan tantangan dalam mengadopsi pendekatan serupa.

Keterbatasan Penelitian:

Penelitian ini merupakan studi kasus pada satu organisasi atau lembaga, sehingga generalisasi temuan mungkin terbatas. Penelitian selanjutnya dengan cakupan yang lebih luas dan melibatkan beberapa organisasi atau lembaga serupa dapat memberikan pemahaman yang lebih komprehensif.

DAFTAR PUSTAKA

Al Quran Al Karim

- Fauzi, A., & Setiawan, E. (2024). Potensi Platform Digital dalam Meningkatkan Kesadaran dan Partisipasi Wakaf di Indonesia. *Jurnal Ekonomi Syariah Teori dan Terapan*, 11(2), 250-265.
- Kristiawan, M., & Sari, R. P. (2023). Transformasi Digital dalam Pengelolaan Organisasi Nirlaba: Studi Kasus Adaptasi Teknologi pada Lembaga Filantropi. *Jurnal Aplikasi Bisnis dan Manajemen*, 9(3), 450-462.
- Nasrullah, R. (2017). *Teori dan Riset Media Siber (Cybermedia)*. Prenada Media. (Referensi teori konvergensi)
- Pratama, Y. A., & Hidayat, D. R. (2021). Efektivitas Penggunaan Instagram dalam Kampanye Donasi Bencana Alam: Studi Kasus [Nama Organisasi/Kampanye]. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 19(1), 75-90.
- Rahmawati, I., et al. (2020). Peran Platform Crowdfunding Lokal dalam Mendukung Inisiatif Sosial dan Kemanusiaan di Indonesia. *Jurnal Sosiologi Pembangunan*, 6(2), 180-195.
- Suryani, N., & Wijayanti, A. (2022). Strategi Komunikasi Digital dalam Meningkatkan Partisipasi Donasi Online pada Organisasi Sosial. *Jurnal Manajemen Komunikasi*, 7(1), 100-115.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40.
- Brinkmann, S. (2014). *Qualitative interviewing*. Oxford University Press.

KONSEP DAN CABARAN PERLAKSANAAN HISBAH DI MALAYSIA: TINJAUAN BEDASARKAN KARYA IMAM AL-MAWARDI

Mukminah binti Mohamad
Syairah Binti Said
Zulkefli Bin Aini
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep dan fungsi hisbah menurut perspektif Islam, meneliti bentuk pelaksanaannya dalam konteks Malaysia, serta mengenal pasti cabaran yang menghalang pelaksanaan hisbah secara efektif. Persoalan kajian yang menjadi asas perbincangan meliputi prinsip asas sistem hisbah menurut Islam, aplikasi pelaksanaannya di Malaysia, dan cabaran utama yang dihadapi oleh institusi berkaitan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan terhadap dokumen bertulis seperti karya klasik, artikel jurnal akademik, laporan institusi, serta berita semasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep hisbah dalam tradisi Islam merupakan satu sistem pengawasan sosial yang menyeluruh meliputi aspek ibadah, muamalat dan akhlak, dengan pelantikan *muhtasib* yang berautoriti untuk menegakkan amar ma'ruf dan nahi mungkar. Di Malaysia, prinsip hisbah diterapkan melalui pelbagai institusi seperti Jabatan Agama Islam Negeri, JAKIM, SPRM dan KPDN, namun pelaksanaannya lebih bersifat sektoral, terhad kepada bidang kuasa negeri, serta dipengaruhi oleh struktur perundangan sedia ada. Cabaran utama termasuklah kekangan bidang kuasa Mahkamah Syariah, dualisme perundangan antara negeri dan persekutuan, serta pengaruh ideologi luar yang melemahkan penerimaan masyarakat terhadap penguatkuasaan nilai Islam. Kajian ini menyimpulkan bahawa walaupun pelaksanaan hisbah di Malaysia wujud dalam pelbagai bentuk, penambahbaikan diperlukan agar pendekatan yang lebih menyeluruh, inklusif dan bersepadu dapat diwujudkan. Implikasinya, pengukuhan institusi hisbah yang berasaskan prinsip syariah dan disesuaikan dengan konteks Malaysia adalah penting untuk memperkasakan tadbir urus yang berintegriti serta membentuk masyarakat beretika dan sejahtera.

Kata kunci: *hisbah, amar ma'ruf nahi mungkar, Cabaran, tadbir urus Islam, Malaysia*

ABSTRACT

This study aims to analyse the concept and function of *hisbah* from the Islamic perspective, examine its implementation in the Malaysian context, and identify the challenges that hinder its effective execution. The core research questions revolve around the foundational principles of the *hisbah* system in Islam, its application in Malaysia, and the major challenges faced by relevant institutions. This research employs a qualitative method using content analysis of written materials such as classical Islamic texts, academic journal articles, institutional reports, and contemporary news sources. The findings indicate that *hisbah* in the Islamic tradition represents a comprehensive system of social oversight that encompasses aspects of worship (*ibadah*), economic transactions (*muamalat*), and morality (*akhlak*), with the appointment of an authorised official (*muhtasib*) to uphold *amar ma'ruf nahi mungkar* (enjoining good and forbidding evil). In Malaysia, the principles of *hisbah* are applied through various institutions such as the State Islamic Religious Departments, JAKIM, the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), and the Ministry of Domestic Trade (KPDN). However, its implementation remains fragmented, constrained by state jurisdiction, and influenced by the existing legal framework.

The main challenges include the limited jurisdiction of the Syariah Courts, legal dualism between federal and state governments, and the influence of external ideologies that weaken public acceptance of Islamic value enforcement. The study concludes that although *hisbah* is implemented in various forms in Malaysia, improvements are necessary to establish a more holistic, inclusive, and integrated approach. The implication is that strengthening *hisbah* institutions based on Shariah principles and adapted to Malaysia's context is crucial for enhancing ethical governance and shaping a moral and just society.

Keywords: *hisbah, amar ma'ruf nahi mungkar, challenges, Islamic governance, Malaysia*

PENGENALAN

Hisbah merupakan elemen penting dalam pengurusan Islam. Dalam landskap pentadbiran dan pengurusan negara, keperluan kepada pemantauan terhadap integriti, keadilan sosial dan pelaksanaan tanggungjawab awam semakin mendapat perhatian masyarakat. Isu berkaitan penyalahgunaan kuasa, dalam pengurusan, dan ketidakecekapan dalam sistem penguatkuasaan sering menjadi sorotan utama dalam perbahasan umum di Malaysia. Perkembangan ini menggambarkan keperluan kepada mekanisme pengawasan yang berkesan, bukan sahaja dari sudut perundangan, tetapi juga dari perspektif moral dan agama.


Ajaran Islam sejak awal telah menekankan tanggungjawab umat dalam menjaga kemaslahatan masyarakat melalui peranan amar makruf dan nahi mungkar. Sebagaimana dijelaskan dalam firman Allah SWT, maksudnya

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya. (Surah Al-Imran: 104)

Selain itu, masyarakat Islam, prinsip keadilan dan pengawasan terhadap pelaksanaan amanah telah lama menjadi teras dalam struktur pemerintahan. Walaupun pelbagai agensi penguatkuasaan telah ditubuhkan untuk memantau ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam sistem pentadbiran negara, keberkesanan dan cabaran pelaksanaannya sering kali menjadi persoalan. Oleh itu, timbul keperluan untuk meneliti semula pendekatan pengawasan berasaskan tradisi keilmuan Islam sebagai rujukan dalam menambah baik sistem sedia ada.

Dalam konteks pelaksanaan, imam al-Mawardi telah merangka lima rukun utama hisbah dalam *Al-Ahkam as-Sultaniyyah*. Pertama, pelaksana (*al-Muhtasib*), iaitu individu yang diberi kuasa oleh pemerintah untuk memerintah kebaikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat. Kedua, (*al-Muhtasab 'alayh*), iaitu individu atau kelompok yang melakukan kemungkaran secara terang-terangan. Ketiga, perkara (*al-Muhtasab fih*), iaitu isu yang berkaitan dengan pelanggaran syariat seperti penipuan dalam jual beli atau pengabaian ibadah. Keempat, tindakan (amar ma'ruf dan nahi munkar), iaitu bentuk pelaksanaan yang mengikut tahap seperti teguran lisan, peringatan, atau tindakan fizikal tanpa melampaui batas syarak. Kelima, (sandaran syarak), iaitu bahawa tindakan hisbah mestilah berdasarkan nas yang sahih dari al-Qur'an, hadith dan ijma' ulama bagi mengelakkan kezaliman.

Tambahan pula, sepanjang sejarah peradaban Islam, institusi hisbah telah memainkan peranan penting sebagai instrumen pentadbiran awam yang menjaga ketertiban sosial, ekonomi, dan moral. Dari zaman Khalifah Umayyah, Abbasiyah hingga ke era kerajaan-



kerajaan Islam di Andalusia dan Uthmaniyyah, fungsi hisbah diintegrasikan dalam sistem pemerintahan bagi memastikan keadilan dan kepatuhan syariah terpelihara.

Di Malaysia, prinsip-prinsip hisbah telah disesuaikan dengan keperluan dan realiti semasa dalam masyarakat berbilang kaum dan agama. Pelbagai institusi seperti Jabatan Agama Islam Negeri, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), dan Majlis Agama Islam menjalankan fungsi pengawasan moral, integriti dan undang-undang selaras dengan semangat hisbah. Misalnya, penguatkuasaan undang-undang syariah di negeri-negeri serta pemantauan terhadap aktiviti rasuah mencerminkan pelaksanaan hisbah dalam bentuk moden.

Namun, pelaksanaan konsep hisbah di Malaysia tidak terlepas daripada pelbagai cabaran. Antara cabaran utama termasuk isu perundangan yang melibatkan bidang kuasa antara kerajaan persekutuan dan negeri, sensitiviti masyarakat majmuk yang berbeza dari sudut agama dan budaya, serta kekangan dasar dan sumber manusia dalam melaksanakan pemantauan secara menyeluruh. Dalam usaha untuk mengintegrasikan prinsip hisbah ke dalam struktur tadbir urus moden, pendekatan yang inklusif, berhemah, dan berstrategi diperlukan agar matlamat amar ma'ruf nahi munkar dapat dicapai tanpa menimbulkan ketegangan dalam masyarakat.

Hisbah bukan sekadar satu konsep klasik, tetapi masih relevan dalam membentuk masyarakat yang beretika dan berintegriti. Dengan penghayatan terhadap rukun-rukunnya dan adaptasi yang sesuai dalam konteks semasa, hisbah mampu menjadi asas kepada pentadbiran yang adil serta mekanisme pengawasan yang efektif dalam negara moden seperti Malaysia.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Hisbah dan Kepentingannya

Hisbah merupakan satu konsep penting dalam tradisi Islam yang menekankan peranan pengawasan sosial dan tanggungjawab bersama dalam memastikan nilai-nilai kebaikan ditegakkan serta kemungkaran yang dicegah. Berasaskan prinsip amar ma'ruf nahi munkar, hisbah bukan sahaja mencerminkan keprihatinan Islam terhadap kesejahteraan masyarakat, malah menjadi tonggak kepada pembentukan sistem tadbir urus yang beretika, adil dan berintegriti. Menurut Nur Fatin et al. (2025). Hisbah juga merupakan satu institusi pengawasan dalam Islam yang bertujuan untuk memastikan kepatuhan kepada prinsip-prinsip syariah dalam semua aspek kehidupan, termasuk perdagangan, urus niaga, dan kehidupan sosial.

Pentakrifan hisbah menurut istilah pula diketengahkan oleh beberapa ahli ilmu seperti Ibnu Taimiyah, Ibnu Khaldun, Al-Maraghi dan Muhammad al-Mubarak. Ibnu Taimiyah menerangkan bahawa hisbah adalah peranan *muhtasib* dalam hal ehwal mencegah kemungkaran dan mengajak kepada hal-hal kebaikan dalam konteks sesebuah wilayah tadbir.

Manakala, Ibnu Khaldun mengetengahkan takrif hisbah melibatkan urusan pentadbiran untuk mengawal tindakan dan tingkahlaku individu agar menepati kehendak syarak dengan menepati perintah Allah untuk melakukan perkara ma'ruf dan mencegah perkara mungkar. Al-Maraghi turut menjelaskan hisbah adalah perbuatan yang mendekati hal ehwal pasar dari segi mengaudit setiap kesilapan atau penipuan yang berlaku di pasar seperti menipu timbangan dan menghilangkan setiap kemudaratan yang menyebabkan kesusahan pihak-pihak yang lain (Azrin, 2018).

Menurut kajian Abdul Qahhar et al. (2018) penggunaan istilah hisbah atau tindakan hisbah menurut kefahaman para sarjana Islam berhubung konsep hisbah dan hubung kaitnya dengan teori pelaksanaan amar ma'ruf nahi munkar antaranya ialah:

- a. Penggunaan perkataan hisbah itu berasal daripada lafaz *al-ihṭisab* dan *al-hisbah* yang membawa erti kepada pemahaman akan tuntutan ganjaran, oleh itu penggunaan lafaz hisbah bagi menggambarkan usaha amar ma'ruf nahi munkar itu difahami melalui perbuatan hisbah yang dilakukan oleh seseorang itu adalah tidak mengharapkan apa-apa selain pahala dan ganjaran daripada Allah Taala.
- b. Pada masa yang sama lafaz *al-ihṭisab* dan *al-hisbah* juga turut difahami melalui erti atau makna pengingkaran (*al-inkar*) iaitu dinamakan sesuatu perbuatan itu hisbah adalah berasaskan pengingkaran terhadap meninggalkan perkara yang ma'ruf dan melaksanakan perkara kemungkaran.
- c. Makna *al-hisbah* juga membawa maksud tadbir urus yang membawa maksud setiap urus tadbir yang dijalankan oleh seseorang itu seharusnya bersesuaian dengan kehendak syariat Ilahi sesuai dengan kedudukannya sebagai hamba bagi Allah Taala.

Manakala, konsep hisbah telah diperincikan oleh tokoh-tokoh besar Islam seperti Imam al-Mawardi dan Imam al-Ghazali. Imam al-Mawardi dalam karya monumentalnya *Al-Ahkam as-Sultaniyyah* mendefinisikan hisbah sebagai suruhan untuk mengerjakan amar ma'ruf ketika ianya terang-terangan ditinggalkan dan mencegah kemungkaran tatkala ia jelas dikerjakan.

Tambahan pula, Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* menyatakan hisbah sebagai gambaran komprehensif dalam konsep menyuruh kebaikan dan mencegah perbuatan keji. Menurut Abdul Qahhar (2018), elemen hisbah berasaskan kepada kefahaman dan pelaksanaan teori amar ma'ruf nahi munkar yang membawa maksud menyuruh kepada perkara kebaikan dan mencegah perkara yang membawa kepada kemungkaran.

Prinsip hisbah juga diperkuatkan dengan dalil daripada al-Qur'an, antaranya firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah, ayat 2, maksudnya,

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan."

Ayat ini menjadi asas bahawa hisbah adalah satu usaha kolektif untuk menegakkan kebaikan dan membanteras kemungkaran dalam sesebuah masyarakat. Menurut kajian, Mustapha Sidi Attahiru et al. (2016) menegaskan bahawa institusi hisbah merupakan satu mekanisme penting dalam membantu komuniti Muslim memenuhi tuntutan sosial dan spiritual yang ditetapkan oleh syariat.

Menurut kajian Abdul Qahhar et al. (2018), terdapat beberapa karya terdahulu yang menjadi rujukan asas serta merupakan karya fundamental kepada penulisan konsep dan pelaksanaan hisbah pada masa kini seperti karya al-Mawardi (1058 Masihi) yang bertajuk *Al-Ahkam as-Sultaniyyah* dalam bab terakhir berhubung hisbah, karya al-Ghazali (1111 Masihi) iaitu *Ihya' Ulumuddin* di mana beliau membicarakan hisbah dalam satu bab yang khusus, begitu juga dengan karya al-Syairazi (1193 Masihi) yang bertajuk *Nihāyah al-Rutbah fi Talab al-Hisbah*, karya Ibn Taimiyah yang bertajuk *al-Hisbah fi al-Islām* (1328 Masihi), karya Ibn Ukhuwwah

iaitu *Macalim al-Qurbah fi Ahkam al-Hisbah* (1329 Masihi) dan hasil penulisan Ibn Bassam berkaitan hisbah iaitu *Nihāyah al-Rutbah fi Talab alHisbah* (1440 Masihi).

Hisbah merupakan institusi yang bermatlamat untuk melaksanakan tugas *al-amr bi al-ma'ruf wa alnahy 'an al-munkar*. Dalam buku Imam al-Mawardi, menjelaskan bahawa hisbah ialah satu institusi Islam yang ditugaskan untuk memelihara urusan umum masyarakat dengan menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran secara terang-terangan, apabila ia ditinggalkan atau dilanggar secara terbuka. Ia bukan berkait dengan bidang kehakiman, tetapi satu bentuk penguatkuasaan moral dan sosial dalam masyarakat.

Seorang pegawai yang dilantik untuk melaksanakan hisbah dikenali sebagai Muhtasib. Beliau dilantik oleh pemerintah untuk memastikan perintah Allah ditaati dalam kehidupan masyarakat umum seperti di pasar, tempat ibadah, dan ruang awam.

Kepentingan Hisbah Menurut Imam al-Mawardi

Dalam karya *Al-Ahkam as-Sultaniyyah*, Imam al-Mawardi menekankan bahawa hisbah merupakan sebahagian penting daripada struktur pemerintahan Islam yang bertanggungjawab untuk menegakkan prinsip *amar ma'ruf nahi mungkar* secara sistematik. Tugas ini bukanlah bersifat individu semata-mata, tetapi difardhukan atas pemerintah untuk menjamin kesejahteraan dan keadilan dalam masyarakat. Dalam konteks ini, terdapat tiga kepentingan utama hisbah yang dibincangkan secara mendalam oleh Imam al-Mawardi, iaitu: menjaga keseimbangan antara hak Allah dan hak manusia, membersihkan masyarakat daripada maksiat dan penindasan, serta menjamin keadilan dalam urusan awam.

a. Menjaga Keseimbangan antara Hak Allah dan Hak Manusia

Imam al-Mawardi menegaskan bahawa tanggungjawab utama muhtasib adalah memastikan syariat Allah ditegakkan dalam kehidupan awam tanpa mengabaikan hak-hak manusia. Hak Allah merangkumi segala bentuk perintah syarak seperti menunaikan solat Jumaat, menjaga aurat, dan menjauhi perbuatan maksiat yang dilakukan secara terbuka. Pada masa yang sama, hisbah juga melindungi hak manusia daripada kezaliman. Contohnya, mencegah penindasan dalam transaksi jual beli, penganiayaan pekerja, atau penipuan dalam perniagaan.

Dengan erti kata lain, institusi hisbah bertindak sebagai penjaga kepada dua paksi utama dalam kehidupan manusia menurut Islam: hubungan dengan Allah (*habl min Allah*) dan hubungan sesama manusia (*habl min al-nas*).

b. Membersihkan Masyarakat daripada Maksiat dan Penindasan

Salah satu aspek paling penting dalam hisbah ialah usaha membersihkan masyarakat daripada kemungkaran yang dilakukan secara terang-terangan. Imam al-Mawardi memperincikan bahawa muhtasib harus bertindak terhadap apa sahaja perbuatan yang mencemarkan nilai-nilai moral Islam, seperti pergaulan bebas, penipuan, atau kelalaian dalam kewajipan agama. Hisbah memainkan peranan membendung kemaksiatan yang jika dibiarkan, akan menjadi budaya dalam masyarakat.

Masyarakat yang tidak dikawal secara moral akan menuju kepada kehancuran dari segi akhlak dan sosial. Oleh itu, hisbah menjadi mekanisme sosial yang bukan sahaja bertindak atas dasar hukum tetapi juga atas dasar pencegahan. Tindakan hisbah, walaupun kadangkala bersifat

autoritatif, bertujuan untuk menjaga kehormatan dan struktur moral masyarakat Muslim secara menyeluruh.

c. Menjamin Keadilan dalam Urusan Awam (Ekonomi dan Sosial)

Menurut Imam al-Mawardi, salah satu peranan utama muhtasib adalah mengawasi aktiviti pasaran seperti memastikan timbangan yang adil, mencegah monopoli, dan mengelakkan riba serta penipuan. Hal ini menunjukkan bahawa hisbah bukan hanya terhad kepada isu ibadah dan akhlak, tetapi merangkumi aspek ekonomi dan sosial. Dalam erti kata lain, hisbah bertindak sebagai pengawal selia ekonomi Islam.


Dengan peranan ini, hisbah memastikan tiada golongan yang mengambil kesempatan ke atas orang lain satu prinsip asas dalam menjamin keadilan sosial. Muhtasib bertindak segera apabila berlaku penyelewengan atau eksploitasi dalam masyarakat, terutama dalam perniagaan dan interaksi sosial. Hal ini membentuk suatu sistem perlindungan yang menyeluruh, di mana keadilan bukan hanya dituntut secara undang-undang, tetapi juga dipantau secara langsung dalam kehidupan seharian.

Pelaksanaan *Hisbah* di Malaysia

Pelaksanaan Hisbah di Malaysia pernah wujud dan dinamakan hisbah di negeri Terengganu pada tahun 1999, tetapi pada masa kini tidak menggunakan istilah hisbah secara langsung serta institusi hisbah pada masa kini tidak lagi wujud sebagai entiti tersendiri khusus institusi hisbah sahaja tetapi menggunakan konsep yang berteraskan amar ma'ruf nahi munkar dan menegakkan keadilan (Azrin Ibrahim 2015). Pelaksanaan hisbah di Malaysia secara formal dengan menggunakan institusi hisbah secara berasingan tetapi tetap mengaplikasikan 'konsep hisbah' tersendiri mengikut negara Malaysia. Menurut Azrin Ibrahim (2015) institusi yang melaksanakan hisbah dalam masyarakat di peringkat negeri ialah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dengan kebanyakan fungsinya adalah untuk memelihara akhlak dan hal ehwal yang berkaitan ibadat umat Islam dan memfokuskan amar makruf nahi mungkar terutamanya dalam perkara berkaitan akidah, syariah dan akhlak. Muhtasib bagi JAIN ialah penolong penguatkuasa agama yang dibantu oleh pegawai masjid, imam, imam ratib, bilal dan pembantu bilal (Alias Azhar et al. 2018) yang telah dilantik secara rasmi oleh kerajaan dengan kelayakan tertentu.

Usaha hisbah lain juga dilaksanakan melalui kerajaan-kerajaan negeri dengan menetapkan garis panduan bagi memastikan amar makruf nahi mungkar terus diperkasakan iaitu antaranya garis panduan hiburan oleh kerajaan negeri Kelantan dengan meluluskan Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003 berkaitan mengawal kesenian yang membawa kearah kemungkaran dan melanggar prinsip akidah yang melibatkan pemujaan seperti Menora, Mak Yong, Main Puteri, Selampit, Wayang Kulit 56 Tinju Siam dan Pelaga Binatang, dan hiburan yang tidak melanggar kemungkaran adalah dibenarkan seperti dikir barat (Pekeliling Am Negeri Bilangan 4 Tahun 2003, "Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003").

Hisbah di peringkat kerajaan persekutuan pula berkaitan hal ehwal agama Islam diselia oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), menguruskan masalah akidah yang berlaku dengan melakukan kajian mengenai isu-isu akidah sama ada berbentuk terdahulu mahupun terkini dalam masa yang sama turut mencegah masalah akidah bukan sahaja dengan hukuman tetapi penerangan kepada masyarakat dan bantuan pemulihan akidah kepada yang memerlukan (Abd Rahman @ Sabri & Wan Jusoh 2023). Selain itu, JAKIM juga menjadi



institusi hisbah utama dalam memastikan kehalalan makanan dan lain-lain dengan garis panduan yang ditetapkan dari JAKIM bagi memastikan umat Islam di Malaysia sentiasa mendapat makanan yang diyakini halal.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan institusi hisbah yang membantu dalam memastikan integriti dan ketelusan di Malaysia dengan melaksanakan amar makruf memberi kesedaran berkaitan integriti serta nahi mungkar iaitu mengawal masalah rasuah dan salah guna kuasa yang berlaku di Malaysia.

Selain itu, di Malaysia juga terdapat institusi hisbah yang menjaga hak masyarakat iaitu memantau peniaga dari monopoli atau ihtikar dalam perniagaan yang menjadi peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) sebagai institusi hisbah (All-Mu'izz Abas & Anwar Fakhri Omar 2023). Peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ialah menangani masalah monopoli di Malaysia dengan memantau dan menentukan serta mengawalselia penjualan dan pengedarannya (KPDN 2022).

Secara keseluruhannya Malaysia melaksanakan hisbah dalam kedua-dua bentuk iaitu amar makruf dan nahi mungkar melalui peranan-peranan institusi tersendiri yang merangkumi urusan agama, pencegahan maksiat secara terang-terangan, ekonomi, integriti dan lain-lain mencakupi hak-hak Allah SWT dan melindungi hak masyarakat.

Cabaran Pelaksanaan *Hisbah* di Malaysia

Pelaksanaan hisbah di Malaysia dilaksanakan dengan aktif melalui institusi-institusi hisbah dalam mencegah kemungkaran juga amar makruf meskipun begitu masih terdapat halangan dalam pelaksanaan hisbah menurut Islam antaranya adalah bidang kuasa dalam enakmen jenayah syariah masih lagi longgar (Abdul Haziq Izzat Abdul Wahid 2016). Dalam masa yang sama masalah had kuasa mahkamah syariah dan negeri dalam menetapkan hukuman adalah bergantung kepada beberapa syarat tertentu iaitu terpakai kepada penganut beragama Islam di negeri tersebut sahaja dan tidak menggubal perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan dan bidang kuasa mahkamah syariah tertakluk pada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan (Nur Al-Farhain Kamaruzaman & Kamaruzaman Yusof 2021).

Dualisme perundangan ini secara tak langsung menyebabkan enakmen yang digubal oleh negeri jika bertembung dengan mahkamah persekutuan maka enakmen tersebut berpotensi untuk dibatalkan seperti yang berlaku di negeri Kedah enakmen berkaitan penutupan premis judi dibatalkan oleh mahkamah persekutuan (Sinar Harian, 2024). Hal yang sama turut berlaku di negeri Kelantan kes Nik Elin yang menatijahkan pembatalan 16 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019. Dualisme perundangan, keterbatasan bidang kuasa negeri dan mahkamah syariah membantutkan usaha hisbah selari dengan hisbah menurut Islam yang jauh lebih menyeluruh dan sempurna dan mencakupi seluruh aspek hidup manusia (Rasid Muhamad, Mohd Yadman Sarwan & Salahudin Suyurno 2008).

Pengaruh ideologi luar membawa pengaruh dari segi ideologi atau fahaman dan budaya hedonisme meluas dalam masyarakat (Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria & Kamaruddin Salleh 2016). Impak dari ideologi ini mendorong masyarakat untuk menuntut kebebasan tanpa kawalan yang akhirnya menyebabkan masyarakat menolak sesetengah peraturan dan garis panduan yang dikuatkuasakan oleh institusi hisbah. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan hisbah dalam masyarakat awam dan masyarakat

lebih mudah menerima pengaruh buruk seperti hedonisme. Dalam masa yang sama usaha untuk melaksanakan hisbah mengikut acuan Islam juga ditentang oleh sesetengah pihak yang berkepentingan yang kurang bersetuju untuk menjadikan Islam sebagai asas kepada sistem penguatkuasaan (Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria & Kamaruddin Salleh 2016).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan untuk meneliti konsep serta mengenal pasti cabaran dalam pelaksanaan sistem hisbah di Malaysia. Kaedah ini dipilih bagi memahami secara mendalam aspek konsep, dasar, dan pelaksanaan hisbah melalui bahan bertulis seperti dokumen rasmi, artikel akademik, laporan kerajaan, dan bahan media.

Reka bentuk kajian ini bersifat eksploratori dan deskriptif. Kajian eksploratori bertujuan untuk mengenalpasti dan menghuraikan koson hisbah dalam kerangka pentadbiran Islam, manakala pendekatan deskriptif digunakan untuk mengenalpasti bentuk pelaksanaan serta cabaran yang dihadapi oleh institusi yang berkaitan dengan hisbah di Malaysia. Pemilihan analisis kandungan sebagai metod kajian membolehkan pemerhatian terhadap dokumen dan bahan-bahan bertulis secara sistematik tanpa keperluan turun ke lapangan.

Manakala data yang diperolehi secara skunder iaitu daripada pelbagai jenis bahan bertulis dan dokumen rasmi seperti:

1. Artikel Jurnal Akademik berkaitan Hisbah dan tadbir urus Islam
2. Buku daripada Al-Ahkam As-Sultaniyyah
3. Berita dan laporan media mengenai isu pelaksanaan undang - undang syariah dan peranan institusi agama.

Proses pengumpulan data melibatkan penyusunan, dan penapisan bahan mengikut tema berkaitan, Konsep hisbah dalam Islam dan aplikasinya di Malaysia, serta cabaran institusi dalam melaksanakan hisbah. Setelah ke semua data dikumpulkan, penyelidik menjalankan analisis kandungan tematik, yang melibatkan beberapa langkah:

1. Pengkodan awal terhadap kandungan sumber (Seperti mengenalpasti kata kunci)
2. Mengumpulkan tema-tema yang ada seperti kelemahan dari segi undang-undang, konflik antara bidang kuasa dan sebagainya.
3. Akhir sekali, penafsiran iaitu makna dan hubungan antara tema bagi menghasilkan dapatan yang lebih tersusun dan holistik.

Penggunaan metode analisis kandungan dalam kajian ini membolehkan penyelidik meneliti konsep hisbah secara teoritikal dan praktikal melalui sumber bertulis yang sahih. Di samping itu, ia turut membantu mengenal pasti cabaran utama yang menghalang keberkesanan pelaksanaan hisbah di Malaysia.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Perbezaan Konsep Hisbah menurut penulisan "Al-Ahkam al-Sultaniyyah" oleh Al-Mawardi dan konteks pelaksanaannya di Malaysia pada masa kini.

Dalam karya *Ahkam al-Sultaniyyah*, Al-Mawardi mentakrifkan hisbah sebagai satu institusi penting dalam pemerintahan Islam yang berperanan memastikan masyarakat mematuhi perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya, iaitu melalui pelaksanaan amar makruf nahi mungkar. Institusi ini bukan sahaja bertujuan untuk menegakkan hukum Allah dalam aspek ibadah dan akhlak, tetapi juga menjaga keadilan sosial seperti mengawasi aktiviti perniagaan, urusan niaga, dan kesaksamaan dalam masyarakat.


Sebaliknya, di Malaysia, konsep hisbah ditafsirkan dalam konteks penguatkuasaan undang-undang syariah oleh pihak berkuasa agama negeri. Fokus utamanya ialah kepada pengawalan moral umat Islam, seperti kesalahan khalwat, tidak berpuasa di bulan Ramadhan, minum arak, atau berpakaian tidak sopan. Matlamat amar makruf nahi mungkar tetap dikekalkan, namun pelaksanaannya lebih terikat kepada bidang kuasa dan prosedur perundangan yang telah digubal oleh negeri masing-masing.

Dalam zaman Al-Mawardi, kuasa pelaksanaan hisbah diberikan oleh pemerintah pusat (Khalifah atau Sultan), dan al-Muhtasib iaitu pegawai pelaksana hisbah yang mempunyai autoriti terus untuk bertindak tanpa perlu melalui proses perundangan yang panjang. Ini membolehkan tindakan segera terhadap sebarang pelanggaran syariah di tempat awam, seperti penipuan dalam timbangan atau perbuatan maksiat terbuka.

Namun, di Malaysia, pelaksanaan fungsi hisbah berada di bawah bidang kuasa Sultan negeri dan dilaksanakan oleh institusi seperti Jabatan Agama Islam Negeri (contohnya JAIS, JAWI). Kuasa mereka diperuntukkan melalui enakmen jenayah syariah negeri, dan setiap tindakan perlu mengikut prosedur undang-undang termasuk siasatan, penyediaan bukti, dan kadangkala memerlukan waran daripada Mahkamah Syariah. Ini menjadikan pelaksanaan hisbah lebih birokratik dan terhad dari segi kecekapan pelaksanaan langsung seperti yang berlaku dalam sistem klasik Islam.

Pada zaman Al-Mawardi, hisbah merupakan institusi khusus dengan pegawai tetap bernama *Muhtasib*, yang dilantik oleh pemerintah dan menjalankan tugasnya secara langsung dalam masyarakat. Institusi ini berada dalam sistem pemerintahan yang lebih bersifat menyatu dan tiada pengasingan kuasa antara legislatif, kehakiman, dan eksekutif seperti dalam sistem moden sekarang.

Sebaliknya, di Malaysia, institusi hisbah tidak wujud dalam bentuk khusus seperti zaman Al-Mawardi. Fungsi-fungsinya dipecahkan antara pelbagai jabatan, seperti JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri, dan Mahkamah Syariah. Tambahan pula, pelaksanaan dasar agama terikat kepada sistem perundangan berasaskan Perlembagaan Malaysia yang mengasingkan kuasa antara kerajaan persekutuan dan negeri serta antara badan kehakiman dan pentadbiran. Pelaksanaan hukuman di Malaysia bagi hisbah di peringkat negeri boleh mempunyai bidang kuasa yang terhad kepada orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan maka hukuman mengikut senarai Persekutuan akan lebih diutamakan (Nur Al-Farhain Kamaruzaman & Kamaruzaman Yusof 2021).



Peranan Muhtasib dan lantikannya menurut Al-Mawardi 1996, perlu melantik seorang lelaki merdeka, adil, mempunyai pertimbangan yang waras, tegas dalam agama, dan jelas sedar akan apa itu kelakuan mungkar manakala peranannya melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar dalam bidang kuasanya tanpa membatasi bidang kuasa kehakiman dan qadi. Terdapat dua pandangan berkenaan muhtasib dalam berjihad, pandangan pertama muhtasib boleh berjihad dan memaksa orang lain menerima ijtidahnya dan pandangan kedua muhtasib tidak dibenarkan berjihad kerana tidak mencapai tahap seorang mujtahid.

Muhtasib di Malaysia atau dikenali sebagai penguatkuasa dalam mana-mana institusi hisbah adalah berbeza berbanding Al-Mawardi iaitu muhtasib di negara ini dilantik berdasarkan keutamaan kelayakan rasmi berdasarkan sijil akademik (Ibrahim 2018). Manakala dari sudut bidang kuasa pula hampir sama berdasarkan kitab Al-Ahkam Al-Sultaniyyah, bidang kuasa muhtasib di Malaysia tidak membatasi kuasa kehakiman dan qadi. Penguatkuasa tidak boleh mengeluarkan ijihad sendiri dalam melaksanakan hisbah dan perlu mengikut peraturan dan akta yang telah ditetapkan oleh pemerintah.

Selain itu, pelaksanaan muhtasib di Malaysia mencakupi seluruh aspek hisbah seperti yang disebutkan dalam kitab Al-Ahkam Al-Sultaniyyah iaitu ibadah, mencegah kemungkaran dan memastikan muamalat terlaksana tanpa ada unsur monopoli dan penipuan serta memastikan integriti dalam masyarakat serta melaksanakan amar makruf nahi mungkar bagi menjaga hak individu, hak Allah SWT dan hak kedua-duanya.


Akhir sekali, hasil analisis perbezaan antara muhtasib dan penguatkuasa di Malaysia pelaksanaan hisbah oleh muhtasib lebih menyeluruh termasuk dalam urusan ibadah seperti solat dan zakat juga muhtasib ada hak untuk menasihati dan menghukum dengan hukuman takzir jika tidak melaksanakannya dengan sengaja dan muhtasib sebaliknya di Malaysia pelaksanaan hisbah dalam solat dilaksanakan untuk solat jumaat sahaja dan hisbah terhadap zakat kurang ditekankan. Menurut kitab Hakam Al-Sultaniyyah melaksanakan hisbah meskipun tanpa aduan begitu juga di Malaysia pelaksanaan hisbah tetap dilaksanakan tanpa aduan seperti contoh pelaksanaan audit secara berkala bagi memastikan ketelusan dalam pengurusan, pemantauan harga secara berkala oleh Kementerian Perdagangan dalam Negeri bagi memastikan tiada monopoli harga.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, konsep hisbah memainkan peranan penting dalam menegakkan nilai keadilan, integriti, dan moral dalam sesebuah masyarakat Islam. Sebagai satu sistem pengawasan yang berpaksikan prinsip *amar ma'ruf nahi munkar*, hisbah bukan sahaja relevan dalam sejarah pemerintahan Islam terdahulu, malah masih signifikan dalam konteks pentadbiran masa kini termasuk di Malaysia. Walaupun pelaksanaannya berdepan pelbagai cabaran seperti kekangan undang-undang, sensitiviti masyarakat majmuk, dan pengaruh budaya luar, usaha untuk menerapkan prinsip hisbah secara strategik dan inklusif tetap perlu diteruskan. Justeru, kesepaduan antara institusi agama, agensi penguatkuasaan dan institusi perundangan amat penting bagi memastikan fungsi hisbah dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan, selari dengan tuntutan syariah dan realiti semasa. Hisbah harus dilihat bukan sekadar tanggungjawab institusi, tetapi juga sebagai komitmen kolektif umat Islam untuk membentuk masyarakat yang seimbang dari segi spiritual, sosial dan perundangan.

RUJUKAN

- A. Q. Ibrahim, M. B. Zakaria, R. Ab Rahman and N. C. Noh BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080) 2018 Vol. 1 Issue 4 Pages 12-19
- Abd Rahman @ Sabri, Nor Amalina & Wan Jusoh, Wan Hishamudin. 2023. Kemunggaran akidah di malaysia dan peranan institusi hisbah dalam menangannya. 'Abqari Journal.72–83.
- Abdul Haziq Izzat Abdul Wahid. 2016. Kajian pelaksanaan dan cabaran hisbah pengurusan hal ehwal islam (phei) mais dan jais di negeri selangor darul ehsan, shah alam.
- Abdul Qahhar Ibrahim, Abdul Ghafar Don & Muhamad Faisal Asha'ari. 2018. Konsep hisbah dan kepetingan dalam pengurusan hal ehwal islam. Al-Hikmah.
- Abu Al-Hasan Al-Mawardi. 1996. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al- Wilayat al-Dinniyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Alias Azhar, Muhammad Hafiz bin Badarulzaman, Mohammad Azam Hussain & Fauziah Mohd Noor. 2018. Parameter hisbah dalam kerangka perundangan jenayah syariah di malaysia : tinjauan terhadap pencegahan kesalahan jenayah khalwat. Jurnal Syariah: Jurnal Hukum dan Pemikiran. <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/24994>.
- All-Mu'izz Abas & Anwar Fakhri Omar. 2023. Peranan institusi hisbah dalam mengawal kegiatan ihtikar di malaysia. Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies.
- Anon. t.th. Pekeliling am negeri bilangan 4 tahun 2003, "garis panduan kawalan hiburan 2003." 2003.
- Azrin Ibrahim. 2015. Kepentingan hisbah dan amalannya di malaysia. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. 11 (1):22–33. <https://doi.org/10.37231/>.
- Azrin Ibrahim. 2018. Analisis tasawur, matlamat dan elemen hisbah di majlis perbandaran kota baru bandar raya islam, kelantan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 3 (7):23–35. <http://www.jised.com/PDF/JISED-2018-07-03-03.pdf>.
- Hashim, Roslinda. 2024. Kedah failkan rayuan, pertahan keputusan tutup premis judi. Sinar Harian,.
- Hisba reflection in Islamic spiritual education M. Makhsin, R. Khalid and M. F. Ilias Australian Journal of Basic and Applied Sciences 2015 Vol. 9 Issue 13 (S) Pages 9-13
- KPDN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. 2022. Fungsi KPDN <https://www.kpdn.gov.my/ms/info-korporat/fungsi-kpdn> [diakses pada 9 Jun 2025].
- Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Kamaruddin Salleh. 2016. Cabaran institusi hisbah dalam dunia kontemporari serta usaha-usaha bagi memperkasakannya. Jurnal Ilmi Ilmi Journal. 6:55–68.
- Nur Al-Farhain Kamaruzaman & Kamaruzaman Yusof. 2021. Konsep dan aplikasi hisbah berkaitan penguatkuasaan undang-undang moral islam di malaysia. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences.

- 
- Othman, N. H. S., Jaafar, N. & Mohamed, A. K. 2018. Hisbah Dan Kepentingannya Dalam Runding Cara Perkahwinan: Hisbah and Its Importance in Marriage Consultations. *Abqari Journal* 15(1): 127-136.
- Rasid Muhamad, Mohd Yadman Sarwan & Salahudin Suyurno, S. 2008. Pengurusan islam: teori dan praktis (islamic management: theory and practice).
- Shahrom, N. F. N., Basir, S. A., Bakar, M. A., Talib, N. M. & Rosli, M. M. M. Integrasi Konsep Hisbah Dalam Pelaksanaan Ms 1900 Di Mahkamah Syariah.

ANALISIS WACANA KRITIS KERUSAKAN LINGKUNGAN DALAM PERSPEKTIF ISLAM DI MEDIA MONGABAY INDONESIA

Rahmadi Rahmad
Jabatan Penyiaran dan Komunikasi Islam, Universitas Ibn Khaldun,
Bogor, Indonesia.

ABSTRAK

Penelitian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana media lingkungan Mongabay Indonesia memberitakan kerusakan lingkungan akibat pertambangan yang terjadi di Indonesia. Pertambangan merupakan aktivitas yang menyebabkan terjadinya kerusakan lingkungan, tercemarnya air, terjadinya konflik lahan, hingga terganggunya tatanan sosial di komunitas masyarakat lokal. Kegiatan eksploitasi pertambangan yang tidak mempertimbangkan prinsip keberlanjutan menyebabkan persoalan lingkungan harus mendapat perhatian serius. Dalam pandangan Islam, manusia disebut sebagai khalifah di muka bumi yang memiliki tanggung jawab secara moral dan spiritual menjaga, merawat, dan mencegah terjadinya kerusakan alam. Konsep *fasad*, *tawazun*, *israf*, dan *maslahat*, dalam etika Islam sejalan dengan prinsip untuk tidak merusak bumi. Analisis Wacana Kritis (AWK) merupakan pendekatan interdisipliner yang digunakan untuk menelaah bagaimana bahasa berperan dalam pembentukan dan pelestarian relasi kekuasaan, ideologi, serta praktik sosial yang dominan dalam masyarakat. Dalam kajian media, AWK digunakan untuk menelaah bagaimana media tidak hanya menyampaikan informasi, tetapi juga mereproduksi pandangan dunia tertentu yang sarat dengan kepentingan ideologis. Hasil kajian ini menunjukkan bahwa melalui pemilihan kata, struktur naratif, dan strategi representasi aktor, teks-teks Mongabay secara konsisten membentuk wacana yang sejalan dengan prinsip-prinsip etika lingkungan Islam. Dimensi tekstual Mongabay sarat nilai lingkungan, menjelaskan aktivitas pertambangan yang merusak, serta mengedepankan sisi ekologis. Melalui pendekatan Analisis Wacana Kritis Fairclough, ditemukan bahwa narasi yang ditampilkan mencerminkan konsep *fasad*, *tawazun*, *israf*, dan *maslahat*, baik pada tingkat teks, praktik wacana, maupun praktik sosial. Ajaran Islam yang mengajarkan larangan berbuat kerusakan serta menjaga keseimbangan ekosistem lingkungan dapat kita terapkan dalam kehidupan kita sehari-hari.

Kata kunci: Analisis Wacana Kritis, Kerusakan Lingkungan, Pertambangan, Islam, Mongabay Indonesia.

ABSTRACT

This research aims to find out how the environmental media Mongabay Indonesia reports on environmental damage due to mining that occurs in Indonesia. Mining is an activity that causes environmental damage, water pollution, land conflicts, and disruption of social order in local communities. Mining exploitation activities that do not pay attention to sustainability principles give rise to environmental problems that must be taken seriously. In the Islamic view, humans are referred to as caliphs on earth who have a moral and spiritual responsibility to protect, care for and prevent damage to nature. The concepts of facade, tawazun, israf, and maslahat, in Islamic ethics are in line with the principle of preserving our earth. Critical Discourse Analysis (AWK) is an interdisciplinary approach used to examine how language plays a role in the formation and preservation of dominant power relations, ideologies and social practices in society. In media studies, AWK is used to examine how the media not only conveys information, but also reproduces certain world views that are full of ideological interests. The results of this research show that through word choice, narrative structure, and actor representation strategies, the Mongabay text consistently forms a discourse that is in line with the principles of Islamic environmental ethics. Mongabay's textual dimensions are full of environmental values, explaining destructive

mining activities, and prioritizing ecology. Through Fairclough's Critical Discourse Analysis approach, it is revealed that the narrative content reflects the concepts of facade, tawazun, israf, and maslahat, both at the level of text, discourse practice, and social practice. Good actions to maintain environmental balance and avoid actions that destroy nature are Islamic teachings that we can implement in our daily lives.

Keywords: *Critical Discourse Analysis, Environmental Damage, Mining Activities, Islam, Mongabay Indonesia*

PENDAHULUAN

Kerusakan lingkungan hidup merupakan persoalan penting yang menyangkut kehidupan manusia di bumi. Rusaknya lingkungan tidak hanya berpengaruh pada persoalan ekologi tetapi juga berdampak pada kehidupan ekonomi, sosial, budaya, dan spiritual masyarakat.


Salah satu penyebab terjadinya kerusakan lingkungan adalah kegiatan eksploitasi pertambangan. Di Indonesia, industri pertambangan menyumbang pemasukan cukup penting untuk negara melalui pajak dan ekspor, meskipun menjadi sektor yang berkontribusi merusak lingkungan. Pertambangan menyebabkan rusaknya hutan, tercemarnya air, terjadinya konflik lahan, hingga adanya kerusakan tatanan sosial di komunitas masyarakat lokal (Hilson, 2002).

Indonesia merupakan negara yang memiliki cadangan sumber mineral yang besar di dunia. Namun, kegiatan eksploitasi pertambangan yang tidak mempertimbangkan prinsip keberlanjutan menyebabkan persoalan lingkungan harus mendapat perhatian sangat serius. Menurut laporan Greenpeace (2020), sekitar 70% deforestasi di Indonesia disebabkan aktivitas pertambangan yang legal maupun ilegal. Fenomena ini ditunjukkan hasil kajian yang menyatakan bahwa wilayah yang ada aktivitas tambangnya cenderung mengalami kerusakan lingkungan lebih cepat dibandingkan daerah tanpa tambang (Andrianto, 2019).

Dalam Al-Qur'an, manusia disebut sebagai khalifah di muka bumi yang memiliki tanggung jawab secara moral dan spiritual menjaga, merawat, dan mencegah terjadinya kerusakan alam atau *fasad* (QS Al Baqarah 30). Dan jika terjadi kerusakan di muka bumi, baik di darat, laut, maupun udara, ini dikarenakan hasil perbuatan tangan manusia (QS Ar Rum 41). Konsep *tawazun* (keseimbangan), *israf* (menghindari pemborosan), dan *maslahat* (kebaikan umum), dalam etika Islam juga sejalan dengan prinsip menjaga bumi atau tidak merusak lingkungan (Nasr, 1996).

Nilai-nilai tersebut, menunjukkan bahwa alam semesta merupakan ciptaan Tuhan yang harus kita jaga sebaik mungkin, bukan untuk dirusak atau dieksploitasi (Khalid, 2002). Foltz (2023) menegaskan bahwa Islam tidak hanya mendukung konservasi lingkungan, tetapi juga menyediakan dasar teologis untuk mewujudkan keadilan ekologis. Kegiatan eksploitasi sumber daya alam sangat tidak dianjurkan merugikan makhluk lain, termasuk manusia dan makhluk hidup lainnya. Hal yang menunjukkan bahwa ajaran Islam memberikan etika pemikiran lingkungan moderen dalam pelestarian lingkungan.

Pada tataran lokal, studi yang dilakukan Abdullah dan Sari (2021) mengungkap bahwa pendekatan religius mampu meningkatkan kesadaran lingkungan di kalangan masyarakat pesantren. Pendekatan religius dapat memperkuat kesadaran dan praktik pelestarian secara berkelanjutan yang artinya etika Islam tidak hanya bersifat normatif-teologis, akan tetapi juga aplikatif yang dapat membentuk tindakan bersama di masyarakat. Namun begitu, integrasi antara nilai-nilai keislaman dan representasi wacana lingkungan belum banyak dikaji secara komprehensif.



Analisis Wacana Kritis (AWK) merupakan pendekatan interdisipliner yang digunakan untuk menelaah bagaimana bahasa berperan dalam pembentukan dan pelestarian relasi kekuasaan, ideologi, serta praktik sosial yang dominan dalam masyarakat (Fairclough, 1995). Pendekatan ini melihat bahwa bahasa tidak hanya sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai praktik sosial yang membentuk dan dibentuk oleh struktur sosial.

Dalam kajian media, AWK digunakan untuk menelaah bagaimana media tidak hanya menyampaikan informasi, tetapi juga mereproduksi pandangan dunia tertentu yang sarat dengan kepentingan ideologis. Carvalho (2008) menekankan bahwa media lingkungan memainkan peran penting dalam membentuk kesadaran ekologis melalui pemilihan diksi, struktur naratif, dan strategi representasi. Sementara Van Dijk (1998), menyatakan bahwa media adalah medan pertarungan makna (*battlefield of meaning*) yang menggambarkan kekuasaan wacana antara kelompok dominan dan marginal.

Norman Fairclough (2003) sebagai pelopor AWK, mengembangkan tiga model analisis, yaitu (1) analisis teks (linguistik), (2) analisis praktik wacana (produksi dan konsumsi teks), dan (3) analisis praktik sosial atau konteks ideologis dan institusional.

Penelitian ini menggunakan pendekatan AWK yang dikembangkan Norman Fairclough, dengan tujuan menelaah wacana kerusakan lingkungan akibat pertambangan disajikan dalam sejumlah artikel di Mongabay Indonesia yang dikaitkan dengan nilai-nilai Islam. Analisis kritis terhadap teks-teks media menjadi penting untuk membongkar bias-bias ideologis yang tersembunyi di balik penyampaian fakta.

Penelitian ini tidak hanya mengkaji isi teks media secara struktural dan ideologis, tetapi juga mengintegrasikan dimensi etika Islam sebagai bagian membangun kesadaran ekologis berbasis spiritual.

Mongabay Indonesia merupakan media yang mengusung jurnalisme lingkungan dengan pendekatan data, sains, dan partisipasi komunitas (Nugroho, 2017). Ardiansyah dan Prasetyo (2021) menyatakan bahwa Mongabay menjalankan model jurnalisme advokatif yang tidak hanya informatif, tetapi juga proaktif dalam mendorong kebijakan berbasis keberlanjutan.


Mongabay Indonesia secara aktif mengangkat isu kerusakan lingkungan akibat aktivitas tambang ilegal, konflik agraria, dan pelanggaran terhadap hak-hak masyarakat adat. Namun demikian, pendekatan Mongabay umumnya lebih berfokus pada dimensi politik-ekonomi dan kurang memberikan ruang pada dimensi spiritual atau religius sebagai perspektif alternatif dalam wacana lingkungan.

Penelitian Nugroho et al. (2017) menyatakan bahwa Mongabay Indonesia telah menyumbang peningkatan kesadaran publik terhadap ekologi. Meski narasi yang dibangun, masih belum sepenuhnya bersifat transformatif dalam menyentuh nilai-nilai budaya dan religius masyarakat Indonesia.

TINJAUAN PUSTAKA

Penelitian di bawah ini telah memberikan kontribusi penting dalam mengkaji hubungan antara pertambangan, lingkungan, media, dan agama, yaitu:

- a. Gavin Hilson dalam penelitiannya berjudul “*An overview of land use conflicts in mining communities*” menganalisis konflik antara aktivitas pertambangan dan keberlanjutan lingkungan di negara-negara berkembang, serta ketimpangan sosial-ekonomi memperburuk dampak ekologis.

- 
- b. Rhani Febria dalam riset berjudul “Identitas Moral Dalam Cerpen “Banjir yang Dikirim ke Champoon” (Studi Analisis Wacana Kritis)” menjelaskan bahwa kajian tentang moral dapat mengungkap relasi kuasa dan berbagai aspek tersembunyi. Identitas masyarakat dapat tergerus akibat era globalisasi serta penguasa yang zalim akan memanfaatkan ketidakberdayaan masyarakat miskin dalam tindakannya.
 - c. Ahmad Asroni dalam riset berjudul “Etika Lingkungan dalam Perspektif Islam” menunjukkan bahwa kerusakan lingkungan terus terjadi dan bencana alam menghampiri Indonesia namun kejadian ini tidak membuat masyarakat sadar. Dakwah etika lingkungan dapat menjadi solusi atas permasalahan lingkungan yang terjadi di Indonesia, yang dapat dilakukan melalui tiga ranah yaitu keluarga, ulama, dan institusi pendidikan.
 - d. Elya Munfrida dalam penelitian berjudul “Analisis Wacana Kritis Dalam Perspektif Norman Fairclough” menjelaskan bahwa Fairclough menawarkan wacana tiga hal yaitu teks, praktik diskursif, dan praktik sosial. Dalam konsep ini akan diketahui ketika kekuasaan dan ideologi melekat dalam suatu wacana, maka intertekstualitas akan bertindak sebagai mekanisme untuk mempertahankan atau mengubah suatu relasi dominasi.

Isi SDG's Lingkungan Hidup

Penelitian ini menggunakan penelitian kualitatif dengan metode Analisis Wacana Kritis (AWK). Pendekatan ini memungkinkan peneliti mengkaji secara mendalam bagaimana bahasa dalam teks jurnalistik digunakan untuk merepresentasikan, membongkar, dan mengkonstruksi realitas sosial. Khususnya, dalam isu kerusakan lingkungan Indonesia akibat pertambangan.

Pendekatan AWK memandang wacana sebagai praktik sosial yang berkaitan erat dengan kekuasaan, ideologi, dan struktur sosial. AWK digunakan untuk menelusuri bagaimana Mongabay Indonesia membongkar isu lingkungan melalui pilihan bahasa dan narasi tertentu, serta sejauh mana nilai-nilai Islam hadir dalam pembongkaran tersebut.

Artikel-artikel dikumpulkan dalam kurun waktu Indonesia hingga Desember 2024. Periode ini dipilih karena mencakup perkembangan terbaru isu pertambangan, regulasi lingkungan, serta peningkatan wacana ekologi di ruang publik dikarenakan adanya Pemilihan Umum Presiden Indonesia dan Wakil Presiden 2024.

Analisis data dilakukan dengan menggunakan model Analisis Wacana Kritis Norman Fairclough, dengan tiga tahapan utama:

1. Analisis Teks: Kajian terhadap struktur linguistik teks seperti pilihan kata, metafora, struktur kalimat, kohesi, dan narasi. Tujuannya, untuk melihat bagaimana kerusakan lingkungan terjadi akibat pertambangan.
2. Analisis Praktik Wacana: Menganalisis konteks produksi dan konsumsi teks, termasuk siapa yang menulis, untuk siapa ditulis, serta dalam konteks sosial dan politik apa artikel dipublikasikan.
3. Analisis Praktik Sosial: Menganalisis relasi kekuasaan, ideologi, dan struktur sosial yang melatari teks. Termasuk, bagaimana wacana lingkungan dalam artikel Mongabay merepresentasikan nilai-nilai Islam seperti *fasad*, *tawazun*, *israf* dan *maslahat*.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Penelitian ini menganalisis 92 artikel pertambangan di Mongabay Indonesia sepanjang Januari-Desember 2024 dengan pendekatan tematik berbasis etika lingkungan Islam,

mencakup konsep *fasād* (kerusakan), *tawāzun* (keseimbangan), *isrāf* (berlebihan), dan *maslahat* (kebaikan).

Berdasarkan hasil seleksi, sebanyak 12 artikel dipilih yang secara relevan mencerminkan empat nilai tersebut. Analisis dilakukan menggunakan kerangka Analisis Wacana Kritis Norman Fairclough yang mencakup dimensi teks, praktik wacana, dan praktik sosial. Hasil temuan ini dianalisis lebih lanjut melalui pendekatan teologis dan referensi ilmiah untuk memahami konstruksi wacana kerusakan lingkungan dalam perspektif Islam secara lebih mendalam.

Tabel 1. Artikel Pilihan

	Judul Artikel	Tanggal	Konsep Islam	Kutipan
1	Laporan Jatam Beberkan Jaringan Oligarki Tambang dan Energi di Kubu Capres-Cawapres	27 Januari 2024	<i>Israf</i>	Para pengusaha industri ekstraktif itu memiliki kepentingan. Mereka dianggap sebagai jaringan yang sengaja menyebar di tiga poros paslon dan jadi timses.
2	Hilirisasi Industri Tambang Ancam Ekosistem Pulau-pulau Kecil, Jaring Nusa: Visi Misi Capres Perlu Dikaji Ulang	12 Februari 2024	<i>Fasad</i>	Potret tiga tahun terakhir di sejumlah titik tambang nikel seperti Morowali, dampaknya buruk seperti laut keruh, ikan berkurang, nelayan jadi buruh industri mineral, polusi pencemaran laut dan nelayan migrasi ke wilayah tangkap lain. "Warga akan secara bertahap tergusur karena lingkungan sudah tidak sehat."
3	Warga Beutong Ateuh: Kami Sejahtera Tanpa Tambang Emas	27 Maret 2024	<i>Fasad</i>	"Tidak ada warga yang sejahtera karena tambang, yang ada hanya penderitaan karena air tercemar, hutan rusak, kebun hilang, dan bencana datang."
4	Dugaan Korupsi Tambang Timah Rp271 Triliun, Lingkungan Bangka Belitung Rusak Parah	3 April 2024	<i>Fasad</i>	Hasil pantauan citra satelit menunjukkan kerusakan parah. Banyak lokasi bekas tambang di Bangka Belitung terbengkalai, menimbulkan lubang besar karena

Judul Artikel	Tanggal	Konsep Islam	Kutipan
5 Lagi, Dua Nyawa Melayang di Lubang Tambang Kalimantan Timur	13 Mei 2024	<i>Fasad</i>	<p>tidak dinormalisasi dan ditinggalkan begitu saja.</p> <p>Kedua korban menambah daftar panjang kematian anak di lubang tambang. Dalam catatan Jaringan Advokasi Tambang [Jatam] Kaltim, sejak 2011 hingga 2024, MR dan RP merupakan korban ke-46 dan 47.</p>
6 Jatah Tambang untuk Ormas: Pertanyaan Moral dan Sinyal Buruk Krisis Iklim	19 Juni 2024	<i>Israf</i>	<p>Dari sisi sosial, pengusahaan IUP oleh ormas akan berpotensi menjerumuskan ormas dalam hal-hal teknis dan urusan manajerial di lapangan kelak di kemudian hari. Meski telah ada tim profesional yang akan menanganannya, namun nama dan representasinya tentunya akan <i>embedded</i> kepada ormas yang diwakilinya.</p>
7 Banjir Landa Kawasan Industri Nikel Weda: WALHI: Aktivitas Tambang Jadi Penyebabnya	24 Juli 2024	<i>Fasad</i>	<p>Berdasarkan data peta <i>overlay</i> kawasan terjadinya bencana banjir di Kecamatan Weda Tengah dan Weda Utara, Walhi Maluku Utara menyimpulkan bahwa bencana banjir terjadi disebabkan masifnya pemberian izin konsesi pertambangan nikel oleh pemerintah Kabupaten Halmahera Tengah, Provinsi Maluku Utara dan pemerintah pusat tanpa mempertimbangkan aspek daya dukung dan daya tampung lingkungan. Hal ini yang menyebabkan deforestasi dan degradasi hutan di Halmahera tengah.</p>

	Judul Artikel	Tanggal	Konsep Islam	Kutipan
8	Kader Muda Muhammadiyah Tolak Terima Izin Tambang	6 Agustus 2024	<i>Maslahat</i>	Angkatan Muda Muhammadiyah (AMM) menolak kehadiran tambang emas di Trenggalek. Kehadiran tambang hanya akan menghadirkan daya rusak yang tak pernah ada sebelumnya.
9	Kala Kasus Korupsi Tambang Nikel Mantan Gubernur Malut Seret Keluarga Jokowi	4 September 2024	<i>Israf</i>	Abdul Gani Kasuba, mantan Gubernur Maluku Utara dituntut jaksa penuntut umum Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) hukuman sembilan tahun dan denda Rp300 juta terkait kasus korupsi suap dan gratifikasi tambang.
10	Menanti Mahkamah Agung Batalkan Aturan Izin Tambang untuk Ormas Keagamaan	5 Oktober 2024	<i>Maslahat</i>	Ormas keagamaan seharusnya fokus pada pembinaan umat, bukan terlibat dalam bisnis tambang yang merusak lingkungan.
11	Temuan BPK soal Tambang Nikel Ilegal, Potret Karut Marut Kelola Minerba	13 November 2024	<i>Fasad</i>	Menurut BPK, tambang ilegal di Sulawesi Tengah dan Sulawesi Tenggara itu mengakibatkan negara kehilangan potensi pendapatan dari pajak pertambangan nilai (PPN) dan royalti atas komoditas tambang.
12	Tambang Timah dan Ancaman Kerusakan Daratan Kepulauan Bangka Belitung	29 Desember 2024	<i>Fasad</i>	Korupsi dalam sektor pertambangan timah bisa menjadi titik balik atau momentum bagi masyarakat untuk mulai meninggalkan ketergantungan mereka pada industri timah dan mencari alternatif yang lebih berkelanjutan

DIMENSI TEKS (ANALISIS LINGUISTIK)

Untuk dimensi teks, fokus analisis dilakukan pada pemilihan kata, metafora, struktur kalimat, kohesi, narasi, serta representasi aktor atau narasumber dalam tulisan terkait isu pertambangan. Pemilihan kata seperti “korupsi pertambangan”, “krisis ekologi”, “nyawa melawang di lubang tambang” dan “karut marut kelola minerba” secara jelas menunjukkan sekaligus mengkonstruksikan realita atau terjadinya kerusakan lingkungan yang dilakukan secara sistematis dan terstruktur.

Sejumlah istilah tersebut menunjukkan wacana bahwa masyarakat merupakan pihak yang paling lemah posisinya atau sebagai korban, sementara para pelaku tambang merupakan aktor-aktor korporasi atau oknum negara yang terlibat. Dimensi teks juga tidak hanya menunjukkan kerusakan lingkungan secara fisik, tetapi juga menunjukkan makna *fasad* yaitu kerusakan yang ditimbulkan karena ulah manusia sendiri. QS, Ar-Rum: 41, menjelaskan:

"Telah tampak kerusakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia. Allah menghendaki agar mereka merasakan sebagian akibat akibat perbuatannya supaya mereka kembali ke jalan yang benar." (QS. Ar-Rum: 41).


Narasi "hilirisasi yang membahayakan pulau-pulau kecil", "aktivitas tambang jadi penyebab banjir", dan "terjadinya kerusakan daratan dan lautan di Bangka Belitung" menunjukkan hubungan langsung antara praktik ekonomi ekstraktif dan ketidakseimbangan ekologis. Mongabay Indonesia secara aktif mengonstruksi realitas ekologis yang berhubungan dengan konsep *tawazun* yang tidak diindahkan. Dampaknya, terganggunya keseimbangan yang menjadi prinsip dasar dalam ciptaan Tuhan, sebagaimana dijelaskan dalam QS. Ar-Rahman: 7–9:

“Langit telah ditinggikan-Nya dan Allah ciptakan keseimbangan. Agar kamu tidak merusak keseimbangan itu. Tegakkanlah keseimbangan itu dengan adil dan janganlah kamu mengurangi keseimbangan itu.” (QS. Ar-Rahman:7-9).

Lebih lanjut, konsep *israf* atau pemborosan ditunjukkan pada pilihan kata seperti "ekspansi tak terkendali", "tambang ilegal", "over-ekstraksi", dan "penggunaan sumber daya yang tidak proporsional". Diksi tersebut secara jelas mengkritik mendalam terhadap para kapitalis yang lebih mengejar keuntungan dengan mengeksploitasi bumi, ketimbang menjaga keseimbangan dan kelestarian alam. Peringatan ini bersinggungan langsung dengan nilai-nilai Islam yang menolak segala bentuk pemborosan dan merusak ciptaan Tuhan, melalui QS. Al-A'raf: 31:

“Hai anak cucu Adam! Pakailah pakaianmu yang bagus setiap memasuki masjid, makan dan minumlah tetapi jangan berlebihan. Sungguh, Allah tidak menyukai orang yang berlebihan.” (QS. Al-A'raf: 31).

Narasi seperti "masyarakat sejahtera tanpa tambang", "kami menolak izin tambang yang hanya menguntungkan sebagian pihak", juga "apakah ormas mampu menjaga kemaslahatan?" merepresentasikan suara terdalam masyarakat sipil yang mengedepankan prinsip *maslahat*. Dalam konstruksi teks yang dianalisis, nilai *maslahat* terlihat dari pandangan masyarakat/komunitas adat, tokoh agama, serta pegiat lingkungan sebagai agen perubahan perbaikan lingkungan. Representasi ini bertujuan memperkuat terciptanya keadilan sosial-ekologis sekaligus melawan kekuasaan ekonomi-politik para oligarki yang dominan dalam sektor pertambangan.



Struktur kalimat yang dominan adalah kalimat deklaratif dan aktif, dengan subjek utama seperti "aktivitas tambang" atau "korupsi" yang secara jelas ditampilkan sebagai faktor perusak lingkungan. Hal yang mengkritisi struktur kekuasaan. Sementara, masyarakat lokal atau komunitas adat sebagai korban atau subjek moral, yang mencerminkan praktik wacana perlawanan terhadap pihak yang mendominasi pertambangan.

Melalui pemilihan kata, struktur naratif, dan strategi representasi aktor, teks-teks Mongabay secara konsisten membentuk wacana yang sejalan dengan prinsip-prinsip etika lingkungan Islam. Analisis linguistik ini memang secara jelas mengungkapkan bahwa dimensi tekstual Mongabay sarat nilai lingkungan, menjelaskan aktivitas pertambangan yang merusak, serta mengedepankan sisi ekologis.

Dimensi Praktik Wacana (Produksi dan Sirkulasi Wacana)

Dimensi wacana pada pemberitaan Mongabay Indonesia mencerminkan narasi yang bersifat pembelaan lingkungan terhadap para pihak yang mendominasi struktur ekonomi-politik dalam industri pertambangan. Mongabay memperlihatkan ideologi lingkungannya dengan perspektif keadilan ekologis (*environmental justice*) melalui pemilihan nara sumber ahli, sudut pandang narasi, dengan penyajian isu atau informasi yang memusatkan suara masyarakat terdampak, aktivis lingkungan, akademisi, serta organisasi masyarakat sipil/NGO.

Narasi yang dominan dalam 12 artikel terpilih memperlihatkan adanya kearifan masyarakat lokal maupun pengetahuan ekologis komunitas dalam menjaga lingkungan yang diinformasikan ke publik melalui tulisan. Pola ini berfungsi sekaligus sebagai sarana legitimasi kritik terhadap aparaturnegara negara maupun korporasi terhadap keberadaan tambang yang sering memunculkan konflik sosial.


Fairclough (1995) menuturkan, praktik wacana bukan sekadar praktik linguistik, melainkan sebuah aktivitas sosial yang memungkinkan reproduksi dan transformasi kekuasaan dijalankan melalui bahasa. Dalam konteks ini, Mongabay Indonesia memberikan wacana alternatif yang menantang orang-orang yang pro-ekstraksi sumber daya alam.

Artikel “Warga Beutong Ateuh: Kami Sejahtera Tanpa Tambang Emas” atau “Kader Muda Muhammadiyah Tolak Terima Izin Tambang” menunjukkan perlawanan moral dan politik terhadap praktik tambang yang destruktif. Hal ini sejalan dengan kajian Farhana (2021) yang menunjukkan bahwa media alternatif berfungsi sebagai medan diskursif bagi kelompok-kelompok terpinggirkan untuk membangun *counter-hegemony* terhadap narasi dominan kapitalisme ekstraktif. Dalam hal ini, media tidak sekadar melaporkan, tetapi mbingkai isu dengan orientasi pada keadilan sosial dan ekologis.

Distribusi informasi dalam artikel Mongabay Indonesia juga menunjukkan adanya praktik wacana hukum, agama, dan etika lingkungan saling melengkapi. Hadirnya tokoh agama maupun organisasi keagamaan, beserta nilai moral yang ditunjukkan dalam sejumlah tulisan tambang tersebut, menggambarkan bahwa wacana/diskursus lingkungan tidak terbatas pada aspek teknis, melainkan juga masuk ke wilayah spiritual. Hal ini mendukung temuan Peppé dan D’Olimpio (2020), yang menyatakan bahwa media progresif sering mengadopsi pendekatan multivokal dalam penyampaian isu lingkungan guna mengundang keterlibatan etis dari berbagai lapisan masyarakat.

Produksi wacana di Mongabay Indonesia menandai pentingnya komunikasi lingkungan di Indonesia, yang dikaitkan dengan nilai-nilai kearifan lokal masyarakat, nilai-nilai kepercayaan masyarakat, serta keadilan ekologis lingkungan.

Dimensi Praktik Sosial (Konteks Sosial, Politik, dan Ideologis)



Dimensi praktik sosial dalam wacana kerusakan lingkungan akibat pertambangan yang ditampilkan Mongabay Indonesia sepanjang 2024, menunjukkan relasi kuasa yang kompleks antara negara, korporasi, dan masyarakat sipil. Sejumlah artikel yang dianalisis menggambarkan bagaimana struktur sosial-ekonomi yang timpang diperkuat oleh keberadaan oligarki tambang, adanya organisasi masyarakat (ormas) ke dalam industri ekstraktif tersebut, serta praktik korupsi yang melanggengkan eksploitasi sumber daya alam tanpa adanya perbaikan ekologis lingkungan.

Kondisi ini mencerminkan reproduksi kekuasaan dalam skema neoliberal, yaitu logika pertumbuhan ekonomi jangka pendek ditempatkan di atas prinsip keadilan sosial dan keberlanjutan lingkungan (Harvey, 2005). Dalam hal ini, pertambangan tidak hanya dilihat sebagai kegiatan ekonomi, tetapi juga sebagai simbol ketimpangan sosial-ekologis dan menurunnya nilai moral yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam.

Dalam artikel “Laporan Jatam Beberkan Jaringan Oligarki Tambang dan Energi di Kubu Capres-Cawapres” serta “Jatah Tambang untuk Ormas: Pertanyaan Moral dan Sinyal Buruk Krisis Iklim” terlihat bagaimana praktik kolusi antara elit politik, pelaku industri, dan institusi keagamaan turut menciptakan ketidakadilan struktural dalam pengelolaan sumber daya alam. Ini menunjukkan bahwa krisis ekologi juga merupakan krisis tata kelola, sebagaimana dikemukakan Dryzek (2013), yaitu model pembangunan eksploitatif didukung oleh sistem kekuasaan yang resisten terhadap reformasi etis dan ekologis.

Perspektif Islam menegaskan pentingnya manusia menjaga keseimbangan (*tawazun*) dan kebermanfaatannya umum (*maslahat*) dalam pengelolaan bumi, bukan mengeksploitasinya. Ketika praktik sosial menunjukkan kecenderungan *israf* (berlebihan) maka praktik sosial yang berlangsung tidak hanya bertentangan dengan prinsip keberlanjutan, tetapi juga melanggar etika Islam secara mendasar.

Wacana yang dibentuk Mongabay Indonesia berkontribusi sebagai ruang kritik terhadap struktur sosial para penguasa dan oligarki untuk peduli pada kelestarian alam dengan menjaga sebaik-baiknya. Penolakan aktivitas yang merusak lingkungan sejalan dengan tujuan Islam yaitu menegakkan kemaslahatan dan menolak kerusakan.

Nilai Islam dan Nuansa Akademik

Perspektif Islam menyediakan kerangka komprehensif untuk kita mengkritisi kondisi lingkungan yang terjadi saat ini. Sementara nilai ekologi memberi gambaran pada kita akan krisis lingkungan yang terjadi sekarang.

Konsep *fasad* (kerusakan) dalam QS. Ar-Rum: 41, memberikan gambaran moral sekaligus tanggung jawab manusia untuk tidak merusak lingkungan sekaligus menjaga keseimbangan alam. Konsep *israf* (berlebihan), seperti yang termaktub dalam QS. Al-A'raf : 31, menjadi dasar etika Islam dalam mengkritik pengelolaan sumber daya alam yang tidak memperhatikan lingkungan dan daya dukung ekologis.

Prinsip *tawazun* (keseimbangan) dalam QS. Ar-Rahman: 7–9, menegaskan bahwa keseimbangan lingkungan adalah prinsip yang harus dijaga oleh manusia. Pelanggaran yang terjadi, akan mendatangkan bencana, seperti banjir, tanah longsor, pencemaran air, dan kerusakan lainnya. Sementara konsep *maslahat* (kebaikan umat), sebagaimana dijelaskan dalam QS. Al-Baqarah: 30, menunjukkan bahwa pengelolaan lingkungan harus bertujuan untuk kebaikan manusia, bukan untuk segelintir orang yang mengambil keuntungan dari eksploitasi sumber daya alam, terutama pertambangan.

Temuan ini sejalan dengan literatur akademik yang menekankan pentingnya integrasi antara nilai agama dan pelestarian lingkungan. Penelitian Foltz (2003) dan Nasr (1996) menunjukkan bahwa Islam memberikan pemahaman holistik tentang alam sebagai ciptaan Tuhan yang harus dirawat, bukan dijadikan komoditas ekonomi semata.

Dengan demikian, prinsip Islam dan wacana ekologi menciptakan paradigma pelestarian lingkungan yang saling melengkapi. Paradigma yang memperkuat tatanan dimensi etika, moral, dan spiritual manusia dalam menjaga amanah kehidupan di muka bumi.

KESIMPULAN

Penelitian ini menunjukkan bahwa Mongabay Indonesia secara konsisten membangun wacana kritis terhadap kerusakan lingkungan akibat pertambangan, yang selaras dengan nilai-nilai etika lingkungan Islam. Melalui pendekatan Analisis Wacana Kritis Fairclough, ditemukan bahwa narasi yang ditampilkan mencerminkan konsep *fasad*, *tawazun*, *israf*, dan *maslahat*, baik pada tingkat teks, praktik wacana, maupun praktik sosial.

Mongabay Indonesia memosisikan sebagai pihak yang menolak kehadiran oligarki pertambangan di Indonesia yang secara jelas menghasilkan kerusakan lingkungan. Mongabay Indonesia menunjukkan keberpihakannya pada keadilan ekologis dan masyarakat Indonesia yang terdampak pengelolaan tambang.

Ajaran Islam yang mengajarkan larangan berbuat kerusakan, menjaga keseimbangan ekosistem lingkungan, dan amanah kita sebagai khalifah di muka bumi, makin menegaskan bahwa nilai-nilai agama dapat memperkuat narasi penyelamatan lingkungan Indonesia.

UCAPAN TERIMA KASIH

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Kajian Dakwah dan Kepemimpinan, Fakultas Pangajian Islam, Universitas Kebangsaan Malaysia dan Universitas Ibn Khaldun, Bogor, untuk kajian riset di Kolokium Risalah Islam AntaraBangsa ini.

PERNYATAAN

Artikel ini murni kajian ilmiah yang dilakukan melalui Analisis Wacana Ilmiah Norman Fairclough, tanpa ada kepentingan apapun.

RUJUKAN


- Abdullah, M., & Sari, D. 2021. Internalization of Islamic ecological ethics in pesantren education. *Jurnal Pendidikan Islam*, 10(2), 211–226.
- Al-Qur'an Al Muasir. QS Al-Baqarah: 30; QS Al-A'raf: 31 & 56; QS Ar-Rum: 41; QS Ar-Rahman: 7-9.
- Andrianto, A., et al. 2019. Mining and environmental degradation in Indonesia: a case study of East Kalimantan. *Jurnal Ilmu Lingkungan*, 17(2), 121–134.
- Ardiansyah, F., & Prasetyo, L. (2021). Media environmentalism in Indonesia: The role of Mongabay in environmental journalism. *Jurnal Komunikasi Ikatan Sarjana Komunikasi Indonesia*, 6(1), 45–58.
- Asroni, Ahmad. (2022). Etika Lingkungan dalam Perspektif Islam. *Prosiding Konferensi Integrasi Interkoneksi Islam dan Sains*. Volume 4, 2022, pp 54-59
- Carvalho, A. 2008. Media (ted) discourse and society: Rethinking the framework of Critical Discourse Analysis. *Journal of Communication Inquiry*, 32(2), 161–183.

- Dryzek, J. S. (2013). *The Politics of the Earth: Environmental Discourses* (3rd ed.). Oxford University Press.
- Farhana, L. (2021). The Role of Media in Environmental Justice Movements: Framing, Resistance, and Public Engagement. *International Journal of Environmental Communication*, 15(2), 113–130. <https://doi.org/10.1080/17524032.2021.1967894>
- Febria, Rani. (2023). Identitas Moral Dalam Cerpen “Banjir yang Dikirim ke Champoan” (Studi Analisis Wacana Kritis). *De_Journal*, Vol. 4 No. 2 Desember (2023), 474-483
- Foltz, R. 2003. *Islam and Ecology: A Bestowed Trust*. Harvard University Press.
- Fairclough, N. 1995. *Critical Discourse Analysis: The Critical Study of Language*. Longman.
- Fairclough, N. 2003. *Analysing Discourse: Textual Analysis for Social Research*. Routledge.
- Greenpeace Indonesia. (2020). *Tambang dan Deforestasi: Laporan Dampak Industri Tambang Terhadap Hutan di Indonesia*. Jakarta: Greenpeace.
- Harvey, D. (2005). *A Brief History of Neoliberalism*. Oxford University Press.
- Hilson, G. 2002. An overview of land use conflicts in mining communities. *Land Use Policy*, 19(1), 65–73.
- Khalid, F. 2002. Islam and the Environment. In R. C. Foltz (Ed.), *Worldviews, Religion, and the Environment: A Global Anthology*. Wadsworth.
- Munfarida, Elya. 2014. Analisis Wacana Kritis Dalam Perspektif Norman Fairclough. *Komunika*, Vol. 8, No. 1, Januari-Juni 20014.
- Nasr, S. H. 1996. *Religion and the Order of Nature*. Oxford University Press.
- Nugroho, Y., et al. (2017). Environmental journalism in Indonesia: Mongabay and its role in green activism. *Media and Environment Review*, 9(2), 109–124.
- Peppé, K., & D’Olimpio, L. (2020). Ethical Engagement with Environmental Issues in Alternative Media. *Media and Ethics Journal*, 34(4), 227–245.
- Van Dijk, T. A. 1998. *Ideology: A Multidisciplinary Approach*. Sage.
- Wijayanto, Xenia Angelica., Nurhajati, Lestari. (2019). Framing Media Online atas Pemberitaan Isu Lingkungan Hidup Dalam Upaya Pencapaian Keberhasilan SDGs Indonesia. *Lugas Jurnal Komunikasi*, 3(1):14-23

HUBUNGAN GAYA ASUHAN DAN TAHAP EMOSI DALAM KALANGAN REMAJA DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA LIMBANG, SARAWAK.

Nur Nadirah Binti Kennedy
 Siti Aisyah Yahya
 Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK



Gaya asuhan ibu bapa yang telah diterima oleh anak-anak sewaktu kecil hingga meningkat remaja akan memberi kesan kepada perlakuan serta ianya mempengaruhi tahap emosi remaja pada masa kini. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti gaya asuhan ibu bapa terhadap tahap emosi remaja. Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan gaya asuhan dan tahap emosi dalam kalangan remaja di SMK Agama Limbang. Kajian ini dijalankan di sekitar daerah Limbang Sarawak yang melibatkan 30 orang remaja sekolah. Borang soal selidik telah digunakan untuk kaedah pengumpulan data. Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A untuk perihal ciri demografi responden yang dikaji. Bahagian B ialah *Parental Authority Questionnaire (PAQ)* untuk mengukur Gaya asuhan ibu bapa. Bahagian C ialah *Emotional Quotient Inventory: Youth Version (EQ-i: YV)* untuk mengukur tahap emosi. Data kajian ini dianalisis menggunakan teknik statistik deskriptif (kekerapan, peratus, min) dan kolerasi *Pearson* (hubungan) dengan menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi ke-29. Purata min bagi gaya asuhan ialah 2.83 manakala bagi tahap emosi ialah 3.11. Kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan yang sangat lemah dan tidak signifikan antara hubungan gaya asuhan dengan tahap emosi dalam kalangan remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limbang, Sarawak iaitu dengan nilai $r = .120$, $p < 0.5$. Kajian ini menekankan pentingnya peranan ibu bapa dalam membentuk kesejahteraan emosi remaja dan memberikan cadangan untuk pihak sekolah dan keluarga dalam menyokong perkembangan emosi yang lebih sihat di kalangan remaja. Penemuan kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada pemahaman tentang faktor-faktor yang mempengaruhi emosi remaja serta strategi yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan mereka.

Kata kunci: Gaya asuhan, emosi, remaja, sekolah.

PENDAHULUAN

Remaja zaman sekarang semakin menjadi-jadi walaupun pelbagai cara yang telah dilakukan untuk membanteras kegiatan yang tidak sihat ini di kalangan remaja. Kerosakan akhlak dan kejadian salah laku di kalangan remaja ataupun pelajar terus meningkat. Apa yang berlaku kepada generasi akan datang jika remaja terus hanyut dibawa arus dek kerana masalah akhlak seperti mencuri, melepak, ponteng sekolah, hubungan bebas, melakukan jenayah juvana, lari dari rumah, membuli, merokok dan lain-lain yang kian merebak dalam masyarakat kita? (Abdul Malek Bin Jaafar, 2006).

Kajian ini bertujuan untuk menerokai hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan tahap emosi remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limbang, Sarawak. Kajian ini penting kerana remaja berada di fasa kritikal dalam pembangunan psikologi, emosi dan sosial individu. Pada peringkat ini, remaja mula membentuk identiti mereka sendiri dan gaya asuhan yang diterima daripada ibu bapa boleh memberi impak yang signifikan terhadap perkembangan emosi mereka.

Gaya asuhan merujuk kepada pendekatan dan kaedah yang digunakan oleh ibu bapa dalam mendidik dan membimbing anak-anak mereka. Menurut Baumrind (1967), terdapat beberapa gaya asuhan utama iaitu gaya asuhan autoritatif, gaya asuhan autoritian, gaya asuhan permisif dan gaya asuhan pengabaian. Setiap Gaya asuhan ini mempunyai ciri-ciri tersendiri yang boleh mempengaruhi perkembangan emosi remaja. Contohnya gaya asuhan autoritatif yang seimbang antara ketegasan dan kasih sayang sering dikaitkan dengan hasil emosi yang positif, manakala gaya asuhan autoritian yang tegas tanpa kasih sayang boleh menyebabkan masalah emosi seperti kesombongan dan rendah diri.

Tahap emosi remaja pula merujuk kepada bagaimana mereka untuk menguruskan dan mengungkapkan perasaan mereka. Ini termasuk perasaan gembira, sedih, kecewa, marah, takut dan lain-lain. Tahap emosi yang seimbang dan stabil adalah penting untuk kesejahteraan mental dan sosial remaja. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

Limbang, Sarawak mempengaruhi tahap emosi remaja.

Kajian ini juga akan meneliti faktor-faktor yang mungkin memberi kesan atau boleh mempengaruhi hubungan antara gaya asuhan dan tahap emosi remaja seperti latar belakang keluarga, pendidikan ibu bapa, kedudukan adik beradik dalam keluarga dan persekitaran sekolah. Dengan memahami hubungan ini, kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada ibu bapa, pendidik dalam merangka strategi yang berkesan untuk menyokong perkembangan emosi remaja.

KONSEP REMAJA

Dalam Kamus Dewan Edisi Baru (1993: 1046), remaja ditakrifkan sebagai sudah cukup umur atau muda. Mereka pada umumnya mempunyai perasaan yang berbeza di dalam kehidupan yang mengikut lokasi kependudukan, identiti yang di pengaruhi oleh budaya hidup mereka sendiri. Namun begitu, secara tidak langsung mereka berkongsi dalam aspek-aspek penumpuan dan pemerhatian, naluri kemudaan, harapan dan semangat dan daya perjuangan mereka (UNESCO).

Bagi Drs Awang Sudjai (1997), remaja ialah peringkat umur dimana seseorang itu mulai dewasa, sudah akil baligh dan sudah cukup umur untuk berkahwin. Ada juga yang mentakrifkan remaja sebagai zaman peralihan dalam proses perkembangan manusia di antara belia dengan dewasa (Khadijah Haidi Khalid, 1994). Beliau menyatakan bahawa remaja merupakan satu peringkat yang menandakan akil baligh atau cukup umur yang indikasinya merujuk kepada proses kedatangan haid bagi perempuan dan bagi lelaki mereka sudah mula mengeluarkan benih melalui air mani.

Walau bagaimanapun, kematangan fizikal dan seksual adalah bahagian mustahak dalam proses transisi remaja ke status dewasa dan ke arah memikul tanggungjawab. Remaja juga adalah satu peringkat perkembangan sendiri di mana seseorang hendak menentukan keindividuan identitinya dan harga diri kerana setiap remaja adalah individu yang unik dan tersendiri. Daripada beberapa definisi umum yang telah dipetik kenyataannya, dapat disimpulkan bahawa remaja dalam pandangan umum ialah merupakan satu golongan yang berada pada zaman transisi di antara zaman kanak-kanak dan zaman dewasa. Pada tempoh tersebut berlaku perkembangan yang pesat dari sudut fizikal, spiritual, daya intelektual, kecenderungan dan kemahuan serta kemampuan menyesuaikan diri dengan persekitaran.

Manakala menurut perspektif Islam, Imam al-Ghazali (1967), mendefinisikan remaja sebagai golongan yang mencapai peringkat baligh iaitu ketika manusia telah dianggap mempunyai akal yang sempurna dan perkembangan akalnya telah matang sehingga mampu untuk menguasai sesuatu dengan sendirinya.

Mengikut perkamusan Arab, remaja seperti yang telah dinyatakan oleh Dr. Ibrahim Anis, Dr. Abd. Halim Muntasir dan Athiyah al-Sawahiliy (1973) ialah orang telah sampai ke peringkat baligh, tapi belum ke peringkat kelakian dan kelakian itu ialah peringkat kesempurnaan sifat-sifat teristimewa bagi semua lelaki. Begitu juga jika dinisbatkan kepada golongan remaja perempuan.

Dapat dirumuskan bahawa, Islam menggunakan pengukuran akil baligh dalam mendefinisikan remaja dan ukuran tersebut menjadi satu piawaian untuk menentukan seseorang itu telah mencapai tahap remaja atau sebaliknya. Akil baligh ini akan menjadi sebagai satu titik pemisah di antara alam kanak-kanak dengan alam remaja. Di samping itu, secara umumnya Islam tidak menentukan batasan umur remaja. Namun begitu, biasanya peringkat itu dirujuk pada sekitar usia lewat remaja iaitu antara peringkat umur 25 hingga 30 tahun (Fuad Ifrah al-Bustani, 1982).

EMOSI

Emosi merupakan satu keadaan yang kompleks dalam diri manusia. Ia merupakan tindak balas tubuh badan seperti pernafasan, denyutan dan lain-lain. *Mu'jam 'Ilm al-Nafs* mentakrifkan emosi sebagai infi'al iaitu keadan dalaman yang menunjukkan pengalaman dan perbuatan yang dizahirkan dalam suatu peristiwa yang berlaku seperti perasaan takut, marah dan lain-lain (Fakhir 'Akil 1985: 14). Manakala dalam *Encyclopedia of Social Psychology* pula mendefinisikan emosi sebagai hasil tindak balas kepada suatu kejadian atau peristiwa termasuk tindak balas psikologi, tindak balas tingkah laku, tindak balas kognitif dan perasaan yang dialami seperti yang menggembirakan atau yang tidak menggembirakan (Manstead, A.S.R & Hewstone, M. 1995: 148).

Dalam al-Quran banyak menggambarkan beberapa bentuk emosi yang terdapat dalam manusia seperti emosi takut¹, emosi marah², emosi sedih atau dukacita³, emosi benci⁴ dan emosi cinta dan kasih sayang⁵. Ketika di usia remaja pula, emosi berkembang dengan pesat hasil daripada kematangan dan pembelajaran. Itulah sebabnya bentuk pernyataan emosi pada zaman remaja banyak bergantung kepada apa yang dipelajarinya.


GAYA ASUHAN IBU BAPA

Gaya asuhan ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik dan membimbing anak-anak untuk menjadi manusia yang dapat memberi manfaat kepada diri sendiri, masyarakat dan negara. Gaya asuhan ibu bapa melibatkan bagaimana ibu bapa berinteraksi, mengawal, bersosial dan bertingkah laku antara satu sama lain dengan anak-anak dan bukan hanya tertumpu kepada mendidik anak-anak semata-mata. Menjadi tanggungjawab ibu bapa dalam membentuk anak-anak melalui tingkah laku dan gaya asuhan yang tepat dan betul.

Gaya asuhan ibu bapa terbagi kepada tiga jenis iaitu autoritatif, authoritarian dan permisif (Baumrind, 1971). Gaya asuhan ini termasuk bagaimana cara mereka berkomunikasi, memberi didikan, mempraktikkan, cara memelihara dan cara berinteraksi dengan anak-anak (Abdullah & Ainon, 2000). Ketiga-tiga gaya asuhan ini perlu diketahui oleh ibu bapa agar mereka dapat memilih jenis gaya asuhan yang sesuai diaplikasikan ketika berinteraksi dengan anak-anak. Ibu bapa sepatutnya tidak terlalu terikat dalam satu-satu gaya asuhan, malah sepatutnya perlu mengamalkan pelbagai gaya asuhan mengikut keperluan mendisiplinkan anak-anak (Azizi yahaya, 2017).

Autoritatif lebih bersifat rasional dan demokratik dalam membentuk anak-anak yang berfikiran positif, aktif bersosial bertanggungjawab dan mempunyai kompeten daripada aspek kognitif (Azizi Yahaya, 2017). Melalui gaya asuhan ini, wujudnya peraturan dan penjelasan supaya suara dan pendapat anak didengari. Anak-anak juga sering dilibatkan dalam proses membuat keputusan dan mengendalikan kegagalan.

Autoritarian pula ibu bapa yang mempunyai sifat kawalan yang tinggi tetapi kurang dalam bertanggungjawab. Mereka perlu fokus kepada tahap disiplin dan peraturan yang banyak. Selain itu, penenaan denda yang keterlaluan juga sering digunakan oleh ibu bapa (Azizi yahaya, 2017). Seperti contoh, anak-anak akan didenda dan dilabel dengan perkara yang negatif seperti lembab, bebal dan malas-malasan apabila mereka melakukan kesilapan.



Permisif pula ia merujuk kepada ibu bapa yang mesra dan bertanggungjawab tetapi lemah-lembut dalam mengawal dan akan mengakibatkan anak-anak terlalu bergantung harap dan mempunyai permintaan yang tinggi (Baumrind, 1971). Setelah membesar, anak-anak akan lebih cenderung untuk menjadi egoistik dimana mereka merasakan dirinya sentiasa betul dan orang lain perlu mendengar kata-katanya.


Keluarga merupakan antara pengaruh yang penting dalam kehidupan seseorang individu. Setiap gaya asuhan ia mempunyai kesan atau tindak balas yang berbeza-beza terhadap perkembangan dan tingkah laku anak-anak. Kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak akan menjejaskan masa depan mereka. Perkara ini boleh menyebabkan mereka mudah terlibat dengan gejala-gejala sosial dan tidak mampu untuk membentuk diri mereka sendiri untuk menjadi orang yang berguna dan berwawasan (Rohayati, 2004). Menurut Tiller et al. (2003), gaya asuhan ibu bapa boleh dilihat sebagai berpengaruh secara langsung terhadap perkembangan sosial dan emosi berbanding perkembangan kognitif. Manakala menurut Salleh (1999), ada menyatakan bahawa kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak juga mempunyai perkaitan dengan peningkatan kegagalan dalam akademik dan kes juvana seperti mencuri, lari dari rumah, ponteng sekolah dan bergaduh. Oleh yang demikian, gaya asuhan ibu bapa dilihat sebagai faktor utama dan penting dalam meramal tingkah laku seseorang individu.

KAJIAN LITERATUR

Kajian Siti Nazurah, Norhamidah, Noorma, Jusiah, Wanda kiyah dan Patricia (2021) yang bertajuk hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan kecerdasan emosi remaja awal. Metode yang digunakan bagi kajian ini adalah dengan mengedarkan borang soal selidik yang mengandungi tiga instrumen iaitu demografi responden, parental authority question (PAQ) untuk mengukur gaya asuhan ibu bapa dan the assessing emotions scale (AES) yang digunakan untuk mengukur kecerdasan emosi remaja. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan bagi ketiga-tiga jenis gaya asuhan ibu bapa iaitu autoritarian ($r=.462$), autoritatif ($r=.456$) dan permisif ($r=.354$) dengan kesadaran emosi remaja awal.

Menurut kajian Nurul Aini Binti Omar dan Siti Marziah Zakaria (2018) yang bertajuk hubungan di antara gaya asuhan keibubapaan dan kecerdasan emosi dengan masalah tingkah laku kanak-kanak: satu sorotan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan antara gaya keibubapaan autoritatif dan kecerdasan emosi baik dilihat berperanan dalam mengurangkan masalah tingkah laku kanak-kanak. Hasil kajian ini dapat memberi implikasi kepada ahli profesional dalam bidang keluarga dan keibubapaan bagi menyarankan dan menggalakkan ibu bapa supaya lebih memahami gaya didikan yang berkesan dan pengurusan emosi dalam kalangan kanak-kanak. Cadangan kajian menyarankan agar dapat melibatkan guru kepada kanak-kanak yang mempunyai masalah tingkah laku.

Menurut kajian Fatin Nabilah Mokhtar, Jasmi Abu Talib, Fatin Nur Ain dan Nurul Atiqah (2023) yang bertajuk jenis gaya asuhan ibu bapa, kecerdasan emosi dan hubungannya dengan tingkah laku remaja delinkuen. Metode kajian ini adalah menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan set soal selidik iaitu *Paulson's perception of parenting scale*, soal selidik kecerdasan emosi dan soal selidik skala delinkuen. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya



asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Bagi korelasi berganda pula menunjukkan gaya asuhan ibu bapa memberikan sumbangan yang signifikan terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Cadangan kajian agar gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi remaja perlu dimantapkan lagi kerana telah terbukti bahawa kedua-dua pemboleh ubah dalam kajian mempunyai hubungan terhadap tingkah laku delinkuen remaja.

Menurut kajian Mariani Omar dan Siti Sarah Hamzah (2016) yang bertajuk gaya asuhan ibu bapa terhadap anak-anak dalam kalangan kakitangan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah. Metode kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif yang mana terdiri daripada 10 orang responden yang dipilih secara rawak. Kaedah temu bual digunakan bagi mengumpulkan maklumat yang dikehendaki. Dapatan kajian ini mendapati bahawa gaya asuhan keibubapaan autoritatif menjadi pilihan utama ($n=7$) dalam kalangan kakitangan diikuti oleh gaya asuhan autoritarian dan permisif ($n=3$). Hasil kajian menunjukkan bahawa ibu bapa turut menerapkan nilai agama dalam kehidupan anak mereka seperti bersolat, berpuasa, dan menghormati orang tua.

METODOLOGI

Dalam menjalankan kajian ini, kajian ini adalah dalam bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik bagi mengenalpasti hubungan gaya asuhan ibu bapa dan tahap emosi dalam kalangan remaja. Kajian yang dilakukan ini mempunyai kelebihan di mana menjimatkan masa dan kos kerana data dikumpulkan dalam tempoh yang singkat dan data tersebut dikumpulkan melalui pengedaran soal selidik menggunakan kaedah goggle form. Reka bentuk kajian merupakan sesuatu yang penting dan perlu ada dalam sesebuah kajian sebagai panduan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai seterusnya persoalan kajian dapat dijawab. Responden kajian adalah seramai 30 orang remaja yang berumur dalam lingkungan 16 tahun hingga 19 tahun yang terdiri daripada 10 orang remaja lelaki dan 20 orang remaja perempuan. Pemilihan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kajian ini dijalankan di Negeri Sarawak.

Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data. Soal selidik dibagikan kepada 3 bahagian iaitu bahagian A demografi responden, Bahagian B gaya asuhan dan bahagian C emosi. Untuk bahagian B iaitu gaya asuhan ibu bapa, soal selidik diambil daripada instrumen kajian yang telah dijalankan oleh John R. Buri (1999). Manakala bahagian C pula iaitu emosi, soalan soal selidik diambil daripada instrumen kajian yang telah dijalankan oleh Dr Siti Aishah Yahya.

DAPATAN KAJIAN

Responden terdiri daripada remaja dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limbang, Sarawak. Jadual di bawah ini menunjukkan taburan demografi responden.

Demografi		Bilangan (N)	Peratus
Jantina	Lelaki	10	33.3
	Perempuan	20	66.7
Umur	16	7	23.3
	17	8	26.7
	18	7	23.3
	19	8	26.7
Bilangan adik-beradik	Seorang	0	0
	2 Orang	5	16.7
	3 Orang	7	23.3
	4 Orang dan ke atas	18	60
Status ibu bapa	Masih hidup dan tinggal bersama	24	80
	Salah seorang telah meninggal dunia	5	16.7
	Telah bercerai	1	3.3
	Tidak tinggal bersama	0	0
Sumber Pendapatan ibu bapa	B40	25	83.3
	M40	4	13.3
	T20	1	3.4
Tahap pengetahuan tentang AI (<i>Artificial intelligence</i>)	Chat GPT	26	86.7
	Google Chrome	21	70
	Robotik	4	13.3
	Perisian Komputer	5	16.7
JUMLAH		30	100

JADUAL 1:

Responden dalam kajian ini terdiri daripada remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limbang, Sarawak. Berdasarkan jadual, Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 30 orang iaitu seramai 10 orang lelaki bersamaan 33.3% dan 20 orang perempuan bersamaan 66.7%. Berdasarkan data tersebut, didapati responden dalam kalangan remaja perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki.

Selain itu, jadual menunjukkan umur remaja di SMK Agama Limbang, Sarawak yang berumur 16 tahun serta 18 tahun adalah seramai 7 orang bersamaan 23.3%. Manakala remaja berumur 17 tahun dan 19 tahun seramai 8 orang bersamaan 26.7% bagi setiap umur

Seterusnya, jadual menunjukkan demografi responden berdasarkan bilangan adik beradik. Terdapat 5 orang remaja yang mempunyai 2 orang bilangan adik beradik yang bersamaan 16.7%. Manakala, seramai 7 orang remaja yang mempunyai 3 orang adik beradik iaitu bersamaan 23.3% dan seramai 18 orang remaja yang mempunyai 4 orang dan keatas bilangan adik beradik bersamaan 60%.

Di samping itu, demografi responden berdasarkan status ibu bapa pula, bagi yang masih mempunyai ibu bapa dan tinggal bersama seramai 24 orang bersamaan 80%. Bagi demografi responden salah seorang ibu bapa telah meninggal dunia adalah seramai 5 orang bersamaan 16.7%. Dan bagi yang telah bercerai seramai 1 orang bersamaan 3.3%.

Selain itu, jadual menunjukkan demografi responden berdasarkan pendapatan ibu bapa remaja di SMK Agama Limbang, Sarawak. Remaja yang mempunyai ibu bapa yang berpendapatan B40 sebanyak 25 orang bersamaan 83.3%. Bagi ibu bapa yang berpendapatan M40 seramai 4 orang bersamaan 13.3%. Akhir sekali ibu bapa yang berpendapatan T20 seramai seorang bersamaan 3.4%.

Akhir sekali, jadual menunjukkan demografi responden tahap pengetahuan tentang AI (*Artificial intelligence*). Bagi Chat GPT seramai 26 orang remaja bersamaan 86.7%. Manakala bagi *Google chrome* sebanyak 21 orang remaja bersamaan 70%. Selain itu bagi Robotik seramai 4 orang bersamaan 13.3% dan akhir sekali visi komputer seramai 5 orang remaja bersamaan 16.7%.

JADUAL 2: Analisis hubungan gaya asuhan dan tahap emosi

	Hubungan gaya asuhan (r)
Tahap emosi	.120*

*P <0.5

Hasil kajian kolerasi ini menunjukkan hubungan gaya asuhan dan tahap emosi mendapati kolerasi positif yang sangat lemah iaitu $r=.120$ dan tidak signifikan secara statistik iaitu nilai $p<0.5$. Oleh itu, hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan gaya asuhan dan tahap emosi yang sangat lemah dalam kalangan remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limbang, Sarawak.

Berdasarkan kajian lepas Fatin Izzati Minhat (2023), *Jenis Gaya Asuhan Ibu Bapa, Kecerdasan Emosi, dan Tingkah Laku Delinkuen Remaja*. Kajian tersebut menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Gaya asuhan permisif didapati paling dominan dalam kalangan ibu bapa remaja delinkuen. Kajian dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan tiga set soal selidik iaitu soal selidik Paulson Perception of Parenting Scale, soal selidik kecerdasan emosi dan soal selidik skala delinkuen.

JADUAL 3: Analisis gaya asuhan dengan latar belakang pendapatan keluarga

	Gaya Asuhan (r)
Pendapatan	-.199*

*P>0.5

Hasil kajian kolerasi ini menunjukkan hubungan gaya asuhan dengan latar belakang pendapatan keluarga mendapati kolerasi negatif yang lemah iaitu $r=-.199$ dan tidak signifikan secara statistik iaitu nilai $p>0.5$. Oleh itu, hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan gaya asuhan dengan latar belakang pendapatan keluarga yang lemah dalam kalangan remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limbang, Sarawak.

Menurut kajian Marlina Manalu (2017) iaitu Korelasi status sosial ekonomi keluarga terhadap gaya hidup remaja di Kota Pekan Baru yang membuat penelitian untuk mengetahui bagaimana sosial ekonomi keluarga yang boleh menjejaskan gaya hidup remaja. Teknik pengumpulan data menggunakan metod dokumentari. Hasil penelitian mengatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara hubungan status sosial ekonomi keluarga terhadap gaya hidup siswa SMA Negeri 12 Pekan Baru yang ditunjukkan dengan nilai korelasi ganda

sebesar 0.545.

Jadual 4: Analisis tahap emosi dengan bilangan adik-beradik

	Tahap emosi (r)
Bilangan adik-beradik	-.036*

* $P > 0.5$

Hasil kajian kolerasi ini menunjukkan hubungan tahap emosi dengan bilangan adik-beradik mendapati kolerasi negatif yang tiada hubungan iaitu $r = -.036$ dan tidak signifikan secara statistik iaitu nilai $p > 0.5$. Oleh itu, hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat hubungan tahap emosi dengan bilangan adik-beradik yang tiada hubungan dalam kalangan remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limbang, Sarawak.

Berdasarkan kajian lepas Regulasi emosi pada remaja yang mengalami sibling rivalry Putri, A. L. (2022) dimana kajian ini membuat penelitian yang membahaskan bagaimana remaja yang mengalami persaingan antara adik-beradik cuba untuk mengawal emosi mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik pengumpulan data melalui wawancara. Sumber data dari penelitian ini adalah sumber data primer iaitu remaja yang mengalami sibling rivalry. Hasil menunjukkan bahawa persaingan anatar adik beradik dapat mempengaruhi regulasi emosi remaja. Oleh itu, ibu bapa tidak sewajarnya membandingkan serta memarahi anak-anak mereka.

CADANGAN DAN RUMUSAN

Cadangan daripada kajian ini ialah dengan memberi pengetahuan tentang pendidikan gaya asuhan kepada ibu bapa agar ibu bapa dilatih serta diberi pendedahan mengenai gaya asuhan autoritatif, yang seimbang antara ketegasan dan kasih sayang, sering dikaitkan dengan hasil emosi yang positif. Sebaliknya, gaya asuhan authoritarian, yang tegas tanpa kasih sayang, boleh menyebabkan masalah emosi seperti kesombongan dan rendah diri. Seterusnya dengan adanya kerjasama anatar sekolah dan keluarga juga dapat dijadikan cadangan yang perlu diambil kira. Pihak sekolah harus bekerjasama dengan ibu bapa dalam membimbing perkembangan emosi remaja sertamelibatkan ibu bapa dalam program sekolah yang memfokuskan kepada kesejahteraan emosi dan memberi sokongan berterusan untuk memahami masalah emosi remaja. Selain itu, ibu bapa juga perlu menekankan peranan nilai agama dalam mendidik anak-anak. Sebagai ibu bapa perlu menanamkan nilai-nilai agama dalam keluarga sebagai asas dalam mendidik anak-anak. Serta nilai agama juga boleh mengukuhkan kestabilan emosi remaja dan memberi panduan moral dalam menghadapi cabaran hidup. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan panduan kepada ibu bapa dan pendidik dalam merangka strategi yang berkesan untuk menyokong perkembangan emosi remaja, serta meningkatkan pemahaman tentang faktor-faktor yang mempengaruhi emosi remaja.

RUJUKAN

- Ab Aziz Mohd Zin. Siti Jamiaah Ab Jalil. Nor Raudah Hj Siren & Juwairiah Hassan. 2020. *Psikologi dalam Dakwah*.
- A.J. Michael. 2006. *Kompetensi Kecerdasan Emosi*. Kumpulan Budiman Sdn.Bhd. Selangor. (Karya Terjemahan).
- Baumrind. D. 1966. *Effects of Authoritative Parental Control on Child Behavior*, Child Development, 37(4), 887-907.
- Baumrind. D. 1967. *Childcare practices anteceding three patterns of preschool behavior*. Genetic Psychology Monographs, 75(1), 43-88.
- Mokhtar. Fatin. Talib. Jusoh. Nurdin & Ab Raji. N. A. 2023. *Jenis gaya asuhan ibu bapa, kecerdasan emosi dan hubungannya dengan tingkah laku remaja delinkuen*. Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research, 5(2), 43-54.
- Fariza. 2005. *Tekanan Emosi Remaja Islam*. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khaidzir Hj. Ismail. Jawiah Dakir. Fariza Md. Sham. & Hanina Halimatussaadiah Hamsan. 2016. *Psikologi Islam falsafah teori dan aplikasi*.
- Mariani Omar. Siti Sarah Hamzah. 2016. *Gaya Asuhan Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak Dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah*. Journal of Management and Science (ALQIMAH). Volume 1, Issue 2 (2016).
- Nurul Aini Binti Omar. Siti Marziah Zakaria. 2018. *Hubungan di antara Gaya Keibubapaan dan Kecerdasan Emosi dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-Kanak: Satu Sorotan*. Jurnal wacana sarjana. Volume 2 (3) Sept 2018: 1-7.
- Putri, A. L. 2022. *Regulasi Emosi pada Remaja yang Mengalami Sibling Rivalry*. Jurnal Psikologi, 10(2), 123-135.
- Sari, R. P. 2017. *Korelasi Status Sosial Ekonomi Keluarga terhadap Gaya Hidup Siswa SMA Negeri 12 Pekanbaru*. Jurnal Online Mahasiswa Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universitas Riau, 4(2), 1-12.
- Siti Nazurah binti Mohd Fauzi. Norhamidah binti Jarimal. Noorma binti Razali. Jusiah binti Idang, Wanda Kiyah George Albert & Patricia Joseph Kimong. 2021. *Hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan kecerdasan emosi remaja awal*. Jurnal psikologi, Volume 9. Isu 2 124-128.



10

**IHSAN SEBAGAI PEMANGKIN DALAM MEMBINA KEHARMONIAN
MASYARAKAT DI KELANTAN**

Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin*

134

Razaleigh Muhamat @ Kawangit
Abdul Ghafar Don
Siti Aishah Yahya

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Ihsan adalah kefahaman tentang segala perbuatan atau tingkah laku yang mendatangkan manfaat dan jauh dari kemudaratan disifatkan sebagai perbuatan yang ihsan. Pemahaman terhadap konsep ihsan dalam dakwah penting bagi tujuan menarik mad'u untuk mendekati dakwah. Namun demikian terdapat juga dalam kalangan orang yang berdakwah mengambil pendekatan yang keras dalam berdakwah lantaran menimbulkan fitnah kepada Islam. Kertas ini cuba mengupas isu berkaitan kefahaman ihsan dalam membina keharmonian masyarakat. Data kajian literatur seperti jurnal, buku dan kajian ilmiah berkaitan subjek kajian dikumpul bagi membina konsep ihsan. Data-data ini kemudiannya dianalisis secara tematik dengan membentuk tema tertentu bagi menunjukkan bagaimana kefahaman terhadap ihsan boleh menyumbang kepada keharmonian hidup dalam masyarakat di Kelantan. Dapatan kajian ini mendapati adalah penting mempunyai kefahaman ihsan dalam membina keharmonian masyarakat. Sebaliknya pendakwah yang tidak menguasai dan menghayati ihsan akan mengambil pendekatan syadid (keras) dan ekstrim dalam dakwah lantaran menjadi faktor penolak kepada dakwah di Kelantan. Hasil daripada kertas kerja ini diharapkan dapat menambahkan korpus ilmu berkaitan dakwah khususnya dakwah merentasi kepelbagaian budaya sesuai dengan kemajmukan masyarakat di Kelantan.

Kata Kunci: Ihsan, Keharmonian, Masyarakat, Melayu, Kelantan

PENDAHULUAN

Kelantan adalah sebuah negeri unik yang terdiri daripada pelbagai kaum, etnik, budaya, dan agama, di mana interaksi positif antara kaum perlu dijaga untuk mengekalkan keharmonian masyarakat di Kelantan. Untuk memperkukuh perpaduan, kerajaan memperkenalkan gagasan Malaysia MADANI, yang terdiri daripada rukun kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan Ihsan (Anwar, 2023). Prinsip ihsan, atau melakukan kebaikan, harus diterapkan dalam pelbagai dimensi kehidupan untuk merealisasikan visi negara. Namun, cabaran dalam mengekalkan keharmonian dalam kemajmukan masyarakat perlu diatasi bagi memastikan perpaduan rakyat dan penerapan nilai ihsan tidak terganggu (Riki et al., 2023). Kertas ini membincangkan bagaimana konsep ihsan boleh memajukan keharmonian masyarakat di Kelantan.

SOROTAN LITERATUR

Konsep Ihsan Menurut Perspektif Islam

Dari aspek etimologi atau perbincangan dari segi bahasa, perkataan al-ihsan berasal dari perkataan bahasa Arab ihsanaan, yang tersusun dari huruf alif, ha, sin dan nun. Kata ini adalah bersifat masdar (kata terbitan) yang berasal dari lafaz ahsana, yuhsinu, ihsanaan. Ihsan atau berbuat kebaikan merupakan kata lawan bagi perkataan isa'ah atau berbuat keburukan. Perkataan ini juga mengandungi maksud kebaikan, lebih bagus, lebih bermanfaat, lebih indah dan juga kesenangan (al-Asqalani, 1997; Ahmad et al., 2021).

Perkataan ihsan sering kali disebut dalam al-Quran sebagai peringatan bahawa segala tindakan manusia sentiasa berada di bawah pengawasan dan kekuasaan Allah SWT. Dalam surah al-Baqarah (2:195), Allah SWT berfirman mengingatkan bahawa tidak ada perbuatan manusia yang terlepas dari perhatian-Nya. Maksudnya: Dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang

berusaha memperbaiki amalannya (Abdullah Basmeih, 2013). Al-Tabari (1994) dalam menafsirkan ayat ini berkata: “Berbuat baiklah wahai orang mukmin pada mengerjakan perintah-Ku dan menjauhi segala larangan Ku serta berinfaklah pada jalan-Ku. Maka hendaklah yang kuat di antara kalian berbuat baik kepada golongan yang lemah kerana sesungguhnya Aku sangat menyukai orang-orang yang berbuat baik.”

Selain daripada Iman dan Islam, hadis tersebut menerangkan konsep Ihsan yang sebenar dalam kehidupan beragama, iaitu dengan mengabdikan diri kepada Tuhan. Konsep ini juga menggambarkan bahawa dalam kehidupan manusia, khususnya dalam menjalankan ibadat kepada Pencipta, berinteraksi, dan bermuamalat dengan sesama manusia (Izzaty Ulya Munirah et al., 2015). Al-Baghawi (1988), dalam tafsirnya mengenai ayat 90 surah al-Nahl, menjelaskan bahawa ihsan lebih menekankan perbuatan baik dalam hubungan antara manusia dalam semua urusan.

Menurut Nozira & Maryam Zulaikha (2023) pula mendapati bahawa ihsan adalah prinsip yang melibatkan perilaku baik dan buruk antara manusia, serta hubungan antara manusia dengan Tuhan dan alam. Konsep ihsan merangkumi dua aspek utama, iaitu ihsan dalam ibadah kepada Allah dan ihsan dalam memenuhi hak sesama makhluk melalui perbuatan baik. Menurut Hasan Al-Banna et al. (2024), penerapan nilai ihsan menjadi panduan penting untuk memotivasi individu agar sentiasa melakukan amalan berintegriti serta menjauhkan diri dari perbuatan yang tidak berintegriti. Nilai ihsan yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan juga berfungsi sebagai pemangkin bagi para pekerja dalam mengamalkan sifat-sifat kebaikan, seperti nilai-nilai murni, kesungguhan dalam bekerja, dan rasa tanggungjawab. Ini mampu mewujudkan budaya kerja berintegriti yang memberi impak positif terhadap motivasi rakyat dan mengawal tingkah laku seseorang (Hasan Al-Banna et al., 2024). Oleh itu, penerapan nilai ihsan membuat individu lebih berhati-hati dan waspada dalam setiap tindakan agar sentiasa berada dalam keredaan Allah SWT (Nur Syazwani et al., 2024).

Langkah Memupuk Keharmonian Masyarakat

Masyarakat majmuk di Malaysia merupakan realiti yang memerlukan pengurusan bijak bagi memperkukuh elemen peradaban negara. Walaupun negara lain seperti Bosnia, Rwanda, dan Maluku mengalami konflik perkauman hingga membawa kepada genosid, Malaysia berjaya mengekalkan kestabilan walaupun pernah melalui peristiwa seperti 13 Mei 1969 dan insiden Kampung Medan (Mohd Anuar & Mohammad Aizat, 2011). Untuk memastikan perpaduan kaum, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar, termasuk pendekatan muhibah yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman, sebagai formula awal dalam memupuk kesepaduan dan interaksi positif antara kaum di era pasca kemerdekaan (Enizahura, 2024). Pendekatan ini diterima baik oleh masyarakat dalam usaha membangun perpaduan negara.

Menurut Wan Kamal Mujani et al. (2021), Kamar Oniah menyatakan bahawa Prinsip Muhibah dicadangkan sebagai parameter utama dalam meneruskan kelangsungan masyarakat majmuk yang harmoni, sihat dan bahagia di Malaysia melalui lima prinsip iaitu:

- i. The principle of non-interference and non-intrusion (iaitu tidak mencampuri urusan intra agama dan intra kaum yang melibatkan agama dan masyarakat lain).
- ii. The principle of Difference and Decorum (iaitu mengakui, memahami dan menghormati perbezaan dan sensitiviti agama lain dan masyarakat).

- iii. The principle of sympathy and empathy (iaitu berbuat baik kepada orang lain dan melayan orang lain dengan selayaknya).
- iv. The principle of Communal Cooperation (iaitu untuk memanfaatkan dan menjadikan perkara yang lazim dan selari dengan etika agama untuk kebaikan dan manfaat semua).
- v. The principle of Unity in Diversity (iaitu mewujudkan kesetiaan dan patriotik kepada negara melalui semangat perpaduan di kalangan rakyat).

Kajian oleh Mohd Anuar dan Mohammad Aizat (2011) membincangkan konsep ‘uruf majmuk’ di Malaysia, merujuk kepada amalan kebiasaan yang diterima oleh masyarakat majmuk tanpa bertentangan dengan prinsip Islam. Contohnya, tradisi ziarah dan "rumah terbuka" semasa perayaan membantu memperkukuh hubungan antara kaum dan agama, memupuk kasih sayang serta integrasi nasional. Suraya et al. (2019) menyatakan hubungan antara etnik di Malaysia melalui tiga fasa: era konflik, era stabil tetapi tegang, dan era kesepaduan nasional. Monarki berperlembagaan juga berperanan dalam mengeratkan keharmonian, seperti yang dilihat dalam ekspedisi Kembara Kenali Borneo yang dilancarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, memperkuatkan perpaduan rakyat dengan institusi raja (Omar Sarif et al, 2023).

Kerajaan turut melaksanakan pelbagai dasar untuk menguruskan masyarakat berbilang kaum, termasuk Dasar Ekonomi Baharu (DEB), Wawasan 2020, Islam Hadhari, 1Malaysia, Keluarga Malaysia, dan Malaysia MADANI. Usaha ini bertujuan mencapai kemajuan negara melalui padanan dengan keanekaragaman dan kemajmukan masyarakat. Pencapaian dalam pembangunan negara mencerminkan keberhasilan dasar-dasar tersebut dalam memenuhi aspirasi nasional untuk perpaduan dan keharmonian (Abdul Aqmar & Hussain Yusri, 2024; Enizahura, 2024).

Penerapan Ihsan Dalam Masyarakat

Dalam masyarakat, ihsan membawa maksud yang lebih besar daripada sekadar perbuatan baik; ia merangkumi tanggungjawab sosial, peduli kepada orang lain, dan kesungguhan dalam melaksanakan sesuatu dengan niat yang ikhlas. Elemen ihsan adalah merujuk kepada belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan. Pada prinsipnya ihsan diklasifikasikan kepada kepada tiga bahagian iaitu; ihsan dari sudut perasaan, ihsan dari sudut nilai dan ihsan dari sudut visi (Shuhairimi Abdullah et al., 2022). Dalam konteks bernegara, ihsan memerlukan penghayatan nilai nilai kasih sayang, empati, dan keadilan. Ini penting untuk memastikan bahawa tindakan individu atau kerajaan tidak hanya berlandaskan undang-undang semata-mata, tetapi juga mempertimbangkan aspek moral dan kesan sosial. Menurut Anwar Ibrahim (2023), menyatakan bahawa ihsan adalah asas kepada pembentukan Masyarakat Madani yang menitikberatkan keadilan sosial, ketelusan, dan kesejahteraan bersama.

Penguasa yang mengamalkan ihsan akan sentiasa peka terhadap kepentingan kolektif dan berusaha untuk memastikan keadilan sosial tercapai. Ihsan dalam konteks ini juga menuntut sikap belas kasihan terhadap rakyat, serta keprihatinan terhadap penderitaan yang dialami oleh golongan yang terpinggir atau tertindas. Azman & Azarudin (2024) menyatakan bahawa ihsan dalam bernegara memerlukan tindakan yang teliti, penuh kesungguhan, dan berlandaskan kejujuran, dengan setiap keputusan yang diambil perlu mempertimbangkan kesan kepada pihak lain. Nilai-nilai ihsan juga mendorong individu dan masyarakat untuk berlumba-

lumba melakukan kebaikan dan sentiasa sensitif terhadap ketidakadilan. Sebaliknya, kemerosotan nilai ihsan boleh mengakibatkan sikap zalim, gelojoh, dan tidak peduli kepada keadaan sekeliling, termasuk kerosakan alam sekitar.

Minoriti Saudara Baru di Kelantan

Di Kelantan mempunyai pelbagai lapisan masyarakat, khasnya golongan minoriti saudara baru. Menurut definisi, saudara baru adalah individu yang memeluk Islam dan meninggalkan agama asal (Wan Zuhaira & Nur A'thiroh, 2018; Wan Zuhaira et al., 2024). Sememangnya golongan mualaf ini berdepan dengan cabaran untuk menyesuaikan diri dengan budaya baru dan meninggalkan budaya asla yang bertentangan dengan agama Islam. Walau bagaimanapun, hal ini memerlukan ihsan dari pihak kerajaan untuk memastikan golongan mualaf ini tidak terabai dan lebih malang lagi teraniaya kerana sikap keluarga atau kejiwaan yang tidak perihatin. Seterusnya perjalanan seorang mualaf boleh menjadi sukar, terutama apabila mereka berhadapan dengan tekanan daripada keluarga atau masyarakat asal mereka. Oleh itu, sikap ihsan yang ditunjukkan oleh komuniti Islam dapat memberikan sokongan emosi dan spiritual yang penting, seterusnya memperkuatkan keimanan mereka (Nur Najwa et al. 2020).

Justeru itu, konsep ihsan merupakan satu pendekatan yang sangat tepat dalam menangani golongan saudara baru di Kelantan. Penerapan ihsan dalam kalangan saudara baru dapat diperhatikan melalui Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK) menyediakan bantuan dari segi pendidikan agama, kaunseling, dan sokongan kewangan bagi meringankan beban yang mereka hadapi. Terdapat juga badan bukan kerajaan (NGO) seperti PERKIM (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia), MACMA Kelantan (Malaysian Chinese Muslim Association), dan IDIP Kelantan (Institut Dakwah Islamiah) serta badan-badan NGO Islam yang terlibat dengan dakwah Islamiah di Kelantan yang memainkan peranan penting dalam membela hak saudara baru, membantu mereka menjalani kehidupan baru dengan penuh keyakinan dan menyediakan platform untuk memantapkan keimanan serta integrasi sosial.

Nilai-nilai Ihsan dalam Kehidupan Bernegara

1. Peka dan Waspada: Ihsan menuntut agar setiap individu dalam masyarakat, terutamanya pemimpin, sentiasa peka terhadap keperluan dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Tindakan yang diambil perlu berdasarkan prinsip maqasid syariah yang mengutamakan maslahat umum.
2. Menyayangi Semua Makhluk: Menurut Anwar Ibrahim, Ihsan adalah asas kepada perlakuan manusia terhadap sesama makhluk. Nilai ini menuntut agar semua individu diberi layanan yang adil tanpa mengira status, bangsa, atau agama. Hal ini selari dengan konsep keadilan sejagat yang ditekankan dalam Masyarakat Madani (Anwar Ibrahim, 2023).
3. Sensitif terhadap Kepincangan: Ihsan dalam konteks ini mendorong masyarakat untuk bersikap kritis terhadap ketidakadilan dan penindasan. Ini penting bagi membentuk masyarakat yang bertanggungjawab dan berani menentang kezaliman. Anwar menekankan bahawa sebuah masyarakat yang mengamalkan Ihsan akan sentiasa berusaha membela mereka yang tertindas dan memastikan keadilan sejagat dilaksanakan (Anwar Ibrahim, 2023).

Kesan Kemerosotan Nilai Ihsan

Sebaliknya, kemerosotan nilai ihsan boleh menyebabkan pelbagai masalah sosial, seperti sikap zalim terhadap orang lain, tindakan yang gelojoh dan sembrono, serta ketidakpedulian terhadap kerosakan yang berlaku di sekeliling. Anwar Ibrahim juga mengingatkan bahawa kegagalan mengamalkan ihsan boleh membawa kepada pelbagai bentuk

penyelewengan, termasuk rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Tanpa ihsan, masyarakat cenderung menjadi tidak peduli terhadap penderitaan orang lain dan lebih mementingkan keuntungan peribadi. Anwar menegaskan bahawa kegagalan mengamalkan ihsan bukan sahaja merosakkan hubungan antara manusia, tetapi juga hubungan dengan alam sekitar, yang akhirnya membawa kepada kerosakan ekologi dan kemerosotan moral dalam masyarakat (Anwar Ibrahim, 2023). Sesungguhnya gagasan Masyarakat Madani menekankan bahawa ihsan adalah teras kepada pembentukan masyarakat yang seimbang dan harmoni. Dengan mengamalkan ihsan, setiap tindakan yang diambil bukan sahaja bertujuan memenuhi keperluan undang-undang, tetapi juga mempertimbangkan aspek moral dan kemanusiaan. Oleh itu, penerapan ihsan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara adalah penting untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang adil, makmur, dan sejahtera (Anwar Ibrahim, 2023).

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, penerapan ihsan dalam amalan kehidupan sangat penting dan memenuhi tuntutan agama Islam. Ihsan juga menunjukkan kesepaduan antara hubungan manusia dengan Allah (*hablum minaAllah*) dan hubungan sesama manusia (*hablum minannas*). Dalam masyarakat moden, terutamanya dalam konteks Malaysia, ihsan berperanan sebagai panduan moral dan etika yang membantu membentuk masyarakat yang adil, peduli, dan sejahtera. Oleh itu, adalah penting bagi masyarakat Malaysia untuk terus menghayati dan mengamalkan nilai nilai ihsan dalam setiap aspek kehidupan, bukan sahaja sebagai individu, tetapi juga sebagai sebahagian daripada masyarakat yang lebih besar. Hanya dengan cara ini, kita dapat membina sebuah masyarakat yang lebih harmoni, adil, dan makmur. Seperti yang ditegaskan oleh Mohd Herzali Muhammad Haled (2021) bahawa setiap anggota masyarakat juga perlulah bersatu hati sebagai rakyat Malaysia di samping meraikan kepelbagaian agama dan kaum yang ada (*unity in diversity*).

RUJUKAN

- Abdul Aqmar Ahmad Tajudin & Hussain Yusri Zawawi. (2024). Federalisme dan Negara Bangsa: Memikirkan Pembudayaan Budaya Politik Federal dalam Pembinaan Kenegaraan Malaysia. *Journal of Administrative Science*, 21, 65–94. https://jas.uitm.edu.my/images/2024_APRIL/5.pdf
- Abdullah Basmeih. (2013). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran* (ed. ke-22). Darulfikir.
- Ahmad, W. H. S. W., Bakar, R. A., Ismail, C. Z., & Kontemporari, A. P. I. (2021). Konsep Al-Ihsan Dalam Al-Quran Serta Penghayatan Dalam Aktiviti Muamalah. *About I-Mac* (2021), 57.
- Al-Asqalani. (1997). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Baghawi, Al-Husayn ibn Mas’ud. (1988). *Tafsir Al-Baghawi*. Dar Taybah.
- Al-Tabari, Muhammad ibn Jarir. (1994). *Jami’ al-Bayan ‘an Ta’wil Ay al-Qur’an. Mu’assasah al-Risalah*.
- Anwar Ibrahim. (2023). *Membangun Negara Madani Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. IDE Research Centre Sdn.

- Azman Che Mat & Azarudin Awang. 2024. Konsep Ihsan dan Penerapannya dalam Masyarakat: Satu Tinjauan Etimologi. *Seminar Peradaban Islam dan Ketamadunan Malaysia*: 70-73.
- Enizahura Abdul Aziz. (2024). Keharmonian Masyarakat Majmuk dalam Kerangka Malaysia MADANI: Satu Analisis Awal. *Jurnal Dunia Pengurusan*, Vol. 6, No. 1, 14-22 . <https://doi.org/10.55057/jdpg.2024.6.1.2>
- Hasan Al-Banna Mohamed, Norashikin Sahol Hamid, Elmi Baharuddin, Sayuti Ab Ghani, & Ahmad, A. (2024). Konsep Ihsan Pemangkin Sistem Pengurusan Organisasi Yang Berkualiti Dalam Pembinaan Negara Madani. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(4), 32–43. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/939>
- Izzaty Ulya Munirah, A. A., Ahmad Irdha, M. & Zulkefli, A. (2015). Ihsan Dalam Pengurusan Organisasi Islam. *Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah*. Ahmad Irdha, M. & Zulkefli, A. (Eds). UKM, Bangi, Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. (2011). Uruf Majmuk: Konsep Dan Amalannya Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 8(1), 45–64. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol8no1.3>
- Mohd Herzali Muhammad Haled, (2021). Masyarakat Madani Menurut Islam dalam Konteks Al-Ta'ayush di Malaysia. Dalam *Makmor Tumin, Sharifah Hayaati Syed Ismail Mazlan Che Soh. Islam Dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia*, 27-46. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Herzali Muhammad Haled. (2021). Masyarakat Madani Menurut Islam dalam Konteks Al-Ta'ayush di Malaysia. Dalam *Makmor Tumin, Sharifah Hayaati Syed Ismail Mazlan Che Soh. Islam Dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia*, 27-46. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muslim, ibn al-Hajjaj, al-Naysaburi. (2006). *Sahih Muslim*. Dar Taybah.
- Nozira Salleh & Maryam Zulaikha Ramlan (2023). Kesan Penghayatan Ihsan terhadap Pembentukan Akhlak Remaja Islam. *Islamiyyat*, 45(2), 3–13. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4502-01>
- Nur Najwa Hanani Abdul Rahman, Akmaliza Abdullah, Mohammad Naqib Hamdan, Aimi Wafa Ahmad, (2020) Hubungan Emosi dan Akhlak dalam Kekeluargaan Saudara Baru Selepas Memeluk Islam (Relation Between Emotions and Morality in Muallafs' Family Relationship after the Conversion). *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2),55-66.
- Nur Syazwani Othman, Mahfuzah Mohammed Zabidi, Fakhurrazi, A., & Norhapizah Mohd Burhan. (2024). Penghayatan Konsep Ihsan Dalam Pendidikan Berdasarkan Kitab Ihya' Ulumuddin. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(3), 156–164. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/905>

- Omar Sarif Omal Lamin, Syahirah Suhaime & Nur Faizah Abdullah. (2023). Public Awareness of The Constitutional Monarch Among Society in Kota Kinabalu, Sabah. *Borneo Akademika*, 7(2), 98-105. Retrieved September 1, 2024, from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/89631/1/89631.pdf>
- Riki Rahman, Maifuza Abdul Malik, & Nor Shela Saleh. (2023). Kesepaduan Masyarakat Majmuk di Malaysia: Antara Harapan dan Realiti. *Human Sustainability Procedia*, 3(1), 1–11. <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.01.001>
- Shuhairimi Abdullah, Noor Salwani Hussin, Tunku Salha Tunku Ahmad, Nurul Naimah Rose, Siti Nor Ayu Basir AAA& AJR (2022). Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian. Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2, 240–249.
- Suraya Sintang, Budi Anto Mohd Tamring, Nur Farhana Abdul Rahman, Siti Aidah Hj. Lukin, & Halina Sendera Mohd. Yakin. (2019). Kesepaduan Sosial dalam Hubungan antara Agama di Pedalaman Sabah [Review of Kesepaduan Sosial dalam Hubungan antara Agama di Pedalaman Sabah]. *Borneo International Journal*, 2(1), 5–15. *Majmuah Enterprise*. www.majmuah.com
- Wan Kamal Mujani, Al Emran Ismail, Mohd Nasran Mohamad, Mohd, Hussin, H., Azmul Fahimi Kamaruzaman, Farid Mat Zin, Muhammad Razak Idris, & Salahuddin, N. (2021). MEMBENTUK POLITIK LESTARI MENUJU WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1(1), 55–76. <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v1i1.39>
- Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin & Nur A'thiroh Masyaa'il Abdullah @ Tan Ai Poa. 2018. Dakwah Kepada Saudara Baru di Kelantan. *Fikiran Masyarakat* 6 (3): 106-110.
- Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don, & Siti Aishah Yahya. (2024). Asimilasi Budaya Mualaf dengan Orang Melayu di Kelantan: Cultural Assimilation of New Convert with the Malay Community in Kelantan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 14(2), 188–204. <https://doi.org/10.7187/GJAT122024-13>

ABSTRAK


Artikel ini membincangkan konsep kompetensi akhlak dalam kalangan individu dewasa berasaskan teori andragogi yang diperkenalkan oleh Malcolm Knowles. Dengan mengintegrasikan prinsip-prinsip asas andragogi dalam kerangka pendidikan Islam, kajian ini meneliti secara mendalam bagaimana elemen pembelajaran berpusatkan pelajar dewasa dapat memperkasa pembentukan akhlak sebagai salah satu komponen utama dalam pembangunan sahsiah insan. Teori andragogi menekankan ciri-ciri seperti autonomi, pengalaman hidup, motivasi dalaman, dan kesediaan untuk belajar yang menjadi asas dalam memahami dinamika pendidikan orang dewasa. Dalam konteks Islam, nilai-nilai akhlak seperti amanah, ikhlas, jujur, adil dan sabar merupakan asas dalam pembinaan karakter yang unggul. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis dokumen terhadap karya-karya ilmuwan Islam klasik dan kontemporari berkaitan pendidikan akhlak, serta teori-teori pendidikan dewasa dari perspektif Barat dan Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan prinsip andragogi dalam pendidikan Islam dapat memberikan ruang dan peluang kepada individu dewasa untuk membangunkan kesedaran sendiri, tanggungjawab moral, serta penghayatan nilai secara autentik dan berkesan. Kesimpulannya, pendekatan pendidikan Islam yang digabungkan dengan teori andragogi mampu memperkukuh kompetensi akhlak secara holistik, bersesuaian dengan keperluan, keunikan, dan tahap kematangan individu dewasa dalam menghadapi cabaran kehidupan semasa.

Kata kunci: *Kompetensi akhlak, Andragogi, pendidikan Islam, Pembelajaran dewasa, Nilai moral*

PENGENALAN

Pendidikan Islam secara tradisinya telah menekankan aspek pembinaan akhlak sebagai elemen utama dalam proses pembelajaran dan pembentukan insan. Menurut Akilah Mahmud (2019), akhlak memiliki peranan yang sangat penting pada diri manusia. Manusia dilahirkan dengan fitrah yang suci, persekitarannya yang kemudian mengarahkan manusia menjadi manusia yang berakhlak baik atau berakhlak buruk. Oleh kerana itu, ilmu akhlak dapat mengarahkan manusia untuk berbuat baik untuk dirinya, dan masyarakat. Akhlak yang baik diperlukan oleh semua manusia agar hidupnya dalam masyarakat menjadi lebih tenang, aman dan tenteram. Akhlak bukan sahaja merupakan sebahagian daripada nilai keagamaan, malah ia juga mencerminkan kualiti sahsiah seseorang individu sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi. Dalam konteks pendidikan moden, keperluan untuk mengintegrasikan pendekatan pedagogi dan andragogi menjadi semakin penting khususnya apabila berdepan dengan golongan dewasa yang mempunyai latar belakang, pengalaman dan keperluan yang berbeza daripada kanak-kanak.

Teori andragogi, yang diperkenalkan oleh Malcolm Knowles, telah menekankan bahawa pembelajaran orang dewasa memerlukan pendekatan berpusatkan pelajar, berdasarkan pengalaman, kesedaran sendiri, dan keinginan untuk menyelesaikan masalah secara praktikal. Dalam mengaplikasikan Andragogi ianya bertujuan bagi mengajak manusia untuk belajar tanpa memandangkan aspek situasi, kondisi, jangkauan, umur dan sebagainya kerana dalam Islam belajar merupakan ibadah yang wajib dituntut sepanjang hayat (*life long education*), sesuai dengan yang terdapat di dalam hadits yang menyatakan bahawa “*tuntutlah ilmu dari buaian sampai ke liang lahat*” (Wahyuddin, 2017). Apabila dikaitkan dengan pendidikan Islam, pendekatan ini membuka ruang kepada pembinaan kompetensi akhlak yang lebih holistik dan berakar pada pengalaman hidup sebenar.



Artikel ini bertujuan untuk mengupas konsep kompetensi akhlak menurut perspektif Islam, dan bagaimana prinsip-prinsip Andragogi dapat diaplikasikan dalam memperkuat pembinaan akhlak dalam kalangan orang dewasa. Ia turut membincangkan implikasi pedagogi Islam terhadap amalan pendidikan masa kini dalam membentuk masyarakat beretika dan berakhlak tinggi.

Konsep Kompetensi Akhlak Dalam Pendidikan Islam

Dalam Islam, akhlak merupakan dimensi penting dalam kehidupan seseorang Muslim. Al-Ghazali (2005), dalam karyanya *Ihya' 'Ulum al-Din* menyatakan bahawa akhlak ialah keadaan jiwa yang mendorong seseorang untuk melakukan perbuatan secara spontan tanpa perlu berfikir panjang. Ini bermakna akhlak yang baik bukanlah sekadar tingkah laku luaran, tetapi merupakan refleksi dalaman yang tulus daripada hati yang bersih. Al-Qur'an dalam sudut pandang pendidikan Islam merupakan landasan pendidikan yaitu asas yang kuat dan baik untuk membentuk kepribadian manusia agar memiliki keutuhan rohani dan jasmani, sehingga dapat hidup berkembang secara baik dan normal kerana takwanya kepada Allah SWT (Huda, 2015). Al-Qur'an mengandungi ajaran yang merangkumi seluruh bidang kehidupan manusia, baik dari aspek ibadah, muamalah yang berhubungan dengan pendidikan, budaya dan aspek yang lain. Hal ini diungkapkan dalam al-Qur'an Surah al-An'am ayat 38: Maksudnya:

Artinya: “Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi dan burung-burung yang terbang dengan kedua sayapnya, melainkan umat (juga) seperti kamu. Tiadalah Kami alpakan sesuatupun dalam Al-Kitab, kemudian kepada Tuhanlah mereka dihimpunkan.”. (Q.S. Al-An'am:38)

Kompetensi akhlak pula boleh ditakrifkan sebagai keupayaan seseorang untuk memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni secara konsisten dalam pelbagai aspek kehidupan. Menurut Mohd. Nor Mamat (2020), kompetensi akhlak melibatkan tiga elemen utama: pengetahuan (kognitif), penghayatan (afektif), dan perlakuan (psikomotor). Dalam pendidikan Islam, kompetensi akhlak dianggap sebagai matlamat utama yang ingin dicapai oleh sistem pendidikan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Qalam ayat 4 menyatakan: “Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia.” Ayat ini mengangkat akhlak sebagai sifat utama Nabi Muhammad SAW yang perlu dicontohi oleh umatnya. Menurut Yusuf Al Qardhawi (1995), akhlak dalam Islam tidak pernah meninggalkan satu sisi dari sisi yang lain dalam kehidupan manusia sama ada ianya bersifat rohani atau jasmani, keagamaan atau duniawi, intelektual atau rasa individual atau sosial. Dalam semua sisi tersebut Islam telah meletakkan dan menetapkan manhaj (sistem) yang terbaik untuk menuju pada keluhuran. Maka yang telah dikaji oleh manusia dalam bidang akhlak, dengan nama falsafah, tradisi, kearifan lokal, adat kemasyarakatan dan sebagainya, sebenarnya telah dirangkumkan oleh disiplin akhlak dalam Islam secara integratif, sempurna dan bahkan mempunyai nilai tambah yang tersendiri.

Teori Andragogi: Ciri Dan Prinsip

Teori andragogi diperkenalkan oleh Malcolm Knowles (1980) sebagai satu pendekatan pembelajaran berasaskan ciri-ciri dan keperluan orang dewasa. Beliau menekankan enam prinsip utama:

1. Keperluan untuk mengetahui – Orang dewasa ingin mengetahui mengapa mereka perlu mempelajari sesuatu.

2. Konsep sendiri – Orang dewasa mempunyai keperluan untuk dilihat sebagai individu yang bertanggungjawab terhadap pembelajarannya.
3. Pengalaman hidup – Pembelajaran orang dewasa bergantung kepada pengalaman lalu mereka sebagai sumber utama.
4. Kesiapsiagaan untuk belajar – Mereka bersedia belajar apabila berdepan dengan keperluan sebenar dalam hidup.
5. Orientasi pembelajaran – Orang dewasa lebih suka pembelajaran yang berasaskan masalah dan boleh digunakan segera.
6. Motivasi intrinsik – Mereka lebih dipengaruhi oleh motivasi dalaman seperti kepuasan sendiri dan pembangunan diri.

Apabila diaplikasikan dalam konteks pendidikan akhlak, teori ini dapat menstruktur semula pendekatan pengajaran agar lebih sesuai dengan keperluan dan kemampuan orang dewasa. Menurut Mubarakfuri (2001), pada usia yang tidak disebut muda lagi ia memulai langkah awalnya belajar agama Islam. Abu Bakar As-Siddiq mengenal Islam pada usia 37 tahun dan banyak lagi para sahabat yang mulai belajar Islam dalam usia lanjut, namun mampu memahami dan menjalankan ajaran Islam dengan baik dan benar. Maka dari itu perlu diketahui hal-hal yang diperlukan dalam teori belajar pada usia yang tidak muda lagi (Andragogi), sehingga seseorang yang baru sadar terhadap kekurangan pemahamannya tentang agama Islam yang dianuti, tidak merasa malu dan putus asa untuk terus berusaha belajar.

Integrasi Kompetensi Akhlak Dan Teori Andragogi

Penerapan prinsip andragogi dalam pendidikan Islam khususnya dalam aspek pembentukan akhlak dewasa dapat dilakukan melalui beberapa pendekatan:

Pembelajaran Berasaskan Pengalaman


Pengalaman hidup seseorang dewasa sering kali menjadi panduan utama dalam membentuk sikap dan akhlaknya. Oleh itu, proses pendidikan perlu menyedari bahawa pembentukan akhlak dewasa bukanlah melalui kaedah indoktrinasi semata-mata, tetapi melalui refleksi terhadap pengalaman lampau, seperti kejayaan, kegagalan, krisis, dan perubahan hidup. Contohnya, dalam Latihan Amali Dakwah, pengalaman berdakwah secara langsung kepada masyarakat memberikan peluang kepada pelajar dewasa untuk menghayati nilai seperti sabar, ikhlas dan hikmah dengan lebih mendalam. Ini selaras dengan pendekatan Rasulullah SAW yang mendidik para sahabat melalui pengalaman langsung dalam masyarakat.

Pembelajaran Kontekstual dan Relevan

Dalam teori Andragogi, keperluan untuk belajar sesuatu bergantung pada sejauhmana ia relevan dengan kehidupan individu. Oleh itu, pembelajaran akhlak untuk orang dewasa haruslah dikaitkan dengan konteks pekerjaan, kekeluargaan, masyarakat dan cabaran semasa. Sebagai contoh, pembelajaran nilai amanah boleh dikaitkan dengan isu integriti dalam pengurusan organisasi atau pekerjaan. Apabila peserta dapat melihat kaitan antara nilai Islam dan cabaran hidup sebenar, maka pembelajaran akan menjadi lebih bermakna dan kekal.

Penglibatan Aktif dan Autonomi

Andragogi menekankan pentingnya individu dewasa diberi ruang untuk mengawal proses pembelajaran mereka. Dalam konteks pendidikan akhlak, ini boleh dilakukan dengan memberi peluang kepada pelajar dewasa untuk memilih topik perbincangan, berkongsi pandangan, serta



melibatkan diri dalam perbincangan nilai secara kritikal. Metodologi seperti pembelajaran berasaskan masalah (*problem-based learning*), perbincangan kes (*case study*), atau simulasi konflik moral boleh digunakan untuk meningkatkan penglibatan pelajar. Hal ini dapat membentuk kemahiran membuat keputusan etika secara rasional dan berlandaskan syariah.

IMPLIKASI TERHADAP PENDIDIKAN ISLAM KONTEMPORARI

Integrasi antara teori Andragogi dan pendidikan akhlak Islam membuka ruang untuk reformasi dalam sistem Pengajian Islam, terutamanya pada peringkat pengajian tinggi atau program pendidikan dewasa. Antara implikasi penting termasuk:

Penghasilan Kurikulum Berdasarkan Kehidupan Nyata

Kurikulum yang dirangka perlu mencerminkan realiti kehidupan sebenar orang dewasa, dengan menekankan nilai-nilai Islam yang berkaitan dengan isu semasa seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa, krisis identiti, dan cabaran moral era digital. Oleh itu, individu yang dikategorikan sebagai orang dewasa ialah mereka yang telah mencapai tahap kematangan dari segi fungsi-fungsi biologi, seperti berkeupayaan untuk bereproduksi serta mampu berinteraksi dan bersosial dengan baik dalam kalangan masyarakat sekeliling. Selain itu, mereka juga mempunyai kematangan psikologi yang membolehkan mereka bertanggungjawab terhadap tindakan sendiri serta memiliki keupayaan untuk membuat pertimbangan yang rasional dalam kehidupan seharian. Dalam konteks hukum Islam, individu yang telah mencapai tahap kedewasaan ini dikenali sebagai mukallaf, iaitu seseorang yang telah dibebani dengan tanggungjawab hukum syarak. Mereka dituntut untuk melaksanakan segala perintah agama seperti ibadah wajib, dan juga menjauhi larangan-larangan yang ditetapkan oleh Allah SWT (Nahrowi, 2016).

Pendekatan Pembelajaran yang Interaktif dan Reflektif

Tenaga pengajar perlu bertindak sebagai fasilitator yang membantu pelajar mengenal pasti isu akhlak, mengaitkannya dengan ajaran Islam, dan membimbing mereka ke arah penyelesaian yang berpaksikan wahyu dan rasional. Aktiviti seperti muhasabah sendiri, diskusi ilmiah dan penulisan reflektif sangat sesuai digunakan. Nurul Aini (2021) berpandangan bahawa pengaturan suasana pembelajaran yang selesa, lokasi yang mudah diakses serta penetapan waktu yang fleksibel merupakan antara faktor yang memudahkan proses pembelajaran dalam kalangan orang dewasa. Dalam konteks pembelajaran agama, aktiviti sering kali dijalankan di kawasan pelataran masjid yang menyediakan suasana kondusif untuk mendalami ilmu keagamaan. Para peserta kebiasaannya duduk dalam keadaan santai sambil berdiskusi secara terbuka dan mesra. Keadaan persekitaran yang berteraskan nilai-nilai keislaman serta semangat ukhuwah yang terjalin sesama peserta membantu membentuk semangat, minat dan motivasi untuk terus belajar. Penetapan masa pembelajaran lazimnya diserahkan kepada kebijaksanaan peserta agar disesuaikan dengan kelapangan masa masing-masing, dan kebiasaannya dipilih pada waktu lapang seperti hari cuti hujung minggu. Selain itu, sambutan yang mesra dan penerimaan yang baik oleh komuniti sekitar turut memberi kesan positif kepada keberkesanan proses pembelajaran. Orang dewasa akan berasa dihargai, diterima, dan didukung dalam usaha mereka menimba ilmu. Sokongan sosial sebegini sangat penting dalam membina keyakinan diri serta meningkatkan komitmen individu terhadap pembelajaran sepanjang hayat.

Penilaian Berdasarkan Transformasi Diri

Penilaian pembelajaran akhlak tidak seharusnya hanya bersifat kognitif semata-mata (contohnya ujian bertulis), tetapi perlu juga menilai transformasi sikap, peningkatan integriti dan komitmen pelajar terhadap nilai yang dipelajari. Nurul Aini (2021) dalam kajiannya juga menegaskan motivasi pembelajaran dalam kalangan orang dewasa lazimnya berakar daripada matlamat yang ingin dicapai dalam proses menuntut ilmu. Bagi individu yang mempelajari pendidikan Islam, tujuan utama mereka adalah untuk meningkatkan kefahaman agama demi melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna, sekaligus menjadikan amalan tersebut sebagai bekalan di hari akhirat kelak. Motivasi ini merangkumi kedua-dua aspek dalaman (intrinsik) dan luaran (ekstrinsik). Aspek intrinsik merujuk kepada keinginan dalam diri untuk mencapai ketenangan dan kesempurnaan dalam beribadah yang dilaksanakan dengan ikhlas serta diterjemahkan dalam kehidupan seharian. Sementara itu, faktor ekstrinsik mungkin datang daripada persekitaran sosial, dorongan keluarga, atau keperluan kerjaya yang menuntut peningkatan pengetahuan agama. Minat dan motivasi pembelajaran dalam kalangan orang dewasa juga sering muncul daripada kesedaran sendiri terhadap keperluan untuk memahami ajaran agama secara lebih mendalam. Keperluan ini menjadi pemangkin kepada keinginan untuk terus belajar dan memperbaiki diri, menjadikan pembelajaran sebagai satu proses berterusan sepanjang hayat.

KESIMPULAN

Kompetensi akhlak merupakan asas kepada pembinaan peribadi Muslim yang unggul, dan ia memerlukan pendekatan yang bersesuaian dengan tahap kematangan individu, khususnya orang dewasa. Teori andragogi menawarkan satu paradigma pembelajaran yang selari dengan prinsip pendidikan Islam yang menekankan kesedaran diri, tanggungjawab moral, dan pembelajaran sepanjang hayat. Dengan mengintegrasikan prinsip-prinsip andragogi dalam pendidikan Islam, pembinaan akhlak dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan holistik. Pelajar dewasa bukan sahaja belajar tentang nilai, tetapi juga menghayati dan mengamalkannya dalam kehidupan mereka. Ini akan membawa kepada pembentukan masyarakat yang beretika, bertanggungjawab, dan berpaksikan ajaran Islam yang syumul.

RUJUKAN

Al-Quran Kareem

Akilah Mahmud. (2019). *Konsep akhlak dalam Islam: Satu pendekatan pendidikan. Jurnal Al-Abrar*, 4(1), 55–64.


Al-Ghazali. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Huda, M. (2015). *Perspektif pendidikan Islam dalam pembentukan kepribadian. Jurnal Pendidikan Islam*, 3(2), 112–124.

Knowles, M. S. (1980). *The Modern Practice of Adult Education: From Pedagogy to Andragogy*. Cambridge: The Adult Education Company.

Mohd. Nor Mamat. (2020). *Pendidikan Nilai dan Akhlak dalam Era Digital*. Bangi: UKM Press.

Mubarakfuri, S. R. (2001). *Ar-Rahiq al-Makhtum. Kaherah: Dar al-Hadith*.



Muhammad Syukri Salleh. (2022). *Pendekatan Islam terhadap pembangunan modal insan dewasa. Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 45–66.

Nahrowi. (2016). *Pendidikan akhlak dalam perspektif Islam. Jurnal Tarbawi*, 9(2), 134–145.

Nasr, S. H. (2018). *Islamic Science: An Illustrated Study*. London: World Wisdom.

Nurul Aini. (2021). *Strategi pembelajaran akhlak dalam kalangan dewasa di institusi masjid. Jurnal Dakwah dan Pendidikan Islam*, 5(1), 89–102.

Wahyuddin. (2017). *Konsep andragogi dalam pendidikan Islam. Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 17(2), 176–188.

Yusuf Al-Qaradawi. (1995). *Peranan Nilai dan Akhlak dalam Kehidupan Muslim. Kaherah: Maktabah Wahbah*.

PENEROKAAN PENDEKATAN PSIKOLOGI TARGHIB DAN TARHIB DALAM DAKWAH TERHADAP NON-MUSLIM

Novaadila Bt Erizal
Abdul Ghafar Bin Don
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini meneroka pendekatan psikologi *targhib* dan *tarhib* dalam dakwah terhadap *non-Muslim* dengan mengintegrasikan elemen motivasi dan peringatan berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Pendekatan *targhib* menekankan pemberian harapan melalui penonjolan keindahan akhlak, ganjaran dunia dan akhirat, serta manfaat kehidupan yang seimbang. Manakala *tarhib* berfungsi sebagai peringatan terhadap akibat penolakan petunjuk ilahi dan azab di akhirat. Namun demikian, dalam pelaksanaan dakwah terhadap Non-Muslim, terdapat kes-kes di mana pendakwah tidak berupaya menerapkan kedua-dua pendekatan ini khususnya pendekatan *targhib*. Oleh itu, pendekatan kedua-dua pendekatan ini perlu diteroka dalam konteks merumuskan satu dapatan yang boleh dijadikan panduan berdakwah terhadap Non-Muslim di lapangan. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka pendekatan *targhib* dan *tarhib* dalam dakwah terhadap Non-Muslim dengan merujuk kepada sumber primer seperti Al-Quran, Hadith, tafsir klasik dan kontemporari serta kajian semasa berkaitan subjek kajian yang boleh dijadikan asas merangka pendekatan dakwah yang sesuai dengan Non-Muslim berdasarkan prinsip *targhib* dan *tarhib*. Pendekatan *basyir* dan *nazir* yang berkaitan dengan *targhib* dan *tarhib* yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW menggambarkan kombinasi kasih sayang dan ketegasan dalam menyampaikan risalah Islam adalah contoh kepada penerokaan ini. Metodologi yang digunakan dalam penulisan artikel ini ialah analisis dokumen yang melibatkan analisis terhadap teks dakwah dengan merujuk karya ilmiah berdasarkan sumber klasik dan moden berkaitan subjek kajian. Sorotan dan analisis ini mendapati bahawa keseimbangan antara elemen *targhib* dan *tarhib* dalam pelaksanaan dakwah dapat meningkatkan penerimaan terhadap mesej Islam. Pendekatan ini bukan sahaja memberikan motivasi kepada *mad'u* tetapi juga memberi peringatan secara berhemah, selaras dengan prinsip dakwah bil-hikmah yang menekankan kebijaksanaan, kelembutan dan ketegasan dalam menyampaikan kebenaran.

Kata kunci: Pendekatan, dakwah, motivasi, psikologi, *targhib*, *tarhib*

ABSTRACT

This study explores the psychological approach of *targhib* and *tarhib* in da'wah towards non-Muslims by integrating elements of motivation and warning based on Islamic principles. The *targhib* approach emphasises instilling hope by highlighting the beauty of good character, worldly and eternal rewards, and the benefits of a balanced life. Meanwhile, *tarhib* serves as a reminder of the consequences of rejecting divine guidance and the punishment in the hereafter. However, in the implementation of da'wah towards Non-Muslims, there are cases where the da'wah practitioners are unable to apply both approaches, especially the *targhib* approach. Therefore, both approaches need to be explored in the context of formulating a finding that can be used as a guideline for da'wah towards Non-Muslims in the field. The objective of this study is to explore the *targhib* and *tarhib* approaches in da'wah towards Non-Muslims by referring to primary sources such as the Quran, Hadith, classical and contemporary interpretations, as well as current studies related to the subject that can serve as a foundation for formulating a da'wah approach that is appropriate for Non-Muslims based on the principles of *targhib* and *tarhib*. The *basyir* and *nazir* that are related to *targhib* and *tarhib* approach exemplified by Prophet Muhammad (PBUH) reflects a combination of compassion and firmness in delivering the message of Islam are an example on this exploration. The method used in this article is a document analysis, which involves the analysis of da'wah texts, scholarly works based on classical and modern sources in the fields of da'wah and psychology. This review and analysis conclude that balancing *targhib* and *tarhib* elements in da'wah works can enhance the acceptance of the Islamic message. This approach not only motivates the *mad'u* but also provides a wise and considerate reminder, in line with the principle of *da'wah bil-hikmah*, which emphasises wisdom, gentleness, and firmness in conveying the truth.

Keywords Approach, Dakwah, motivation, psychology, *targhib*, *tarhib*

PENDAHULUAN

Dakwah merupakan misi penyebaran risalah tauhid yang universal dalam membentuk transformasi sosial ke arah kehidupan manusia yang lebih beretika dan bermakna. Kewajiban perlaksanaan dakwah dengan pendekatan tertentu telah ditentukan Allah sebagai garis panduan para *da'i* berdasarkan Firman Allah SWT dalam surah *An-Nahl* ayat 125:

Maksudnya:

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. "

Dalam konteks dakwah, tiga prinsip utama yang digariskan adalah secara *hikmah* (bijaksana), *maw'izah hasanah* (nasihat yang baik) dan *mujadalah bi al-ihsan* (perdebatan dengan cara terbaik). Kajian oleh Nor Azlina, Mohamad Zulkifli dan Muhamad Faisal Ashaari (2024) menegaskan bahawa ayat tersebut menjadi asas kepada keperluan pendakwah menyampaikan mesej secara strategik dan berkesan. Ketiga-tiga prinsip ini menuntut pendekatan yang bersifat empatik dan strategik, selaras dengan psikologi penerimaan manusia terhadap mesej baru, khususnya dalam kalangan bukan Muslim.

Seiring dengan prinsip tersebut, pendekatan *al-tarhib* dan *al-tarhib* yang berasaskan kepada mesej-mesej *basyir* (pembawa berita gembira) dan *nazir* (pemberi peringatan) dalam al-Quran serta diteladani dalam dakwah Nabi SAW dapat berfungsi sebagai pelaksanaan praktikal kepada kerangka dakwah yang disarankan.

Tarhib merujuk kepada strategi dakwah yang menekankan aspek motivasi dan dorongan dengan menjelaskan manfaat, ganjaran, serta hikmah dalam mengamalkan ajaran Islam (Zaydan 2002). Pendekatan ini berasaskan konsep kasih sayang dan harapan, di mana individu diajak untuk mengenali keindahan Islam melalui nilai-nilai universal seperti kedamaian, keadilan, dan kesejahteraan hidup (Borham et al. 2018). Sebaliknya, *tarhib* memberi penekanan kepada peringatan dan ancaman mengenai tanggungjawab manusia terhadap Penciptanya serta implikasi dari setiap pilihan yang dibuat. Ia bertujuan membangkitkan kesedaran tentang hakikat kehidupan, kepentingan moral, serta akibat yang menanti di dunia dan akhirat bagi mereka yang menolak kebenaran (Hussin 2005).

Keseimbangan dalam perlaksanaan *al-tarhib* dan *al-tarhib* ini bertujuan memastikan dakwah tidak bersifat terlalu lunak sehingga kehilangan ketegasan, mahupun terlalu keras sehingga menimbulkan penolakan. Dengan memahami fitrah manusia yang cenderung kepada kebaikan tetapi juga memerlukan peringatan, penggunaan strategi *tarhib* dan *tarhib* secara harmoni dapat meningkatkan penerimaan terhadap mesej Islam, menjadikannya lebih relevan dalam konteks masyarakat global yang pelbagai.

KERANGKA TEORI

Dalam tradisi dakwah Islam, pendekatan yang menyeimbangkan antara galakan dan peringatan merupakan satu prinsip penting yang berpaksikan kepada petunjuk al-Quran dan sunnah. Antara konsep utama yang mendasari pendekatan ini ialah *basyir wa nazir*, yang membawa erti pembawa berita gembira dan pemberi peringatan, serta konsep *al-khauf* (takut) dan *al-raja'* (harap) yang berakar dari tasawuf dan psikologi keagamaan Islam. Firman Allah SWT dalam kalam-Nya yang suci:

Maksudnya: “*Dan Kami tidak mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan sebagai pembawa berita gembira dan pemberi peringatan.*” (Surah Al-Furqan, 25:56)

Konsep *basyir* (pemberi berita gembira) menggambarkan elemen targhib; memberi motivasi kepada kebaikan melalui janji-janji syurga, kasih sayang Allah, dan kemuliaan akhlak Islam. Sebaliknya, *nazir* (pemberi peringatan) menjelmakan konsep tarhib, iaitu amaran terhadap dosa, azab neraka, dan akibat berpaling daripada kebenaran (Bidin 2009).

Dakwah yang berkesan memerlukan keseimbangan antara kedua-dua konsep ini, agar mad'u bukan sahaja tertarik kepada Islam tetapi juga memahami secara mendalam tanggungjawab yang datang bersamanya (Hussin 2005). Dalam konsep tasawwuf, teori *al-khauf* (ketakutan) dan *al-raja'* (harapan) membawa konsep yang hampir sama dengan *al-targhib* dan *al-tarhib*. *Al-raja'* menanamkan harapan kepada rahmat dan ganjaran Allah manakala *al-khauf* membawa kepada kesedaran terhadap dosa dan akibat buruk (Nur & Hasnawati 2020). Ibn Qayyim al-Jawziyyah menyatakan bahawa iman seperti burung yang terbang dengan dua sayap - sayap khauf dan raja', sementara kepalanya adalah cinta kepada Allah. Jika salah satu sayap terlalu berat, burung itu tidak dapat terbang dengan seimbang. Sementara orang tidak beriman menurut Ibnu Qayyim ibarat orang yang rosak mentalnya yang menyukarkannya mencapai kebahagiaan (Abdul Aziz 2023).

Seperti yang ditegaskan oleh Nurhamzah dan Risal Qori Amrullah (2021), keseimbangan antara unsur targhib dan tarhib adalah penting dalam pembentukan akidah dan akhlak mad'u (Risal Qori Amarullah 2021). Meskipun kajian mereka adalah dalam konteks pendidikan pelajar madrasah, namun ia tetap relevan untuk dakwah *Non-Muslim*. Pandangan ini disokong kajian sebelumnya oleh Syarnubi (2021) yang mendapati bahawa pendekatan targhib dan tarhib berperanan membentuk akhlak mulia selaras dengan dasar dan manhaj hidup Islam (Syarnubi et al. 2021).

Perspektif psikologi dakwah pula menurut Bukhari dan rakan-rakan (2023) merupakan satu pendekatan yang mengintegrasikan prinsip-prinsip agama dengan ilmu psikologi moden untuk memahami tingkah laku manusia dalam konteks penyampaian mesej Islam (Bukhari et al. 2023). Dalam konteks masyarakat moden yang berdepan dengan kepelbagaian latar belakang pendidikan, sosiobudaya, dan pendedahan media teori psikologi moden yang dibawa dalam Elaboration Likelihood Model (ELM) yang diasaskan oleh Petty dan Cacioppo juga menarik untuk dikaji dan diadaptasi. Teori ini menerangkan bahawa terdapat dua laluan utama dalam memproses mesej:

1. Laluan pusat (*central route*): berlaku apabila individu benar-benar berminat dan bermotivasi untuk menilai isi kandungan mesej secara kritikal dan rasional.

2. Laluan sampingan (*peripheral route*): berlaku apabila penerima mesej kurang berminat atau kurang pengetahuan, lalu lebih terkesan oleh aspek luar mesej seperti gaya penyampaian, kredibiliti pendakwah, atau faktor emosi.

Menurut ELM, perubahan sikap berlaku melalui dua laluan pemrosesan maklumat utama - laluan pusat (*central route*), iaitu pemrosesan kognitif yang mendalam berasaskan hujah logik dan bukti; dan laluan sampingan (*peripheral route*), iaitu pemrosesan sepintas laluan yang dipengaruhi oleh isyarat bukan kandungan seperti gaya penyampaian atau emosi (Guyer et al. 2019).

Dalam kerangka ini, pendekatan targhib dalam dakwah cenderung mengaktifkan laluan periferal dalam Elaboration Likelihood Model (ELM) melalui mekanisme psikologi seperti akhlak pendakwah, kredibiliti sumber, dan kesan positif personaliti. Kajian oleh Catic (2024) mengenai muafak di Kanada mendapati interaksi mesra dengan komuniti Muslim menjadi pemangkin utama dalam penerimaan terhadap Islam. Keindahan akhlak dan empati yang ditampilkan membentuk kesan emosi positif yang mendorong keterbukaan kepada mesej dakwah secara tidak langsung.

Pada sudut yang lain pula, pendekatan tarhib pula cenderung mengaktifkan laluan pusat (*central route*) dalam model Elaboration Likelihood Model (ELM) apabila mesej disampaikan melalui hujah yang logik, tersusun, dan berteraskan prinsip moral sejagat. Seruan kepada tanggungjawab terhadap Pencipta serta amaran tentang pembalasan akhirat memerlukan pemikiran rasional dan falsafah yang mendalam, selaras dengan pemrosesan kognitif intensif yang menjadi asas kepada perubahan sikap yang lebih kekal (Kamaruddin & Mokhtar 2024).

Namun, tarhib juga boleh mengaktifkan laluan periferal apabila disampaikan secara emosional, contohnya melalui kisah tragik atau gambaran azab yang menyentuh hati. Naratif tentang kehancuran kaum 'Ad, Tsamud atau Firaun mampu menggugah emosi tanpa memerlukan analisis mendalam. Meskipun reaksi ini cepat, impaknya bersifat sementara dan memerlukan peneguhan berterusan.

Namun begitu, hubungan antara pendekatan targhib dan tarhib dengan kedua-dua laluan ini bukanlah bersifat mutlak. Kajian oleh Guyer et al. (2019) menunjukkan bahawa unsur bukan lisan seperti gerak tubuh, ekspresi wajah, dan intonasi suara mampu mempengaruhi tahap pemrosesan maklumat dalam kedua-dua laluan. Hal ini menekankan pentingnya kaedah penyampaian yang sesuai dengan profil kognitif dan emosi audien, agar mesej dakwah dapat disampaikan secara lebih berkesan. Justeru, integrasi antara pendekatan agama dan prinsip psikologi komunikasi memberi nilai tambah dalam membina keberkesanan strategi dakwah kontemporari.

Dakwah yang berkesan memerlukan pendekatan seimbang kedua-dua elemen ini, sesuai dengan fitrah manusia yang memerlukan motivasi dan peringatan sepanjang masa. Rasulullah SAW sendiri menampilkan keseimbangan ini dalam dakwahnya, menyampaikan Islam dengan penuh kasih sayang dan kebijaksanaan; tetapi tetap memberi peringatan tentang akibat meninggalkan kebenaran (Yusri & Osman 2022).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan bersifat eksploratori dengan kaedah analisis dokumen dengan meneliti sumber utama seperti Al-Quran, Hadith, serta kitab-kitab tafsir dan literatur lain yang berkaitan dengan psikologi dakwah. Selain itu, kajian ini juga merujuk kepada teori-teori psikologi yang berkaitan dengan perubahan sikap dan strategi komunikasi persuasif. Data kajian pula dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik, di mana tema utama yang berkaitan dengan *targhib*, *tarhib*, *basyir*, *nazir*, *khauf*, *raja* serta strategi perubahan sikap dikenal pasti dan dianalisis. Pendekatan ini membolehkan kajian mengenal pasti corak dan hubungan antara konsep dalam rangka kerja psikologi dakwah Islam.

PENERAPAN PSIKOLOGI TARGHIB DAN TARHIB DALAM DAKWAH KEPADA NON-MUSLIM

Dakwah terhadap bukan Islam perlu dilakukan dengan proses *tadhkir* (memberi peringatan), *maw'izah* (nasihat), *al-bayyinah* (mengemukakan keterangan-keterangan atau bukti yang nyata) serta dengan hujah-hujah yang jitu (Don & Hazizan 2011). *Targhib* dan *tarhib* dalam syariah datang dalam bentuk penyelesaian kepada halangan, juga bentuk berita gembira dan amaran. Ini adalah kerana sesetengah jiwa manusia cenderung kepada kebaikan, bersemangat menuju *hidayah* (petunjuk), serta rindu kepada cahaya kebenaran dan kemuliaan diri yang berteraskan akhlak mulia. Oleh itu, menyebut perkara baik akan menyenangkan hatinya, menggerakkan semangatnya, dan cahaya kebenaran menguatkan keyakinan jiwa.

Ada pula di kalangan manusia, kalangan yang termengah-mengah kerana mengejar syahwat, berlari mengejar kebendaan dan amat gemar kepada kemungkar. Jiwa begini perlu dikejutkan dengan *tarhib*, disekat dengan amaran serta diperingatkan dengan perkara yang menakutkan mereka terhadap akibat daripada perbuatan yang dilakukan mereka. Penerokaan terhadap literatur mendapati terdapat beberapa pendekatan psikologi *targhib* dan *tarhib* yang boleh diterapkan terhadap dakwah *non-Muslim*, iaitu:

Pendekatan Psikologi Targhib

Terdapat beberapa elemen yang boleh diterapkan dalam konteks *targhib* dakwah terhadap *Non-Muslim*, iaitu:

Memperlihatkan Keindahan Islam sebagai Sumber Motivasi

Salah satu bentuk *Targhib* yang berkesan ialah dengan menonjolkan keindahan Islam sebagai agama yang membawa ketenangan, kesejahteraan, dan petunjuk kepada manusia. Firman Allah dalam Surah Al-Nahl ayat 97 yang bermaksud:

"Barang siapa yang mengerjakan kebajikan, baik laki-laki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka pasti Kami akan berikan kepadanya kehidupan yang baik dan akan Kami beri balasan dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan."

Ayat ini menunjukkan pendekatan *Targhib* dengan menjanjikan balasan baik kepada mereka yang berbuat kebaikan, sekaligus menjadi motivasi dan berpotensi mengubah tingkah laku seseorang. Islam bukan sekadar agama yang menuntut pengorbanan, tetapi juga menawarkan kehidupan yang lebih baik dengan panduan yang sempurna. Pendekatan ini boleh digunakan dengan menampilkan bagaimana ajaran Islam menekankan keadilan, belas kasihan,

dan keseimbangan dalam kehidupan. Contohnya, Islam menyediakan panduan lengkap untuk kesejahteraan individu dan masyarakat, termasuk dalam aspek akhlak, kekeluargaan, ekonomi, dan sosial. Beberapa contoh yang boleh dikemukakan termasuk:

- i. **Konsep keadilan dalam Islam:** Islam menegakkan prinsip keadilan tanpa mengira bangsa atau agama. Firman Allah dalam Surah Al-Ma'idah ayat 8 yang bermaksud: "*Berlaku adillah, kerana keadilan itu lebih dekat kepada ketakwaan.*"
- ii. **Islam sebagai agama rahmatan lil 'alamin:** Sejarah mencatat bagaimana Nabi Muhammad SAW menunjukkan kasih sayang kepada *non-Muslim*, seperti dalam Perjanjian Hudaibiyah yang membuktikan diplomasi Islam yang adil.
- iii. **Konsep kesejahteraan ekonomi dalam Islam:** Prinsip zakat dan sedekah bukan hanya membantu golongan fakir tetapi juga meningkatkan kesejahteraan masyarakat keseluruhannya.

Perkongsian Kisah Inspirasi Perjalanan Hidayah Non-Muslim

Salah satu kaedah targhib yang berkesan dalam dakwah ialah dengan berkongsi kisah-kisah individu yang menemui kebahagiaan setelah memeluk Islam. Kisah-kisah ini dapat menanam rasa ingin tahu dalam diri *non-Muslim* serta memberikan gambaran bahawa Islam adalah agama yang membawa perubahan positif dalam kehidupan seseorang. Antara contoh yang boleh diketengahkan ialah:

- i. **Kisah Salman al-Farisi:** Perjalanan beliau dari Persia yang kaya dengan budaya Majusi kepada Islam setelah melihat keindahan akhlak Rasulullah SAW.
- ii. **Yusuf Estes,** seorang bekas paderi Kristian yang akhirnya menerima Islam setelah mendalami keindahan tauhid.
- iii. **Cat Stevens (Yusuf Islam),** penyanyi terkenal yang memeluk Islam selepas menghayati makna kehidupan sebenar dalam ajaran Islam.

Dalam dakwah dunia moden, pendekatan ini boleh dilakukan melalui perkongsian kisah-kisah muallaf dalam bentuk video dokumentari, penulisan buku, serta testimoni di media sosial bagi menarik perhatian *non-Muslim* kepada Islam.

Pendekatan Peneguhan Peribadi dan Kredibiliti

Dari perspektif teori komunikasi persuasif, kredibiliti sumber (*source credibility*) dan daya tarik peribadi (*likability*) memainkan peranan penting dalam penerimaan mesej yang ingin disampaikan (Stiff & Mongeau 2016). Oleh itu, personaliti pendakwah memainkan peranan penting agar mesej dapat disampaikan dengan lebih berkesan. Pendakwah yang santun, menghormati pandangan orang lain, serta konsisten antara kata-kata dan perbuatan bukan sahaja membina kredibiliti, malah menanamkan kepercayaan yang mendalam terhadap Islam sebagai agama yang membawa rahmat kepada seluruh manusia.

Terdapat beberapa elemen psikologi yang boleh membantu dalam pendekatan Targhib (Prihartanta 2015):

1. **Teori Maslow (1943):** Keperluan manusia terhadap keselamatan dan rasa dihargai boleh dikaitkan dengan Islam sebagai agama yang memberi jaminan rohani dan kedamaian.
2. **Teori Konformiti (Asch, 1951):** Manusia cenderung untuk mengikut kelompok yang mereka rasa selamat dan yakin. Dakwah yang menunjukkan kesejahteraan dalam komuniti Islam dapat menarik minat *non-Muslim*.
3. **Konsep Reward dan Motivation (Skinner, 1953):** Targhib menekankan ganjaran dalam bentuk kepuasan emosi, fizikal, dan spiritual, yang berkesan dalam menarik minat individu untuk mengenali Islam.

Mesej Keindahan Syurga sebagai Motivasi

Konsep syurga sebagai ganjaran bagi orang yang beriman juga merupakan elemen penting dalam Targhib. Allah berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 25:, maksudnya

"Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh bahawa bagi mereka syurga yang mengalir sungai-sungai di bawahnya."

Selain daripada ayat ini, Islam juga menggambarkan syurga sebagai tempat penuh kenikmatan:

- i. **Kenikmatan fizikal:** Sungai susu, madu, dan buah-buahan yang tidak terhingga (Surah Muhammad: 15).
- ii. **Kenikmatan spiritual:** Bebas dari segala kesedihan dan penderitaan duniawi (Surah Al-Waqi'ah: 35-38).
- iii. **Nikmat tertinggi:** Melihat wajah Allah SWT sebagai ganjaran bagi mukmin sejati (Surah Al-Qiyamah: 22-23).


Memfaat Pelbagai Medium Kontemporari

Dalam era globalisasi, pendekatan Targhib boleh disesuaikan dengan pelbagai medium moden bagi menyebarkan mesej Islam kepada *non-Muslim*, antaranya:

- **Media Sosial:** Dakwah melalui platform seperti YouTube, TikTok, dan Instagram yang menampilkan kisah-kisah muallaf dan keindahan Islam.
- **Filem dan Dokumentari:** Menghasilkan filem yang memaparkan perjalanan spiritual individu menuju Islam.
- **Dialog dan Forum Terbuka:** Mengadakan perbincangan yang melibatkan *non-Muslim* bagi menjawab persoalan mereka mengenai Islam secara santai dan rasional.

Dengan menggunakan pendekatan targhib yang berasaskan psikologi, komunikasi persuasif, dan media moden, dakwah kepada *non-Muslim* boleh menjadi lebih berkesan dan menarik hati mereka untuk mendekati Islam.

Pendekatan Psikologi Tarhib



Dalam konteks dakwah kepada *non-Muslim*, konsep *al-tarhib* merujuk kepada pendekatan yang memberikan peringatan tegas tentang akibat keingkaran terhadap kebenaran Islam. Tarhib bermaksud ancaman atau amaran yang bertujuan menimbulkan rasa takut terhadap keburukan dan azab yang menanti mereka yang menolak kebenaran. Ia tidak semestinya disampaikan dalam bentuk yang menakutkan, tetapi lebih kepada membangkitkan kesedaran dan keinsafan mengenai akibat menolak kebenaran dan kesan kehidupan tanpa petunjuk Ilahi. Terdapat beberapa pertimbangan pelaksanaan pendekatan *al-tarhib* ini dalam dakwah terhadap *non-Muslim*, iaitu:

Ancaman Akibat Menolak Kebenaran

Pendekatan Tarhib sering digunakan dalam al-Quran untuk mengingatkan manusia tentang akibat buruk bagi mereka yang mengingkari perintah Allah. Firman Allah dalam Surah Al-Ghashiyah ayat 4-7 menyebut:

"Mereka akan memasuki api yang menyala-nyala (neraka), diberi minum dari mata air yang sangat panas. Mereka hanya mendapat makanan dari pohon berduri yang tidak menggemukkan dan tidak menghilangkan lapar."

Ayat ini jelas menunjukkan ancaman bagi mereka yang berpaling dari kebenaran. Peringatan tentang azab neraka berfungsi sebagai satu bentuk motivasi negatif yang boleh mendorong manusia untuk mencari kebenaran dan kembali kepada fitrah Islam. Dalam pada itu, persoalan mengenai kewujudan Tuhan sering dikaitkan dengan isu penderitaan dan kezaliman di dunia. Sebahagian golongan ateis atau yang menolak konsep ketuhanan menyebut tentang ketidakadilan dan kezaliman berlaku sewenang-wenangnya di dunia ini, seolah-olah Tuhan itu tidak wujud. Maka dakwah *tarhib* berfungsi untuk menjawab persoalan ini dengan menegaskan keadilan mutlak Allah melalui konsep Hari Akhirat, pembalasan di akhirat, serta kewujudan neraka sebagai hukuman bagi kezaliman yang tidak terbalas di dunia. Islam menawarkan jawapan yang logik dan rasional terhadap isu ini, dengan penekanan bahawa kehidupan dunia hanyalah sebahagian kecil daripada perjalanan yang lebih besar, dan keadilan sejati akan terlaksana di akhirat.

Firman Allah dalam Surah Al-Zalzalah ayat 7-8: maksudnya

"Maka barang siapa mengerjakan kebaikan seberat zarrah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barang siapa mengerjakan kejahatan seberat zarrah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya."

Kisah Hukuman dalam Sejarah

Sejarah juga mencatat banyak kisah yang menggambarkan akibat buruk bagi mereka yang menolak Islam. Contoh-contoh dalam al-Quran yang boleh dijadikan iktibar dalam dakwah seperti kisah Kaum 'Ad dan Tsamud yang dimusnahkan kerana keangkuhan dan keengganan mereka menerima seruan Nabi mereka (Surah Al-Haqqah: 6-8), Firaun dan Kaumnya: Tenggelam di Laut Merah kerana menentang Nabi Musa AS dan menzalimi Bani Israil (Surah Yunus: 90-92) dan Kaum Lut yang dibinasakan dengan hujan batu kerana mengamalkan kegiatan homoseksual (Surah Hud: 82-83). Bagaimanapun kaedah ini perlu dilaksanakan

dengan penuh hikmah agar tidak menjadi faktor penolak kepada *non-Muslim* menerima dakwah.

Memberi Gambaran Azab Neraka sebagai Peringatan

Al-Quran memberikan gambaran jelas mengenai azab yang menanti mereka yang ingkar dalam pelbagai bentuk kesengsaraan dan siksaan. Antaranya ialah kesengsaraan fizikal. Sebagai contoh Surah al-Nisa' ayat 56 al-Qur'an yang menggambarkan bahawa kulit orang yang ingkar perintah Allah akan dibakar dan digantikan dengan kulit baru agar terus merasakan azab yang pedih. Surah Muhammad ayat 15 pula memperlihatkan mereka disiksa dengan kehausan dan air mendidih yang memotong usus mereka. Manakala Surah Al-Haqqah ayat 30-32 menggambarkan kehinaan yang berpanjangan di mana orang-orang kafir akan dirantai dan diseret dalam api neraka. Walaupun pendekatan elemen Tarhib diperlukan dalam menyedarkan manusia, ia harus digunakan dengan seimbang bersama Targhib agar dakwah tidak menjadi terlalu keras dan menimbulkan ketakutan tanpa harapan dalam kalangan masyarakat bukan Islam.

Mengharmonikan Pendekatan Targhib dan Tarhib dalam Dakwah

Dalam menyampaikan mesej Islam secara berkesan, dakwah yang berfokus kepada *targhib* (motivasi dan dorongan) serta *tarhib* (peringatan dan ancaman) perlu diharmonikan. Konsep ini bukan sahaja digariskan dalam al-Quran dan sunnah, tetapi turut dihuraikan secara mendalam oleh Imam al-Mawardi. Menurut Fadi Zatari (2021), *targhib* dan *tarhib* membentuk dua pendekatan utama dalam membentuk tingkah laku manusia: *targhib* mendorong individu untuk tunduk kepada prinsip moral melalui dorongan dalaman yang positif, manakala *tarhib* berfungsi sebagai bentuk kawalan diri melalui ketakutan terhadap akibat buruk sesuatu tindakan. Gabungan kedua-duanya mencetus keseimbangan antara keinginan (*inner wishes*) dan ketakutan (*inner fear*), yang membentuk sikap dan perlakuan bertanggungjawab dalam masyarakat (Zatari 2021). Pandangan ini menunjukkan bahawa strategi dakwah Islam tidak hanya bersifat emosional atau spiritual semata-mata, tetapi juga berasaskan rasionaliti dan prinsip etika yang menyeluruh, sesuai dengan kerangka pembinaan peradaban yang lebih holistik.

Targhib perlu mendominasi fasa awal dakwah untuk membina keterbukaan dan rasa ingin tahu dalam diri *non-Muslim*, sementara tarhib boleh digunakan sebagai pengukuh setelah mereka memahami konsep asas Islam. Dr. Jum'ah Amin, seorang penulis buku *Fiqh Ad-Dakwah*, telah menggariskan berberapa kaedah dakwah di dalam kitabnya termasuk *Al-targhib Qabla Tarhib* (memberi harapan sebelum ancaman). Seorang pendakwah hendaklah terlebih dahulu memberikan harapan atau khabar gembira kepada sasaran dakwah untuk beramal dengan ikhlas sebelum memberikan ancaman tentang bahaya riya' dan lain-lain ancaman maksiat di dalam Islam (Jum'ah Amin 2003). Para pendakwah perlulah memberitahu kebaikan dan ganjaran pahala yang akan diperolehi jika berbuat amal kebaikan kepada mad'u agar mereka tertarik untuk melakukan amal tersebut.

Walaubagaimanapun kedua-dua aspek juga adalah penting bagi memastikan bahawa mad'u tidak hanya terdorong oleh harapan semata-mata sehingga lalai dalam tanggungjawab agama, atau sebaliknya, terlalu takut sehingga kehilangan harapan terhadap rahmat Allah.

Sejarah dakwah para nabi, termasuk Rasulullah SAW, menunjukkan keseimbangan ini sebagai asas penting dalam mendidik jiwa dan membentuk masyarakat Islam yang Sejahtera (Fauziah 2018).

Dalam pendekatan Targhib, pendakwah menggunakan kisah-kisah inspirasi, janji ganjaran syurga, serta keindahan kehidupan Islam untuk menarik hati mad'u. Pendekatan ini sering kali lebih berkesan bagi individu yang masih dalam pencarian kebenaran atau mereka yang baru mengenal Islam. Sebagai contoh, janji syurga bagi orang yang sabar, keutamaan sedekah, serta keindahan akhlak Rasulullah SAW adalah antara elemen yang boleh menimbulkan rasa cinta kepada agama.

Sebaliknya, Tarhib berfungsi sebagai peringatan tegas terhadap kemalasan beribadah, kelalaian dalam tanggungjawab, serta akibat buruk perbuatan maksiat (Malaikah & Rahman 2001). Misalnya, kisah-kisah tentang azab bagi orang yang sombong, hukuman bagi mereka yang menzalimi orang lain, serta gambaran neraka bagi pelaku kejahatan mampu menanamkan rasa takut yang konstruktif (Borham et al. 2018).

Dalam Surah Al-Mulk ayat 10, Allah menggambarkan penyesalan penghuni neraka yang berkata: maksudnya:

"Dan mereka berkata: Sekiranya kami dahulu mendengar atau memikirkan (peringatan ini), niscaya kami tidak termasuk dalam golongan penghuni neraka yang menyala-nyala."

Ayat ini menunjukkan kepentingan pemikiran rasional dan keinsafan mendalam dalam menyedarkan manusia terhadap hakikat kehidupan. Oleh itu, dakwah yang hanya berfokus kepada salah satu aspek, sama ada terlalu lembut (*Targhib*) atau terlalu keras (*Tarhib*), boleh menyebabkan ketidakseimbangan dalam pemahaman agama.

KESIMPULAN

Pendekatan *targhib* dan *tarhib* dalam dakwah boleh menjangkau dimensi emosional dan rasional mad'u sasaran. Harmoni antara Targhib dan Tarhib adalah asas kepada pendekatan dakwah yang komprehensif. Pendakwah perlu memahami psikologi mad'u serta menyesuaikan mesej dengan keadaan mereka. Dalam suasana dunia moden yang penuh cabaran, dakwah tidak boleh hanya bersandar kepada gaya menakut-nakutkan atau hanya menawarkan keselesaan, tetapi perlu memberikan pandangan yang seimbang, logik, dan menyentuh jiwa. Keseimbangan ini bukan sahaja telah terbukti berkesan dalam sejarah dakwah Rasulullah SAW, tetapi juga diperakui dalam kajian psikologi moden bahawa gabungan motivasi dan peringatan menghasilkan perubahan tingkah laku yang lebih berkesan (Deci & Ryan 2012). Dengan demikian, dakwah yang berasaskan gabungan hikmah, kasih sayang, dan ketegasan dalam prinsip akan lebih mudah diterima serta membawa perubahan yang berpanjangan dalam jiwa dan kehidupan *mad'u*.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Husin Sungkar, Mohd Zamrus Mohd Ali. 2023. Penerokaan Terhadap Pendekatan Ibn Qayyim Al-Jauziyah Bagi Pesakit Kecelaruhan Stres Pasca-Trauma Dalam Mencapai Kebahagiaan. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 24(1):
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin. 2009. Impak uslub tabsyir dan indhar dalam membentuk personaliti: kajian di Sekolah Henry Gurney, Teluk Mas, Melaka dan Batu Gajah, Perak. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abd Hadi Borham, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim & Wahyu Hidayat Abdullah. 2018. Faktor-faktor Tarikan dalam Metod Dakwah: Satu Sorotan Literatur. *Human Sustainability Procedia*:
- B. Bukhari, S. Lintina, S. Sabiruddin, M. Mistarija, A. Ismail & K. Septin Maisharah. 2023. The Mediating Role of Religiosity on the Big Five Personalities and Marital Satisfaction in Indonesia: A Perspective of Da'wah Psychology. *Islamic Guidance and Counseling Journal* 6(2): 1-17.
- Nuray Catic. 2024. Persuaded by the Qur'an: Converting to Islam in Canada. *Religious and Socio-Political Studies Journal* 2(1): 33-77.
- Edward L Deci & Richard M Ryan. 2012. Self-determination theory. *Handbook of theories of social psychology* 1(20): 416-436.
- Abdul Ghafar Don & Nurul Nazuha Hazizan. 2011. Dakwah kepada Non-Muslim: Sorotan Pendekatan Rasul Ulu al-C Azmi. *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies* (33):
- Mira Fauziah. 2018. Janji dan Ancaman Sebagai Metode Dakwah Alquran. *Jurnal Ilmiah Al-Mu'ashirah: Media Kajian Al-Qur'an dan Al-Hadits Multi Perspektif* 15(1): 12-27.
- Joshua J. Guyer, Pablo Briñol, Richard E. Petty & Javier Horcajo. 2019. Nonverbal Behavior of Persuasive Sources: A Multiple Process Analysis. *Journal of Nonverbal Behavior* 43(2): 203-231.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. 2005. Pendekatan Taghrīb dan Tarhīb dalam Penyampaian Dakwah. *Jurnal Usuluddin* 21: 117-138.
- Abdul Aziz Jum'ah Amin 2003. Fiqih Dakwah, Solo, EraIntermedia.
- Ainuddin Kamaruddin & Ahmad Effat Mokhtar. 2024. A Review of Factors Influencing Conversion to Islam Among Orang Asli in Malaysia. *Ulum Islamiyyah* 36(02): 83-88.
- Musthafa Malaikah & Samson Rahman. 2001. *Manhaj dakwah Yusuf al-Qaradhawi: harmoni antara kelembutan dan ketegasan*. Pustaka Al-Kautsar.

- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani Muhamad Faisal Ashaari, Nor Azlina Ibrahim. 2024. Pendekatan Pendakwah dalam Masyarakat Multi-Etnik: Kajian Kuantitatif di Sarawak. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 25(3): 26-38.
- Syamsiah Nur & Hasnawati Hasnawati. 2020. Metode Targhib Dan Tarhib Dalam Pendidikan Islam. *Al-Liqo: Jurnal Pendidikan Islam* 5(01): 64-77.
- Widayat Prihartanta. 2015. Teori-teori motivasi. *Jurnal Adabiya* 1(83): 1-14.
- Nurhamzah Risal Qori Amarullah. 2021. Implementation Of Targīb And Tarhīb Methods To Teach Aqidah And Akhlaq Subject In Madrasah.
- James B Stiff & Paul A Mongeau. 2016. *Persuasive communication*. Guilford Publications.
- Mansir Syarnubi, F., M. E. Purnomo, K. Harto & A. Hawi. 2021. Implementing Character Education In Madrasah. *Jurnal Pendidikan Islam* 7(1): 77-94.
- Nurul Izzatie Yusri & Khazri Osman. 2022. Uslub Targhib dan tarhib dalam surah Al-Mukminun. *Seminar Dakwah & wahdah Al-Ummah*, hlm.
- F. Zatari. 2021. Religion as a pillar for establishing a civilization: Al-Māwardī's perspective. *Journal of Islamic Thought and Civilization* 11(1): 240-257.
- Abdul Karim Zaydan. 2002. Usul al-Dakwah. *Terj. Solehan Ayub. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd:*

Muhammad Aiman Ismail
Siti Aishah Yahya
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka hubungan antara pendekatan self healing dan strategi daya tindak dalam kalangan mahasiswa Universiti Islam Selangor (UIS). Dalam konteks tekanan akademik dan sosial yang dihadapi oleh pelajar, pendekatan self healing dianggap sebagai satu cara untuk meningkatkan kesejahteraan mental dan emosi. Penyelidikan ini menggunakan metodologi kuantitatif dengan pengumpulan data melalui soal selidik yang melibatkan 40 responden. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara penggunaan strategi daya tindak berfokus masalah dan peningkatan dalam proses self healing. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa pelajar yang mengamalkan teknik self healing seperti meditasi dan refleksi diri menunjukkan tahap daya tindak yang lebih tinggi dalam menghadapi cabaran akademik. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak universiti dalam merancang program sokongan mental yang lebih berkesan untuk mahasiswa.

Kata kunci: Self Healing, Strategi Daya Tindak, Mahasiswa, Kesejahteraan Mental, Universiti Islam Selangor.

PENDAHULUAN

Dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia, khususnya di kalangan mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), pendekatan self healing yang diambil dari pemikiran Imam Al-Ghazali menjadi semakin relevan. Konsep self healing merujuk kepada proses pemulihan diri yang melibatkan aspek mental, emosi, dan spiritual. Imam Al-Ghazali, seorang cendekiawan Islam terkemuka, menekankan pentingnya pembersihan jiwa dan pengendalian diri sebagai jalan menuju kebahagiaan dan kesempurnaan hidup. Dalam karyanya yang terkenal, *Ihya Ulum al-Din*, beliau menggariskan pelbagai teknik dan amalan untuk mencapai keadaan ini, termasuk taubat, muhasabah, dan zikir.

Mahasiswa sering menghadapi tekanan akademik dan sosial yang boleh menjejaskan kesejahteraan mental mereka. Oleh itu, mengintegrasikan pendekatan self healing dalam strategi daya tindak mereka adalah penting untuk membina ketahanan mental dan emosi. Pendekatan ini tidak hanya memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah tetapi juga kepada pencegahan melalui pengembangan diri yang berterusan. Dalam kajian ini, kita akan meneroka hubungan antara pendekatan self healing menurut Imam Al-Ghazali dengan strategi daya tindak dalam kalangan mahasiswa KUIS.


KONSEP SELF HEALING

Menurut Imam Al-Ghazali, proses penyembuhan diri atau self-healing bermula dari hati. Beliau menekankan bahawa hati adalah pusat segala tindakan dan emosi manusia. Jika hati seseorang itu bersih, maka seluruh kehidupan mereka akan dipenuhi dengan ketenangan dan kebaikan. Oleh itu, beliau mencadangkan beberapa langkah penting dalam proses penyembuhan diri.

a) Penyucian Jiwa

Pertama, *tazkiyatun nafs* atau penyucian jiwa adalah langkah awal dalam self-healing. Penyucian ini melibatkan usaha untuk menghapuskan sifat-sifat tercela seperti hasad, dendam, dan sombong, serta menggantikan sifat-sifat tersebut dengan akhlak terpuji seperti keikhlasan, rendah hati, dan kasih sayang.

b) Muraqabah



Kedua, muraqabah atau kesedaran tentang kehadiran Allah. Dengan menyedari bahawa Allah sentiasa mengawasi, seseorang akan lebih berhati-hati dalam tindakan dan berusaha menjaga niat dengan ikhlas. Ini membawa kepada ketenangan batin kerana kebergantungan kepada Allah menjadikan jiwa lebih kuat menghadapi ujian hidup.

c) Muhasabah

Ketiga, muhasabah atau refleksi diri sangat penting dalam proses penyembuhan. Imam Al-Ghazali menganjurkan agar setiap hari, seseorang menilai perbuatannya, baik dari segi ibadah, hubungan dengan orang lain, mahupun pencapaian rohani. Muhasabah membantu seseorang menyedari kekurangan diri dan berusaha memperbaikinya.

d) Taubat dan Istighfar

Selain itu, taubat dan istighfar adalah terapi yang sangat penting. Taubat yang ikhlas bukan sahaja membersihkan dosa tetapi juga menenangkan hati yang gelisah akibat rasa bersalah. Dengan memohon ampun kepada Allah, seseorang merasa lebih dekat kepada-Nya, yang merupakan sumber kedamaian sejati.

e) Ibadah Sebagai Terapi Jiwa


Beliau juga menekankan pentingnya ibadah sebagai terapi jiwa. Solat, zikir, dan membaca Al-Qur'an adalah jalan untuk mendekati diri kepada Allah. Aktiviti ini memberikan ketenangan hati dan membangkitkan rasa kebergantungan yang mendalam kepada-Nya.

KONSEP STRATEGI DAYA TINDAK

Setiap daripada manusia terutamanya remaja mempunyai strategi daya tindak dari dalaman dirinya sendiri. Ketika wujudnya tekanan dan ketegangan dalam diri seseorang remaja, strategi daya tindak yang akan digunakan bagi memainkan peranan dalam mengurangkan atau menyederhanakan hubungan antara pemboleh ubah iaitu antara masalah yang dialami dengan usaha untuk melawan masalah tersebut (Kahn & Cooper 1986).

Menurut Salhah et al. (2011), dengan kemunculan pelbagai teori yang memperkatakan bagaimana seseorang berfikir dalam situasi stress, maka strategi daya tindak semakin relevan untuk dibincangkan di antaranya teori komtemporari iaitu Learned Helplessness Theory atau Teori Belajar Tidak Berdaya oleh Peterson dan Seligman (1984), dan Hopelessness Depression Theory oleh Abramson, dan merupakan aliran bar dalam psikologi yang dikenali sebagai Science of Positive Psychology telah dikemukakan oleh Seligman dan Csikszentmihalyi pada tahun 2000 juga menjadi membuka jalan ke arah kemajuan psikologi positif (positif psychology progress). Psikologi positif merujuk kepada kajian-kajian psikologi berkaitan dengan emosi positif, karektor positif dan institusi positif. Oleh itu, istilah daya tindak sama ada gaya daya tindak atau strategi daya tindak menjadi semakin relevan dengan gerakan aliran pemikiran daripada pasivisme kepada postivisme dalam mengkaji sesuatu fenomena berkaitan psikologi dan kaunseling.

Menurut Lazarus dan Folkman (1984), tekanan psikologi dalam diri remaja sebagai penghubung antara individu dengan persekitaran yang dinilai berpotensi akan membahayakan kesejahteraan psikologi remaja tersebut. Perhubungan antara individu dan persekitaran melibatkan dua proses yang kritikal dalam proses daya tindak mengatasi sesuatu masalah,



Penilaian Kognitif (Cognitive Appraisal) merupakan satu proses menilai bagi menentukan mengapa dan sejauh mana transaksi antara individu dan persekitaran yang tertekan.

Daya Tindak (Coping) merupakan satu proses individu yang menguruskan tuntutan terhadap hubungan individu dengan persekitaran dan emosi yang terhasil daripada keadaan yang berlaku.

Selain itu, penilaian kognitif melibatkan proses pengkategorikan pertemuan dan kepentingannya terhadap kesejahteraan individu yang terdiri daripada tiga proses peringkat penilaian iaitu Penilaian Primer (Primary Appraisal) yang berfungsi sebagai penilaian terhadap pertemuan sama ada tidak relevan, positif atau tertekan. Penilaian primer terhadap situasi tekanan individu akan membentuk tiga keadaan iaitu bahaya, ancaman dan cabaran. Oleh itu, penilai primer ini dilihat mampu menilai dan mengawal keadaan dan situasi yang dihadapi oleh individu. Manakala Penilaian Sekunder (Secondary Appraisal) adalah penentu apa yang perlu dilakukan, iaitu berfungsi sebagai penilai terhadap manfaat dan akibat daripada strategi daya tindak bergantung kepada matlamat individu dan halangan terhadap individu. Dengan itu, penilai sekunder ini dapat membimbing individu bagi menentukan strategi daya tindak yang spesifik untuk digunakan. Penilaian Semula (Reappraisal) adalah penilaian yang berulang berdasarkan maklumat baru yang diperolehi daripada persekitaran atau situasi individu. Keberkesanan strategi daya tindak dalam penilaian semula akan memberikan kebaikan bagi penyesuaian psikologi seseorang remaja (Lazarus & Folkman 1984).

Menurut Votta et al. (2003), dalam kajiannya mendapati bahawa jika seseorang remaja yang berhadapan dengan masalah dan tidak menggunakan strategi daya tindak, ini akan menambahkan lagi risiko untuk mengalami kemurungan. Oleh itu, dalam kajian ini menjelaskan strategi daya tindak yang digunakan oleh RHIN dalam menghadapi tekanan iaitu dari segi penyelesaian masalah, sokongan.

Penyelesaian Masalah


Definisi dan Strategi

Strategi penyelesaian masalah adalah pendekatan sistematik yang melibatkan tindakan teratur untuk mengatasi situasi yang mencabar dalam kehidupan seseorang. Tindakan yang terancang ini mampu memberikan hasil yang positif kepada remaja dalam jangka masa panjang (Folkman & Maskowitz, 2004).

Model Daya Tindak yang diperkenalkan oleh Lazarus dan Folkman menjelaskan bahawa daya tindak adalah proses dinamik yang tidak hanya tertumpu pada isu yang dihadapi, tetapi juga pada tahap tekanan yang perlu diuruskan. Ini menunjukkan bahawa remaja tidak hanya bertindak balas terhadap tekanan, tetapi juga dipengaruhi oleh cara mereka berfikir (penilaian kognitif) ketika berhadapan dengan masalah. Penilaian ini seterusnya mempengaruhi emosi individu (Lazarus & Folkman, 1984).

Kajian ini akan menganalisis secara mendalam strategi penyelesaian masalah yang digunakan oleh RHTN semasa kehamilan. Aspek yang akan dikaji termasuk cara berfikir, perancangan, dan usaha untuk menyelesaikan masalah dalam kalangan RHTN.

Sokongan Sosial



Sokongan sosial didefinisikan oleh Lazarus dan Folkman (1984) sebagai bantuan emosi, material, dan informasi daripada individu, kumpulan sosial, atau agensi perlindungan di sekeliling individu. Tujuan utama sokongan sosial adalah untuk mengawal tekanan yang dihadapi. Strategi daya tindak dalam konteks sokongan sosial melibatkan usaha untuk mendapatkan bantuan moral, simpati, dan pemahaman. Ketiga-tiga aspek ini berkait rapat dengan daya tindak kerana sokongan sosial melibatkan interaksi dengan keluarga, rakan-rakan, dan orang sekeliling untuk mendapatkan emosi positif serta mengurangkan tekanan.

Dalam konteks ini, individu yang mengalami tekanan, khususnya RHTN sebagai responden utama kajian ini, berusaha mendapatkan sokongan daripada orang terdekat untuk memahami dan merasakan tekanan yang mereka hadapi.

Ekspresi Emosi

Strategi daya tindak melalui ekspresi emosi juga dikenali sebagai penilaian semula kognitif, di mana individu melihat situasi dari perspektif positif. Remaja yang mengalami tekanan dapat memandang situasi tersebut sebagai sesuatu yang boleh mereka atasi. Keyakinan diri ini membolehkan mereka menghadapi dan menyelesaikan masalah dengan lebih baik.

Strategi fokus emosi merujuk kepada hubungan antara emosi dengan tekanan serta daya tindak. Tekanan dan daya tindak saling bergantung melalui reaksi psiko-fisiologi, termasuk penilaian kognitif, tindakan impulsif, dan pola reaksi somatik (Macguire, 2012).

Kajian ini akan meneliti strategi ekspresi emosi dalam kalangan RHTN, termasuk tahap kesedihan yang ditunjukkan, cara melepaskan tekanan, dan sejauh mana mereka meluahkan perasaan di media sosial.

Pengelakkan dari Masalah


Strategi mengelakkan dari masalah (*escaping-avoidance*) menggambarkan tindakan remaja untuk melarikan diri dari tekanan atau masalah sebagai cara untuk bertindak balas terhadap situasi tersebut. Remaja mungkin menghindari pemikiran tentang tekanan dengan menyibukkan diri melalui kerja, penggunaan alkohol, atau pengambilan dadah secara berlebihan (Macguire, 2012).

Strategi fokus masalah adalah teknik yang digunakan untuk mengubah keadaan tekanan dengan menilai situasi yang menyebabkan tekanan tersebut. Strategi ini dianggap adaptif kerana ia membantu remaja mengurus punca tekanan secara langsung. Terdapat dua kategori utama dalam strategi ini: strategi konfrontasi dan strategi penyelesaian masalah terancang (Mohd Razali, 2010).

Oleh itu, kajian ini akan mendalami strategi mengelakkan dari masalah yang digunakan oleh RHTN, termasuk kaedah menafikan masalah yang dihadapi, keluar bersama rakan-rakan, tidur lebih lama dari biasa, berhenti memikirkan masalah serta menghindari individu yang mungkin menimbulkan masalah bagi mereka.

Pendekatan Self Healing Dan Strategi Daya Tindak

Dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia, khususnya di kalangan mahasiswa Universiti Islam Selangor (UIS), pendekatan self healing yang diambil dari pemikiran Imam Al-Ghazali menjadi semakin relevan. Konsep self healing merujuk kepada proses pemulihan diri yang melibatkan aspek mental, emosi, dan spiritual. Imam Al-Ghazali, seorang cendekiawan Islam



terkemuka, menekankan pentingnya pembersihan jiwa dan pengendalian diri sebagai jalan menuju kebahagiaan dan kesempurnaan hidup. Dalam karyanya yang terkenal, *Ihya Ulum al-Din*, beliau menggariskan pelbagai teknik dan amalan untuk mencapai keadaan ini, termasuk taubat, muhasabah, dan zikir.

Mahasiswa sering menghadapi tekanan akademik dan sosial yang boleh menjejaskan kesejahteraan mental mereka. Oleh itu, mengintegrasikan pendekatan self healing dalam strategi daya tindak mereka adalah penting untuk membina ketahanan mental dan emosi. Pendekatan ini tidak hanya memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah tetapi juga kepada pencegahan melalui pengembangan diri yang berterusan. Dalam kajian ini, kita akan meneroka hubungan antara pendekatan self healing menurut Imam Al-Ghazali dengan strategi daya tindak dalam kalangan mahasiswa UIS.


Menurut Imam Al-Ghazali, proses penyembuhan diri atau self healing bermula dari hati. Beliau menekankan bahawa hati adalah pusat segala tindakan dan emosi manusia. Jika hati seseorang itu bersih, maka seluruh kehidupan mereka akan dipenuhi dengan ketenangan dan kebaikan. Oleh itu, beliau mencadangkan beberapa langkah penting dalam proses penyembuhan diri.

Pertama, tazkiyatun nafs atau penyucian jiwa adalah langkah awal dalam self healing. Penyucian ini melibatkan usaha untuk menghapuskan sifat-sifat tercela seperti hasad, dendam, dan sombong serta menggantikan sifat-sifat tersebut dengan akhlak terpuji seperti keikhlasan, rendah hati, dan kasih sayang. Kedua, muraqabah atau kesedaran tentang kehadiran Allah juga penting. Dengan menyedari bahawa Allah sentiasa mengawasi, seseorang akan lebih berhati-hati dalam tindakan dan berusaha menjaga niat dengan ikhlas. Ini membawa kepada ketenangan batin kerana kebergantungan kepada Allah menjadikan jiwa lebih kuat menghadapi ujian hidup.

Ketiga, muhasabah atau refleksi diri sangat penting dalam proses penyembuhan. Imam Al-Ghazali menganjurkan agar setiap hari seseorang menilai perbuatannya baik dari segi ibadah mahupun hubungan dengan orang lain. Muhasabah membantu seseorang menyedari kekurangan diri dan berusaha memperbaikinya. Selain itu, taubat dan istighfar juga merupakan terapi yang sangat penting. Taubat yang ikhlas bukan sahaja membersihkan dosa tetapi juga menenangkan hati yang gelisah akibat rasa bersalah. Dengan memohon ampun kepada Allah, seseorang merasa lebih dekat kepada-Nya yang merupakan sumber kedamaian sejati.

Selanjutnya, sabar dan syukur adalah dua sifat utama yang menyeimbangkan emosi manusia. Sabar dalam menghadapi ujian memberikan ketahanan jiwa manakala syukur menjadikan seseorang menghargai nikmat yang ada tanpa terlalu terfokus pada kekurangan. Beliau juga menekankan pentingnya ibadah sebagai terapi jiwa; solat, zikir, dan membaca Al-Qur'an adalah jalan untuk mendekati diri kepada Allah.

Dalam konteks strategi daya tindak, setiap individu terutamanya remaja mempunyai cara tersendiri untuk menghadapi tekanan. Ketika wujudnya tekanan dan ketegangan dalam diri seseorang remaja, strategi daya tindak akan memainkan peranan penting dalam mengurangkan atau menyederhanakan hubungan antara masalah yang dialami dengan usaha untuk melawan masalah tersebut. Menurut Lazarus dan Folkman (1984), tekanan psikologi dalam diri remaja berfungsi sebagai penghubung antara individu dengan persekitaran yang dinilai berpotensi membahayakan kesejahteraan psikologi mereka.



Proses penilaian kognitif melibatkan penilaian primer dan sekunder terhadap situasi tekanan individu yang seterusnya membentuk strategi daya tindak yang spesifik untuk digunakan. Penilaian primer berfungsi untuk menentukan sama ada situasi tersebut relevan atau tidak serta menilai bahaya atau ancaman yang mungkin timbul. Sementara itu, penilaian sekunder membantu individu menentukan langkah-langkah yang perlu diambil berdasarkan matlamat dan halangan yang dihadapi.

Strategi daya tindak dalam konteks ini merangkumi pelbagai pendekatan seperti penyelesaian masalah, sokongan sosial, ekspresi emosi, dan pengelakkan dari masalah. Strategi penyelesaian masalah adalah pendekatan sistematik untuk mengatasi situasi mencabar dalam kehidupan seseorang. Tindakan terancang ini mampu memberikan hasil positif kepada remaja dalam jangka masa panjang.

Sokongan sosial didefinisikan sebagai bantuan emosi, material, dan informasi daripada individu atau kumpulan sosial di sekeliling individu untuk mengawal tekanan yang dihadapi. Dalam konteks ini, individu yang mengalami tekanan berusaha mendapatkan sokongan daripada orang terdekat untuk memahami dan merasakan tekanan yang mereka hadapi.


Ekspresi emosi juga merupakan strategi penting di mana individu melihat situasi dari perspektif positif. Remaja yang mengalami tekanan dapat memandangi situasi tersebut sebagai sesuatu yang boleh mereka atasi melalui keyakinan diri. Sebaliknya, strategi pengelakkan dari masalah menggambarkan tindakan remaja untuk melarikan diri dari tekanan sebagai cara untuk bertindak balas terhadap situasi tersebut.

Secara keseluruhannya, pendekatan self healing menurut Imam Al-Ghazali bersama dengan strategi daya tindak menawarkan panduan komprehensif bagi mahasiswa UIS dalam menghadapi tekanan akademik dan sosial. Dengan mempraktikkan prinsip-prinsip ini serta mengembangkan strategi daya tindak yang efektif, mahasiswa tidak hanya dapat menyembuhkan diri tetapi juga meningkatkan hubungan mereka dengan Allah dan sesama manusia. Ini akan membantu mereka mencapai kesejahteraan mental secara keseluruhan serta membina ketahanan dalam menghadapi cabaran hidup di masa depan.

CADANGAN DAN RUMUSAN

Dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia, khususnya di kalangan mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), pendekatan self healing yang diambil dari pemikiran Imam Al-Ghazali menjadi semakin relevan. Konsep self healing merujuk kepada proses pemulihan diri yang melibatkan aspek mental, emosi, dan spiritual. Imam Al-Ghazali, seorang cendekiawan Islam terkemuka, menekankan pentingnya pembersihan jiwa dan pengendalian diri sebagai jalan menuju kebahagiaan dan kesempurnaan hidup. Dalam karyanya yang terkenal, **Ihya Ulum al-Din**, beliau menggariskan pelbagai teknik dan amalan untuk mencapai keadaan ini, termasuk taubat, muhasabah, dan zikir.

Mahasiswa sering menghadapi tekanan akademik dan sosial yang boleh menjejaskan kesejahteraan mental mereka. Oleh itu, mengintegrasikan pendekatan self healing dalam strategi daya tindak mereka adalah penting untuk membina ketahanan mental dan emosi. Pendekatan ini tidak hanya memberi tumpuan kepada penyelesaian masalah tetapi juga kepada pencegahan melalui pengembangan diri yang berterusan. Dalam kajian ini, kita akan meneroka hubungan antara pendekatan self healing menurut Imam Al-Ghazali dengan strategi daya tindak dalam kalangan mahasiswa KUIS.



Proses penyembuhan diri menurut Imam Al-Ghazali bermula dari hati. Beliau menekankan bahawa hati adalah pusat segala tindakan dan emosi manusia. Jika hati seseorang itu bersih, maka seluruh kehidupan mereka akan dipenuhi dengan ketenangan dan kebaikan. Penyucian jiwa atau tazkiyatun nafs adalah langkah awal dalam self healing yang melibatkan usaha untuk menghapuskan sifat-sifat tercela seperti hasad, dendam, dan sombong serta menggantikan sifat-sifat tersebut dengan akhlak terpuji seperti keikhlasan, rendah hati, dan kasih sayang.

Selanjutnya, muraqabah atau kesedaran tentang kehadiran Allah juga memainkan peranan penting. Dengan menyedari bahawa Allah sentiasa mengawasi, seseorang akan lebih berhati-hati dalam tindakan dan berusaha menjaga niat dengan ikhlas. Ini membawa kepada ketenangan batin kerana kebergantungan kepada Allah menjadikan jiwa lebih kuat menghadapi ujian hidup. Muhasabah atau refleksi diri adalah langkah seterusnya yang sangat penting dalam proses penyembuhan. Imam Al-Ghazali menganjurkan agar setiap hari seseorang menilai perbuatannya baik dari segi ibadah mahupun hubungan dengan orang lain.

Taubat dan istighfar juga merupakan terapi yang sangat penting dalam proses self healing. Taubat yang ikhlas bukan sahaja membersihkan dosa tetapi juga menenangkan hati yang gelisah akibat rasa bersalah. Dengan memohon ampun kepada Allah, seseorang merasa lebih dekat kepada-Nya, yang merupakan sumber kedamaian sejati. Selain itu, sabar dan syukur adalah dua sifat utama yang menyeimbangkan emosi manusia. Sabar dalam menghadapi ujian memberikan ketahanan jiwa manakala syukur menjadikan seseorang menghargai nikmat yang ada tanpa terlalu terfokus pada kekurangan.

Pendekatan ini juga menekankan pentingnya ibadah sebagai terapi jiwa. Aktiviti seperti solat, zikir, dan membaca Al-Qur'an bukan sahaja mendekatkan individu kepada Allah tetapi juga memberikan ketenangan hati. Menjaga hubungan sosial dengan husnuzan (berbaik sangka) dan memaafkan orang lain adalah elemen penting dalam self healing. Imam Al-Ghazali percaya bahawa hati yang bebas daripada dendam dan kebencian akan lebih tenang dan bahagia.

Dalam konteks strategi daya tindak, setiap individu terutamanya remaja mempunyai cara tersendiri untuk menghadapi tekanan. Ketika wujudnya tekanan dan ketegangan dalam diri seseorang remaja, strategi daya tindak akan memainkan peranan penting dalam mengurangkan atau menyederhanakan hubungan antara masalah yang dialami dengan usaha untuk melawan masalah tersebut. Menurut Lazarus dan Folkman (1984), tekanan psikologi dalam diri remaja berfungsi sebagai penghubung antara individu dengan persekitaran yang dinilai berpotensi membahayakan kesejahteraan psikologi mereka.

Proses penilaian kognitif melibatkan penilaian primer dan sekunder terhadap situasi tekanan individu yang seterusnya membentuk strategi daya tindak yang spesifik untuk digunakan. Penilaian semula pula adalah penilaian berulang berdasarkan maklumat baru dari persekitaran atau situasi individu. Kajian menunjukkan bahawa jika remaja tidak menggunakan strategi daya tindak ketika menghadapi masalah, risiko untuk mengalami kemurungan akan meningkat.

Secara keseluruhannya, pendekatan self healing menurut Imam Al-Ghazali menawarkan panduan komprehensif bagi mahasiswa KUIS dalam menghadapi tekanan akademik dan sosial. Dengan mempraktikkan prinsip-prinsip ini serta mengembangkan strategi

daya tindak yang efektif, mahasiswa tidak hanya dapat menyembuhkan diri tetapi juga meningkatkan hubungan mereka dengan Allah dan sesama manusia. Ini akan membantu mereka mencapai kesejahteraan mental secara keseluruhan serta membina ketahanan dalam menghadapi cabaran hidup di masa depan.

KESIMPULAN

Dalam konteks pendidikan tinggi di Malaysia, khususnya di kalangan mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), pendekatan self healing yang diambil dari pemikiran Imam Al-Ghazali menjadi semakin relevan. Konsep ini melibatkan proses pemulihan diri yang menyentuh aspek mental, emosi, dan spiritual. Imam Al-Ghazali menekankan pentingnya penyucian jiwa dan pengendalian diri sebagai jalan menuju kebahagiaan dan kesempurnaan hidup. Melalui teknik seperti taubat, muhasabah, dan zikir, mahasiswa dapat membangun ketahanan mental dan emosi dalam menghadapi tekanan akademik dan sosial.


Penyucian jiwa (tazkiyatun nafs) adalah langkah awal dalam self-healing, yang melibatkan penghapusan sifat-sifat negatif dan penggantian dengan akhlak terpuji. Selain itu, muraqabah (kesedaran tentang kehadiran Allah) dan muhasabah (refleksi diri) juga merupakan elemen penting dalam proses ini. Taubat dan istighfar berfungsi sebagai terapi jiwa yang membantu individu mendekati diri kepada Allah dan meraih kedamaian.

Dalam kajian ini, hubungan antara pendekatan self healing menurut Imam Al-Ghazali dengan strategi daya tindak mahasiswa KUIS telah diterokai. Strategi daya tindak ini melibatkan penilaian kognitif terhadap situasi tekanan serta pengurusan emosi yang timbul. Penilaian primer dan sekunder membantu individu menentukan tindakan yang sesuai untuk mengatasi masalah. Kajian menunjukkan bahawa tanpa strategi daya tindak yang efektif, remaja berisiko tinggi mengalami kemurungan.

Secara keseluruhan, pendekatan self healing yang digariskan oleh Imam Al-Ghazali menawarkan panduan komprehensif untuk mencapai kesejahteraan mental dan emosi. Dengan mengamalkan prinsip-prinsip ini, mahasiswa tidak hanya dapat menyembuhkan diri tetapi juga meningkatkan hubungan dengan Allah dan sesama manusia.

RUJUKAN

- Folkman, S., & Moskowitz, J. T. 2004. Coping: Pitfalls and Promise. In *Annual Review of Psychology*, 55(1), 745-774.
- Imam Al-Ghazali, *Ihya Ulum al-Din*.
- Kahn, R., & Cooper, C. L. 1986. *Stress in Organizations*. London: Sage Publications.
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. 1984. *Stress, Appraisal, and Coping*. New York: Springer Publishing Company.
- Macguire, J. (2012). Emotional Expression and Coping Strategies in Adolescents. In *Journal of Adolescent Research*, 27(6), 715-738.
- Mohd Razali, N. 2010. *Coping Strategies Among Adolescents Facing Stress*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.
- Peterson, C., & Seligman, M. E. P. 1984. Learned Helplessness Theory. In *Psychological Bulletin*, 96(2), 247-262.
- Seligman, M. E. P., & Csikszentmihalyi, M. 2000. *Positive Psychology: An Introduction*.



In American Psychologist, 55(1), 5-14.
Votta, L., et al. 2003. The Role of Coping Strategies in Adolescent Depression. In Journal of Youth and Adolescence, 32(5), 373-385.

14

**PEMERKASAAN KEMAHIRAN TEKNOLOGI DIGITAL WANITA MUSLIMAH
DALAM PERSEKITARAN KERJA DARI RUMAH**

Empowering Muslim Women's Digital Technology Skills in a Work from Home Environment

Nurhaziqah Hishamudin

168

A'dawiyah Ismail

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia

ABSTRAK

Perkembangan teknologi digital telah membawa perubahan besar kepada wanita muslimah untuk menyesuaikan diri dengan keperluan semasa dalam kehidupan, kerjaya dan dakwah. Persekitaran kerja dari rumah yang menjadi kebiasaan pasca pandemik COVID-19 turut memberi peluang kepada wanita muslimah untuk menyumbang secara aktif dalam bidang profesional dan sosial melalui platform digital. Kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana pemeraksanaan kemahiran teknologi digital dapat membina keyakinan, meningkatkan keberdayaan wanita muslimah, khususnya dalam mengekalkan peranan mereka sebagai individu produktif tanpa mengabaikan tanggungjawab sebagai isteri, ibu dan ahli masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual separa berstruktur daripada wanita muslimah yang terlibat amalan bekerja dari rumah, khususnya dalam sektor pendidikan dan pentadbiran. Hasil kajian menunjukkan tiga tema penting bagi memperkasakan kemahiran teknologi digital wanita muslimah ketika bekerja dari rumah iaitu mengetahui kekerapan penggunaan teknologi digital, keyakinan dan kemandirian digital serta peranan nilai Islam dalam pemeraksanaan wanita muslimah. Kajian ini menyarankan pemeraksanaan teknologi digital bukan sahaja sebagai alat pembangunan kerjaya, tetapi juga sebagai platform untuk menyampaikan nilai-nilai Islam secara berkesan dari rumah di era kerja fleksibel.

Kata kunci: wanita muslimah, teknologi digital, kerja dari rumah, pemeraksanaan

ABSTRACT


The development of digital technology has brought about major changes for Muslim women to adapt to current needs in life, career and da'wah. The work from home environment that has become the norm after the COVID-19 pandemic also provides opportunities for Muslim women to contribute actively in the professional and social fields through digital platforms. This study aims to examine how the empowerment of digital technology skills can build confidence, increase the empowerment of Muslim women, especially in maintaining their roles as productive individuals without neglecting their responsibilities as wives, mothers and members of society. This study uses a qualitative method through semi-structured interviews with Muslim women involved in the practice of working from home, especially in the education and administration sectors. The results of the study show three important themes for empowering Muslim women's digital technology skills when working from home, namely knowing the frequency of use of digital technology, digital confidence and independence and the role of Islamic values in the empowerment of Muslim women. This study suggests the empowerment of digital technology not only as a career development tool, but also as a platform to effectively convey Islamic values from home in the era of flexible work.

Keywords: Muslim women, digital technology, work from home, empowerment

PENGENALAN

Perubahan drastik dalam struktur kerja moden telah menyaksikan peningkatan ketara dalam amalan kerja dari rumah (BDR). Bagi wanita muslimah, perubahan ini membawa cabaran dan peluang baharu, terutamanya dalam konteks penggunaan teknologi digital. Pemeraksanaan kemahiran digital bukan sahaja penting untuk kelangsungan tugas, tetapi juga merupakan sebahagian daripada pembangunan profesional jangka panjang. Kemajuan teknologi digital telah mengubah landskap pekerjaan secara global. Fenomena bekerja dari rumah (BDR) bukan sahaja menjadi alternatif kerja yang lebih fleksibel, malah berperanan penting dalam merangsang perkembangan kemahiran dalam kalangan wanita. Wanita muslimah yang terlibat dalam BDR didapati semakin mahir menggunakan teknologi untuk melaksanakan tugas, berinteraksi dengan rakan sekerja dan mengakses maklumat secara dalam talian.

Menurut Nippert-Eng (2008), bekerja dari rumah menjadi satu fenomena kesan daripada pandemik COVID-19. COVID-19 telah membuka mata dunia untuk mengamalkan amalan bekerja dari rumah. Kebanyakan negara maju melaksanakan BDR sebelum pandemik COVID-19 lagi kerana BDR merupakan amalan kerja yang fleksibel dan mendapat permintaan ramai



pekerja (Bouzol-Broitman et al. 2016). Secara umumnya bekerja jarak jauh ditakrifkan sebagai pekerjaan yang dibayar gaji dan kebanyakannya dilakukan dari rumah iaitu sekurang-kurangnya 20 jam seminggu. Perkembangan teknologi digital yang pesat dan suasana persekitaran kerja pada abad ke-21 telah mengubah konsep tempat kerja dengan budaya bekerja di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja (Varty, O'Neill & Hambley 2017).


Pelaksanaan BDR pada era 80-an pula menunjukkan hasrat menyeimbangkan antara kerjaya dan keluarga sebagai antara faktor utama (Oswar Mungkasa 2020). Manakala era 90-an menyaksikan keperluan untuk mengurus waktu dan ruang bekerja secara fleksibel untuk meningkatkan keberkesanan dan produktiviti menjadi antara faktor pekerja memilih BDR (Oswar Mungkasa 2020). BDR mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. Ketika berlakunya pandemik COVID-19, kebanyakan pekerja dan majikan melaksanakan BDR secara terpaksa kerana tidak bersedia. Oleh sebab itu, prestasi kerja memberi pelbagai pengalaman yang baik dan sebaliknya kepada pekerja. BDR dari sudut yang positifnya menjadikan pekerja lebih rapat dengan keluarga, menjimatkan masa, tenaga dan kos perjalanan ke pejabat. Namun dari sudut negatifnya pengkaji menjelaskan tentang ketidakcukupan infrastruktur digital, kurang berinteraksi antara satu sama lain, konflik kerja dan kehidupan, intensifikasi beban pelbagai peranan dan gangguan pelbagai arah menjadi kebimbangan kepada pekerja BDR. Walaupun terdapat polisi yang disediakan namun polisi tersebut perlu sesuai dengan keadaan pekerjaan masing-masing (Dzurizah, Olver Valentine Eboy & Marsitah 2022). Bekerja dari Rumah (BDR) menjadi pilihan atas keperluan untuk memutuskan rantai jangkitan susulan penyebaran wabak COVID-19. Pelaksanaan bekerja dari rumah (BDR) pada masa kini berkemungkinan akan berterusan untuk tahun-tahun berikutnya. Sejarah BDR menunjukkan amalan ini pernah dilaksanakan tidak hanya untuk menangani pandemik tetapi juga atas pelbagai faktor lain.

Di Malaysia, jurang gender dalam kepimpinan masih wujud, khususnya dengan peratusan penyertaan wanita yang rendah dalam kerjaya bukan tradisional dan proses membuat keputusan. Menurut Noor Ismawati (2021), kerajaan telah memperkenalkan dasar penyertaan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita dalam kedudukan kepimpinan dan pembuat keputusan. Namun begitu, meskipun sasaran tersebut ditetapkan untuk dicapai menjelang tahun 2016, pencapaiannya masih belum direalisasikan sehingga kini, meskipun tempoh yang disasarkan telah lama berlalu.

Perubahan gaya hidup dan pekerjaan akibat revolusi digital serta pandemik COVID-19 telah membawa kepada peralihan besar dalam cara masyarakat berfungsi. Salah satu perubahan ketara ialah kemunculan budaya kerja dari rumah atau *remote working*, yang menjadi norma baharu dalam banyak sektor. Dalam konteks wanita muslimah, fenomena ini memberikan ruang fleksibel untuk menyumbang kepada dakwah serta ekonomi kepada keluarga dan masyarakat tanpa menjejaskan tanggungjawab tradisional dalam rumahtangga. Namun, keberkesanan penglibatan wanita dalam konteks ini sangat bergantung kepada tahap penguasaan teknologi digital. Oleh itu, pemerksaan dalam aspek ini menjadi satu keperluan penting.

Artikel ini meninjau bagaimana pemerksaan kemahiran teknologi digital dalam kalangan wanita muslimah dapat menyumbang kepada pembangunan diri, kerjaya, dan peranan sosial terutamanya dalam persekitaran kerja dari rumah. Ia juga membincangkan peluang yang wujud serta mengemukakan cadangan ke arah pembangunan bersepadu.

SOROTAN LITERATUR



Kajian lepas menunjukkan bahawa wanita sering menghadapi cabaran dalam akses teknologi dan latihan digital (Saroj 2024). Namun, kajian menunjukkan bahawa dalam persekitaran yang menyokong, wanita muslimah mampu menyesuaikan diri dengan cepat dan membina kemahiran baharu. Teknologi digital yang digunakan dalam persekitaran kerja dari rumah (BDR) memberi ruang kepada pembelajaran sendiri, bimbingan dan dakwah, kolaborasi maya dan peningkatan produktiviti (OECD 2020).

Bekerja dari Rumah (BDR) adalah salah satu alternatif untuk mengatur kerja yang boleh ditakrifkan sebagai kerja yang boleh dilakukan dari rumah iaitu jauh dari tempat kerja tradisional seperti kilang atau pejabat yang membolehkan pekerja mengakses aktiviti buruh mereka melalui penggunaan teknologi maklumat (Nilles 1997; Perez et al. 2003). Melalui artikel yang dikeluarkan oleh International Labour Organization (2020), BDR ialah satu aturan kerja di mana pekerja memenuhi tanggungjawab penting dalam pekerjaannya semasa tinggal di rumah, menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Dalam konteks pandemik COVID-19, istilah bekerja dari rumah digunakan untuk merujuk secara unik kepada telekerja di rumah sebagai pengaturan kerja alternatif sementara. Ini memerlukan tanggungjawab dan komitmen bersama oleh kedua-dua majikan dan pekerja untuk memastikan kesinambungan perniagaan dan pekerjaan. Manakala di Malaysia, Bekerja Dari Rumah (BDR) atau *Work from Home* (WFH) menurut Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (2020) dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 adalah pegawai melaksanakan tugas hakiki atau tugas-tugas rasmi lain dari rumah.

BDR juga disebut dengan istilah telekomunikasi (*telecommuting*), telekerja (*telework*), bekerja dari rumah (*work from home*), kerja hibrid (*hybrid work*) sebagai amalan kerja dari rumah seseorang atau ruang selain di pejabat (Bellmann & Hubler 2020). Istilah-istilah itu dipelbagaikan dan dibentuk oleh kata kerja jauh atau *remote work* (Patricia Lyon 1991). Gaya kerja ini bergantung kepada keadaan seseorang atau institusi dalam tempoh sementara atau jangka panjang sebagai ganti kepada cara tradisional atau kebiasaan yang berlaku. Istilah kerja jauh dalam konteks ini iaitu definisi yang cukup luas serta sukar untuk dibuat. Walau bagaimanapun satu takrifan bagi kerja jauh adalah kerja dilakukan oleh individu semasa berada di lokasi yang berbeza daripada orang yang menyelia secara langsung atau orang yang membayarnya. Tumpuan kerja jauh ini adalah pada pekerja individu bukan pada syarikat (Patricia Lyon 1991).

Sungguhpun begitu, terdapat beberapa perbezaan kepada istilah-istilah ini antaranya individu tertentu mungkin memikirkan pengaturan sementara manakala individu lain mungkin memikirkan pengaturan yang berlangsung dalam tempoh masa yang panjang. Bekerja dari Rumah (BDR) atau *Work from Home* (WFH) dianggap sebagai telekerja (*telework*) berasaskan rumah. Perbezaan antara kedua-dua jenis kerja ini ialah mereka boleh bekerja dari pelbagai lokasi yang jauh dari tapak kerja utama atau premis majikan seperti kerja bergerak. Tambahan pula, telekomunikasi (*telecommuting*) ialah istilah yang merujuk kepada menggunakan telekomunikasi sebagai alternatif kepada perjalanan komuter. Oleh yang demikian, terdapat perbezaan yang ketara antara telekerja (*telework*) dengan telekomunikasi (*telecommuting*). Hal ini demikian kerana telekerja (*telework*) adalah bentuk kerja yang lebih luas. Untuk tujuan ini, istilah telekerja dan telekomunikasi digunakan secara silih berganti (International Labour Organization 2020). Kesimpulannya Bekerja dari Rumah atau *Work from Home* merupakan salah satu istilah yang dibentuk daripada maksud kerja jauh atau *remote work*.

Haslinda (2023) menyatakan bahawa wanita muslimah memainkan peranan penting dalam pembangunan keluarga dan masyarakat, dan kemahiran teknologi meningkatkan produktiviti serta keyakinan diri. Sinar Harian (2024) memfokuskan pentingnya latihan digital untuk wanita dalam sektor informal bagi menjamin kelestarian ekonomi isi rumah. Namun, kajian yang secara spesifik meneliti wanita Muslimah dalam konteks kerja dari rumah masih terhad, apatah lagi yang menggabungkan elemen pembangunan diri, kerjaya dan nilai-nilai Islam secara holistik.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana berasaskan kepada perkataan dan dibina menggunakan huraian dan pelaporan secara frasa demi frasa (*verbatim*) tanpa sebarang elemen perangkaan (Ghazali & Sufean 2016; Miles & Huberman 1994). Justeru itu, kajian ini menggunakan reka bentuk fenomenologi untuk meneliti pengalaman wanita muslimah menggunakan teknologi digital ketika bekerja dari rumah (BDR). Kaedah ini penting kerana pengkaji cuba memahami sesuatu isu atau konteks secara mendalam suasana yang memerlukan kepada interaksi secara langsung dengan konteks kajian (Norman & Yvona 1994). Reka bentuk fenomenologi ini bertujuan memahami tindakan dan pengalaman subjektif peserta kajian dalam bentuk perbincangan yang merupakan cara terbaik menceritakan kisah hidup mereka ketika fenomena itu berlaku (Merriam & Tisdell 2015).

Persampelan

Kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah untuk memilih wanita muslimah yang bekerja dari rumah di Malaysia. Peserta diambil secara rawak mengikut tahap pendidikan, status pekerjaan, wanita yang bekerja dari rumah mempunyai pelbagai komitmen termasuk menjadi pencari nafkah dan peranan penting dalam keluarga masing-masing. Kaedah temu bual dijalankan melalui Kumpulan Fokus (FGD) melibatkan 11 pihak wanita berkepentingan dan pihak yang boleh memberi maklumat tentang penggunaan peralatan digital oleh wanita bekerja dari rumah. Peserta kajian terdiri daripada kakitangan dalam sektor swasta dan kerajaan mewakili bidang pengurusan dan profesional, perkhidmatan dan sokongan. Persetujuan peserta kajian terhadap topik yang dibincangkan, sekali gus membolehkan pengkaji memperoleh kata sepakat berdasarkan respons mereka. Segala bentuk perbincangan hendaklah direkodkan dengan kebenaran peserta kajian (Ahmad Sunawari, 2015).

Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual semi struktur untuk mendapatkan data dan maklumat (Ahmad Munawar & Mohd. Nor Shahizan 2014). Soalan temu bual dibangunkan berdasarkan kajian literatur untuk mengkaji penguasaan peralatan teknologi kepada wanita muslimah ketika bekerja dari rumah. Pengkaji menggunakan jenis soalan temu bual semi-struktur (Othman 2006). Justeru itu, soalan terbuka yang lain turut disertakan untuk mengetahui pengalaman kehidupan harian peserta kajian. Jenis temu bual yang dijalankan oleh pengkaji adalah temu bual melalui perbincangan kumpulan fokus (FGD). Pengkaji membahagikan 11 orang peserta kajian yang ditemu bual kepada dua kumpulan FGD untuk menemu bual peserta kajian iaitu lima orang dari kumpulan satu dan enam orang untuk kumpulan dua. Ciri-ciri demografi mereka adalah umur, status perkahwinan, bangsa, tahap pendidikan, sektor perkhidmatan, pekerjaan, anggaran jumlah pendapatan serta saiz isi rumah bagi mengetahui situasi wanita yang bekerja dari rumah secara lebih mendalam. Temu bual dijalankan dalam

bahasa Melayu dan video dirakam untuk tujuan analisis data. Video yang telah direkodkan kemudian ditranskripsikan secara verbatim.

Analisis Data

Kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik untuk menganalisis data temu bual perbincangan kumpulan fokus (FGD). Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tema secara terperinci dimulakan dengan proses memahami data, pengekodan, mencari tema, menyemak tema, menentukan dan menamakan tema serta menulis. Analisis tematik merujuk kepada pengenalan pola kaedah dan analisis dalam data kualitatif untuk membuat makna daripadanya. Terdapat enam tahap analisis yang dimulai dengan memahami data (*familiarisation with data*), pengekodan (*coding*), mencari tema (*searching for themes*), menyemak tema (*reviewing themes*), menentukan dan menamakan tema (*defining and naming themes*) serta menulis (*writing up*) (Braun & Clarke 2006). Untuk memastikan kesahihan dan kredibiliti penemuan kami, transkrip telah dibaca beberapa kali oleh penyelidik untuk mendapatkan pemahaman keseluruhan tentang maksud. Pendapat berbeza tentang pengekodan dan tema telah diselesaikan melalui perbincangan dalam kumpulan penyelidik.

Transkrip verbatim dianalisis melalui perisian ATLAS.ti 23 untuk melalui proses pengekodan mengikut tema. Subtema juga ditentukan berdasarkan transkripsi verbatim yang diperoleh. Pengkaji memuat naik transkripsi verbatim dalam perisian untuk melakukan proses permulaan kod, pembentukan kategori dan tema. Pengkaji mengeluarkan tema yang sesuai dan menggabungkan tema yang hampir sama bagi memudahkan perbincangan analisis. Melalui perisian ATLAS.ti versi 23 juga pengkaji dapat membina lakaran keseluruhan kajian mengikut tema-tema yang dikeluarkan.

HASIL DAN PERBINCANGAN


Berdasarkan analisis data, pengkaji dapat mengenalpasti tiga tema penting bagi memperkasakan kemahiran teknologi digital wanita muslimah ketika bekerja dari rumah iaitu mengetahui kekerapan penggunaan teknologi digital, keyakinan dan kemandirian digital serta peranan nilai Islam dalam pemerksaan wanita muslimah.

Kekerapan penggunaan Teknologi Digital

Persekitaran kerja dari rumah bukan sahaja mengubah cara wanita bekerja, tetapi turut mencorak bagaimana mereka belajar dan berkembang. Pemerksaan kemahiran digital berlaku apabila wanita diberi kepercayaan, akses teknologi dan masa untuk menyesuaikan diri. Kajian ini menyokong pandangan bahawa pembangunan teknologi harus disertai dengan pendekatan inklusif yang mengambil kira keperluan jantina dan fleksibiliti kerja. Suasana kerja yang baik boleh mendorong manusia untuk melakukan segala pekerjaan dengan tahap kepuasan yang tinggi (Sony & Mekoth 2016). Wanita BDR memperoleh keserasian diri melalui penggunaan teknologi digital ketika bekerja dari rumah kerana perlu menggunakannya secara kerap. Hal ini dialami oleh PK9;

“...technology saving, masa ni lah kita mengenal bahawa boleh berurusan dengan sesiapa saja melalui teknologi kalau sebelum ni kita ingat meeting tu kena hadir...” (PK2)

“...adalah sangat penting dengan adanya interaksi dalam alam maya melalui penggunaan teknologi saya melihat ini sebagai satu *solution*...” (PK3)



“Kita dapat kemahiran menggunakan teknologi menggunakan aplikasi terkini seperti medium untuk live secara dalam talian dan macam-macam medium lagi kita dah lebih mahir...” (PK9)

Berdasarkan temu bual PK3 dan PK9, wanita muslimah yang bekerja dari rumah mula menggunakan aplikasi dan platform digital seperti *Google Meet*, *Zoom*, *Microsoft Teams* dan pelbagai sistem pengurusan kerja. Ini menunjukkan berlaku peningkatan dalam tahap literasi digital, penggunaan pelbagai aplikasi dan platform digital seperti sistem pengurusan pembelajaran, perisian persidangan video dan alatan kolaboratif dalam talian serta kesediaan mereka menyesuaikan diri dengan keperluan kerja baharu. Kemahiran teknikal mereka berkembang melalui latihan dalaman, tutorial dalam talian dan percubaan sendiri.

Wanita yang bekerja dari rumah boleh memantau kerja melalui sistem dan menjadi lebih kreatif dalam mempelajari teknologi digital walaupun secara berperingkat. Ini menunjukkan wanita muslimah berusaha untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran digital supaya dapat memudahkan kerja secara dalam talian. Menurut Li Van Vugt dan Colarelli (2017), perubahan kitaran hidup manusia berlaku dengan lebih pantas disebabkan oleh kemajuan dunia yang semakin maju. Situasi ini semakin ketara selari dengan dunia yang semakin canggih melakukan pengadaptasian teknologi digital pada zaman sekarang. Tambahan lagi, wanita muslimah yang bekerja dari rumah dapat mempelajari kemahiran baru yang belum diterokai secara mendalam. Sebelum amalan bekerja secara fleksibel ini dilakukan secara meluas, tugas di pejabat kebanyakannya dilakukan secara manual dan sebahagian lagi menggunakan sistem untuk memudahkan tugas. Namun begitu, perubahan teknologi mendorong pelbagai usaha dalam penyelidikan dan komuniti perindustrian untuk menggunakan teknologi supaya boleh memudahkan kerja orang ramai (Nasajpour 2020). Oleh itu, dengan adanya teknologi yang memudahkan kerja wanita muslimah yang bekerja dari rumah membolehkan mereka lebih tenang dan senang untuk melakukan kerja dari rumah.


Keyakinan dan Kemandirian Digital

Wanita menyatakan bahawa pengalaman kerja dari rumah memberi mereka keyakinan untuk menyelesaikan masalah teknikal tanpa bergantung kepada pihak lain. Hal ini membina kemandirian digital dan meningkatkan kebolehan membuat keputusan berkaitan teknologi.

“Kelebihan dia, guru atau pensyarah boleh memantau dalam satu sistem portal daripada secara fizikal pergi cari sorang-sorang pelajar...” (PK3)

“Yang tak tahu ICT perlahan-lahan belajar cara untuk buat perbentangan, macam mana nak mengajar, sebelum ni kita berdepan sekarang kena bersemuka alam maya, jadi kena ada bahan, jadi yang ni wanita akan lebih kreatif...” (PK11)

Berdasarkan temu bual PK3 dan PK11, menunjukkan bahawa bekerja dari rumah bukan sahaja mengekalkan produktiviti kerja tetapi juga berperanan sebagai platform pembelajaran dinamik bagi wanita. Tambahan pula, majoriti individu menggunakan teknologi mudah ahli bagi menjana maklumat (Mohd Norakmar 2021). Penggunaan teknologi secara berterusan telah mendorong peningkatan literasi digital yang penting dalam kerjaya masa hadapan. Di samping itu, pembangunan kemahiran profesional secara sendiri menunjukkan keupayaan wanita untuk terus bersaing dan berkembang dalam dunia kerja digital (Alghamdi et al. 2022). Peserta kajian dapat meningkatkan kemahiran komunikasi digital, pengurusan masa, penggunaan perisian produktiviti dan kreativiti dalam menyediakan bahan pembentangan (Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 2024). Ini menunjukkan bahawa BDR menyediakan ruang untuk



pembelajaran berterusan secara tidak formal. Strategi seperti penjadualan masa, sokongan rakan sekerja, dan pembelajaran berasaskan projek digunakan untuk menyesuaikan diri dengan keperluan teknologi kerja dari rumah. Pemerksaan berlaku apabila wanita diberi ruang untuk mencuba, gagal dan belajar dalam suasana kerja yang fleksibel.

Peranan Nilai Islam dalam Pemerksaan

Nilai Islam seperti amanah, ihsan dan kesederhanaan sangat membantu mereka mengurus kerja dari rumah dengan lebih teratur. Wanita muslimah yang bekerja dari rumah secara tidak langsung turut berpeluang menggunakan ruang ini untuk menyampaikan mesej dakwah secara tidak langsung, seperti melakukan ibadah bersama-sama keluarga di rumah serta menyampaikan dan memberi contoh kepada kaum wanita dalam pengurusan diri di media sosial.

“...saya sangat bersyukur lepastu dapat solat bersama, solat berjemaah bersama-sama, lepastu dari segi spiritual pun alhamdulillah sikit sebanyak Allah bagi kita kesempatan untuk kita apa buat benda yang kita sebelum ni tak sempat, kita rasa tak sempat walaupun benda tu adalah kita perlu wajihkan kepada diri kita...” (PK2)

“Ok dari segi dalam berkaitan dengan pendekatan agama alhamdulillah satunya yang memberi kesan yang sangat mendalam lah kita mempunyai banyak ruang untuk berhubungan dengan Allah Taala dari sudut aa solat berjemaah...” (PK5)

“...kelebihan bila kita berada dalam satu rumah, anak-anak, suami semua ada sebab suami saya bab ibadah sedikit strict lah, maksudnya lima waktu solat mesti jemaah jadi kalau kita teralit, lagha buat kerja kan. Dia kata ok tutup semua standby untuk solat. Jadi anak-anak pun kena bentang sejadah 5 waktu daripada matsuratnya dengan hafazan quran semua tu lah memang cantik lah bab yang tu...” (PK 7)

“...semua memang pakat buat berjemaah di rumah...” (PK11)

Berdasarkan temu bual PK2, PK5, PK7 dan PK11 menunjukkan wanita muslimah mempunyai masa untuk beribadah lebih lama ketika bekerja dari rumah. Sebagai umat Islam, ibadah seperti solat lima waktu, puasa di bulan Ramadan, mengeluarkan zakat serta menunaikan haji adalah menjadi kewajipan untuk menjadi mukmin dan merupakan simbol kepada pengabdian diri kepada Allah SWT (Salasiah 2015). Sehubungan dengan itu, ibadah mesti dilaksanakan walaupun dalam pelbagai situasi. Kajian Borhannudin et al. (2022) turut mendapati bahawa pengamalan hidup beragama seperti solat fardu setiap hari dan sebagainya mampu merealisasikan tuntutan maqasid al-syariah dalam memelihara agama, nyawa dan akal. Penggunaan teknologi digital ketika bekerja dari rumah memberikan kelebihan kepada wanita muslimah untuk bekerja dan menjaga hubungan keluarga. Ini jelas dapat memperkasakan pengukuhan dari segi luaran dan spiritual kepada umat Islam kerana mempunyai masa yang fleksibel untuk melakukan ibadah harian bersama keluarga di rumah.

KESIMPULAN

Pemerksaan kemahiran teknologi digital wanita muslimah dalam persekitaran kerja dari rumah merupakan aspek penting dalam pembangunan sumber manusia masa kini. Organisasi perlu menyediakan platform pembelajaran berterusan, memperkukuh infrastruktur digital dan membina budaya kerja yang menyokong percubaan serta inovasi. Hasil kajian menunjukkan walaupun wujud cabaran, wanita muslimah berjaya menyesuaikan diri dengan persekitaran

digital, memperolehi kemahiran baharu dan meningkatkan keberkesanan kerja malah lebih berdaya saing dalam persekitaran kerja yang berasaskan teknologi. Penyelidikan lanjutan disarankan untuk menilai keberkesanan latihan digital dan pengaruhnya terhadap prestasi kerja wanita muslimah. Kerja dari rumah telah menjadi pemangkin kepada peningkatan literasi digital dan pembangunan kemahiran profesional wanita. Oleh itu, organisasi disarankan menyediakan lebih banyak latihan digital, sokongan teknikal dan dasar kerja fleksibel yang mesra wanita. Kajian lanjutan secara kuantitatif boleh dijalankan untuk mengukur tahap sebenar pencapaian kemahiran ini secara lebih luas.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. A'dawiyah Ismail melalui geran Kursi Syeikh Abdullah Fahim di Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia bagi kajian Cabaran dan Impak Pandemik COVID-19 Terhadap Psikologi Golongan Wanita Bekerja Dari Rumah (BDR) dan Cadangan Solusi Berimbang Untuk Menyokong Pelaksanaan BDR (RH-2021-006).

PENYATA PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan dalam artikel ini.

RUJUKAN

Ahmad Munawar, Mohd. Nor Shahizan. 2014. Kaedah Penyelidikan Sosial. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Sunawari Long. 2015. Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Alghamdi, N.S. & Alghamdi, S.M. 2022. The Role of Digital Technology in Curbing COVID-19. *International Journal Environmental Research and Public Health* 19, 8287. <https://doi.org/10.3390/ijerph19148287>

Bellmann, L., & Hubler, O. 2020. Working from home, job satisfaction and work–life balance robust or heterogeneous links?. *International Journal of Manpower* 42 (3), 424-441. <https://doi.org/10.1108/IJM-10-2019-0458>

Borhannudin Ya, Mohd Fadhli Ahmad & Mohd Azli Adnan. 2022. Kesan Amalan Beragama Terhadap Kestabilan Emosi Semasa Pandemik COVID-19. *International Journal of Social Science Research*. 4(3): 191-198.

Bouzol-Broitman, B., Thevenon, O., Adema, W. & Clarke, C. 2016. Be Flexible Background Brief on How Workplace Flexibility can Help European Employees to Balance Work and Family. OECD.

Braun, V. & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research In Psychology* 3(2): 77-101.

Dzurizah Ibrahim, Olver Valentine Eboy & Marsitah Mohd Radzi. 2022. Amalan Bekerja Dari Rumah di era Pandemik COVID-19 di Malaysia: Antara Adaptasi dan Halatuju. *Journal*

of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) 7(48): 51 - 65. Doi: 10.55573/JISED.074805

Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2016. Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian. Penerbit Universiti Malaya.

Haslinda Abdullah. 2023. Peranan wanita dalam Membangun Malaysia Madani. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2023/07/984181/peranan-wanita-dalam-membangun-malaysia-madani> [Diakses pada 16/6/2025]

International Labour Organization. 2020. An employers' guide on working from home in response to the outbreak of COVID-19. https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---ed_dialogue/---act_emp/documents/publication/wcms_745024.pdf

JPA. 2020. PP Bil.05/2020 Dasar Bekerja dari Rumah (BDR). Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. <https://docs.jpa.gov.my/docs/pp/2020/pp052020.pdf>

Li, N. P., van Vugt, M., & Colarelli, S. M. 2017. The Evolutionary Mismatch Hypothesis: Implications for Psychological Science. *Current Directions in Psychological Science* 27(1): 38–44. doi:10.1177/0963721417731378

Merriam, S.B., & Tisdell, E.J. 2015. *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco: Jossey-Bass
https://books.google.com.my/books?hl=en&lr=&id=JFN_BwAAQBAJ&oi=fnd&pg=PA137&dq=Merriam,+S.B.,+%26+Tisdell,+E.J.+2015&ots=wPWTMN4Bc8&sig=P-vppZXkA0NfOGJ6gDSNLah6gd8#v=onepage&q=Merriam%2C%20S.B.%2C%20%26%20Tisdell%2C%20E.J.%202015&f=false

Miles, B.M., & Huberman, M.A. 1994. *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods*. Beverly Hills: Sage Publication.

Miles, B.M., & Huberman, M.A. 1994. *Qualitative Data Analysis: A Expanded Source Book*, (2nd ed), California: Sage.

Mohd Norakmar Omar, Siti Noor Ismail & mohan Rathakrishnan. 2021. Penggunaan Teknologi Mudah Alih Bagi Menjana Pembelajaran Digital Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Sciences Research (IJEISR)*. 6(1): 71-85.

Nasajpour, M., Pouriye, S., Parizi, R.M., Dorodchi, M., Valero, M. & Arabnia, H.R. 2020. Internet of Things for current COVID-19 and future pandemics: An exploratory study. *Journal of Healthcare Informatics Research* 4(4): 325–364. Doi: 10.1007/s41666-020-00080-6

Norman K, D. & Yvona S, L. 1994. *Handbook of qualitative research*. Sage Publication

Noor Ismawati Jaafar. 2021. Persekitaran Digital Cabar Kepimpinan Wanita. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2021/07/845127/persekitaran-digital-cabar-kepimpinan-wanita>

Nilles, J.M. 1997. "Telework: enabling distributed organizations: implications for IT managers", *Information Systems Management* 14(4): 7-14. <https://doi.org/10.1080/10580539708907069>

Nippert-Eng, C. 2008. *Home and Work: Negotiating Boundaries through Everyday Life*. University of Chicago Press. <https://www.everand.com/book/35944652/Home-and-Work-Negotiating-Boundaries-through-Everyday-Life>

OECD. 2020. "Productivity gains from teleworking in the post COVID-19 era: How can public policies make it happen?", *OECD Policy Responses to Coronavirus (COVID-19)*, OECD Publishing, Paris, <https://doi.org/10.1787/a5d52e99-en>.

Othman Lebar. 2006. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Oswar Mungkasa. 2020. Bekerja dari Rumah (Working From Home/WFH): Menuju Tatanan Baru Era Pandemi COVID 19. *Jurnal Perencanaan Pembangunan: The Indonesian Journal of Development Planning* 4(2): 126-150.

Patricia L Mokhtarian. 1991. *Defining Telecommuting*. Institute of Transportation Studies, UC Davis. https://www.researchgate.net/publication/46439796_Defining_Telecommuting

Perez Perez, M., Martinez Sanchez, A. & Pilar de Luis Carnicer, M. 2003. "The organizational implications of human resources managers' perception of teleworking", *Personnel Review* 32(6): 733-755. Doi: 10.1108/00483480310498693

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia. 2024. *BERNAMA.com* https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2298611&utm_source [Diakses pada 25/5/2024]

Salasiah Hanin Hamjah. 2016. *Dakwah dan Perubahan Sosiobudaya*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saroj Malik. 2024. "Technology and Women Empowerment: Bridging the Gender Gap in the Digital Era". *International Journal for Research Publication and Seminar*. 15(4).

Sinar Harian. 2024. KPWKM perkasa wanita melalui latihan digital, keusahawanan. <https://www.sinarharian.com.my/article/716797/berita/nasional/kpwkm-perkasa-wanita-melalui-latihan-digital-keusahawanan> [Diakses pada 16/6/2025]

Varty, C.T, O'Neill, T.A, Hambley, L.A 2017. *Leading Anywhere Workers: A Scientific and Practical Framework*. IGI Global, United States of America. Doi: 10.4018/978-1-5225-2328-4.ch003.

PENERAPAN ADAB DALAM MENYAMPAIKAN DAKWAH KEPADA NON-MUSLIM

The Application of Etiquette in Delivering Da'wah to Non-Muslims

Siti Nor Zafirah Komri

Siti Sarah Zakaria

Pusat Kajian Arabdan Tamadun Islam

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Khazri Osman

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Salha Juma Mohamed Al Dairi

Institut Islam Hadhari, UKM

ABSTRACT

This study was conducted to examine the perceptions and views of higher education students regarding the extent to which adab (proper Islamic manners) is applied in conveying da'wah (Islamic propagation) to non-Muslims. The issue of adab in da'wah has become increasingly significant in the Islamic world, particularly in the context of Malaysia's multi-ethnic and multi-religious society, in order to prevent misunderstandings and conflict among religious communities. The objectives of this study are to identify students' perspectives on religious sensitivity during da'wah and to analyze the role of adab in creating effective da'wah approaches for non-Muslims. This study adopts a qualitative methodology using a semi-structured interview approach involving three informants from among higher education students. The data were analyzed thematically to extract the main themes related to the application of adab in da'wah to non-Muslims. The findings indicate that all three informants emphasized the importance of applying adab in da'wah, such as being gentle, understanding the cultural and religious background of the mad'u (audience), and avoiding any form of insult or coercion in delivering the message of Islam. The study also found that the lack of knowledge, experience, and formal training in interfaith communication contributes to the neglect of adab among some da'wah practitioners. Overall, the study concludes that the effectiveness of da'wah to non-Muslims greatly depends on the preacher's mastery of adab, empathy, and cultural sensitivity. Therefore, it is recommended that structured training and the incorporation of adab elements in da'wah education curricula be expanded to produce more ethical, professional, and wise preachers.

Keywords: *Higher Education Students, Adab, Da'wah, Non-Muslim, Religious Sensitivity.*

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meneliti persepsi dan pandangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi terhadap sejauh mana penerapan adab dalam menyampaikan dakwah kepada non-Muslim. Isu adab dalam dakwah menjadi semakin signifikan dalam dunia Islam terutamanya dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama ini bagi mengelakkan berlakunya salah faham serta konflik antara penganut agama. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pandangan pelajar terhadap sensitiviti agama lain semasa berdakwah serta menganalisis peranan adab dalam mewujudkan dakwah yang berkesan kepada golongan non-Muslim ini. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan temu bual separa berstruktur yang melibatkan tiga orang informan daripada kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Data telah dianalisis secara tematik bagi mengeluarkan tema-tema utama yang berkaitan dengan penerapan adab berdakwah kepada non-

Muslim. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga informan menekankan kepentingan menerapkan adab dalam berdakwah seperti berlemah-lembut, memahami latar belakang budaya dan agama mad'u, serta mengelakkan sebarang unsur penghinaan atau paksaan dalam penyampaian dakwah. Kajian turut mendapati

bahawa kurangnya ilmu pengetahuan, pengalaman serta latihan formal dalam komunikasi antara agama menjadi punca pengabaian adab dalam kalangan pendakwah. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa keberkesanan dakwah kepada non-Muslim sangat bergantung kepada penguasaan adab, empati, serta kepekaan sensitiviti budaya oleh pendakwah. Oleh itu, disarankan agar latihan berstruktur serta penerapan elemen adab dalam kurikulum pendidikan dakwah diperluaskan bagi melahirkan pendakwah yang lebih berakhlak, professional dan berhikmah.

Kata kunci: *Pelajar Institusi Pengajian Tinggi, Adab, Dakwah, Non-Muslim, Sensitiviti Agama.*

PENGENALAN

Adab dalam Islam merangkumi segala bentuk kelakuan yang mulia, berhemah dan sopan dalam pergaulan serta tindakan seharian. Dalam konteks dakwah, adab menjadi asas penting dalam memastikan penyampaian mesej Islam berjalan dengan penuh hikmah dan tidak mencetuskan konflik (Al-Qaradawi 2005; Rosmawati Ali 2016). Menurut al-Qaradawi (2005), adab ialah kehalusan budi yang mencerminkan ketinggian akhlak seorang Muslim, yang sepatutnya lebih terserlah ketika berhadapan dengan golongan bukan Islam. Adab merangkumi tutur kata yang lembut, cara mendengar dengan sabar, serta menghormati hak dan kepercayaan orang lain, tanpa menjejaskan prinsip Islam. Pelaksanaan dakwah tanpa adab bukan sahaja menjejaskan imej pendakwah, bahkan boleh merosakkan nama baik Islam itu sendiri di mata masyarakat (Ahmad & Abdul Razak 2020).

Dalam memahami konsep adab dalam dakwah, penting juga untuk memahami maksud istilah “kafir” seperti yang digariskan dalam literatur Islam. Istilah ini merujuk kepada individu yang tidak mempercayai ajaran Islam, namun tidak semua mereka berada dalam kategori yang sama. Ulama’ membahagikan mereka kepada beberapa jenis, antaranya kafir zimmi dan kafir harbi. Kafir zimmi merujuk kepada orang bukan Muslim yang hidup aman damai di bawah perlindungan kerajaan Islam dan tidak menunjukkan permusuhan kepada umat Islam. Mereka berhak mendapat layanan yang baik, adil dan penuh toleransi (Al-Qaradawi 2001). Sebaliknya, kafir harbi ialah golongan yang secara terbuka memusuhi dan menyerang Islam dan interaksi dengan mereka perlu lebih berhati-hati dan bergantung kepada konteks perundangan serta keselamatan. Dalam konteks Malaysia sebagai negara majmuk yang aman, majoriti non-Muslim boleh dianggap sebagai zimmi, yang hidup bersama secara damai dan perlu dilayan dengan adab yang baik (Hashim & Zawawi 2018).

Adab terhadap non-Muslim tidaklah sama sepenuhnya dengan adab terhadap sesama Muslim, namun prinsip asasnya tetap menuntut keadilan, ihsan dan sopan santun. Islam tidak mengajar penganutnya untuk menghina atau memusuhi golongan bukan Islam semata-mata kerana perbezaan akidah (Esack 1997). Sebaliknya, terdapat garis panduan yang jelas dalam al-Quran yang menyuruh umat Islam agar berlaku baik terhadap orang yang tidak memusuhi mereka. Dalam terjemahan Surah al-Mumtahanah ayat 8, Allah berfirman: “Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama...” Ayat ini menjadi bukti jelas bahawa adab terhadap non-Muslim adalah sebahagian daripada akhlak Islam yang sejati (Al-Qaradawi 2005).

Dari segi pelaksanaan, adab dalam dakwah meliputi pelbagai aspek, antaranya percakapan, perbuatan dan cara bergaul. Percakapan seorang pendakwah harus lembut, tenang dan tidak bernada menghukum atau merendahkan. Bahkan, Allah sendiri memerintahkan Nabi Musa agar berbicara dengan lembut kepada Firaun yang zalim (Surah Taha, ayat 44), apatah lagi

terhadap masyarakat biasa yang hidup dalam damai (Ahmad & Abdul Razak 2020). Pendakwah perlu mengelakkan daripada menyentuh hal-hal sensitif seperti memperlekehkan kepercayaan agama lain, budaya pemakanan, pakaian atau gaya hidup yang bercanggah dengan Islam. Sebaliknya, mereka harus mengambil pendekatan berfakta, berhikmah dan reflektif yang mengajak mad'u berfikir dengan mendalam. Ketika berbual, sebarang bentuk paksaan harus dielakkan, dan sebarang perbezaan pendapat harus diterima dengan terbuka, sambil mengekalkan prinsip dakwah dengan cara yang paling baik (Maimunah Ali 2020).

Adab juga harus diterjemahkan dalam bentuk perbuatan. Seorang pendakwah tidak wajar menunjukkan sikap kasar, beremosi, atau menyampai dakwah dalam suasana yang penuh tekanan. Sebaliknya, mereka harus menonjolkan keindahan Islam melalui akhlak dengan menunjukkan kejujuran, amanah, menghormati masa, menjaga kebersihan dan menghormati ruang peribadi orang lain (Rosmawati Ali 2016). Dalam konteks aurat, adab juga menuntut supaya pendakwah menjaga batas syarak dalam berpakaian dan menjaga pandangan, tidak kira kepada siapa dakwah itu disampaikan. Meskipun adab luaran ini kelihatan kecil, namun ia memberi kesan besar terhadap tanggapan bukan Islam terhadap agama Islam. Sebagai contoh, sekiranya seorang Muslim wanita berdakwah tetapi tidak menutup aurat atau berpakaian menjolok mata, mesej yang dibawa akan hilang nilainya kerana tidak mencerminkan isi dakwah yang dibawa.

Dalam isu-isu tertentu seperti ibadah korban, perbincangan para ulama menunjukkan bahawa daging korban boleh diberikan kepada orang bukan Islam dalam keadaan tertentu, selagi tidak bertujuan mempermainkan ibadah tersebut dan bukan kepada pihak yang memusuhi Islam secara terbuka. Ini merupakan contoh adab dan kepekaan fiqh yang relevan dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia (Mohd Fauzi & Noraini 2022). Ia juga menunjukkan bahawa interaksi dengan non-Muslim, termasuk dari segi pemberian dan amalan sosial, perlu disesuaikan dengan adab dan pertimbangan semasa (Nor Faridah Abdul Manaf 2019).

Salah satu aspek penting dalam berdakwah kepada non-Muslim ialah menyentuh pemikiran mereka, bukan menyerang kepercayaan mereka. Pendakwah harus memahami latar belakang individu, nilai hidup dan persoalan yang mereka sedang cari. Ini dapat membantu memilih pendekatan yang sesuai dan membina jambatan pemahaman (Yusof & Haron 2019). Seperti yang disebut dalam hadis sahih riwayat Muslim, Nabi SAW bersabda: "Permudahkanlah dan jangan mempersulit, berilah berita gembira dan jangan membuat orang lari". Ini adalah asas penting bagi komunikasi dakwah yang berkesan bukan dengan menekan atau memaksa, tetapi dengan memimpin hati mereka melalui adab dan kelembutan (Maimunah Ali 2020).

Dalam konteks Malaysia, adab dalam dakwah perlu dilihat dalam kerangka hubungan antara agama dan keharmonian masyarakat. Cabaran seperti polemik penggunaan kalimah Allah, sentimen perkauman, atau provokasi agama dalam media sosial menuntut para pendakwah khususnya pelajar dan belia agar lebih berhati-hati dan matang (Hashim & Zawawi 2018; Ahmad & Abdul Razak 2020). Misalnya, insiden menghina agama lain secara terbuka di platform digital telah mencetuskan ketegangan antara kaum, yang akhirnya mencemarkan imej Islam. Pendekatan beradab dan berhikmah bukan sahaja dapat meredakan suasana, tetapi juga membuka ruang dialog antara agama yang lebih terbuka dan membina. Oleh itu, kefahaman terhadap adab bukan sahaja satu tuntutan akhlak, tetapi satu strategi dakwah yang relevan dengan realiti masyarakat Malaysia yang kompleks dan pelbagai (Esack 1997; Nor Faridah Abdul Manaf 2019).

KAJIAN LITERATUR

Dalam konteks dakwah Islamiah khususnya kepada golongan non-Muslim, aspek adab menjadi teras utama yang menentukan keberkesanan penyampaian mesej Islam. Terdapat beberapa kajian terdahulu yang menekankan peranan adab, sensitiviti budaya, serta pendekatan berhikmah dalam misi dakwah ini.

Kajian pertama oleh Ahmad dan Abdul Razak (2020) dalam *Journal of Islamic Da'wah Studies* menekankan bahawa adab yang tinggi serta pendekatan dakwah yang berhikmah dapat membina jambatan persefahaman antara Muslim dan non-Muslim di Malaysia. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa penggunaan bahasa yang lunak, gaya penyampaian yang santun serta kepekaan terhadap budaya dan agama sasaran adalah faktor kritikal dalam mengelakkan salah faham terhadap Islam. Mereka juga menegaskan bahawa penyampaian dakwah yang bersifat menghukum atau menyinggung kepercayaan agama lain hanya akan menimbulkan penolakan dan ketegangan antara penganut agama yang berbeza. Justeru, keindahan Islam harus dizahirkan melalui teladan akhlak, bukan semata-mata hujah lisan.

Seterusnya, kajian oleh Maimunah Ali (2020) dalam jurnal *International Journal of Islamic Thought* mengetengahkan kepentingan adab sebagai unsur utama dalam aktiviti proselytization atau dakwah Islam. Menurut beliau, adab dalam berdakwah bukan sahaja melibatkan kelembutan tutur kata atau tindakan lahiriah, malah turut merangkumi keikhlasan niat, kesabaran dan penguasaan ilmu. Kajian ini juga menekankan bahawa kefahaman terhadap kepercayaan, adat resam dan sensitiviti agama lain merupakan elemen penting agar penyampaian dakwah tidak mengguris hati mad'u non-Muslim. Beliau turut mencadangkan latihan komunikasi antara agama kepada para pendakwah sebagai persediaan menghadapi realiti masyarakat majmuk masa kini.

Sementara itu, kajian oleh Nor Faridah Abdul Manaf (2019) dalam *Journal of Islamic Studies and Culture* meneliti perspektif Islam dalam komunikasi antara budaya. Kajian ini mendapati bahawa pendekatan dakwah yang mengambil kira budaya setempat lebih berkesan dalam membentuk persepsi positif non-Muslim terhadap Islam. Nor Faridah menegaskan bahawa kefahaman terhadap konteks budaya audiens dapat membantu pendakwah menyesuaikan mesej

dakwah secara relevan dan diterima oleh masyarakat sasaran. Pendekatan yang beradab serta menghormati norma budaya ini mampu mengelakkan konflik nilai dan memupuk suasana harmoni antara penganut agama berbeza.

Kesimpulannya, ketiga-tiga kajian ini memberi gambaran jelas bahawa keberkesanan dakwah kepada non-Muslim amat bergantung kepada aspek adab, kepekaan budaya serta pendekatan hikmah. Kesemua pengkaji sepakat bahawa kekurangan adab dan sensitiviti hanya akan mengundang penolakan dan mencemarkan imej Islam itu sendiri. Oleh itu, keutamaan terhadap adab dalam dakwah merupakan tuntutan asas yang perlu diberi perhatian serius oleh para pendakwah, khususnya dalam konteks masyarakat majmuk seperti Malaysia.

METODOLOGI

Pendahuluan

Kajian yang dijalankan adalah untuk mengkaji pandangan pelajar terhadap sensitiviti dan adab dalam dakwah dan objektif kedua adalah menganalisis peranan adab dalam mewujudkan

dakwah berkesan kepada non-Muslim. Berdasarkan tujuan kajian di atas, bab ini akan membincangkan mengenai reka bentuk kajian dan cara pengumpulan data daripada tiga orang informan yang telah ditemu bual.

Reka Bentuk Kajian

Temu Bual

Pengkaji telah mendapatkan maklumat dan data melalui temu bual secara dalam talian serta ada juga secara lapangan. Dalam kaedah ini, pengkaji menemu bual 3 orang informan daripada pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Melalui kaedah ini juga, pengkaji telah menyediakan soalan yang berstruktur dan sama untuk menemu bual 3 orang informan berkenaan. Oleh itu, bagi mengumpul dan mendapatkan maklumat-maklumat mengenai peranan adab dalam mewujudkan dakwah berkesan kepada non-Muslim, soalan-soalan yang berkaitan telah dijangka sejak awal lagi agar menepati objektif pertama dan kedua kajian ini. Terdapat 6 soalan yang pengkaji telah sediakan iaitu:

1. Pada pendapat saudara/saudari, sejauh mana kita perlu peka terhadap kepentingan adab berdakwah dan sensitiviti agama orang lain semasa menyampaikan dakwah?
2. Pernahkah saudara/saudari melihat atau mengalami situasi di mana adab tidak dijaga dalam berdakwah? Jika ya, boleh kongsi pandangan tentang situasi tersebut?
3. Saudara/saudari rasa, apakah sebab ada sesetengah individu mungkin mengabaikan adab semasa berdakwah?
4. Pada pandangan saudara/saudari, bagaimana adab boleh membantu menjadikan dakwah kepada non-Muslim lebih berkesan?
5. Boleh saudara/saudari kongsi beberapa contoh dan strategi dalam mengamalkan adab yang penting semasa berdakwah kepada orang bukan Islam?
6. Jika diberi peluang, bagaimana saudara/saudari sendiri akan berdakwah kepada non-Muslim dengan cara yang beradab dan berhikmah?

i. Latar Belakang Informan

Informan yang ditemu bual merupakan pelajar mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Informan yang pertama merupakan seorang pelajar prasiswazah, Fakulti Pengajian Islam dalam bidang Pengajian Dakwah dan Kepimpinan. Seterusnya, informan kedua pula merupakan seorang pelajar Fakulti Pengajian Islam dalam bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam. Akhir sekali, informan yang ketiga merupakan seorang pelajar tahun akhir prasiswazah dalam bidang Pengajian Bahasa Inggeris, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Beliau juga merupakan lepasan sekolah agama sebelum menyambung pengajian di UKM.






ii. Kajian Perpustakaan

Pengkaji turut menggunakan kaedah kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat sokongan dan mengukuhkan kerangka teori kajian. Pengkaji telah merujuk pelbagai

sumber sekunder seperti buku ilmiah, artikel jurnal, laporan kajian terdahulu dan bahan bacaan berkaitan pendekatan dakwah dan kesukarelawan. Bahan-bahan ini diperoleh secara dalam talian melalui pangkalan akademik dan laman sesawang yang relevan dengan topik kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dakwah merupakan satu usaha suci untuk menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat, termasuk golongan non-Muslim. Dalam melaksanakan misi ini, adab dan kepekaan terhadap sensitiviti agama lain memainkan peranan yang amat besar. Berdasarkan temubual bersama tiga informan dari pelajar Institusi Pengajian Tinggi jelas menunjukkan bahawa pemahaman terhadap adab dalam berdakwah bukan sahaja menjadi elemen pelengkap, tetapi juga merupakan asas utama dalam menjayakan penyampaian dakwah yang berkesan. Kajian oleh Ahmad dan Abdul Razak (2020) dalam *Journal of Islamic Da'wah Studies* juga menegaskan bahawa pendekatan yang penuh adab dan hikmah dapat mengelakkan salah faham serta meningkatkan persepsi positif terhadap Islam (Ahmad & Abdul Razak 2020; Maimunah Ali 2020). Kajian ini menghasilkan lima tema utama berdasarkan temu bual bersama tiga orang informan. Dapatan temu bual ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.:

Tema-tema dari Temu Bual Informan			
Ciri-ciri	Informan 1	Informan 2	Informan 3
 Keperluan Adab	Adab adalah teras dalam menyampaikan dakwah	Adab adalah teras dalam menyampaikan dakwah	Adab adalah teras dalam menyampaikan dakwah
 Sensitiviti terhadap Agama Lain	Keperluan untuk memahami kepercayaan dan budaya	Keperluan untuk memahami kepercayaan dan budaya	Keperluan untuk memahami kepercayaan dan budaya
 Cabaran & Punca Pengabaian Adab	Kekurangan latihan formal, pengalaman terhad	Kekurangan latihan formal, pengalaman terhad	Kekurangan latihan formal, pengalaman terhad
 Strategi untuk Dakwah yang Sopan	Dakwah dengan kelembutan, dialog terbuka	Dakwah dengan kelembutan, dialog terbuka	Dakwah dengan kelembutan, dialog terbuka
 Pengaruh Adab terhadap Keberkesanan Dakwah	Adab membuka hati non-Muslim	Adab membuka hati non-Muslim	Adab membuka hati non-Muslim

Rajah 1: Dapatan Temu Bual

Tema 1 : Keperluan Menjaga Adab dalam Berdakwah

Menurut informan 1, 2 dan 3 berpendapat bahawa adab mencerminkan peribadi seorang pendakwah dan menjadi kunci untuk menarik minat serta rasa hormat daripada mad'u (sasaran dakwah), terutamanya dalam konteks masyarakat majmuk. Sekiranya adab tidak dijaga, nasihat yang disampaikan mudah ditolak. Ini selari dengan pandangan Al-Qaradawi (2005), yang menyatakan bahawa “perkataan yang benar jika disampaikan dengan cara yang salah, boleh membawa kepada penolakan kebenaran itu sendiri.”

Dalam konteks masyarakat non-Muslim, adab bukan sahaja penting untuk menjaga imej peribadi, tetapi juga untuk menjaga imej Islam secara keseluruhan. Dakwah yang disampaikan dengan cara menghina atau merendah-rendahkan kepercayaan lain akan menimbulkan persepsi negatif dan boleh dianggap sebagai serangan agama, bukannya seruan ke arah kebenaran. Menurut Hashim dan Zawawi (2018), dalam kajian mereka mengenai

dakwah dalam konteks Malaysia, pendekatan kasar telah terbukti menjarakkan golongan non-Muslim daripada Islam.

Oleh itu, dapat disimpulkan disini bahawa kesemua informan menyatakan adab merupakan teras dalam penyampaian dakwah, khususnya kepada non-Muslim. Informan menekankan perlunya adab seperti bersopan, tidak menghakimi, dan menunjukkan akhlak mulia sebagai strategi mendekati mad'u. Menurut mereka, dakwah yang kasar hanya akan menjauhkan sasaran.

Tema 2 : Sensitiviti terhadap Agama Lain

Menurut informan 1, dakwah tidak boleh dilakukan secara paksaan mahupun kasar, tetapi perlu melalui pendekatan lembut seperti "slow talk" dan penuh hikmah agar sensitiviti agama lain tidak terusik. Pendapat ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 256 yang menyatakan bahawa "tiada paksaan dalam agama" (لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ). Pandangan ini turut disokong oleh Al-Qaradawi (2001) dalam bukunya *Fiqh al-Da'wah* yang menegaskan pentingnya berdakwah tanpa mengandungi unsur pemaksaan atau penghinaan terhadap agama lain.

Dalam dunia dakwah kontemporari, sensitiviti terhadap kepercayaan dan budaya non-Muslim amat perlu diambil kira, seperti yang ditegaskan oleh Esack (1997) dalam *Qur'an, Liberation and Pluralism*, bahawa pengabaian sensitiviti ini akan hanya menjauhkan sasaran dakwah dari memahami Islam sebagai rahmat untuk seluruh alam.

Seterusnya ialah, pandangan informan 2 dan 3 turut menekankan keperluan untuk peka terhadap sensitiviti agama lain semasa berdakwah. Penyampaian yang tidak mengambil kira perasaan penganut agama lain bukan sahaja mengurangkan keberkesanan dakwah, malah boleh menimbulkan konflik. Dakwah bukanlah sekadar menyampaikan maklumat, tetapi satu bentuk komunikasi jiwa yang memerlukan empati dan kefahaman konteks (Nor Faridah Abdul Manaf 2019). Menurut kajian oleh Mohd Fauzi dan Noraini (2022) dalam *Malaysian Journal of Dakwah*, keberkesanan dakwah kepada non-Muslim sangat bergantung kepada sejauh mana pendakwah dapat memahami kepercayaan, budaya, dan emosi audiensnya. Ini menuntut agar para pendakwah bukan sahaja berilmu, tetapi juga berpengalaman dan bersedia menyesuaikan pendekatan mereka mengikut latar belakang mad'u.

Kesimpulannya, Informan menekankan perlunya memahami kepercayaan dan budaya non-Muslim. Dakwah mestilah disampaikan secara berhikmah tanpa menyentuh perkara sensitif atau memaksa penerimaan. Penggunaan bahasa yang lembut dan pendekatan "slow talk" sering disebut sebagai cara yang berkesan.

Tema 3 : Cabaran dan Punca Pengabaian Adab

Informan 1 dan 2 menyatakan bahawa salah satu punca pendakwah mengabaikan adab ialah kurangnya ilmu serta pengalaman dalam pendekatan dakwah yang sesuai. Sesetengah pendakwah cenderung bertindak mengikut emosi, khususnya apabila berdepan dengan provokasi atau hujah yang mencabar. Ini menyebabkan mereka bertindak secara keras atau tidak beretika, sekaligus menjejaskan objektif dakwah itu sendiri. Kajian oleh Yusof dan Haron (2019) menunjukkan bahawa golongan muda yang baru menceburkan diri dalam bidang dakwah lebih cenderung menunjukkan sikap keras apabila tidak diberikan latihan yang cukup mengenai komunikasi antara agama. Ini menunjukkan bahawa latihan dan bimbingan

berterusan adalah sangat penting dalam membina kecekapan pendakwah menghadapi cabaran dakwah moden.

Di samping itu, informan 3 berbeza pendapat daripada informan 1 dan 2 iaitu dengan mengemukakan isu wujudnya individu yang menggunakan agama untuk kepentingan duniawi seperti wang, yang akhirnya menjejaskan kepercayaan non-Muslim terhadap Islam. Ini menepati amaran al-Ghazali dalam *Ihya' Ulumuddin* yang menyatakan bahawa apabila dakwah dicemari niat tidak ikhlas atau kepentingan diri, keberkesannya akan terhapus. Sebagaimana dinyatakan dalam jurnal *Dakwah dan Pembangunan Insan* oleh Rosmawati Ali (2016), pemimpin dakwah yang mengutamakan manfaat peribadi berisiko untuk mempamerkan imej negatif terhadap Islam, terutama kepada golongan bukan Muslim yang masih mencari kebenaran.

Secara keseluruhannya, beberapa cabaran dikenalpasti, termasuk kekurangan latihan formal, pengalaman terbatas dalam komunikasi antara agama dan penyalahgunaan agama untuk kepentingan peribadi. Pendakwah muda dilihat cenderung untuk tegas tanpa memahami konteks sosial.

Tema 4 : Strategi Dakwah yang Beradab

Informan mencadangkan pelbagai pendekatan berasaskan adab, seperti berdakwah dengan kelembutan, memberi ruang untuk dialog terbuka, dan mengamalkan kesabaran. Mereka juga menyarankan penganjuran aktiviti komuniti yang mampu membina hubungan mesra tanpa tekanan.

Sekiranya diberikan peluang untuk berdakwah, perkara yang akan dilakukan adalah informan 2 menyatakan kesediaan untuk berdakwah dengan penuh sopan, mengawal emosi, memahami latar belakang non-Muslim, dan menggunakan pendekatan reflektif yang mengajak mereka berfikir secara rasional dan mendalam. Ini menggambarkan satu pendekatan dakwah yang bukan sahaja rasional tetapi juga penuh dengan kasih sayang, sejajar dengan semangat Islam sebagai agama Rahmah (Esack 1997; Maimunah Ali 2020). Hal ini juga bertepatan dengan pendapat informan 3 yang lebih mengutamakan cara berdakwah dengan lemah lembut dan penuh kasih sayang bagi menarik non-Muslim untuk mendekati Islam.

Strategi yang dicadangkan oleh informan 2 termasuk mencontohi pendekatan para nabi, bercakap dengan lembut seperti Nabi Musa kepada Firaun, bersabar, memberikan nasihat secara peribadi, serta menjawab soalan dengan berhikmah. Ini amat bertepatan dengan prinsip “hikmah dan mau'izhah hasanah” seperti yang terkandung dalam Surah an-Nahl ayat 125 iaitu:

Firman Allah SWT, Maksudnya:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. (Surah an-Nahl: 125)

Selain itu, menurut informan 1, strategi seperti penganjuran program sukaneka untuk menarik minat komuniti non-Muslim Orang Asli atau komuniti non-Muslim yang lain juga sejajar dengan pendekatan dakwah bil hal (melalui perbuatan) yang dianjurkan dalam sirah

Rasulullah SAW, sebagaimana dicontohkan dalam Perjanjian Hudaibiyyah yang menunjukkan kebijaksanaan dan hikmah baginda dalam berpolitik dakwah (Ibn Hisham, *Sirah Nabawiyyah*).

Seterusnya, manakala menurut informan 3 yang menegaskan bahawa dakwah perlu dilakukan dengan sabar, berlemah lembut dan mengelakkan sikap menghakimi, selari dengan pesanan Al-Qur'an dalam Surah An-Nahl ayat 125 yang menyuruh umat Islam berdakwah dengan hikmah dan nasihat yang baik. Kajian oleh Maimunah Ali (2020) dalam jurnal *The Role of Adab in Islamic Proselytization* menyatakan bahawa adab dakwah yang tinggi hanya terzhahir melalui penguasaan ilmu dan kefahaman tentang agama sendiri serta agama sasaran dakwah, agar penyampaiannya tidak melukai hati pendengar non-Muslim.

Tema 5 : Pengaruh Adab Terhadap Keberkesanan Dakwah kepada Non-Muslim

Adab dilihat sebagai kunci untuk membuka hati mad'u non-Muslim. Informan telah berkongsi pengalaman bagaimana sikap yang sopan, sabar, dan empatik dapat menarik perhatian non-Muslim untuk mengenali Islam dengan lebih dekat lagi.

Informan 2 dan 3 menegaskan bahawa adab yang baik mampu membuka hati non-Muslim untuk mendengar dan menerima mesej dakwah. Pendakwah yang menunjukkan akhlak mulia seperti kesabaran, kelembutan tutur kata, dan kesantunan dalam tingkah laku boleh memberikan kesan mendalam kepada audiens non-Muslim. Seperti yang ditunjukkan dalam sirah Nabi Muhammad SAW, dakwah baginda sentiasa berpaksikan adab dan akhlak walaupun terhadap musuh Islam sekalipun. Hal ini telah disahkan oleh Ibn Hisham dalam karyanya *Sirah Nabawiyyah*.

Selain itu, informan 1 menekankan bahawa dakwah kepada komuniti seperti Orang Asli perlu mengambil kira latar belakang budaya dan agama mereka. Pengalaman beliau menunjukkan bahawa layanan baik dan adab yang tinggi mampu menarik minat mereka terhadap Islam, sehinggakan ada yang bertanya cara memeluk agama Islam ini. Pandangan ini selaras dengan kajian oleh Nor Faridah Abdul Manaf (2019) dalam jurnal *Islamic Perspective in Intercultural Communication* yang mendapati bahawa pemahaman budaya setempat dan keupayaan untuk menyesuaikan pendekatan dakwah dengan budaya tempatan meningkatkan keberkesanan penyampaian Islam.

Oleh itu, jelaslah di sini bahawa adab dan sensitiviti merupakan aspek yang sangat penting dalam dakwah, khususnya kepada non-Muslim. Keberkesanan dakwah bukan hanya bergantung kepada hujah dan ilmu, tetapi juga kepada pendekatan dan cara penyampaian yang berhemah. Seperti yang dinyatakan oleh ketiga-tiga informan dan disokong oleh pelbagai kajian jurnal dan sumber ilmiah, pendekatan yang penuh adab bukan sahaja membuka hati pendengar tetapi juga meluaskan kefahaman serta meningkatkan imej Islam. Maka, dalam dunia yang semakin kompleks ini, para pendakwah perlu dilengkapi dengan ilmu, latihan, dan adab yang tinggi agar mesej dakwah dapat disampaikan secara berkesan dan berhikmah.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ini bertujuan meneliti persepsi pelajar Institusi Pengajian Tinggi terhadap penerapan adab dalam dakwah kepada non-Muslim serta menganalisis peranannya dalam membentuk pendekatan dakwah yang berkesan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa adab seperti kelembutan, empati dan kefahaman budaya merupakan asas penting dalam menyampaikan dakwah yang diterima dengan baik oleh golongan non-Muslim. Kekurangan

ilmu, latihan formal dan keikhlasan menjadi antara faktor utama pengabaian adab, yang akhirnya menjejaskan keberkesanan penyampaian dan imej Islam dalam masyarakat majmuk.

Sehubungan itu, beberapa cadangan telah dikemukakan untuk memperkukuh aspek adab dalam dakwah. Pertama, institusi pendidikan Islam disarankan mengintegrasikan modul adab dalam kurikulum dakwah secara formal dan berstruktur. Kedua, latihan profesional oleh agensi berautoriti seperti JAKIM perlu disediakan secara berkala bagi melatih pendakwah dalam aspek komunikasi antara agama dan sensitiviti budaya. Ketiga, penggubalan garis panduan dakwah antara agama yang selaras dengan konteks Malaysia perlu digiatkan untuk memastikan pendekatan yang digunakan tidak mencetuskan konflik atau salah faham. Keempat, pendekatan dakwah bil hal seperti program khidmat masyarakat dan interaksi akhlak perlu diperkasa sebagai bentuk dakwah yang lebih semula jadi dan berkesan. Akhir sekali, kajian lanjutan dicadangkan untuk melibatkan triangulasi data, kepelbagaian informan serta perbandingan antara institusi, agar dapatan yang lebih komprehensif dapat dihasilkan demi kemajuan dakwah Islam yang lebih inklusif dan berakhlak.

RUJUKAN

Al-Quran

- Ahmad, N. & Abdul Razak, F. 2020. Adab dan pendekatan berhikmah dalam berdakwah kepada non-Muslim di Malaysia. *Journal of Islamic Da'wah Studies* 12(2): 45–59.
- Ahmad, S., & Abdul Razak, M. 2020. Dakwah Berhikmah dalam Masyarakat Majmuk: Kajian di Malaysia. *Journal of Islamic Da'wah Studies*, 5(1), 35–50.
- Al-Qaradawi, Y. 2001. *Fiqh al-Da'wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qaradawi, Y. 2005. *Fiqh al-Dakwah* (Jil. 1). Beirut: Maktabah Wahbah.
- Al-Qaradawi, Y. 2005. *Al-Sahwah al-Islamiyyah bayna al-Juhud wa al-Tatarruf*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Esack, F. 1997. *Qur'an, Liberation and Pluralism: An Islamic Perspective of Interreligious Solidarity Against Oppression*. Oxford: Oneworld.
- Hashim M dan Zawawi H. 2018. Pendekatan dakwah dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Dakwah dan Kemasyarakatan* 12(2): 112–128.
- Hashim R dan Zawawi M. 2018. Sensitiviti agama dalam konteks dakwah antara agama di Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 47(1): 89–104.
- Ibn Hisham. *Sirah Nabawiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. (Tahun tidak dinyatakan).
- Maimunah Ali. 2020. The role of adab in Islamic proselytization. *International Journal of Islamic Thought* 18(1): 33–40.
- Maimunah Ali. 2020. The role of adab in Islamic proselytization: A contemporary analysis. *International Journal of Islamic Thought* 18(2): 43–56.
- Mohamad Hilmi Marjunit, Zahid M. Naser. 2023. *Ihya Ulumuddin* karangan Al-Ghazali.
- Mohd Fauzi M dan Noraini S. 2022. Keberkesanan komunikasi antara agama dalam dakwah kepada non-Muslim di Malaysia. *Malaysian Journal of Dakwah* 8(1): 75–91.

- Mohd Fauzi R dan Noraini M. 2022. Pendekatan komunikasi dakwah dalam masyarakat majmuk: Tinjauan dari perspektif Islam. *Malaysian Journal of Dakwah* 7(1): 22–36.
- Nor Faridah Abdul Manaf. 2019. Islamic perspective in intercultural communication. *Journal of Islamic Studies and Culture* 7(1): 12–23.
- Nor Faridah Abdul Manaf. 2019. Islamic perspective in intercultural communication: The role of adab in multicultural settings. *Journal of Islamic Culture and Communication* 3(1): 22–37.
- Rosmawati Ali. 2016. Dakwah dan pembangunan insan: Satu tinjauan. *Jurnal Dakwah Malaysia* 5(1): 1–15.
- Rosmawati Ali. 2016. Dakwah dan pembangunan insan: Perspektif keikhlasan dalam penyampaian dakwah. *Jurnal Dakwah dan Pembangunan Insan* 6(1): 99–115.
- Yusof R dan Haron A. 2019. Cabaran pendakwah muda dalam konteks dakwah kontemporari. *Jurnal Komunikasi Islam* 11(2): 60–78.
- Yusof M R dan Haron S. 2019. Cabaran dan pendekatan dakwah kepada golongan bukan Islam: Perspektif pendakwah muda di Malaysia. *Jurnal Dakwah dan Kepimpinan* 14(2): 77–92.

TANGGUNGJAWAB HUFFAZ: SATU KAJIAN DI PUSAT PENGAJIAN

Khairul Azhar bin Hj Abdul Aziz
Jabatan Sains Sosial, Kolej Poly-Tech MARA Ipoh, Perak

ABSTRAK

Pendidikan tahfiz di Malaysia merupakan sebuah institusi pendidikan yang melahirkan para pelajar huffaz yang berjaya. Perkembangan pusat pengajian tahfiz juga telah menjadi satu isu yang sangat penting dalam konteks pendidikan agama di Negara ini. Ini berdasarkan peningkatan permintaan daripada pelbagai latar belakang masyarakat sama ada berlatar belakang daripada golongan kurang berkemampuan sehinggalah golongan professional yang ingin mempelajari Al-Qur'an dalam kehidupan mereka. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengkaji peranan para pelajar tahfiz dalam penyebaran dakwah di institusi pendidikan. Kajian juga adalah untuk mengenalpasti peratusan para pelajar tahfiz yang memainkan peranan sebagai seorang huffaz dalam memberi pengaruh positif kepada para pelajar serta cabaran-cabaran yang dihadapi oleh mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menemu bual dan pemerhatian terhadap para pelajar serta asatizah di pusat-pusat pengajian tahfiz swasta di Malaysia ini. Kajian ini diharap dapat memberikan maklumat tentang hala tuju para pelajar tahfiz selepas menamatkan pengajian di institusi-institusi tahfiz di Negara ini.

Kata kunci: Al-Qur'an, Huffaz, Pendidikan Tahfiz, Institusi Pendidikan,

PENGENALAN

Menghafal al-Quran merupakan amalan tradisi umat Islam sejak era Rasulullah SAW. Ia amat digalakkan dalam Islam dan penghafal al-Quran diberi ganjaran yang besar di sisi Allah SWT. Menghafal al-Quran yang menjadi budaya masyarakat Islam di Malaysia selari dengan era dakwah Islam di alam Melayu. Menghafal surah al-Fatihah menjadi kewajipan setiap Muslim sebagai keabsahan solat dengan diiringi hafalan surah pendek dalam menyempurnakan ibadat solat. Justeru, pengajian al-Quran dari aspek tajwid dan hafalan menjadi budaya dalam masyarakat Islam di Nusantara secara umumnya. Antara pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh tuan guru adalah Feqah, Tilawah, Tasawuf, Tafsir, Hadis, serta adab-adab dalam pergaulan seharian.

Setiap pendidikan yang berlangsung sama ada daripada guru al-Quran di kampung, golongan ulama dan pendakwah, serta tuan guru tidak terpisah daripada menghafaz sekurang-kurangnya surah al-Fatihah. Surah al-Fatihah diajar kepada masyarakat kerana surah ini sebagai asas dalam mengerjakan solat. Namun demikian, pendidikan tahfiz al-Quran bukan menjadi pendidikan teras, sebaliknya hanya sebahagian daripada intipati pelajaran. Lazimnya pendidikan tahfiz dijalankan secara individu dan tidak rasmi. Kaedah mengajar yang digunakan adalah berdasarkan pengalaman guru al-Quran.

Pengajian Al-Qur'an di Malaysia pula telah bermula sejak abad ke-15 lagi dengan penerapan pengajian asas dalam Islam antaranya mempelajari penulisan huruf Al-Qur'an seperti tulisan jawi, asas Rukun Iman dan Rukun Islam. Pendidikan asas Islam juga telah berkembang dari semasa ke semasa dengan berlakunya penghijrahan golongan para ulama dan pendakwah Islam dari Timur Tengah ke Alam Melayu. Seiring dengan perkembangan positif pendidikan Al-Quran, pusat pengajian Al-Qur'an semakin bertambah telah dan beroperasi di beberapa buah masjid, surau dan istana. Pengajian al-Quran secara tradisi juga terus berevolusi sehingga tertubuhnya institusi pondok di beberapa buah negeri terutamanya di bahagian Timur dan Utara semenanjung.

Objektif

Terdapat beberapa objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu:

1. Peranan sebagai seorang pelajar huffaz di institusi pengajian.
2. Cabaran sebagai seorang pelajar huffaz di institusi pengajian.
3. Persediaan oleh pelajar dalam kehidupan sebagai seorang huffaz.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang mana kajian ini menjadikan kaedah temu bual dan kaji selidik untuk mendapatkan data kajian. Seramai 11 orang informan yang merupakan para pelajar tahfiz di beberapa buah institusi pengajian dan sekolah di negara ini. Dapatan daripada kaji selidik dan temu bual tersebut dianalisis seterusnya dihuraikan dengan sokongan kajian-kajian yang dibuat oleh pengkaji.

Perkembangan Pengajian Tahfiz di Malaysia

Pengajian tafsir Al-Quran adalah salah satu perkara penting yang membawa kepada perkembangan pendidikan tahfiz al-Quran. Ini adalah berdasarkan kepada dapatan kajian menunjukkan bahawa bidang tafsir merupakan bidang pengajian al-Quran yang terawal berkembang di Tanah Melayu. Pengajian ini dikesan berbentuk lisan dan tidak bertulis sebelum kurun ke-16. Sejarah ini adalah berdasarkan kepada catatan yang menunjukkan bahawa ulama-ulama di Nusantara yang lahir selepas kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu seawal abad ke-7 Masihi.

Berdasarkan perkembangan bidang tafsir yang semakin meluas di Negara ini, maka terdapat pengkaji menjelaskan bahawa pengajian tafsir Quran secara spesifik dimulakan pertama kali di Malaya pada akhir abad ke-17 dengan diajar di pondok-pondok pengajian. Sistem pendidikan baru ini berkembang pesat pada pertengahan abad ke-19, terutama di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Perak dan Kedah yang diajar daripada ulama'-ulama' tempatan.

Umat Islam saban hari telah menyedari akan keberkesanan, kebaikan dan martabat orang-orang yang menghafal Al-Quran. Perkara ini telah mendorong ibu bapa untuk menempatkan anak-anak mereka ke sekolah aliran tahfiz. Bagi mereka, sistem pengajian tahfiz yang memiliki dwi sistem iaitu sistem akademik dan sistem keagamaan atau hafalan Al-Quran adalah setanding dengan kehendak pasaran global.

Pendidikan Tahfiz Negara telah dilaksanakan dengan lebih sistematik, tersusun dan bersifat formal. Ini dapat dilihat dengan penubuhan beberapa buah institusi tahfiz di peringkat negeri seperti di Kelantan yang ditubuhkan pada tahun 1979, manakala di negeri Perak, Selangor, Terengganu, Perlis dan Kedah pada tahun 1980-an. Seterusnya di Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Sabah dilaksanakan pada awal 1990-an, manakala Pulau Pinang dan Johor pada tahun 1996.

Kebanyakan institusi tahfiz di Negara ini bernaung di bawah kelolaan kerajaan mahupun swasta. Institusi tahfiz di bawah kelolaan kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan mahupun negeri, hanya membuat pengambilan pelajar di peringkat tinggi terutamanya pelajar lepasan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) dan mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang. Ini

adalah kerana pihak kerajaan mempunyai sumber kewangan yang terhad dalam menawarkan biasiswa kepada para pelajar yang ingin menyambung pengajian sebagai para huffaz kelak.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan data kajian yang dijalankan terhadap 11 orang pelajar tahfiz di seluruh Negara sama ada Maahad tahfiz swasta mahupun di bawah kelolaan kerajaan Negeri dengan kajian berdasarkan kepada para pelajar yang masih berada dalam pengajian di institusi masing-masing. Terdapat beberapa tema yang diperolehi berdasarkan persoalan kajian. Berdasarkan hasil soal selidik yang dijalankan, sebanyak 54.5 peratus maklum balas daripada pelajar lelaki dan 45.5 peratus daripada pelajar perempuan. Berdasarkan purata daripada jumlah tersebut, sebanyak 36.4 peratus adalah daripada kalangan pelajar yang menghafal 30 juzuk penuh Al-Qur'an.

Antara soal selidik yang dijalankan adalah seperti berikut:

i. Peranan sebagai seorang pelajar huffaz di institusi pengajian.

Soal selidik yang dijalankan adalah dengan membuat kajian bilangan para pelajar yang berperanan sebagai seorang pelajar huffaz di institusi pengajian masing-masing sama ada di sekolah, kolej mahupun universiti.

JADUAL 1

Peranan sebagai seorang pelajar huffaz	Peratus
Menyemak bacaan Al-Qur'an para pelajar	18.2%
Menjadi rujukan persoalan agama oleh para pelajar	9.1%
Berdakwah dengan para pelajar (bimbingan dan nasihat) di sekolah atau kampus	45.5%
Menjadi imam solat fardhu dan sunat di surau sekolah atau kampus	27.3%

Berdasarkan dapatan kajian di atas, ini menunjukkan bahawa sebanyak 45.5 peratus pelajar telah menggunakan kepakaran dan hafazan mereka dalam berdakwah dan memberi nasihat serta bimbingan kepada para pelajar di tempat mereka belajar. Sebanyak 27.3 peratus pelajar yang menggunakan kepakaran huffaz mereka sebagai imam bagi solat fardhu di surau-surau dan pusat Islam di tempat mereka belajar, manakala sebanyak 18.2 peratus pelajar huffaz menggunakan peluang sebagai penghafal Al-Qur'an dengan menyemak bacaan Al-Qur'an setiap para pelajar yang berkemahuan bacaan mereka disemak rata-rata dalam kalangan para pelajar yang telah menghafal Al-Qur'an di institusi-institusi pendidikan masing-masing. Para pelajar huffaz juga menjadi rujukan persoalan berkaitan agama oleh para pelajar sebanyak 9.1 peratus. Ini menunjukkan bahawa para pelajar huffaz memainkan peranan yang sangat penting dalam memberi khidmat dan nasihat kepada masyarakat terutamanya para pelajar.

ii. Cabaran sebagai seorang pelajar huffaz di institusi pengajian.

Kajian soal selidik juga dilakukan terhadap para pelajar tahfiz dengan menyelidik isu cabaran yang dihadapi oleh para pelajar huffaz semasa mengikuti pengajian di institusi masing-masing.

Ini berdasarkan kajian yang telah dibuat kepada informan yang terpilih serta temu duga yang dilakukan.

JADUAL 2

Cabaran sebagai seorang pelajar huffaz di institusi pengajian	Peratus
Kesuntukan masa yang terhad	9.1%
Menjaga akhlak diri yang sentiasa menjadi ikutan para pelajar lain	18.2%
Memelihara ayat hafazan dengan sentiasa muroja'ah	54.5%
Penggunaan gajet dan media sosial	18.2%

Berdasarkan hasil kajian yang dibuat, peratusan pelajar dalam memelihara ayat hafazan Al-Qur'an dengan bermuroja'ah paling tinggi berbanding yang lain iaitu sebanyak 54.5 peratus. Ini menunjukkan bahawa mengekalkan hafazan yang telah dihafaz oleh para pelajar huffaz merupakan cabaran utama apabila bergelar sebagai pelajar mahupun murid. Tambahan pula, terdapat pelbagai subjek yang perlu dipelajari di samping menghafaz Al-Qur'an.

iii. Persediaan oleh pelajar huffaz dalam kehidupan seharian.

JADUAL 3

Persediaan oleh pelajar huffaz dalam kehidupan seharian	Peratus
Persediaan ilmu pengetahuan	27.2%
Persediaan mengulang hafazan bacaan Al-Qur'an	36.4%
Persediaan emosi dan mental	36.4%
Persediaan fizikal dan jasmani	0%

Para pelajar huffaz juga telah bersedia dalam kehidupan mereka bagi mengahdapi kehidupan yang mencabar apatah lagi dalam mengekalkan bacaan hafazan mereka sentiasa terpelihara. Kajian menunjukkan bahawa sebanyak 26.4 peratus yang memilih untuk bersedia bagi mengulang hafazan bacaan Al-Qur'an mereka dalam kehidupan seharian. Ini adalah satu proses rutin harian mereka bagi memastikan bacaan mereka ini sentiasa berada dalam ingatan. Pelajar juga memilih persediaan dari segi emosi dan mental dengan peratus yang sama seperti persediaan mengulang hafazan iaitu sebanyak 36.4 peratus. Manakala, sebanyak 27.2 peratus pelajar huffaz yang bersedia dari segi ilmu pengetahuan.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan para pelajar huffaz berperanan sebagai medium ber dakwah kepada para pelajar di sekolah mahupun di university. Ini dapat dijadikan panduan kepada para pelajar untuk bertanya berkenaan segala persoalan agama. Walaubagaimanapun, kebanyakan para pelajar huffaz mempunyai cabaran yang tinggi rata-rata cabarannya adalah hendak mengekalkan tahap hafazan masing-masing. Para pelajar huffaz juga sentiasa bersedia dalam kehidupan mereka dengan sentiasa muroja'ah hafazan masing-masing setiap hari serta perlu kepada persediaan mental dan emosi. Ini kerana, hafazan Al-Qur'an memerlukan kepada hafazan dari segi mental,

apatah lagi cabaran untuk mengekalkan hafazan mereka yang sangat tinggi.

RUJUKAN

Al-Qur'an

Al-Hadis

Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Ahmad, N. (2015). Memperkasa Darul Qur'an ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz di Malaysia. Kertas Kerja dibentangkan di Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz kali ke IV pada 1-3 Jun 2015 di Institut Latihan Islam Malaysia, Bandar baru bangi, Selangor.

Al-Na'miy, Abdullah Al-Amin. (1994). *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan Al-Qabisi*. Mohd. Ramzi Omar (penterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim, A. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Al-Qur'an di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Mohd. Hairudin dan Kamarul Azmi. (2012). *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu dan Cabaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Mohd. Yusuf Ahmad. (2015). *Institut Pendidikan Al-Qur'an di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yusni, M. Y. dan Abdul Aderi C. N. (2016). *Halatuju Program Tahfiz di Politeknik Malaysia: Satu Tinjauan Awal. Wacana Pendidikan islam Siri II, 2016*.

Syeikh Mohamah Nor Mansor Al-Hafiz. (2010). Kertas Kerja Cadangan Penubuhan Kolej Dar Al-Qur'an Wal Hadis (DAQWAH) Negeri Perak.

SOROTAN KARYA SISTEMATIK SOKONGAN SOSIAL ATAS TALIAN BAGI WARGA EMAS: INISIATIF GLOBAL UNTUK MALAYSIA

Siti Badriyah Binti Yaakop
Muhamad Faisal Bin Asha`Ari
Pusat Kajian Dakwah Dan Kepimpinan Islam
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Menjelang tahun 2030, Malaysia dijangka mencapai status sebagai sebuah negara tua, mencerminkan peningkatan ketara dalam populasi warga emas. Seiring dengan perkembangan era digital, sokongan sosial atas talian semakin mendapat perhatian sebagai pendekatan yang berpotensi dalam menangani cabaran kesihatan mental dan kesejahteraan golongan ini. Banyak negara telah mengadaptasi teknologi digital dalam memperkukuhkan jaringan sokongan sosial bagi warga emas, termasuk melalui penggunaan media sosial, platform komunikasi maya, serta aplikasi khas yang membolehkan mereka berinteraksi dan mendapatkan bantuan dengan lebih mudah. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis bentuk sokongan sosial atas talian yang telah dilaksanakan di pelbagai negara dalam membantu warga emas menghadapi cabaran yang timbul akibat fenomena penuaan penduduk (*population ageing*) yang semakin meluas di peringkat global. Dengan meneliti pendekatan dan strategi yang diterapkan di negara lain, kajian ini membincangkan implikasi serta kebolegunaan model sokongan sosial digital tersebut dalam konteks Malaysia. Kajian ini menggunakan Sorotan Karya Sistemik (Systematic Literature Review, SLR) dengan kaedah PRISMA untuk meneliti kajian terdahulu yang diperolehi daripada pangkalan data Scopus dan Web of Science (WOS). Pencarian dilakukan menggunakan kata kunci berkaitan sokongan sosial atas talian dan warga emas. Proses saringan dan penapisan akhir dijalankan berdasarkan pematuhan terhadap objektif kajian, iaitu mengenal pasti jenis-jenis perkhidmatan sokongan sosial atas talian yang tersedia untuk warga emas. Akhirnya, sebanyak 16 artikel dipilih untuk dianalisis secara mendalam. Kajian mendapati empat bentuk utama sokongan sosial atas talian yang berperanan dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas iaitu sokongan melalui pembangunan teknologi, sosial media, penggunaan AI dan komuniti atas talian. Artikel ini membincangkan dapatan kajian dari perspektif Malaysia yang sedang berusaha untuk memperkukuhkan kesejahteraan mental warga emas menjelang 2030. Implikasi kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembangunan dasar dan inisiatif yang lebih komprehensif dalam menyokong keperluan sosial dan kesihatan mental warga emas melalui teknologi digital.

Kata kunci : sokongan sosial, atas talian, warga emas, teknologi, sorotan karya bersistemik

ABSTRACT

By the year 2030, Malaysia is expected to attain the status of an ageing nation, reflecting a significant increase in the elderly population. In line with the development of the digital era, online social support is gaining attention as a potential approach to addressing mental health challenges and the well-being of this group. Many countries have adopted digital technology to strengthen social support networks for the elderly, including the use of social media, virtual communication platforms, and specialized applications that facilitate interaction and access to assistance more easily. This study aims to analyze the forms of online social support implemented in various countries to help the elderly cope with the challenges arising from the increasingly widespread phenomenon of population ageing on a global scale. By examining the approaches and strategies applied in other nations, this study discusses the implications and feasibility of these digital social support models in the Malaysian context. This study employs a Systematic Literature Review (SLR) using the PRISMA method to examine previous studies obtained from the Scopus and Web of Science (WOS) databases. The search was conducted using keywords related to online social support and the elderly. The screening and final selection process was carried out based on

compliance with the study objectives, which aimed to identify the types of online social support services available for the elderly. Ultimately, 16 articles were selected for in-depth analysis. The study identifies four main forms of online social support that play a role in enhancing the well-being of the elderly: support through technological development, social media, AI applications, and online communities. This article discusses the study findings from the perspective of Malaysia, which is striving to strengthen elderly mental well-being by 2030. The implications of this study are expected to contribute to the development of more comprehensive policies and initiatives to support the social and mental health needs of the elderly through digital technology.

Keywords: Social support, online, elderly, technology, systematic literature review

PENDAHULUAN

Fenomena penuaan penduduk merupakan isu global yang semakin mendapat perhatian dalam bidang kesihatan dan pembangunan sosial. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (Kamiya et al. 2020), menjelang tahun 2030, satu daripada enam orang di dunia akan berumur 60 tahun ke atas, dengan jumlah warga emas meningkat daripada 1 bilion pada tahun 2020 kepada 1.4 bilion. Lebih membimbangkan, menjelang tahun 2050, populasi warga emas dijangka berganda kepada 2.1 bilion, manakala mereka yang berumur 80 tahun ke atas akan meningkat tiga kali ganda kepada 426 juta orang. Walaupun perubahan ini pada awalnya lebih ketara di negara-negara berpendapatan tinggi seperti Jepun, kini negara berpendapatan rendah dan sederhana turut menghadapi cabaran yang sama, sekali gus memberi implikasi besar terhadap sistem kesihatan, sokongan sosial, dan kesejahteraan psikologi warga emas di seluruh dunia.

Seiring dengan pertumbuhan ini, pelbagai cabaran mula dihadapi khususnya yang berkaitan dengan kesihatan mental, kesejahteraan sosial dan sokongan psikologi bagi warga emas. Salah satu cabaran utama ialah tekanan psikologi yang berpunca daripada perubahan gaya hidup, kehilangan pasangan hidup, serta pengurangan peranan sosial. Perasaan kesunyian dan kemurungan sering melanda warga emas, terutama yang tinggal bersendirian atau tidak mempunyai sistem sokongan yang kukuh (Kamiya et al. 2020). Selain itu, warga emas juga mengalami kebimbangan mengenai kesihatan diri, kestabilan kewangan, serta kebergantungan kepada orang lain untuk memenuhi keperluan harian. Kajian menunjukkan bahawa kadar kemurungan dalam kalangan warga emas adalah tinggi, terutamanya di negara membangun yang masih kekurangan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental (Lloyd-Sherlock et al. 2016).

Perubahan struktur keluarga dan urbanisasi telah mengurangkan interaksi antara generasi, menyebabkan ramai warga emas terpinggir daripada masyarakat. Jika dahulu warga emas sering tinggal bersama keluarga besar, kini semakin ramai yang tinggal bersendirian atau di rumah penjagaan. Keadaan ini menimbulkan isu kesejahteraan sosial kerana kekurangan interaksi sosial boleh membawa kepada pengasingan dan kesunyian (Victor & Bowling 2012). Ketidakaktifan sosial boleh memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental dan emosi warga emas, menjadikan mereka lebih berisiko mengalami kemurungan dan kekeliruan kognitif. Di samping itu, terdapat cabaran dalam menyesuaikan dasar sosial bagi memastikan warga emas terus terlibat dalam komuniti. Penyertaan aktif dalam kegiatan sosial, seperti program sukarelawan dan pusat komuniti, perlu diperluaskan bagi menggalakkan interaksi sosial dan mencegah pengasingan (Cattan et al. 2005). Perubahan demografi ini juga memberi kesan

besar terhadap kesihatan mental warga emas, yang sering terjejas akibat gangguan neurodegeneratif seperti demensia dan Alzheimer. Penyakit ini bukan sahaja menjejaskan individu yang mengalaminya, tetapi juga memberikan tekanan kepada penjaga dan keluarga (Prince et al. 2016). Selain itu, stigma terhadap penyakit mental dalam kalangan warga emas menyukarkan mereka mendapatkan rawatan yang diperlukan, menyebabkan ramai daripada mereka tidak menerima intervensi yang sewajarnya.

Perkembangan teknologi digital telah membawa perubahan ketara dalam cara sokongan sosial disampaikan, terutamanya melalui platform dalam talian. Penggunaan teknologi digital oleh warga emas semakin meningkat dan menawarkan pelbagai manfaat, termasuk mengekalkan hubungan sosial, mengakses maklumat kesihatan, serta mendapatkan bantuan secara maya. Kajian oleh (Chopik 2016) mendapati bahawa penggunaan media sosial dapat mengurangkan rasa kesunyian dalam kalangan warga emas. Melalui platform seperti WhatsApp, Facebook dan YouTube, warga emas boleh berinteraksi dengan keluarga dan rakan-rakan, berkongsi pengalaman serta mendapatkan maklumat kesihatan yang berguna. Melalui platform seperti WhatsApp, Facebook, dan YouTube, warga emas boleh berinteraksi dengan keluarga dan rakan-rakan, berkongsi pengalaman, serta mendapatkan maklumat kesihatan yang berguna. Selain itu, (He et al. 2024) melaporkan bahawa warga emas yang aktif menggunakan teknologi digital menunjukkan tahap kemurungan yang lebih rendah serta kesejahteraan psikologi yang lebih baik. Hal ini disebabkan oleh keupayaan mereka untuk terus berhubung dengan orang lain walaupun dalam keadaan fizikal yang terhad. Inovasi dalam teknologi kecerdasan buatan (AI) turut memainkan peranan dalam sokongan sosial digital seperti chatbot interaktif, sistem pemantauan kesihatan pintar dan platform komuniti atas talian yang membolehkan warga emas terus berhubung dengan masyarakat secara maya.

Malaysia juga tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran penuaan penduduk. Menjelang tahun 2030, negara dijangka mencapai status negara tua, di mana lebih daripada 15% daripada populasi terdiri daripada warga emas. Walaupun perubahan ini mencetuskan cabaran besar dalam aspek kesejahteraan sosial dan kesihatan mental, ia juga membuka peluang untuk menggunakan teknologi digital sebagai mekanisme sokongan sosial bagi meningkatkan kualiti hidup warga emas. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi digital dalam kalangan warga emas Malaysia masih terhad disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya:

1. Jurang digital – Tidak semua warga emas mempunyai akses kepada peranti pintar atau Internet yang stabil.
2. Kekurangan literasi digital – Ramai warga emas kurang mahir menggunakan teknologi moden.
3. Sikap dan persepsi terhadap teknologi – Sesetengah warga emas enggan atau takut untuk menggunakan perkhidmatan dalam talian.

Di Malaysia, beberapa inisiatif telah diperkenalkan untuk menangani cabaran ini. Program seperti latihan ICT oleh Perpustakaan Negara Malaysia, kursus teknologi oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) serta program komuniti digital oleh NGO bertujuan untuk meningkatkan literasi digital warga emas. Namun, masih banyak usaha perlu

dilakukan bagi memastikan lebih ramai warga emas dapat mengakses teknologi digital sebagai medium sokongan sosial. Oleh itu, kerajaan dan institusi kesihatan perlu memperkukuh sistem sokongan digital dengan menyediakan akses yang lebih luas kepada perkhidmatan kesihatan mental atas talian. Program kesedaran dan pendidikan mengenai kesihatan mental digital juga perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan stigma dan meningkatkan kualiti hidup warga emas (Kamiya et al. 2020).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bentuk sokongan sosial atas talian yang boleh memberi manfaat kepada warga emas, khususnya dalam mengatasi cabaran yang timbul akibat fenomena penuaan penduduk (*population ageing*) yang semakin meluas di peringkat global. Kajian ini juga akan membincangkan bagaimana model sokongan sosial digital yang telah dilaksanakan di negara lain boleh diadaptasi dalam konteks Malaysia, serta mencadangkan strategi bagi memperkukuh akses dan penggunaan teknologi digital dalam kalangan warga emas negara ini.

SOKONGAN SOSIAL TERHADAP WARGA EMAS

Sokongan sosial merujuk kepada bantuan yang diterima oleh individu melalui interaksi sosial mereka, termasuk dalam bentuk sokongan emosi, maklumat, dan material. Keperluan terhadap sokongan ini semakin meningkat bagi warga emas yang menghadapi pelbagai cabaran kehidupan, seperti kemerosotan kesihatan, kehilangan pasangan hidup, tekanan psikologi dan perubahan dalam persekitaran sosial. Sokongan sosial bukan sahaja menyediakan bantuan praktikal tetapi juga membantu membina daya tahan psikologi individu dalam menghadapi tekanan dan cabaran harian. Kajian menunjukkan bahawa warga emas yang mempunyai sistem sokongan sosial yang kukuh lebih berupaya menangani cabaran kehidupan dengan lebih positif dan kurang mengalami tekanan serta kemurungan (Arslan & Şahin 2025). (Ashaari et al. 2022) menekankan bahawa sokongan sosial memainkan empat peranan utama, iaitu menimbulkan rasa kekitaan dan keselamatan, memberikan kelegaan emosi, membantu menilai semula situasi serta memfasilitasi penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Selain memberi manfaat kepada kesejahteraan psikologi, sokongan sosial juga berperanan dalam menjaga kesihatan fizikal, di mana ia meningkatkan motivasi warga emas untuk menjaga diri, menjalani gaya hidup sihat serta mendapatkan rawatan perubatan yang diperlukan.

Warga emas yang menerima sokongan sosial yang baik lebih cenderung untuk mengekalkan daya kognitif yang optimum serta mengurangkan risiko kemerosotan mental. Hubungan sosial yang kukuh terbukti dapat mengurangkan kesunyian dan kemurungan serta meningkatkan kesejahteraan keseluruhan mereka (Cattan et al. 2005). Sebaliknya, kekurangan sokongan sosial boleh membawa kepada risiko kesihatan mental yang lebih serius seperti kemurungan dan kebimbangan, yang semakin meningkat dalam kalangan warga emas (Holt-Lunstad et al. 2015). Warga emas yang mengalami kesepian atau perasaan terpinggir sering menghadapi tekanan psikologi yang berpanjangan yang boleh meningkatkan risiko penyakit kronik seperti hipertensi dan diabetes, selain mempercepatkan kemerosotan kesihatan fizikal dan mental secara keseluruhan. Perkembangan teknologi digital telah mengubah cara sokongan sosial diberikan kepada warga emas terutamanya melalui platform dalam talian. Dengan kemudahan komunikasi digital, warga emas kini boleh mengekalkan hubungan sosial, mendapatkan maklumat kesihatan dan mengakses perkhidmatan bantuan melalui Internet.

Terdapat empat bentuk sokongan sosial atas talian yang memberi manfaat kepada kesejahteraan warga emas iaitu sokongan emosi, sokongan maklumat, sokongan praktikal dan sokongan kesihatan mental. Sokongan emosi merujuk kepada dorongan moral dan empati yang diberikan untuk membantu warga emas mengatasi tekanan dan kesunyian serta meningkatkan kesejahteraan psikologi mereka. Kajian menunjukkan bahawa warga emas yang mempunyai hubungan sosial yang baik mempunyai risiko kemurungan yang lebih rendah (Holt-Lunstad et al. 2015). Teknologi digital menyediakan pelbagai platform bagi warga emas untuk mengekalkan interaksi sosial, termasuk media sosial seperti WhatsApp, Facebook dan forum dalam talian yang membolehkan mereka terus berhubung dengan keluarga dan masyarakat. Sokongan maklumat pula memainkan peranan penting dalam membantu warga emas menguruskan kehidupan harian mereka. Ia merangkumi panduan dan pengetahuan mengenai kesihatan, pemakanan, serta program kesejahteraan yang dapat membantu mereka membuat keputusan yang lebih baik mengenai penjagaan diri dan kesihatan mental. Dengan akses kepada laman web kesihatan, video pendidikan di YouTube serta aplikasi kesihatan seperti MySejahtera, warga emas dapat memperoleh maklumat yang boleh meningkatkan kesedaran mereka tentang penjagaan kesihatan secara proaktif (Chopik 2016).

Seterusnya, sokongan praktikal adalah satu lagi aspek penting dalam kehidupan warga emas, yang merangkumi bantuan dalam bentuk penjagaan kesihatan, bantuan dalam aktiviti harian, serta sokongan kewangan. Melalui teknologi digital, platform seperti telemedicine dan aplikasi perkhidmatan penjagaan kesihatan membolehkan warga emas mendapatkan rawatan tanpa perlu hadir ke hospital. Selain itu, bantuan dalam bentuk pembelian barangan keperluan secara atas talian turut memudahkan mereka dalam menguruskan kehidupan harian tanpa perlu keluar rumah, sekali gus mengurangkan risiko keletihan dan keterasingan (Victor & Bowling 2012). Akhir sekali, sokongan kesihatan mental menjadi semakin penting dalam membantu warga emas menangani tekanan psikologi yang mereka hadapi. Pelbagai perkhidmatan kaunseling dan terapi atas talian telah diperkenalkan bagi membantu mereka menguruskan tekanan dan kemurungan. Penggunaan chatbot AI dan aplikasi kesihatan mental seperti *MindStrong* dan *Talkspace* membolehkan warga emas mendapatkan bantuan psikologi tanpa perlu menghadiri sesi secara fizikal (Prince et al. 2016). Rawatan awal terhadap masalah kesihatan mental ini boleh membantu mengurangkan kesan negatif jangka panjang serta meningkatkan kesejahteraan psikologi mereka.

Sumber sokongan ini merangkumi ahli keluarga, rakan-rakan, masyarakat, kerajaan dan institusi atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Keluarga sering menjadi sumber sokongan utama bagi warga emas, terutama dalam menyediakan bantuan emosi, fizikal dan kewangan (Ibrahim 2020). Namun, perubahan sosial seperti urbanisasi dan mobiliti tinggi telah mengurangkan peranan tradisional keluarga dalam menyokong warga emas terutamanya di negara-negara maju (Mohamad et al. 2017). Sebagai contoh, di Amerika Syarikat dan Eropah, peningkatan wanita dalam tenaga kerja dan model keluarga nuklear menyebabkan ramai warga emas tinggal bersendirian atau bergantung kepada perkhidmatan penjagaan jangka panjang (Mohamad et al. 2017).

Selain keluarga, komuniti dan rakan sebaya memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan sosial bagi warga emas. Di Jepun, kerajaan memperkenalkan program

komuniti seperti "Salons" yang berfungsi sebagai pusat interaksi sosial bagi warga emas, membantu mengurangkan kesunyian dan meningkatkan kesejahteraan mental mereka (Ibrahim 2020). Di banyak negara, pusat komuniti dan program sukarelawan turut diwujudkan untuk menyediakan ruang bagi warga emas menjalankan aktiviti sosial dan rekreasi yang meningkatkan kesejahteraan psikologi mereka (Mohamad et al. 2017). Malah, banyak kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar dan program untuk menyokong populasi warga emas yang semakin meningkat. Sebagai contoh, di Sweden, sistem penjagaan sosial yang komprehensif menyediakan perkhidmatan penjagaan di rumah dan kemudahan kediaman untuk warga emas tanpa mengira latar belakang kewangan mereka (Mohamad et al. 2017). Di Singapura, kerajaan menawarkan skim seperti Subsidi Penjagaan Jangka Panjang dan Program Bantuan Kewangan Perubatan untuk membantu warga emas mendapatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang lebih baik (Ibrahim 2020).

Tambahan lagi, NGO juga memainkan peranan penting dalam menyediakan sokongan sosial kepada warga emas. Di India, HelpAge India menawarkan pelbagai perkhidmatan termasuk penjagaan kesihatan, bantuan kewangan, dan program kesedaran hak untuk warga emas yang terpinggir (Mohamad et al. 2017). Di Amerika Syarikat, AARP (American Association of Retired Persons) berperanan dalam menyediakan sumber dan advokasi bagi memastikan hak serta kebajikan warga emas terus terpelihara (Mohamad et al. 2017). Secara keseluruhan, sokongan sosial bagi warga emas adalah usaha kolektif yang melibatkan pelbagai pihak, termasuk keluarga, masyarakat, kerajaan, dan NGO. Dengan peningkatan populasi warga emas secara global, keperluan untuk memperkukuhkan dan memperluaskan sumber sokongan ini menjadi semakin mendesak bagi memastikan kesejahteraan fizikal dan mental golongan ini terus terjaga (Ibrahim 2020).

SOKONGAN SOSIAL ATAS TALIAN TERHADAP WARGA EMAS

Penggunaan teknologi digital dalam menyediakan sokongan sosial atas talian telah memberikan kesan positif yang ketara terhadap kesejahteraan warga emas. Salah satu manfaat utama adalah keupayaannya dalam mengurangkan kesunyian dan kemurungan. Warga emas yang mempunyai akses kepada platform komunikasi dalam talian didapati mengalami tahap kemurungan yang lebih rendah berbanding mereka yang tidak menggunakannya. Kajian oleh (He et al. 2024) menunjukkan bahawa warga emas yang aktif menggunakan media sosial cenderung memiliki kesejahteraan psikologi yang lebih baik kerana mereka masih dapat berhubung dengan ahli keluarga dan rakan-rakan, walaupun dalam keadaan fizikal yang terhad.

Selain itu, teknologi digital juga memainkan peranan dalam meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental. Penggunaan telemedicine dan terapi atas talian membolehkan warga emas mendapatkan sokongan profesional dengan lebih mudah tanpa perlu hadir secara fizikal ke pusat rawatan. Aplikasi kesihatan mental yang direka khusus untuk golongan ini turut membantu mereka menguruskan tekanan dan kebimbangan melalui program intervensi digital yang interaktif dan mudah diakses. Dengan adanya kemudahan ini, warga emas berpeluang menerima rawatan kesihatan mental yang berterusan, sekali gus mengurangkan risiko kemurungan dan masalah psikologi lain.

Selain aspek kesihatan mental, teknologi digital juga memperkasakan warga emas dengan maklumat kesihatan yang lebih baik. Akses kepada laman web kesihatan, forum sokongan, dan aplikasi kesihatan digital membolehkan warga emas memperoleh informasi yang relevan bagi membantu mereka membuat keputusan yang lebih tepat mengenai kesihatan diri. Kempen kesihatan dalam talian juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan penyakit kronik, kepentingan aktiviti fizikal, serta amalan pemakanan seimbang yang dapat menyokong kesejahteraan keseluruhan mereka.

Di samping itu, teknologi digital turut menggalakkan aktiviti sosial dan komuniti digital dalam kalangan warga emas. Program komuniti digital membolehkan mereka menyertai kelab sosial maya, kumpulan hobi dalam talian, serta aktiviti kesukarelawanan digital yang memberikan peluang untuk terus aktif dalam komuniti. Melalui platform ini, warga emas dapat berinteraksi dengan rakan sebaya dan menyumbang kepada masyarakat secara maya, sekali gus meningkatkan rasa keterlibatan sosial serta mengurangkan perasaan terpinggir.

Walaupun teknologi digital menawarkan pelbagai manfaat dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas, masih terdapat beberapa cabaran yang perlu ditangani. Antaranya ialah jurang digital, kekurangan literasi digital, serta akses terhad kepada teknologi, terutamanya bagi warga emas yang tinggal di kawasan luar bandar. Ramai dalam kalangan mereka menghadapi kesukaran untuk memahami dan menggunakan peranti digital dengan berkesan, menyebabkan mereka kurang memanfaatkan teknologi sebagai sumber sokongan sosial. Oleh itu, usaha yang lebih menyeluruh perlu dilakukan bagi memperkukuh akses dan literasi digital dalam kalangan warga emas, termasuk melalui program latihan teknologi serta penyediaan infrastruktur yang lebih mesra pengguna. Dengan langkah-langkah ini, warga emas dapat menikmati kelebihan penuh yang ditawarkan oleh sokongan sosial atas talian, sekali gus meningkatkan kesejahteraan psikologi, sosial, dan kesihatan mereka secara menyeluruh.

SOKONGAN SOSIAL DIGITAL BAGI WARGA EMAS DI MALAYSIA

Kemajuan teknologi digital telah membuka peluang besar dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas melalui sokongan sosial dalam talian. Walau bagaimanapun, penerapan teknologi dalam kalangan warga emas masih menghadapi pelbagai cabaran, termasuk jurang digital, kekurangan literasi digital, dan kebergantungan kepada orang lain untuk mengakses teknologi. Oleh itu, pelbagai inisiatif dan pendekatan diperlukan bagi memastikan warga emas di Malaysia dapat memanfaatkan teknologi digital secara lebih menyeluruh. Usaha memperkasakan sokongan sosial digital ini boleh dilakukan melalui dasar dan program kerajaan, peranan NGO dan komuniti, serta strategi pengukuhan literasi digital.

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan akses kepada teknologi digital bagi warga emas, terutama dalam menangani kesunyian dan meningkatkan kesejahteraan sosial mereka. Program yang diperkenalkan bertujuan untuk menggalakkan penyertaan warga emas dalam teknologi digital serta menyediakan infrastruktur yang lebih mesra pengguna. Antara inisiatif utama adalah program Latihan ICT untuk Warga Emas yang dikendalikan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Program ini bertujuan untuk membantu warga emas memahami asas penggunaan teknologi digital seperti penggunaan telefon pintar, media sosial,

dan pencarian maklumat dalam talian. Kajian oleh (Ibrahim 2020) menunjukkan bahawa hanya 40% warga emas di Malaysia mempunyai akses kepada teknologi digital, manakala 25% daripadanya mempunyai kemahiran menggunakan aplikasi komunikasi seperti WhatsApp dan Facebook. Ini menunjukkan bahawa terdapat potensi besar dalam memperluaskan penggunaan teknologi digital untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas. Selain itu, program seperti MyDigital Blueprint dan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) juga memberi penekanan terhadap penyediaan infrastruktur Internet yang lebih stabil dan inklusif, termasuk kepada golongan warga emas. Kerajaan juga boleh mengambil inspirasi daripada inisiatif negara lain, seperti di Singapura, yang telah memperkenalkan program latihan digital khusus untuk warga emas bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam penggunaan teknologi.


Selain kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan komuniti juga memainkan peranan penting dalam memperkasakan sokongan sosial digital bagi warga emas. Sokongan daripada komuniti boleh membantu dalam membimbing, melatih, dan menggalakkan warga emas agar lebih celik teknologi serta mengurangkan ketakutan mereka terhadap penggunaan peranti digital. Banyak NGO di Malaysia telah mula mengambil inisiatif dalam menyediakan latihan teknologi dan akses kepada perkhidmatan digital untuk warga emas. Sebagai contoh, Yayasan MyAgeing Malaysia dan Generasi Digital Malaysia telah menjalankan bengkel teknologi bagi membantu warga emas menggunakan media sosial, aplikasi kesihatan digital, serta perkhidmatan dalam talian seperti perbankan digital dan telemedicine. Program Kesedaran Digital untuk Warga Emas yang dijalankan oleh NGO ini juga bertujuan untuk membantu warga emas memahami kepentingan teknologi serta cara menggunakannya dengan selamat.

Selain itu, komuniti setempat juga boleh memainkan peranan penting dalam mewujudkan ruang digital yang lebih mesra warga emas. Sebagai contoh, di United Kingdom, kerajaan dan komuniti bekerjasama dalam membangunkan platform digital komuniti yang menghubungkan warga emas dengan sukarelawan dan penyedia perkhidmatan sosial. Model ini boleh diaplikasikan di Malaysia bagi menggalakkan interaksi sosial digital serta mengurangkan kesunyian dalam kalangan warga emas. Di Jepun pula, kerajaan telah menggunakan robot sosial seperti Pepper Robot untuk membantu warga emas yang tinggal bersendirian mendapatkan interaksi sosial. Model ini boleh menjadi inspirasi bagi Malaysia dalam meneroka penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam sokongan sosial digital, seperti penggunaan chatbot AI yang boleh memberikan sokongan emosi dan maklumat kesihatan kepada warga emas.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan melalui kaedah sorotan karya bersistematik atau istilah Bahasa Inggeris dikenali dengan systematic literature review (SLR) dalam kerangka Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analyses (PRISMA) yang telah diperkenalkan oleh (Moher et al. 2010). Menurut (Iskandar 2022) pendekatan kualitatif digunakan adalah untuk mencari dan menemukan pengertian atau pemahaman tentang sesuatu peristiwa dalam suatu latar yang lebih khusus.


Kerangka PRISMA merupakan versi kerangka yang ditambah baik daripada versi Quality of Reporting Guidance of Meta-Analyses (QUAROM) (Moher et al. 2010) di mana PRISMA terdiri daripada 27 komponen senarai semak yang dipadatkan dalam bentuk senarai dan carta alir (Munusamy et al. 2022). Kerangka ini juga merupakan salah satu kerangka yang



paling banyak digunakan dalam artikel ulasan sistematis dengan tujuan membantu pengkaji dalam meningkatkan laporan ulasan sistematis dan meta-analisis serta membantu dalam penilaian kritis dalam ulasan sistematis yang diterbitkan (García-Peñalvo 2022).

Terdapat tiga langkah yang digariskan dalam metode SLR dalam kerangka PRISMA. Pertama ialah pengenalanpastian. Kedua, saringan dan kelayakan. Akhir sekali ialah rangkuman (rujuk Rajah 1). Namun, terdapat juga sesetengah pengkaji menyatakan empat langkah dalam kerangka PRISMA ini dengan mengasingkan saringan dan kelayakan menjadi langkah kedua dan langkah ketiga kepada masing-masing.

Rajah 1 PRISMA



Pengenalpastian

Langkah yang pertama merupakan fasa pengenalpastian. Pengenalpastian ialah proses mencari kata kunci yang berkaitan dengan tajuk kajian dengan memasukkan ke dalam format carian. Pada peringkat ini, kebiasaannya para pengkaji akan membuat carian dalam pangkalan data yang menempatkan artikel-artikel yang berkualiti seperti SCOPUS, Web of Science (WOS), MEDLINE, Google Scholar, SAGE Journal, Science Direct dan sebagainya. Artikel yang menjadi sumber untuk sorotan bersistematik dalam kajian ini diambil dari pangkalan data SCOPUS. Pangkalan data SCOPUS merupakan sumber artikel komprehensif yang memuatkan artikel ilmiah dalam pelbagai bidang (Ashaari et al. 2021) termasuklah kajian berkaitan perkhidmatan sosial kepada warga emas. Pada fasa ini, kata kunci yang relevan dengan fokus kajian telah dikenalpasti. Kata kunci yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada tiga terma iaitu, pertama: warga emas, kedua: perkhidmatan sosial dan ketiga: sosial media seperti dalam Jadual 1. Dalam pencarian tersebut penggunaan Operator Carian seperti AND, OR, AND NOT dan sebagainya mempengaruhi hasil carian. Penggunaan AND di antara kedua terma tersebut membawa maksud hasil pencarian hendaklah merangkumi semua istilah dan syarat kata kunci. Manakala OR pula bermaksud hasil pencarian boleh dijumpai tidak kira satu atau lebih kata kunci yang digunakan atau mana-mana dokumen yang mengandungi mana-mana kata kunci tersebut. Maka, jumlah dokumen yang didapati adalah sebanyak 3562 dapatan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kata Kunci

Terma	Kata Kunci	Jumlah dokumen
Warga emas	TITLE-ABS-KEY (elderly OR "older citizen")	3562
Sokongan sosial	("social support")	
Media sosial	(Internet OR "new media" OR "social media")	

Pada peringkat ini juga, mana-mana dokumen yang tidak dapat diakses akan disisihkan sebelum pergi ke langkah kedua iaitu fasa saringan. Maka, terdapat 1456 dokumen yang bukan akses terbuka telah disisihkan sehingga jumlah dokumen yang berbaki menjadi 2106 dan dokumen tersebut dibawa ke fasa saringan.

Saringan dan Kelayakan

Pada fasa saringan ini, sebanyak empat kriteria tapisan telah diaplikasikan. Kriteria tersebut merangkumi tempoh, bahasa, bidang dan jenis penulisan. Pertama, tempoh masa yang diambil adalah sepuluh tahun ke belakang iaitu antara 2019 hingga 2024. Sekatan penerbitan garis masa haruslah dilakukan agar dapat diketahui bahawa kajian yang berkaitan dilaporkan dalam jangka masa tertentu (Cumpston et al. 2019). Dokumen yang melebihi jangka masa sepuluh

tahun dianggap tidak relevan untuk diambil kerana pada era modenisasi ini, perubahan teknologi komunikasi semakin berkembang dengan sangat pesat (Ashaari et al. 2021). Kedua, bahasa yang dipilih hanyalah bahasa yang difahami oleh pengkaji iaitu Bahasa Inggeris agar proses analisis dapat dilakukan dengan lebih mudah. Ketiga, bidang kajian yang diterima hanyalah bidang Sains Sosial, Psikologi dan Sastera & Kemanusiaan kerana ketiga-tiga bidang berkait rapat dengan perkhidmatan sokongan sosial atas talian kepada warga emas. Keempat, jenis penulisan yang diambil hanyalah artikel jurnal. Berdasarkan kriteria-kriteria tersebut, sebanyak 1845 dokumen telah disisihkan daripada 2106 dokumen sehingga berbaki sebanyak 261 dokumen sahaja. Jadual 2 merupakan ringkasan kriteria penerimaan dan penolakan dalam proses saringan dokumen.

Jadual 2: Kriteria Penerimaan dan Penolakan

Bil	Kriteria	Penerimaan	Penolakan
1.	Tempoh masa	2019-2024	2018 dan ke bawah
2.	Bahasa	Bahasa Inggeris	Selain Bahasa Inggeris
3.	Bidang	Sains Sosial, Psikologi dan Sastera & Kemanusiaan	Selain Sains Sosial, Psikologi dan Sastera & Kemanusiaan
4.	Jenis penulisan	Artikel jurnal	Bukan artikel jurnal

Fasa kelayakan pula ialah proses saringan artikel secara manual melalui pembacaan abstrak dan diikuti dengan pemilihan artikel melalui bacaan penuh bagi meneliti kandungan yang menepati ciri-ciri pemilihan. Ciri-ciri penyisihan secara manual ini merangkumi perkara-perkara berikut iaitu mana-mana artikel yang tiada kaitan dengan jenis-jenis perkhidmatan sosial atas talian kepada warga emas seperti kajian tentang masalah-masalah kesihatan dalam kalangan warga emas seperti penyakit mental, kencing manis, demensia dan lain-lain, artikel tentang faktor penyumbang kepada masalah kesunyian dalam kalangan warga emas serta artikel kajian yang membahaskan isu dalam kalangan peringkat umur selain warga emas. 220 artikel daripada 261 artikel telah disisihkan dalam saringan secara manual melalui pembacaan abstrak. Kemudian, dengan artikel yang berbaki sebanyak 41, hanya 13 artikel telah dipilih melalui bacaan penuh untuk dimasukkan dalam analisis kajian di mana kesemua artikel tersebut memenuhi ciri-ciri pemilihan dan sebanyak 28 artikel telah disingkirkan. Hasil daripada rangkuman artikel yang telah disaring, sebanyak 13 artikel yang diperolehi. Empat tema utama yang dianalisis iaitu teknologi membantu sokongan sosial, platform media sosial membantu mengurangkan masalah kesunyian dalam kalangan warga emas seperti WeChat, Line dan Facebook, penggunaan AI untuk membantu sokongan sosial dan komuniti atas talian untuk perbincangan berkaitan dengan kesihatan.

HASIL KAJIAN

Sebanyak 13 artikel yang terpilih untuk dianalisis seperti yang dinyatakan dalam metodologi kajian. Rujuk Jadual 1 bagi ringkasan kajian secara umum.

Jadual 3: Keseluruhan artikel

BIL	PENGARANG	TAJUK ARTIKEL	TAHUN DAN LOKASI	METODOLOGI KAJIAN
1	Rodríguez-Giralt I.; López-Gómez D.; Beneito-Montagut R.	Digital Social Connectedness as a Lifeline for Older People: Use and Non-use of VinclesBCN During the Pandemic	2024 Barcelona	Kualitatif (temubual : 12 pengguna, 6 pekerja sosial) dan kuantitatif (soal selidik 255 sampel)
2	Li K.S.; Nagallo N.; McDonald E.; Whaley C.; Grindrod K.; Boluk K.	Implementing Technology Literacy Programs in Retirement Homes and Residential Care Facilities: Conceptual Framework	2021 Kanada	-framework model exploration-Domain mapping
3	Wei N.; Sun D.; Huang W.	Effects of WeChat use on the subjective health of older adults	2022 China	Kuantitatif (data tinjauan Kajian Longitudinal Kesihatan dan Persaraan China (CHARLS) 2018) -target umur 45 tahun ke atas - jumlah sampel : 5442 sampel valid -pemboleh ubah yang digunakan personal variables (age, gender, education, income, marital status, and physical condition) and household variables (living with children or not, place of residence)
4	Park, S.; Kim B.	The impact of everyday AI-based smart speaker use on the well-being of older adults living alone	2022 Korea Selatan	Kuantitatif -291 sampel - melalui survey
5	Kim M.; Oh J.; Kim B.	Experience of digital music services and digital self-efficacy among older adults: Enjoyment and anxiety as mediators	2021 Korea Selatan	Kuantitatif -623 sampel warga Korea -Umur 60 tahun ke atas
6	Hsu L.-J.; Yueh H.- P.; Hsu S.-H.	Subjective Social Capital and Loneliness for the Elderly: The Moderator Role of Line and Facebook Use	2021 Taiwan	Kuantitatif -target umur 55 tahun ke atas -survey -2138 sampel -Pemboleh ubah > Independent (social capital), Dependent (level

				of loneliness)
7	Alzyoudi M.; Mazroui K.A.	ChatGPT as a coping mechanism for social isolation: An analysis of user experiences and perceptions of social support	2024	Kuantitatif -cross sectional survey -target umur : 50 tahun ke atas -jumlah sampel : 65 peserta -pemboleh ubah yang digunakan: pengasingan sosial, penggunaan ChatGPT, persepsi sokongan sosial dalam kalangan warga emas
8	He L.; Adnan H.B.M.; Fauzi A.; Bin Ibrahim M.S.	The effect of social media engagement on social integration of elderly migrants in China: the mechanism of perceived social support and psychological resilience	2024	Kuantitatif -cross sectional online survey -target umur : 55 tahun ke atas -jumlah sampel: 1001 -pemboleh ubah: social media dependencies, intensity of social media use, social media engagement, perceived social support, psychological resilience , social integration
9	Jones V.K.; Yan C.; Shade M.Y.; Boron J.B.; Yan Z.; Heselton H.J.; Johnson K.; Dube V.	Reducing Loneliness and Improving Social Support among Older Adults through Different Modalities of Personal Voice Assistants	2024	Kuantitatif - target umur: 50 tahun ke atas -jumlah sampel: 34 orang -pembolehubah : baseline loneliness, post-study loneliness, baseline social support, post-study social support
10	Rui J.R.	Health Information Sharing via Social Network Sites (SNSs): Integrating Social Support and Socioemotional Selectivity Theory	2023 China	Kuantitatif -tinjauan atas talian -519 sampel
11	Ma D.; Zuo M.	Unconscious or conscious? The impacts of habit and social support receipt on older adults' continued participation in online health communities	2022	2 proses model
12	Chang P.F.; Bazarova N.N.; Wethington E.	How Older Adults with Chronic Pain Manage Social Support Interactions with	2022	Kualitatif

13	Johnson J.; Black R.W.; Hayes G.R.	Roles in the Discussion: An Analysis of Social Support in an Online Forum for People with Dementia	2020	Kualitatif
----	------------------------------------	--	------	------------

Kajian mendapati empat bentuk utama sokongan sosial atas talian yang berperanan dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas iaitu sokongan melalui pembangunan teknologi, sosial media, penggunaan AI dan komuniti atas talian.

Sokongan sosial melalui pembangunan teknologi digital

Dalam era digital yang pesat membangun, teknologi memainkan peranan penting dalam menyokong hubungan sosial, khususnya dalam kalangan warga emas. Peningkatan penggunaan teknologi atas talian telah membuka ruang kepada pelbagai inovasi yang membantu mengurangkan kesunyian, meningkatkan kesejahteraan serta memudahkan akses kepada sokongan sosial. Dapatan kajian di atas mendapati terdapat 4 bentuk teknologi atas talian menjadi sokongan sosial kepada warga emas seperti Jadual 3.

Jadual 4 : Sokongan sosial melalui pembangunan teknologi digital

BIL	TEKNOLOGI SOKONGAN ATAS TALIAN	SOSIAL	RUJUKAN
1	Aplikasi VinclesBCN		Rodríguez-Giralt, López-Gómez, Beneito-Montagut (2020)
2	Kit Alatan Terjemahan untuk Program Literasi Teknologi		Li K.S.; Nagallo N.; McDonald E.; Whaley C.; Grindrod K.; Boluk K. (2021)
3	Teknologi Mudah Alih		Chang P.F.; Bazarova N.N.; Wethington E (2022)
4	Perkhidmatan Muzik Digital		Kim M.; Oh J.; Kim B (2021)

Penggunaan teknologi digital untuk menyokong hubungan sosial telah menjadi semakin relevan, terutama dalam kalangan warga emas. Sebagai contoh, aplikasi seperti VinclesBCN di Barcelona menyediakan ruang maya untuk interaksi sosial dan sokongan emosi. Aplikasi ini menawarkan saluran bertema, ruang perbincangan, panggilan video, dan mesej teks atau suara. Semasa pandemik COVID-19, aplikasi ini terbukti mengurangkan kesunyian dan meningkatkan kesejahteraan warga emas (Rodríguez-Giralt et al. 2024). Di Kanada pula, program literasi teknologi seperti enTECH membantu warga emas memahami teknologi, memberikan mereka alat untuk mengakses sumber sokongan sosial secara lebih berkesan (Li et al. 2022). Manakala kemudahan teknologi mudah alih banyak memberi sumbangan untuk memenuhi keperluan sosial, emosi dan perhubungan interpersonal dalam kehidupan warga emas melalui sokongan sosial yang disediakan (Chang et al. 2022). Selain itu, pengalaman perkhidmatan muzik digital melalui telefon pintar, komputer dan pembantu maya AI yang diaktifkan suara dalam kalangan warga emas yang tinggal bersendirian memberi kesan positif ke atas kecekapan diri (Kim et al. 2021).

Justeru penggunaan teknologi digital semakin penting dalam menyokong hubungan sosial warga emas. Menurut (Rodríguez-Giralt et al. 2024) aplikasi VinclesBCN membuktikan keberkesannya dalam mengurangkan kesunyian dan meningkatkan kesejahteraan melalui interaksi maya, manakala kit alatan terjemahan dalam program literasi teknologi seperti enTECH membantu warga emas menguasai teknologi untuk mengakses sokongan sosial dengan lebih baik. Teknologi mudah alih turut berperanan dalam memenuhi keperluan emosi dan perhubungan interpersonal mereka. Selain itu, penggunaan perkhidmatan muzik digital melalui telefon pintar, komputer dan pembantu maya AI memberikan kesan positif terhadap kecekapan diri warga emas yang tinggal bersendirian. Secara keseluruhan, teknologi memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan sosial dan emosi golongan ini.

Sokongan sosial melalui media sosial

Media sosial memainkan peranan penting dalam mengurangkan kesunyian dan meningkatkan kesihatan mental warga emas. Penggunaan platform seperti WeChat, Facebook, Line, TikTok dan QQ membantu mereka mengekalkan hubungan dengan keluarga dan rakan, membina interaksi sosial yang lebih erat serta mendapatkan sokongan emosi seperti Jadual 5.

Jadual 5 : Platform Media Sosial Yang Menawarkan Sokongan Sosial Kepada Warga Emas

BIL	PLATFORM MEDIA SOSIAL	RUJUKAN
1	WeChat	Wei N.; Sun D.; Huang W. (2022) dan Rui J.R (2023)
2	Facebook dan Line	Hsu L.-J.; Yueh H.-P.; Hsu S.-H (2021).
3	WeChat, TikTok dan QQ	He L.; Adnan H.B.M.; Fauzi A.; Bin Ibrahim M.S. (2024)

Penggunaan media sosial seperti WeChat, Line, TikTok, QQ dan Facebook memainkan peranan penting dalam mengurangkan kesunyian dalam kalangan warga emas. Di China, kajian mendapati penggunaan WeChat memberikan kesan positif terhadap kesihatan subjektif dengan warga emas lelaki lebih mendapat manfaat dalam penilaian kesihatan fizikal, manakala warga emas wanita lebih terkesan dalam aspek kesihatan mental (Wei et al. 2022). Dan kajian oleh (Rui 2023) menunjukkan penggunaan WeChat menawarkan sokongan emosi dan maklumat kepada penggunanya. Di Taiwan, kajian menunjukkan penggunaan Line dan Facebook meningkatkan modal sosial serta membantu mengatasi kesunyian dengan cara membina hubungan peribadi yang lebih erat dan berasaskan kepercayaan (Hsu et al. 2021). Kajian oleh (He et al. 2024) terhadap imigran warga emas di China menunjukkan aplikasi seperti Facebook, WeChat dan QQ membolehkan mereka berkomunikasi dengan lebih berkesan dengan penduduk tempatan dan meluaskan rangkaian sosial mereka. Pada masa yang sama, berhubung dengan ahli keluarga dan rakan yang jauh melalui media sosial membolehkan warga emas migran merasakan sokongan emosi melalui hubungan digital.

Secara tuntasnya, media sosial terbukti berkesan dalam membantu warga emas mengatasi kesunyian dan masalah kesihatan mental. Melalui platform seperti WeChat, Facebook, dan QQ, mereka dapat berkomunikasi dengan lebih mudah serta memperluaskan rangkaian sosial. Interaksi digital memberi mereka ruang untuk berkongsi pengalaman, mendapatkan sokongan emosi dan mengurangkan tekanan. Oleh itu, penggunaan media sosial perlu digalakkan dalam kalangan warga emas sebagai satu cara untuk meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup mereka.

Sokongan sosial melalui kecerdasan buatan (AI)

Kecerdasan buatan (AI) semakin mendapat perhatian dalam menyediakan sokongan sosial atas talian kepada warga emas. Teknologi seperti AI-powered personal voice assistants (PVAs), pembesar suara pintar, dan chatbot AI menawarkan interaksi yang dapat mengurangkan kesunyian serta meningkatkan kesejahteraan emosi seperti Jadual 6.

Jadual 6 : Bentuk Penggunaan AI Membantu Sokongan Sosial Atas Talian Kepada Warga Emas

BIL	BENTUK AI MEMBANTU SOKONGAN SOSIAL	RUJUKAN
1	<i>AI-powered personal voice assistants (PVAs), audio dan video based VAT (Amazon Alexa™)</i>	Jones V.K.; Yan C.; Shade M.Y.; Boron J.B.; Yan Z.; Heselton H.J.; Johnson K.; Dube V. (2024)
2	ChatGPT	Alzyoudi M.; Mazroui K.A. (2024)
3	Pembesar suara pintar berasaskan AI	Park, S.; Kim B. (2022)

Perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah membuka peluang baharu dalam sokongan sosial atas talian. Kajian oleh (Jones et al. 2024) menunjukkan AI-powered personal voice assistants (PVAs) seperti Amazon Alexa™ bukan sahaja berinteraksi dengan pengguna tetapi juga menghubungkan mereka dengan rangkaian sokongan sosial melalui panggilan. Komponen sokongan sosial dalam PVAs membantu menangani kesunyian dengan aktiviti seperti jenaka, teka-teki dan permainan interaktif untuk merangsang kognisi. Selain itu, PVAs dapat mengurangkan tekanan melalui meditasi dan muzik serta meningkatkan hubungan sosial dengan sapaan harian dan panggilan audio atau video kepada keluarga dan rakan. Manakala pembesar suara pintar berasaskan AI bukan sahaja berfungsi sebagai pembesar suara untuk memainkan audio, tetapi juga berperanan sebagai pembantu peribadi digital yang dapat memahami, memberi respons dan melaksanakan arahan pengguna melalui perintah suara. Ia membantu kurangkan tekanan dan kesunyian warga emas di Korea Selatan terutama yang tinggal seorang diri (Park & Kim 2022). Di samping itu, aplikasi seperti ChatGPT menyediakan sokongan sosial melalui algoritma pemprosesan bahasa semula jadi yang memahami emosi dan nuansa dalam perbualan sekaligus memberikan respons yang menyokong dan empati (Alzyoudi & Al Mazroui 2024).

Penggunaan AI dalam sokongan sosial atas talian terbukti memberi manfaat kepada warga emas, terutamanya dalam mengurangkan kesunyian dan tekanan. PVAs membantu merangsang kognisi melalui permainan interaktif dan muzik, sementara pembesar suara pintar

berfungsi sebagai rakan komunikasi yang memahami keperluan pengguna. Selain itu, chatbot seperti ChatGPT menyediakan interaksi yang lebih bersifat manusiawi, membolehkan warga emas merasa lebih dihargai dan didengari. Oleh itu, AI merupakan satu inovasi penting dalam memperkasakan kesejahteraan sosial dan emosi warga emas di dunia moden.

Sokongan sosial melalui Komuniti Dalam Talian

Komuniti dalam talian telah menjadi platform penting dalam perbincangan kesihatan khususnya bagi warga emas yang mengalami penyakit kronik. Melalui komuniti kesihatan dalam talian dan forum online, individu dapat berkongsi pengalaman, mendapatkan maklumat serta menerima sokongan emosi daripada mereka yang menghadapi cabaran kesihatan yang serupa seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 : Komuniti Dalam Talian untuk Perbincangan Kesihatan

BIL	BENTUK KOMUNITI DALAM TALIAN	RUJUKAN
1	Komuniti kesihatan dalam talian (<i>OHCs</i>)	Ma D.; Zuo M. (2022)
2	Forum online	Johnson J.; Black R.W.; Hayes G.R (2020)

Dalam kajian di China, komuniti kesihatan dalam talian berfungsi sebagai pelengkap kepada sistem penjagaan kesihatan tradisional dengan membantu individu mengurus tingkah laku kesihatan mereka secara lebih berkesan (Ma & Zuo 2022). Sementara itu, forum dalam talian untuk pesakit demensia memberikan sokongan emosi, maklumat dan rangkaian persahabatan kepada pesakit dan penjaga mereka melalui perbincangan maya, mereka dapat mencari pemahaman, galakan dan rujukan yang relevan (Johnson et al. 2020).

Kewujudan komuniti dalam talian memberi manfaat besar kepada warga emas, terutama dalam mengurus kesihatan mereka secara lebih berkesan. Selain menyediakan maklumat yang relevan, platform ini juga berfungsi sebagai sokongan sosial yang membantu pesakit dan penjaga mereka menghadapi cabaran kesihatan dengan lebih baik. Dengan terus berkembangnya teknologi, komuniti dalam talian akan terus menjadi elemen penting dalam meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup warga emas

PERBINCANGAN

Dalam dunia yang semakin digital, teknologi bukan sahaja mengubah cara manusia bekerja dan berkomunikasi, tetapi juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan golongan warga emas. Berbeza dengan generasi muda yang lebih mahir menggunakan teknologi, warga emas sering berdepan dengan cabaran dalam mengadaptasi perubahan ini. Namun, dengan inisiatif yang betul, teknologi boleh menjadi alat yang berkuasa dalam membina jaringan sosial, meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan, serta mengurangkan kesunyian dan tekanan emosi dalam kalangan warga emas.

Menyedari kepentingan ini, Malaysia telah mengambil pelbagai langkah proaktif untuk memperkasa warga emas melalui sokongan sosial digital. Kerajaan, keluarga, masyarakat dan

institusi bukan kerajaan (NGO) memainkan peranan penting dalam memastikan warga emas tidak ketinggalan dalam arus pendigitalan. Melalui pembangunan teknologi, penggunaan media sosial, kecerdasan buatan (AI) dan pembentukan komuniti atas talian pelbagai inisiatif telah diperkenalkan bagi memastikan golongan ini dapat terus menjalani kehidupan yang berkualiti dan bermakna (Rujuk Jadual 8). Perbincangan ini akan meneliti usaha-usaha yang telah dijalankan di Malaysia dalam menyediakan sokongan sosial atas talian kepada warga emas serta impaknya terhadap kesejahteraan mereka.

Jadual 8 : Bentuk Sokongan Sosial Atas Talian Kepada Warga Emas di Malaysia

Pihak	PEMBANGUNAN TEKNOLOGI	MEDIA SOSIAL	PENGGUNAAN AI	KOMUNITI ATAS TALIAN
Kerajaan	Portal eWarga Emas, MyDigital Blueprint, JENDELA, Latihan ICT untuk Warga Emas	Latihan ICT untuk warga emas oleh Perpustakaan Negara & MCMC	Membangunkan sistem AI dalam sektor kesihatan, meneroka teknologi AI untuk warga emas	Program PAWE (Pusat Aktiviti Warga Emas) dan inisiatif komuniti digital
Keluarga	Menyediakan peranti mesra warga emas, mengajar penggunaan aplikasi digital	Membantu warga emas mengakses dan menggunakan WhatsApp, Facebook, dan Zoom	Menyediakan peranti pintar AI seperti smartwatch untuk pemantauan kesihatan	Mendaftarkan warga emas ke dalam komuniti atas talian seperti kelab buku digital
Masyarakat	Menganjurkan program celik teknologi di pusat komuniti	Mewujudkan kumpulan media sosial komuniti bagi warga emas	Menganjurkan program kesedaran tentang AI bagi warga emas	Mewujudkan kumpulan sokongan dalam talian untuk interaksi sosial
Institusi/NGO	Menyediakan kelas teknologi dan program kesedaran digital bagi warga emas	Mewujudkan platform media sosial khas untuk sokongan psikososial warga emas	Bekerjasama dengan sektor teknologi untuk membangunkan aplikasi AI mesra warga emas	Menyediakan program sukarelawan digital dan pendamping sosial dalam talian

Sokongan Sosial melalui Pembangunan Teknologi

Pembangunan teknologi merupakan langkah asas dalam memastikan warga emas dapat mengakses dunia digital dengan lebih mudah dan mesra pengguna. Menyedari kepentingan ini, kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Portal eWarga Emas, MyDigital Blueprint, JENDELA, serta program Latihan ICT untuk warga emas bagi meningkatkan literasi digital golongan ini (Ashaari et al. 2023). Program-program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada warga emas mengenai cara penggunaan teknologi asas, sekaligus membantu mereka menyesuaikan diri dengan perkembangan digital.

Selain itu, keluarga juga berperanan dalam menyokong penggunaan teknologi dengan menyediakan peranti yang mesra warga emas dan mengajar mereka cara menggunakan aplikasi digital seperti e-banking dan telemedicine. Kajian menunjukkan bahawa warga emas yang memiliki akses kepada peranti digital dan mendapat bimbingan daripada ahli keluarga cenderung untuk lebih berdaya tahan dan kurang mengalami masalah kemurungan serta kesunyian (Ashaari et al. 2023).

Di peringkat masyarakat, pusat komuniti telah menganjurkan program celik teknologi untuk membantu warga emas menguasai penggunaan telefon pintar dan komputer. Manakala NGO pula telah memainkan peranan dalam menyediakan kelas teknologi serta program kesedaran digital bagi memastikan warga emas tidak ketinggalan dalam perkembangan teknologi moden (Ashaari et al. 2023).

Sokongan Sosial melalui Media Sosial

Media sosial telah terbukti sebagai alat yang berkesan dalam membina jaringan sosial dan mengurangkan kesunyian dalam kalangan warga emas. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan platform seperti WhatsApp, Facebook, dan Zoom membolehkan mereka kekal berhubung dengan ahli keluarga, rakan-rakan, dan komuniti dalam talian, yang seterusnya meningkatkan kesejahteraan emosi mereka (Ashaari et al. 2023).

Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah dengan menyediakan latihan ICT untuk warga emas melalui Perpustakaan Negara dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi mengajar mereka menggunakan media sosial dengan selamat. Dalam konteks keluarga, anak-anak dan cucu-cucu membantu warga emas dalam mengakses media sosial, membolehkan mereka berkongsi pengalaman dan berkomunikasi secara aktif.

Selain itu, masyarakat turut berperanan dalam mewujudkan kumpulan media sosial komuniti bagi warga emas di mana mereka boleh berkongsi maklumat, mendapatkan nasihat, dan terlibat dalam aktiviti maya yang bermakna. NGO pula telah membangunkan platform media sosial khas yang memberi sokongan psikososial kepada warga emas yang mengalami kesunyian atau masalah kesihatan mental (Ashaari et al. 2023).

Sokongan Sosial melalui Penggunaan AI (Kecerdasan Buatan)

Teknologi kecerdasan buatan (AI) semakin digunakan dalam sektor kesihatan bagi membantu warga emas dalam kehidupan seharian. Di Malaysia, kerajaan telah membangunkan sistem AI dalam sektor kesihatan yang membolehkan pemantauan kesihatan warga emas secara digital. Teknologi ini digunakan untuk menganalisis data kesihatan mereka dan memberikan amaran awal sekiranya terdapat sebarang risiko penyakit kronik (Ashaari et al. 2023).

Di peringkat keluarga, ahli keluarga menyediakan peranti pintar AI seperti smartwatch bagi membantu warga emas memantau tekanan darah, kadar denyutan jantung, serta aktiviti harian mereka. Hal ini dapat membantu mengurangkan risiko masalah kesihatan yang tidak dikesan lebih awal. Masyarakat juga memainkan peranan dengan menganjurkan program kesedaran tentang AI bagi membantu warga emas memahami cara teknologi ini boleh digunakan untuk meningkatkan kesihatan dan keselamatan mereka. Sementara itu, NGO pula bekerjasama dengan syarikat teknologi dalam membangunkan aplikasi AI mesra warga emas, yang menyediakan perkhidmatan peringatan ubat, perundingan kesihatan dalam talian, dan pemantauan jarak jauh (Ashaari et al. 2023).

Sokongan Sosial melalui Komuniti Atas Talian

Pembentukan komuniti atas talian merupakan satu lagi pendekatan penting dalam meningkatkan kesejahteraan sosial warga emas. Melalui inisiatif seperti Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan program komuniti digital, kerajaan Malaysia telah mewujudkan pelbagai platform dalam talian bagi membolehkan warga emas berinteraksi dan menjalankan aktiviti sosial secara maya (Ashaari et al. 2023).

Di peringkat keluarga, anak-anak dan saudara mara berperanan dengan mendaftarkan warga emas ke dalam komuniti atas talian seperti kelab buku digital atau forum interaksi sosial yang membolehkan mereka berkomunikasi dengan individu yang mempunyai minat yang sama. Di peringkat masyarakat, usaha telah dijalankan untuk mewujudkan kumpulan sokongan dalam talian yang memberi peluang kepada warga emas untuk berkongsi pengalaman dan mendapatkan sokongan emosi daripada individu lain yang menghadapi cabaran yang serupa. NGO juga menyumbang kepada usaha ini dengan menyediakan program sukarelawan digital dan pendamping sosial dalam talian, yang membolehkan sukarelawan membantu warga emas dalam pelbagai aspek kehidupan seharian (Ashaari et al. 2023).

Secara keseluruhan, keempat-empat bentuk sokongan sosial atas talian ini memainkan peranan yang signifikan dalam memastikan kesejahteraan warga emas, terutama dalam menghadapi cabaran digitalisasi dan perubahan sosial. Dengan sokongan daripada kerajaan, keluarga, masyarakat, dan NGO, warga emas dapat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti dan bebas daripada kesunyian atau kesulitan akibat teknologi yang semakin maju. Kajian oleh Ashaari M.F. menunjukkan bahawa pendekatan bersepadu ini bukan sahaja membantu meningkatkan kesejahteraan mental dan sosial warga emas tetapi juga memperkasakan mereka untuk terus aktif dalam masyarakat digital (Ashaari et al. 2023).

IMPLIKASI

Seiring dengan perubahan demografi global, populasi warga emas semakin meningkat, menuntut strategi yang lebih holistik dalam memastikan kesejahteraan mereka. Kajian ini menekankan peranan sokongan sosial atas talian sebagai salah satu pendekatan penting dalam meningkatkan kualiti hidup warga emas, khususnya dalam aspek kesihatan mental, interaksi sosial dan akses kepada maklumat serta perkhidmatan digital .

Dalam konteks dasar dan pelan strategik, dapatan kajian ini memberi gambaran jelas tentang keperluan untuk menyesuaikan polisi sedia ada agar lebih inklusif terhadap keperluan warga emas dalam era digital. Meskipun Malaysia telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN), masih terdapat ruang penambahbaikan bagi memperkukuh penyertaan digital warga emas serta memperluas akses mereka terhadap sokongan sosial dalam talian.

Kajian ini menunjukkan keperluan untuk memperkukuh dasar berkaitan warga emas dengan memberi penekanan kepada penggunaan teknologi digital sebagai medium utama dalam menyampaikan perkhidmatan sokongan sosial. Sejajar dengan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) yang menekankan kesejahteraan, penghormatan, dan penyertaan aktif warga emas dalam masyarakat, sokongan sosial atas talian boleh dijadikan sebagai satu komponen utama dalam memastikan matlamat ini tercapai (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga

dan Masyarakat, 2021). Antara aspek dasar yang boleh diperkukuh berdasarkan kajian ini termasuk:

- i. Memperluaskan akses kepada teknologi digital bagi warga emas melalui penyediaan peranti mesra pengguna serta latihan khusus yang berterusan bagi meningkatkan celik digital dalam kalangan mereka.
- ii. Meningkatkan integrasi sokongan sosial digital dalam perkhidmatan kerajaan seperti e-kesihatan, perkhidmatan telemedicine, dan aplikasi khas untuk warga emas.
- iii. Memastikan keselamatan siber dan privasi data warga emas ketika mereka menggunakan teknologi atas talian bagi mengelakkan eksploitasi atau penipuan dalam talian yang semakin meningkat.

Penyesuaian dasar ini bukan sahaja akan meningkatkan penyertaan digital warga emas tetapi juga memastikan mereka tidak terpinggir dalam perkembangan teknologi yang semakin pesat.

Walaupun, Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah digubal untuk memastikan kesejahteraan warga emas secara menyeluruh namun masih terdapat beberapa aspek yang boleh diperbaiki dan diperkembangkan, khususnya dalam konteks sokongan sosial atas talian. Berdasarkan dapatan kajian, beberapa elemen yang masih belum dilaksanakan secara menyeluruh dalam PTWEN adalah:

- i. Kurangnya inisiatif untuk membangunkan komuniti digital khusus bagi warga emas, di mana mereka boleh berinteraksi secara maya dengan kumpulan sokongan dan mendapatkan maklumat berkaitan kesihatan dan kesejahteraan.
- ii. Penggunaan AI dalam sektor penjagaan kesihatan warga emas masih terhad dan perlu diperluaskan dengan pembangunan teknologi pemantauan kesihatan berasaskan AI yang lebih mesra pengguna dan mudah diakses.
- iii. Pelan strategik bagi menangani kesunyian digital dalam kalangan warga emas masih belum diberi perhatian khusus, walaupun kajian menunjukkan bahawa sokongan sosial atas talian boleh mengurangkan isu kesepian dan kemurungan dalam kalangan mereka.

Penambahbaikan dalam pelan strategik ini boleh memberi impak positif kepada warga emas dengan memastikan mereka terus aktif dalam masyarakat, mendapat akses kepada perkhidmatan yang relevan, serta mempunyai sistem sokongan sosial yang kukuh dalam era digital.

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penyesuaian dasar dan pelan strategik yang lebih komprehensif adalah penting untuk memastikan warga emas dapat menikmati manfaat sepenuhnya daripada teknologi digital. Dengan memperkukuh dasar warga emas dan melengkapkan PTWEN dengan elemen sokongan sosial atas talian yang lebih menyeluruh Malaysia dapat memastikan kesejahteraan golongan ini terjamin dalam jangka panjang.

KESIMPULAN

Kajian ini menyoroti kepentingan sokongan sosial atas talian sebagai salah satu elemen utama dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas di era digital. Dalam menghadapi cabaran kesunyian, tekanan psikologi serta akses kepada maklumat dan perkhidmatan, pembangunan teknologi, media sosial, penggunaan AI dan komuniti maya telah membuktikan keberkesannya dalam memperkukuh hubungan sosial serta memberikan sokongan emosi dan praktikal. Warga emas kini tidak lagi terbatas kepada interaksi fizikal semata-mata tetapi dapat terus berhubung dengan ahli keluarga, rakan-rakan dan komuniti melalui teknologi yang semakin berkembang.

Namun, kejayaan sokongan sosial atas talian bergantung kepada beberapa faktor kritikal termasuk tahap celik digital warga emas, kesediaan mereka untuk menerima teknologi serta akses yang adil kepada infrastruktur digital. Selain itu, peranan keluarga, masyarakat, kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) juga sangat penting dalam membimbing dan menggalakkan warga emas agar lebih yakin dalam menggunakan teknologi.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa sokongan sosial atas talian bukan sekadar pilihan tetapi satu keperluan dalam memastikan warga emas terus aktif, berdaya tahan dan menikmati kehidupan yang lebih berkualiti. Oleh itu, usaha bersepadu dari pelbagai pihak termasuk kerajaan, institusi swasta, NGO dan masyarakat amat diperlukan bagi membangunkan ekosistem digital yang inklusif serta mesra warga emas. Dengan langkah yang strategik dan menyeluruh, kita bukan sahaja dapat memperkukuh kesejahteraan warga emas tetapi juga membina sebuah masyarakat yang lebih penyayang, progresif dan bersedia menghadapi cabaran penuaan penduduk di peringkat global.

RUJUKAN

- Alzyoudi, M. & Al Mazroui, K. 2024. ChatGPT as a coping mechanism for social isolation: An analysis of user experiences and perceptions of social support. *Online Journal of Communication and Media Technologies* 14(3): e202433.
- Arslan, G. & Şahin, D. S. 2025. Perceived stress and death-related distress in older adults: Exploring the role of social support and emotional loneliness. *Death Studies* 1-9.
- Ashaari, M. F., Norhisham, N. a. S., Rasit, R. M. & Abd Khafidz, H. 2022. Sumber Sokongan Sosial untuk Warga Emas: The Source of Social Support for Senior Citizen. *Jurnal Pengajian Islam* 15(1): 208-223.
- Ashaari, M. F., Norhisham, N. a. S., Subramaniam, P., Manap, J. & Abd, H. 2023. Adapting social supports through communication technologies as a lifelong learning for older adults. *Pakistan Journal of Life and Social Sciences* 21(1): 205-220.
- Baiyewu, O., Esan, O. & Elugbadebo, O. 2021. Mental health of older adults. *Innovations in global mental health [homepage on the Internet]. Cham: Springer International Publishing* 1379-1397.

- Cattan, M., White, M., Bond, J. & Learmouth, A. 2005. Preventing social isolation and loneliness among older people: a systematic review of health promotion interventions. *Ageing & society* 25(1): 41-67.
- Chang, P. F., Bazarova, N. N. & Wethington, E. 2022. How older adults with chronic pain manage social support interactions with mobile media. *Health Communication* 37(3): 384-396.
- Chopik, W. J. 2016. The benefits of social technology use among older adults are mediated by reduced loneliness. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking* 19(9): 551-556.
- Cumpston, M., Li, T., Page, M. J., Chandler, J., Welch, V. A., Higgins, J. P. & Thomas, J. 2019. Updated guidance for trusted systematic reviews: a new edition of the Cochrane Handbook for Systematic Reviews of Interventions. *The Cochrane database of systematic reviews* 2019(10): ED000142.
- He, L., Adnan, H. B. M., Fauzi, A. & Bin Ibrahim, M. S. 2024. The effect of social media engagement on social integration of elderly migrants in China: the mechanism of perceived social support and psychological resilience. *Humanities and Social Sciences Communications* 11(1): 1-17.
- Holt-Lunstad, J., Smith, T. B., Baker, M., Harris, T. & Stephenson, D. 2015. Loneliness and social isolation as risk factors for mortality: a meta-analytic review. *Perspect Psychol Sci* 10(2): 227-237.
- Hsu, L.-J., Yueh, H.-P. & Hsu, S.-H. 2021. Subjective social capital and loneliness for the elderly: the moderator role of line and Facebook use. *Social Media+ Society* 7(3): 20563051211043906.
- Ibrahim, N. 2020. Social Support among Elderly in Institutions: Towards Healthy Aging (Sokongan Sosial dalam Kalangan Warga Emas di Institusi: Ke Arah Penuaan Sihat). *Jurnal Pembangunan Sosial* 23(129-143).
- Iskandar, D. 2022. *Metodologi penelitian kualitatif: Petunjuk praktis untuk penelitian lapangan, analisis teks media, dan kajian budaya*. Maghza Pustaka.
- Johnson, J., Black, R. W. & Hayes, G. R. 2020. Roles in the discussion: an analysis of social support in an online forum for people with dementia. *Proceedings of the ACM on Human-Computer Interaction* 4(CSCW2): 1-30.
- Jones, V. K., Yan, C., Shade, M. Y., Boron, J. B., Yan, Z., Heselton, H. J., Johnson, K. & Dube, V. 2024. Reducing loneliness and improving social support among older adults through different modalities of personal voice assistants. *Geriatrics* 9(2): 22.
- Kamiya, Y., Lai, N. M. S. & Schmid, K. 2020. World population ageing 2020 highlights. *United Nations Department of Economic and Social Affairs*
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2021). Dasar Warga Emas Negara (DWEN). Putrajaya, Malaysia.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2021). *Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN)*. Putrajaya, Malaysia

Kim, M., Oh, J. & Kim, B. 2021. Experience of digital music services and digital self-efficacy among older adults: Enjoyment and anxiety as mediators. *Technology in Society* 67(101773).

Li, K. S., Nagallo, N., McDonald, E., Whaley, C., Grindrod, K. & Boluk, K. 2022. Implementing technology literacy programs in retirement homes and residential care facilities: Conceptual framework. *JMIR aging* 5(3): e34997.

Lloyd-Sherlock, P. G., Ebrahim, S., Mckee, M. & Prince, M. J. 2016. Institutional ageism in global health policy. *Bmj* 354(

Ma, D. & Zuo, M. 2022. Unconscious or conscious? The impacts of habit and social support receipt on older adults' continued participation in online health communities. *Aslib Journal of Information Management* 74(4): 688-709.

Mohamad, N., Alavi, K., Mohamad, M. S. & Aun, N. S. M. 2017. Pengalaman sokongan sosial intergenerasi dalam kalangan warga emas di Institusi Kebajikan Awam. *Akademika* 87(1): 65-74.

Munusamy, S., Jeyagobi, S., Mohamed, I. N., Murthy, J. K., Chong, S. T., Abdullah, H. & Kamaluddin, M. R. 2022. Underlying familial factors for aggressive behavior in romantic relationships: A systematic review. *International journal of environmental research and public health* 19(8): 4485.

Norhisham, N. a. S. & Ashaari, M. F. 2024. Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Warga Emas Di Kuala Langat, Selangor. *Jurnal'Ulwan* 9(2): 245-259.


Park, S. & Kim, B. 2022. The impact of everyday AI-based smart speaker use on the well-being of older adults living alone. *Technology in Society* 71(102133).

Prince, M., Comas-Herrera, A., Knapp, M., Guerchet, M. & Karagiannidou, M. 2016. World Alzheimer Report 2016. Improving healthcare for people living with dementia: Coverage, Quality and costs now and in the future. Alzheimer's Disease International.

Rodríguez-Giralt, I., López-Gómez, D. & Beneito-Montagut, R. 2024. Digital social connectedness as a lifeline for older people: Use and non-use of VinclesBCN during the pandemic. *International Journal of Disaster Risk Science* 15(2): 251-264.

Rui, J. R. 2023. Health information sharing via social network sites (SNSs): Integrating social support and socioemotional selectivity theory. *Health Communication* 38(11): 2430-2440.

Sharif, N., Alavi, K. & Subramaniam, P. 2019. Hubungan antara kebimbangan dan kemurungan dengan kualiti hidup warga emas demensia: Keperluan terapi kenangan berkelompok di institusi penjagaan. *Univ. Malays. Teren. J. Ndergraduate Res* 1(95-104).



Victor, C. R. & Bowling, A. 2012. A longitudinal analysis of loneliness among older people in Great Britain. *The Journal of psychology* 146(3): 313-331.

Wei, N., Sun, D. & Huang, W. 2022. Effects of WeChat use on the subjective health of older adults. *Frontiers in Psychology* 13(919889).